

**Bil. 10**

**Selasa  
22 Mac 2011**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 19)
Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah (Jasin)</i>	(Halaman 19)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA

16. Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
17. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
19. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
20. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
21. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
22. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
23. “ Menteri Kewangan II, Dato’ Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
24. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
25. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
26. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
27. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato’ Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Wira Chor Chee Heung (Alor Setar) – MCA

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
9. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
10. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Puan Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
19. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato’ Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato’ Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Maznah binti Mazlan – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Murugiah a/l Thopasamy – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussein, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Heng Seai Kie - *Senator*
30. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato’ Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
36. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
37. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II, Dato’ G. Palanivel – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Donald Lim Siang Chai – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D’Cruz – *Senator*
40. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
41. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
42. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato’ Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB

13. Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. “ Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato' Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. “ Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato' Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato' Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato' Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Tuan Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato' Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO

- 
44. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
  45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
  46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
  47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
  48. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
  49. “ Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
  50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
  51. “ Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
  52. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
  53. “ Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
  54. “ Tan Sri Dato’ Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
  55. “ Dato’ Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
  56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
  57. “ Datuk Raim Unggi (Tenom) – UMNO
  58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
  59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
  60. “ Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
  61. “ Dato’ Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
  62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
  63. “ Dato’ Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
  64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
  65. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
  66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
  67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
  68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
  69. “ Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
  70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
  71. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
  72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
  73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP



74. Yang Berhormat Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
78. “ Dato’ Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

**AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Tuan Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

**AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)

6. Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

**AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato’ Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Haji Mohamad Ghazali (Titivangsa)
9. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
10. “ Dato’ Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
11. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
12. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)

13. Yang Berhormat Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
14. “ Dato’ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
15. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
16. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
17. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
18. “ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
19. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
20. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
21. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
22. “ Dato’ Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
23. “ Dato’ Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

**AHLI (PSM)**

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

**AHLI (Bebas)**

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. “ Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Mohsin Fadzil Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. “ Dato’ Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)

**DEWAN RAKYAT****Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Selasa, 22 Mac 2011**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kesahihan serta maklumat terperinci penerima e-Kasih di seluruh negara dan sejauh manakah sistem berkenaan berjaya mengeluarkan masyarakat termiskin terutamanya di luar bandar; dan
- (b) perancangan kerajaan dalam mengkaji dan mengemaskinikan daftar e-Kasih terbaru secara komprehensif dan terkini

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat di dalam e-Kasih adalah sahih dan tepat kerana ianya dimasukkan berdasarkan bancian yang telah dilakukan oleh pembanci yang dilantik dan dilatih oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) dengan menggunakan borang bancian isi rumah miskin (BIRM). Kutipan maklumat tersebut berdasarkan pengakuan isi rumah yang dibanci dan pemerhatian dari segi keadaan sekitar tempat kediaman isi rumah yang dibanci. Walaupun bukan semua penerimaan bantuan tersenarai dalam e-Kasih, tetapi semua yang tersenarai dalam e-Kasih menerima bantuan dan menjadi peserta projek untuk membasmi kemiskinan. Pemantauan dan pengesanan yang rapi menentukan isi rumah tersebut akan bergerak kepada kategori yang lebih baik apabila maklumat bantuan dan hasil daripada projek yang disertai, menyumbang kepada peningkatan pendapatan.

Ini memberi kesan kepada proses untuk mengeluarkan isi rumah berkenaan daripada kategori miskin tegar kepada yang lebih baik apabila melepasi pendapatan garis kemiskinan (PLI) per kapita miskin tegar isi rumah berkenaan. Dari segi pengutipan data ke dalam e-Kasih dan penggunaan maklumat daripada e-Kasih, kerajaan sentiasa mengkaji dan menyemak semula kaedah dan proses berdasarkan kepada keperluan dan isu semasa. Selepas bancian fasa satu dan dua selesai Tuan Yang di-Pertua, bagi menampung keperluan kumpulan yang dirasakan masih tercicir atau baru miskin disediakan mekanisme pendaftaran terbuka, sistem pendaftaran ringkas e-Kasih secara atas talian *online* dengan izin, di muka hadapan e-Kasih, membolehkan mana-mana individu, ketua-ketua masyarakat, wakil rakyat, pemimpin NGO dan juga pegawai kerajaan membuat pendaftaran orang yang difikirkan layak.

Dalam masa yang sama, kerajaan juga sentiasa menaik taraf kemudahan capaian bagi sistem ini dari masa ke semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, memang tidak dapat dinafikan bahawa pendaftaran e-Kasih telah dilakukan di kawasan-kawasan. Walau bagaimanapun, saya mempunyai keraguan dan keraguan ini mempunyai bukti asas yang kukuh, di mana di Kinabatangan, kita hanya daftarkan lebih kurang 300 lebih dalam e-Kasih terdahulu.

Saya telah mengambil langkah yang lebih baik, saya telah membawa tujuh agensi kerajaan bersama-sama masuk kampung, keluar kampung mendaftar, tetapi sehingga pada hari ini, pendaftaran yang kita kemukakan tidak juga diterima oleh kerajaan sebagai bukti bahawa masih ramai lagi yang tercicir di kawasan-kawasan di luar bandar. Jadi apakah kerajaan mempertimbangkan senarai-senarai yang telah kita kemukakan itu sebab rakyat di bawah dahulu kucar kacir. Contohnya pengagihan bantuan pelajar, dahulu pelajar-pelajar makan di sekolah, satu sekolah 80 orang, apabila e-Kasih diguna pakai, tinggal tiga orang.

Jadi ini satu contoh, banyak lagi contoh-contoh yang lain Tuan Yang di-Pertua, jadi saya minta kerajaan supaya kalau hendak melakukan sesuatu kalau bak kata pepatah "kalau hendak buat, buatlah betul-betul, jangan buat-buat, kalau hendak main, mainlah betul-betul, jangan main-main" terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada sahabat saya. Untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan, ingin saya mengatakan mengikut rekod yang kita ada, di Kinabatangan ada ketua isi rumah yang menerima bantuan seramai 3,166 dengan ahli isi rumah seramai 5,900, jumlahnya 9,066. Bantuan yang diberi itu mungkin tidak meliputi miskin tegar sahaja. Ia merangkumi miskin dan juga mudah miskin. Miskin tegar ia punya pendapatan purata ialah RM440, miskin - RM720 dan juga mudah miskin - RM1,500. Kita juga ada tiga jenis bantuan iaitu bantuan kluster iaitu melibatkan sosial ekonomi atau sosial kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan dan juga kemudahan asas iaitu perumahan dan juga ekonomi pendekatan pendapatan. Ada satu lagi iaitu bina insan.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya setuju bahawa pada peringkat awalnya kita ada masalah dari segi tafsiran yang dibuat oleh agensi-agensi yang diamanahkan untuk membantu.

#### ■1010

Kita ada dua, untuk miskin tegar ada bantuan secara langsung. Kemudian ada agensi-agensi yang memberi bantuan, banyak agensi. Contohnya, agensi yang memberi bantuan adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Wilayah Persekutuan; Kementerian Luar Bandar; Kementerian Pertanian; Kementerian Pelajaran dan Kementerian Sumber Manusia. So, masa bila keluar e-Kasih ini Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya adalah KWAMP itu telah dikatakan mesti mengikut senarai e-Kasih. Sekarang sudah tidak ada, sudah salah tafsir. Kita teruskan bantuan kesejahteraan rakyat, kita teruskan semua kementerian lain. E-Kasih itu untuk mengumpulkan mana yang betul-betul 40 peratus yang mendapat pendapatan *low income household* yang dikatakan.

Maka, sekarang sudah diselaraskan. Sekiranya di Kinabatangan ada masalah lagi di mana bantuan yang sepatutnya didapati, pertanian, KWAMP dan sebagainya tidak diberi, tolong maklumkan cepat-cepat kerana sepatutnya tidak berlaku. Bantuan itu mesti berterusan dan bantuan e-Kasih adalah berdasarkan pendaftaran yang kita buat. Untuk makluman Yang Berhormat, belum diverifikasi sampai sekarang, yang belum di verifikasi adalah 95,009 orang ataupun sudah masuk dalam sistem, belum diverifikasikan. Yang sudah diverifikasi setakat ini adalah 299,472 orang, itulah lebih kurang maklumat. Saya mengambil masa sedikit untuk cerita kerana perkara ini sudah jadi isu di merata-rata. So, berilah masa sedikit, kita dimaklumkan oleh ICU, Julai 2011 perkara-perkara yang belum diverifikasi itu akan dapat disempurnakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, di kawasan-kawasan ada hampir 20 ke 25 agensi kerajaan. Adakah mungkin Yang Berhormat akan gunakan, tidak semestinya pejabat daerah atau beberapa agensi sahaja, untuk *verify* borang-borang e-Kasih ini tetapi menggunakan khidmat keseluruhan agensi-agensi yang ada di kawasan-kawasan supaya mungkin *verification* ini berlaku bukan sekali tetapi berulang-ulang. Akhirnya, agensi-agensi lain juga terlibat dalam *verify*kan data-data yang ada. Kalau ini yang berlaku, maknanya *updating* akan berlaku sentiasa dan tidak tertumpu pada satu agensi sahaja. Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya menerima cadangan Yang Berhormat Sungai Petani dengan hati yang terbuka. Memang itulah hala tuju sepatutnya kerana kita di pejabat daerah, kita ada *focus group*. Di mana pegawai daerah sendiri akan jadi pengerusi dan semua agensi lain terlibat dalam mengatasi masalah miskin ini. Maka, oleh kerana 23 muka surat itu untuk buat verifikasi di mana gambar kena ambil, betul-betul kita pastikan yang menerima itu betul-betul golongan miskin tegar ini. Maka, mekanisme sekarang, Jabatan Perangkaan dulu membuatnya tetapi sekarang ICU telah mengambil amanah untuk turun padang memastikan ia dilakukan secara cepat. Akan tetapi saya akui masih ada proses-proses yang perlu disempurnakan. Saya terima cadangan itu dengan baik dan saya akan sampaikan kepada *authority* berkenaan supaya perkara ini dapat diperluaskan, supaya semua agensi terlibat dalam proses verifikasi kerana ianya begitu dinamik sekali. Hari ini mungkin keluarga ini keluar, esok dia balik jadi miskin, benda ini terlalu dinamik dan perlukan pemantauan yang rapi. Terima kasih.

*[Soalan No. 2 – Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang) tidak hadir]*

**3. Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, jangkaan pelaburan jangka panjang Malaysia dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dari aspek ekonomi, komersial, pelaburan dan teknikal ke arah jalinan ekonomi lebih mapan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]:** Tuan Yang di-Pertua, kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dengan negara-negara Majlis Kerjasama Teluk atau GCC adalah salah satu strategi dagangan dan pelaburan yang penting yang menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi Malaysia. Kerajaan sedang mengadakan usaha dalam mempromosikan Malaysia dengan negara anggota GCC melalui aktiviti kerjasama ekonomi, komersial dan teknikal untuk menembusi pasaran baru muncul di negara anggota GCC iaitu Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Kuwait, Qatar, Bahrain dan Oman.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensi sentiasa memastikan supaya aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara GCC diadakan setiap tahun bagi mempertingkatkan lagi hubungan ekonomi perdagangan dan pelaburan. Selain daripada itu, kementerian ini juga memantau isu-isu dan mengambil tindakan susulan atas cadangan-cadangan mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan yang dibangkitkan semasa aktiviti promosi diadakan di negara-negara GCC. Daripada tempoh 2010 sehingga suku pertama 2011, MITI telah menganjurkan lima program lawatan ke negara anggota GCC yang bertujuan untuk mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan dengan negara anggota GCC berikut:

- (i) pelancaran Pameran Perkhidmatan Malaysia Ketiga 2010 ataupun *Malaysian Services Exhibition 2010*, dengan izin, di Dubai, Emiriah Arab Bersatu dari 13 hingga 15 April 2010,
- (ii) Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Doha, Qatar, Riyadh dan Jeddah, Arab Saudi dari 12 hingga 16 Disember 2010, dan
- (iii) pelancaran Laporan Ekonomi Pelaburan Malaysia, *Invest Malaysia Economic Report* oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan persidangan *Invest Malaysia* tahun 2011 di Abu Dhabi dari 30 hingga 31 Januari 2011.

Selain daripada itu, beberapa lawatan bagi merapatkan hubungan antara Malaysia dan negara-negara anggota GCC juga telah diadakan.

Lawatan rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Doha, Qatar dari 12 hingga 15 Disember 2010, lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Abu Dhabi dan Dubai, Emiriah Arab Bersatu dari 18 hingga 21 Januari 2011 yang turut disertai oleh Yang Berhormat Menteri MITI dan lawatan kerja oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah Mansor ke Muscat, Oman dari 16 hingga 19 Januari 2010 atas jemputan Kerajaan Oman.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan di negara GCC, Malaysia juga telah mengambil inisiatif perjanjian perdagangan bebas antara Malaysia dan GCC. Pada 30 Januari 2011, GCC dan Malaysia telah memeterai perjanjian rangka kerja bagi kerjasama ekonomi, komersial, pelaburan dan teknikal dengan disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa majlis *Invest Malaysia* tahun 2011 di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu. Perjanjian ini merupakan titik permulaan kepada perjanjian perdagangan bebas atau FTA di antara kedua pihak dan seterusnya mengukuhkan dan meningkatkan ekonomi dua hala di antara Malaysia dan anggota GCC.

Pada tahun 2010, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara GCC adalah RM33.93 bilion berbanding RM10.33 bilion pada tahun 2009. Adalah dijangkakan perdagangan di antara Malaysia dan negara GCC akan meningkat sebanyak 40 peratus apabila perjanjian FTA ini dilaksanakan. Kelangsungan ekonomi dua hala antara kedua pihak di dasar meningkat bukan sahaja dalam sektor pembuatan malah bakal menyaksikan ruang-ruang peningkatan terutamanya dalam sektor pelancongan, pelancongan perubatan, kewangan Islam, pembinaan, pendidikan dan penerokaan minyak. Ini adalah selaras dengan Program Transformasi Ekonomi yang dilancarkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Malaysia telah berjaya menarik minat pelabur-pelabur utama dari negara anggota GCC untuk melabur di Malaysia terutama dalam sektor pembuatan, kewangan, hartanah, petroleum dan gas, perniagaan *high end* dan lain-lain sektor hasil daripada aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan yang giat dijalankan oleh Kerajaan Malaysia.

#### ■1020

Sebagai contoh, Malaysia telah berjaya menarik minat Mubadala Development Corporation, sebuah *investment arm*, dengan izin, yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Abu Dhabi untuk melabur dalam beberapa pelaburan yang berkualiti dan signifikan. MDC bercadang membuat pelaburan dalam sektor kewangan bagi *Kuala Lumpur International Financial District* bernilai USD8 bilion dan *leisure cluster* dengan izin, di MEDINI Iskandar Malaysia. Usaha ini dilihat sebagai satu pemangkin bagi Malaysia untuk meneruskan dan memperhebatkan lagi strategi-strategi ke arah menarik minat syarikat-syarikat atau pelabur-pelabur dari negara-negara GCC bagi memastikan kesinambungan pelaburan jangka panjang dalam pelbagai sektor ke arah jalinan ekonomi yang lebih mapan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya melihat menerusi pemeteraian rangka kerja Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) adalah antara langkah liberalisasi pelaburan asing Malaysia yang sekali gus dapat membuka ruang perdagangan lebih besar kepada syarikat Malaysia. Bagi saya langkah ini amat positif.

Walau bagaimanapun, soalan tambahan saya ialah apa yang membimbangkan adalah keadaan global yang semakin tidak menentu, tidak kiralah soal kestabilan politik, soal keselamatan, soal bencana alam dan lain-lain. Di sini saya mohon penjelasan, apakah kementerian telah membuat jangkaan atau *prediction* luar biasa terhadap kesan kerjasama dengan GCC akibat faktor-faktor yang saya sebutkan tadi, dan adakah negara-negara Timur Tengah yang menyertai GCC masih berminat atau menunjukkan komitmen terhadap Malaysia sedangkan mereka sendiri sekarang sedang berdepan dengan kemelut yang tidak menentu di wilayah mereka? Terima kasih.



**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya nampak dua soalan yang disebut tadi iaitu apakah kebimbangan keadaan yang tidak menentu di kawasan Timur Tengah. Sekarang ini negara-negara GCC ini belum lagi menerima laporan-laporan yang negatif terhadap perhubungan kita dengan negara-negara GCC. Jadi, kita masih lagi menjalankan program-program yang sedia ada untuk berhubung kait dengan enam negara GCC ini supaya kita dapat meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan dengan mereka.

Kita masih mempunyai beberapa program untuk dijalankan pada masa akan datang iaitu *Malaysia Services Exhibition* yang akan diadakan oleh MATRADE pada bulan yang akan datang ini, dan begitu juga kita akan mengadakan *Annual Investment Meeting* di Dubai pada hujung tahun nanti. Jadi, semua program ini kita tujukan semua untuk kita dapat meningkatkan lagi perhubungan kita dalam perdagangan dan pelaburan dengan pihak ini. Setakat ini, walaupun keadaan di beberapa tempat di Mesir, Libya, Yemen nampak teruk sekali tetapi laporan dari wakil-wakil kita ataupun *embassy* kita di GCC ini masih belum ada nampak yang negatif walaupun ada juga huru-hara sedikit di Bahrain.

Soalan yang kedua tadi, kita memang seterusnya ingin meneruskan menjalankan misi penggalakan pelaburan kita untuk membawa mereka ini datang melabur di Malaysia ini. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, banyak pelabur yang sudah melabur di negara kita seperti Kuwait Finance House, Al-Rajhi Bank dan juga dalam hartanah untuk membangunkan *high-end development area* seperti di Pavilion ataupun di Fahrenheit 88 dan berbagai-bagai projek yang dijalankan. *High-end development* juga merupakan projek ikonik bagi mereka ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hubungan kita atau jalinan kerjasama dengan GCC setakat ini ada beberapa pengalaman yang dianggap buruk. Salah satunya ialah kerugian yang ditanggung akibat berlakunya perubahan atau masalah di negara Sudan yang dialami dalam sektor pelaburan yang berasaskan petroleum. Perkara ini memang menjadi pertikaian sehingga sekarang kerana kita tidak berjaya memberi kedudukan yang terkini berkenaan dengan jumlah pelaburan yang telah pun hilang.

Soalan tambahan saya, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kita mengadakan usaha untuk memulihkan keadaan ini walaupun di Timur Tengah sekarang berlaku keadaan yang paling runcing dalam tempoh 15 tahun terutama apabila banyak negara telah mengambil keputusan untuk memperbetulkan balik keputusan-keputusan pelaburan mereka terutama seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi. Pertanyaan saya, minat saya, sebagaimana yang FTA kerjasama dua hala yang kita harapkan, kita juga menjemput Qatar Investment Authority yang menjadi penanda aras kita menjalankan kerjasama pelaburan dua hala dan kita menawarkan QIA untuk bertapak di lapangan terbang Sungai Besi.

Saya hendak tahu apakah rasional kita memaparkan bahawa kejayaan-kejayaan dari segi keuntungan kewangan dalam tempoh yang singkat terutama dalam kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang mengatakan keuntungan itu terlalu besar dalam tempoh setahun? Adakah kemungkinan ini hendak diteruskan untuk masa akan datang terutama untuk memastikan yang mereka tidak lari atau tidak membuat perubahan polisi bersabit dengan perubahan yang terpaksa dibuat akibat perkembangan yang berlaku di Timur Tengah? Terima kasih.

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut, Yang Berhormat dari Indera Mahkota. Setakat ini memang kita berusaha untuk memeterai perjanjian *framework agreement* dengan pihak negara-negara GCC. Ini akan mungkin dalam tahun ini atau tahun akan datang kita akan terus membuat perjanjian ini secara FTA supaya perhubungan di antara GCC dengan Malaysia ini dapat dipertingkatkan lagi dari segi itu. Dalam usaha kita mengadakan FTA nanti, memang ini akan meningkatkan perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan negara-negara GCC.

Lebih-lebih lagi, oleh kerana kita nampak negara anggota GCC ini juga mempunyai pelaburan utama iaitu dalam sektor kewangan terutamanya dalam perbankan Islam di Malaysia seperti Kuwait Finance House, sudah kekal ada di sini, Al Rajhi Banking and Investment Corporation Berhad sudah pun ada kekal di Malaysia dan Asian Finance Bank Berhad dan begitu juga Unicorn International Islamic Bank Berhad sudah ada kekal di sini.

Begitu juga dari segi pembuatan atau dalam sektor perkilangan ini, negara-negara GCC ini, kita sudah menetapkan supaya 33 projek sudah diluluskan dengan nilai berjumlah RM4.7 bilion oleh MIDA. Ini dalam sektor pembuatan. Jadi mereka ini memang sudah ada kekal dalam negara kita. Jadi, perjanjian FTA yang akan datang nanti mungkin akan meningkatkan lagi perhubungan kita di antara GCC dengan Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

#### ■1030

**4. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada kerajaan akan meminda Perlembagaan Persekutuan pada tahun ini demi menukar persempadanan kawasan Parlimen dan kawasan Dewan Undangan Negeri. Kenapakah Suruhanjaya Pilihan raya sengaja memindah pengundi ke pusat pengundi yang jauh dari pusat pengundian asal mereka dan mencetuskan kekeliruan di kalangan pengundi dalam siri pilihan raya kecil yang lepas.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kajian semula pembahagian persekutuan dan negeri-negeri kepada bahagian pilihan raya hendaklah dijalankan dari semasa ke semasa sebagaimana difikirkannya perlu oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ataupun *as you deem necessary*, dengan izin.

Menurut Perkara 113(2)(i), Perlembagaan Persekutuan, kajian semula tersebut hendaklah dalam tempoh tidak kurang daripada lapan tahun atau tarikh siapnya satu kajian semula dengan tarikh bermulanya kajian semula seterusnya. Urusan terakhir kajian semula pembahagian Persekutuan dan negeri-negeri kepada bahagian pilihan raya bagi negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah ialah pada 21 Mac 2003. Berdasarkan kepada peruntukan, suruhanjaya Pilihan Raya boleh menjalankan kajian semula pembahagian Persekutuan dan negeri-negeri kepada bahagian pilihan raya bermula hari ini iaitu 22 Mac 2011 apabila kajian teliti mengenainya dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak dapat menentukan sama ada Perlembagaan Persekutuan dipinda atau sebaliknya kerana apa-apa pindaan kepada sesuatu pertukaran Perlembagaan Persekutuan hendaklah ditentukan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat sendiri.

Mengenai dakwaan mengatakan Suruhanjaya Pilihan Raya memindahkan pengundi ke pusat mengundi yang jauh dari pusat pengundian asal mereka, ia adalah tidak benar sama sekali. Apa yang dilakukan oleh SPR adalah membetulkan *locality* dalam masa indeks daftar pemilik yang tersalah ke bahagian pilihan raya yang sebenar dan melaksanakan urusan membelah bahagi daerah mengundi. Apabila urusan pembetulan *locality* dilakukan, pengundi akan mengundi di bahagian pilihan raya yang sepatutnya mereka didaftarkan. Dalam hubungan ini, pusat mengundi mereka adalah lebih dekat dengan tempat kediaman mereka. Begitu juga apabila urusan membelah bahagi daerah mengundi dilaksanakan, pusat mengundi baru akan diwujudkan oleh daerah mengundi baru tersebut dan pada kebiasaannya, pusat mengundi tersebut lebih selesa dan lebih dekat dengan tempat kediaman mereka. Oleh itu, dakwaan mengatakan pengundi dipindahkan ke tempat yang lebih jauh adalah tidak benar. Sekian, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya rasa amat hairanlah dengan jawapan ini yang mana katakan kalau SPR buat pemindahan pengundi, jadi pengundi itu akan dipindah ke tempat yang lebih dekat dengan rumahnya. Akan tetapi ini bukan apa yang sebenarnya berlaku.

Kita lihat di pilihan raya kecil Hulu Selangor, kita lihat yang mana pengundi dipindah keluar daripada kawasan dan kita lihat pilihan raya kecil di Sibu di mana pengundi yang telah pun membuang undi berpuluh-puluh tahun di Sibu, mereka dipindah ke Lanang kerana untuk mengelakkan mereka daripada mengundi calon DAP... [Dewan riuh] Jadi, memang apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memang adalah tidak benar. Sebenarnya kalau SPR memindah pengundi, jadi pengundi itu haruslah diberitahu. Akan tetapi yang ini, *courtesy* seperti ini pun tidak dilakukan. Di sini saya juga ingin tanya, sekiranya...

**Seorang Ahli:** Soalan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, soalan. Sekiranya SPR bermula membuat pemindaan persempadanan kawasan Parlimen dan kawasan ADUN ini, adakah SPR akan berunding...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini sangka buruk dengan SPR lah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Eh! Saya sedang tanyalah. Yang Berhormat Sri Gading, saya tahu *you* sudah hadir tetapi tidak perlu buat *intervention* atau kecoh seperti ini. Jadi saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak SPR ini akan berunding dengan pihak kerajaan negeri khususnya kerajaan negeri Pakatan Rakyat dan juga Ahli Parlimen di kedua-dua belah? Ini kerana, kajian ini saya rasa adalah lebih baik kalau SPR mendapat pandangan daripada pelbagai pihak termasuk parti politik dan juga pihak NGO. Saya juga ingin tanya sama ada yang pilihan raya negeri Sarawak ini, adakah tempoh kempen ini akan ada selama 21 hari? Ini kerana, ini memanglah seruan daripada pihak NGO dan juga Bersih dan juga parti politik. Ini kerana Sarawak itu memang besar dan kalau dihadkan lapan atau sembilan hari, memang tidak adil bagi para pengundi di negeri Sarawak... [Dewan riuh] Jadi, sila jawab... [Dewan riuh]

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh atas soalan tambahan itu. Untuk maklumat Yang Berhormat, mengenai pemindahan pemilih dan tuduhan yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat sebentar tadi, Yang Berhormat sedar bahawa SPR tidak akan berbuat begitu tanpa mengikut undang-undang. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, di bawah perkara 25(3), Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih), SPR telah pun diberi kuasa untuk memindah pemilih pendaftaran sekiranya terdapat kesilapan ataupun ada permohonan daripada pihak individu.

Dalam kes yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat iaitu di Kampung Tanjung, jumlah pemilih yang terlibat ialah 238 orang di Hulu Selangor. Pembedulan itu adalah daripada Parlimen Hulu Selangor kepada kedudukan yang sebenarnya di Parlimen Selayang. Jadi, maklumat sebenarnya mengenai pembedulan ini telah pun dihantar kepada ahli-ahli parti politik di situ yang terlibat dengan perkara berkenaan. Jadi, maklumat telah pun dimaklumkan kepada mereka. Memandangkan di sini terlibat dengan jumlah pemilih yang banyak iaitu 238 orang, ini tidak bermakna tuduhan Yang Berhormat itu berasas sama sekali. Mengenai kajian...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Akan tetapi pengundi tidak diberitahu... [Dewan riuh]

**Datuk Liew Vui Keong:** Ya, biasanya akan dimaklumkan melalui surat kepada alamat yang diberikan kepada pengundi.

**Seorang Ahli:** Mana ada?

**Datuk Liew Vui Keong:** Itulah *responsibility* kami untuk memastikan bahawa pemilih dimaklumkan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak pernah dibuat.

**Datuk Liew Vui Keong:** Akan tetapi dalam kes ini, pihak parti politik telah pun dimaklumkan. Jadi, merekalah yang perlu maklumkan kepada mereka.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Datuk Liew Vui Keong:** Janganlah buat begitu Yang Berhormat, ya. Lagipun pemindahan ini biasanya atas permohonan pengundi... [*Dewan riu*] Sebenarnya saya sendiri pun telah membuat permohonan untuk memindahkan pusat pemilih saya. Jadi, seperti Yang Berhormat sedia maklum, mengenai kajian yang akan dijalankan oleh pihak SPR sama ada untuk mengadakan pemindahan bahagian kawasan memandangkan kuasa itu akan berkuat kuasa mulai daripada hari ini, *that means* mereka ada dua tahun untuk menjalankan kajian itu. Jadi, kajian itu barulah bermula pada hari ini. Saya rasa nanti apabila pihak SPR telah pun membuat keputusan akan memaklumkan kepada pihak Parlimen sama ada laporan itu akan dibentangkan ataupun tidak di Parlimen ini, ya. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tempoh kempen?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, ya. Ini asas perwujudan ataupun *realignment of boundaries* suatu kawasan mengundi. Apakah sebenarnya asas yang diguna pakai oleh SPR untuk menimbangkan perwujudan ataupun peralihan sempadan sebab Perlembagaan Malaysia mempunyai syarat-syarat. Dalam *exercises* pada 2 Mac 2003 di Sabah Tuan Yang di-Pertua, cadangan SPR mengenai kawasan baru itu saya lihat tidak mengikuti syarat-syarat yang ditentukan oleh Perlembagaan sebab – contohnya, kawasan Tamparuli Baru yang dicadangkan itu hanya terdiri dengan bakau dan tidak ada pekan dan sebagainya.

#### ■1040

Kedua Tuan Yang di-Pertua, dasar SPR ialah para pengundi hendaklah mengundi di tempat sendiri tetapi kerajaan harus sedar bahawa *people are mobile*. Dalam alamat kad pengenalan itu mungkin di Tuaran tetapi ianya sudah bermastautin di Kota Kinabalu. Tak akanlah SPR ini tukar tempat mengundinya balik di Tuaran sebab dia sudah menghuni di Kota Kinabalu. Jadi soal ada pengundi yang bertukar ke lain tempat itu memang benar Tuan Yang di-Pertua. Ada pengundi di kawasan saya bila di *check* mengundi di Terengganu. Ini saya ingat bukan disengajakan tetapi apakah tindakan SPR untuk memperbaiki kaedah ini sama ada pengundi itu memohon ataupun bagaimana. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran atas soalan tambahan ini. Mengenai asas untuk 'reelinasi' ini, ini tertakluk kepada bilangan pengundi dalam sesuatu kawasan dan juga kemudahan ada untuk pengundian yang sedia ada di tempat kawasan berkenaan. Tertakluk kepada pembangunan yang ada di situ dan juga infrastruktur yang sedia ada di kawasan itu sebelum pihak SPR membuat keputusan. Jadi dalam membuat keputusan sama ada akan mengadakan pembahagian ini pihak SPR juga akan menyiapkan cadangan dan memaklumkan kepada orang awam dengan mempamerkan cadangan ini dan orang awam boleh membuat respons dan juga sekiranya ada yang tidak puas hati di dalam perkara ini pihak SPR boleh menyiasat perkara ini.

Seperti Yang Berhormat Tuaran maklumkan kadangkala terdapat alamat pengundi di atas IC dan di situlah kadangkala wujudnya kekeliruan kerana pihak SPR akan menggunakan alamat di IC itu untuk menentukan tempat pengundi seseorang individu. Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan lagi Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang pendek.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan tambahan.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua soalan pendek.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau saya benarkan nanti Yang Berhormat Arau marah pada saya. Tadi Yang Berhormat Arau minta soalan tambahan ketiga.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ini Batu Gajah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, lagi Yang Berhormat Arau mengamuk.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini soalan pasal daerah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Yusof bin Haji Mahal, Labuan. Lain kali saya panggil Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Batu Gajah.

5. **Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk membina sebuah universiti di Labuan yang mempunyai identiti contohnya, *full-fledged university* di Labuan yang membolehkan universiti yang ada sekarang menambah pengajian khusus kepada *oil and gas*, dan kejuruteraan laut yang sesuai dengan keperluan di Labuan.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini penubuhan sesebuah institusi pengajian awam adalah dibuat berdasarkan keperluan strategik dan semasa negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan kerajaan, kepentingan bidang tujuhan atau kebitaraan tertentu terhadap pembangunan sosial ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan oleh pasaran kerja tempatan.

Oleh yang demikian, kementerian berpandangan jumlah IPTA yang sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan semasa dan fokus kita sekarang ialah untuk memperkasa IPTA yang sedia ada. Oleh yang demikian, pada waktu ini kementerian tidak mempunyai perancangan untuk menubuhkan IPTA baru di Labuan kerana di sana telah pun ada kampus cawangan Universiti Malaysia Sabah. Bagi tujuan kursus *oil and gas* dan kejuruteraan laut pada masa ini terdapat lima buah IPT yang menawarkan program yang berkaitan iaitu di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan juga Politeknik Kuching di Sarawak. Terima kasih.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita lihat mengikut sejarah penubuhan Universiti Malaysia Kampus Antarabangsa Labuan yang mana daripada kampus asalnya daripada Sabah adalah wujudnya *International Offshore Financial Centre* di Labuan yang mana jurusan-jurusan yang diadakan di situ terdiri daripada *offshore financing* dan juga IT.

Akan tetapi kalau kita lihat sewaktu lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini 26 hari bulan sewaktu penutupan Hari Wilayah beliau sendiri telah pun mengumumkan bahawa Labuan dijadikan hab *oil & gas* yang ketiga di Malaysia. Jadi oleh itu saya rasa sudah waktunya untuk kita meng *upgrade* universiti yang ada. Bukan kita membuat yang baru tapi kita *upgrade* universiti yang ada sekarang. Cabang kampus daripada negeri Sabah iaitu UMSKL dijadikan kampus *full-fledged university* kerana kalau kita tambah pun tidak banyak biaya yang kita wujudkan dan juga jurusan-jurusan yang kita minta tambahan adalah jurusan untuk *oil and gas* dan juga jurusan-jurusan *marin engineering* dan juga yang lain-lain yang bersesuaian dengan kehendak semasa waktu ini di mana Labuan sendiri adalah bersesuaian untuk kampus maritim di mana Labuan sendiri adalah terdiri daripada sebuah pulau yang mana di Labuan sendiri mempunyai *oil and gas* yang ada dan *shipyard* yang cukup besar.

Jadi bersesuaianlah kita memohon agar kementerian mempertimbangkan supaya Labuan itu dipertimbangkan diwujudkan sebuah universiti ataupun di *upgrade* universiti yang ada sekarang untuk menjadikan *full-fledged university* untuk memudahkan jurusan-jurusan tersebut dibuat di Labuan kerana kalau kita lihat berdasarkan kampus yang ada kita harus memohon melalui kampus induk dan juga bukan senang untuk memohon kerja-kerja tersebut. Jadi oleh itu permohonan rakyat Labuan dan juga penduduk di sekitar Labuan haraplah dipertimbangkan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang benar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Labuan. Ketika kampus cawangan Universiti Malaysia Sabah ditubuhkan di Labuan ia bersesuaian dengan fungsi Labuan sebagai dengan izin, *Labuan International Business and Financial Centre*.

Namun demikian, benar juga apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Labuan dengan pengumuman yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau semua Ahli Parlimen *pitching* dengan izin, begini untuk kepentingan kawasan masing-masing saya fikir kerja kita menjadi lebih mudah. Kita ambil kira pandangan Yang Berhormat Labuan dan kita sedia untuk menimbangkannya bergantunglah kepada kemampuan kita untuk melaksanakannya. Terima kasih... [Tepuk]

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** [Bangun]

**Prof. Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan spesifik Yang Berhormat pasal Labuan dan universiti. Lain kali saya akan timbang untuk soalan tambahan sampai tiga. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan tambahan pendek, singkat dan padat dan kalau jawapan juga dari menteri pendek, singkat dan padat. Yang Berhormat Padang Terap, soalan ini soalan spesifik.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Spesifik Tuan Yang di-Pertua. berkaitan dengan UMS Labuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengenai dengan Labuan?

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bangkitkan rungutan yang ditimbulkan oleh pelajar-pelajar mahasiswa Universiti Malaysia Sabah cabang Labuan yang sebelum ini mereka telah menemui saya dan menghantar beberapa memorandum kepada saya berkaitan dengan masalah air dan juga masalah keselamatan yang berlaku di Universiti Malaysia Sabah. Apakah tindakan yang diambil kerana kalau kita lihat di sini jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan bahawa UMS yang ada di Sabah itu adalah satu universiti yang cukup berprestij berada di sana. Diucapkan tahniah kepada pihak kementerian. Bagaimanakah pihak kementerian menyelesaikan masalah ini yang saya difahamkan ketika memorandum itu sampai kepada saya mereka terpaksa mandi di luar daripada Universiti Malaysia Sabah. Perkasakan universiti terlebih dahulu untuk melihat universiti yang baru dibina. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah air yang saya faham di Labuan itu bukan hanya melibatkan pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah kampus Labuan tetapi juga kawasan sekitarnya. Langkah yang dilakukan oleh pihak universiti adalah membawa bekalan air diangkut bekalan air ketika bekalan air itu terputus. Kita maklum kerana memorandum tidak tahu sama ada memorandum yang sama atau yang lain juga sampai ke Kementerian Pengajian Tinggi kita memantau keadaan ini. Namun demikian saya hendak nyatakan yang pihak pentadbiran Universiti Malaysia Sabah mencuba sedaya-upaya untuk mengatasi masalah tersebut. Terima kasih.

■1050

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menambah Yang Berhormat Timbalan Menteri masalah itu sudah selesai dan air yang didatangkan di Labuan melalui *second pipe line* sudah pun selesai dan akan dapat ditampung sehingga 2030. Jadi masalah air sudah pun selesai, terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Ini markah tambahan untuk MP Labuan, Tuan Yang di-Pertua.

6. **Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) jumlah ibu tunggal yang memohon bantuan untuk tahun 2010, sila berikan angka mengikut setiap negeri; dan
- (b) senaraikan semua jenis bantuan yang dapat diberikan kepada mereka.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan bagi memastikan golongan miskin dan berkeperluan termasuk ibu tunggal dapat dibantu. Sepanjang tahun 2010, sebanyak RM163,855,217 telah disalurkan kepada seramai 73,255 orang penerima bantuan dari kategori ibu tunggal di seluruh negara. Antaranya negeri Sarawak mencatatkan jumlah tertinggi bagi penerima bantuan kategori ibu tunggal iaitu 13,308 kes dengan jumlah peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM27,082,479. Manakala Wilayah Persekutuan Labuan pula mencatatkan jumlah terendah iaitu RM137 kes dengan jumlah peruntukan sebanyak RM264,000. Bagi jumlah kes dan peruntukan yang telah disalurkan ke setiap negeri perincian tersebut akan diberikan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis bantuan yang disediakan oleh kementerian melalui JKM kepada golongan ibu tunggal adalah seperti pertamanya Bantuan Kanak-kanak (BKK) di mana ia adalah untuk membantu menampung perbelanjaan persekolahan anak-anak dari keluarga miskin termasuk ibu tunggal. Kadar bantuan ini adalah antara RM100 seorang anak sebulan hingga maksimum

RM450 sekeluarga sebulan. Pada tahun 2010, sebanyak 47,526 orang ibu tunggal menerima bantuan kanak-kanak melalui JKM dengan peruntukan berjumlah RM111,986,603. Negeri Sarawak telah mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 7,316 kes dengan jumlah peruntukan sebanyak RM15,331,565. Manakala Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan jumlah kes terendah iaitu sebanyak 58 kes dengan jumlah peruntukan RM106,800.

Kedua adalah Bantuan Geran Pelancaran. Bantuan ini dipertimbangkan kepada semua klien termasuk golongan ibu tunggal yang berminat untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan sebagai bantuan modal permulaan yang boleh mendatangkan pendapatan ke arah hidup berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan bulanan secara berterusan dari JKM. Kadar bantuan ialah maksimum RM2,700 seorang sekali gus. Sepanjang tahun 2010 sejumlah RM357,500 telah disalurkan kepada 142 ibu tunggal sebagai modal permulaan. Negeri Terengganu mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 67 kes dengan jumlah peruntukan RM173,200.

Yang ketiga Bantuan Am. Bantuan bulanan ini dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan daif termasuk golongan ibu tunggal untuk membantu meringankan kesulitan kewangan yang dihadapi buat sementara waktu sehingga suatu jangka masa mereka dapat berdikari. Kadar bantuan yang diberikan adalah berbeza mengikut negeri. Pada tahun 2011, sebanyak 25,587 ibu tunggal menerima bantuan am melalui JKM dengan peruntukan berjumlah RM51,511,114. Negeri yang mencatatkan jumlah penerima bantuan tertinggi adalah Sarawak, iaitu 5,992 kes dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11,750,914. Negeri yang mencatatkan jumlah terendah adalah Wilayah Persekutuan Labuan dengan 70 kes dengan jumlah peruntukan sebanyak RM134,600.

Selain itu, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita menjalankan pelbagai program peningkatan kapasiti dan latihan kemahiran ekonomi untuk ibu-ibu tunggal seperti pengasuhan kanak-kanak dan industri pemakanan. Sekian terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan di antara ibu-ibu tunggal ini memang mempunyai kepakaran dan kebolehan masing-masing dan mereka memang ingin terus bekerja tetapi pada masa yang sama terpaksa juga menjaga anak-anak ataupun ahli keluarga yang perlu penjagaan. Soalan tambahan saya, bagaimanakah Kementerian akan melibatkan pihak swasta terutama korporat-korporat atau majikan yang besar ini untuk memberi ruangan masa dan kemudahan kepada ibu-ibu tunggal ini dan apakah insentif Kementerian agar untuk menggalakkan usaha-usaha pihak swasta ini. Terima kasih.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Untuk Kementerian, kita memang menggalakkan ibu tunggal supaya berdikari iaitu keluar bekerja berdasarkan kemahiran masing-masing, dan sebagai galakan, untuk membantu mereka mengatasi masalah penjagaan kanak-kanak, Kementerian melalui JKM kita iaitu agensi di bawah Kementerian ini menyediakan perkhidmatan taska komuniti dan juga di samping itu kita juga ada menyediakan taska-taska di tempat kerja untuk kakitangan di sektor awam bagi mereka yang pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000 sebulan. Sekian terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiga-tiga pun kawan. Yang Berhormat Maran. Setiausaha BBC Sri Gading. Yang Berhormat Maran.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya juga bendahari BBC... *[Ketawa]* Makna selepas Yang Berhormat Maran, bagi saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya terpancang dahulu Setiausaha BBC. Lain kali BBC berpakat. Sila.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Jutaan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bagi soalan nombor tiga.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Irshad, Kepala Batas dan Sekolah Tinggi Klang bersama dengan kita... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana cukup banyak jasa kepada ibu tunggal dan kita simpati dengan ibu tunggal. Lazimnya setiap kumpulan masyarakat ini dia ada persatuan dia sendiri. Yang bekas tentera, bekas polis, persatuan belia dan sebagainya. Persatuan-persatuan ini biasanya memainkan peranan yang cukup besar kepada kumpulan-kumpulan mereka untuk kebajikan mereka dan sebagainya.

#### ■1100

Saya ingin tahu daripada Kementerian, di seluruh negara sekarang berapakah jumlah persatuan ibu tunggal yang berada di seluruh negara di negeri-negeri. Saya difahamkan di Pahang itu ada Persatuan Ibu Tunggal Mutiara. Mereka ini berjalan bersendirian bersama mereka walaupun sedikit mendapat sokongan daripada kita Ahli Parlimen Barisan Nasional khususnya.

Jadi saya hendak tahu sejauh manakah peranan berkesan yang dimainkan oleh persatuan-persatuan ini dan sudah tentulah mereka ini perlukan sokongan bukan sahaja kerajaan, badan sukarela dan juga yang disebutkan oleh sahabat kita yang pertama tadi, peranan badan sukarela ataupun swasta dan sebagainya.



Saya hendak bertanya, berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh kementerian ini kepada persatuan-persatuan yang ada di seluruh negara bagi membolehkan mereka ini bergerak dan menggerakkan persatuan yang ada di samping sokongan yang telah pun diberikan oleh pihak kementerian sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat Maran yang begitu prihatin terhadap kebajikan ibu tunggal. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, pada masa ini saya tidak mempunyai data terperinci tentang jumlah persatuan ibu-ibu tunggal yang terdapat di seluruh negara. Saya minta jawapan secara bertulis tetapi tentang peruntukan ataupun bantuan yang disalurkan oleh kementerian kepada persatuan ibu tunggal, ia adalah bergantung pada jenis program dan juga permohonan yang dikemukakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Atas dua sebab. Pertamanya, saya pun prihatin dengan kebajikan ibu tunggal. Keduanya sempena dengan Hari Wanita baru-baru ini yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam. Atas kedua-dua sebab itu saya benarkan satu lagi soalan tambahan dan saya nampak Yang Berhormat Sri Gading beria-ia sangat... *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tiada kata secantik bahasa Tuan Yang di-Pertua. Tiada gambar secantik lukisan hendak kita gambarkan kebaikan kementerian membantu ibu tunggal termasuklah kedua-duanya. Ibu tunggal Tuan Yang di-Pertua ialah janda. Janda Tuan Yang di-Pertua ialah orang yang telah bersuami sama ada suaminya meninggal. Akan tetapi yang terbanyak seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahagian agama dua minggu yang lalu, setiap 15 minit satu perceraian. Ini keadaan yang menakutkan.

Saya berharap pihak kementerian menggubal undang-undang untuk menghukum lelaki-lelaki yang tidak bertanggungjawab Tuan Yang di-Pertua, yang menyebabkan perceraian, menyebabkan janda dan menyebabkan ibu tunggal. Lelaki-lelaki yang bersifat seperti bapa ayam. Tenggek sana, tenggek sini, lepas. Tenggek sana, tenggek sini, lepas. Apakah kita hendak membenarkan seterusnya perlakuan yang tidak bertanggungjawab oleh lelaki seperti ini? Yang ada di Dewan ini termasuk Tuan Yang di-Pertua adalah lelaki yang budiman. Yang 15 minit berlaku satu perceraian, ini satu musibah yang besar kepada negara yang menyebabkan generasi akan datang, masyarakat kita yang membebankan kerajaan. Jutaan, ratusan ringgit yang telah dikeluarkan oleh kerajaan bagi membantu ibu tunggal. Ini ialah Kerajaan Barisan Nasional yang orang Sarawak harus nilai juga kebaikan ini untuk merekalah.

Jadi, adakah kementerian boleh atau hendak menggubal undang-undang menghukum lelaki yang tidak bertanggungjawab ini? Kahwin, dapat anak, cerai. Kahwin, dapat anak, cerai. Tinggal! Tinggal! Tinggal! Tinggal! Yang menanggung beban ialah perempuan. Sempena Hari Wanita ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama Tuan Yang di-Pertua. Mari kita bela wanita. Kalau tidak lelaki membela wanita, siapa lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap kementerian guballah undang-undang bagi menghukum lelaki yang tidak bertanggungjawab ini... *[Disampuk]* Minta sedikit penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kemurahan kedermawanan, kebaikan hati, timbang rasa Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan berterusanlah sifat mulia Tuan Yang di-Pertua ini. Sekian, terima kasih,

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan yang telah dikemukakan. Walaupun punca perceraian tidak semestinya berpunca daripada si suami semata-mata tetapi saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa lelaki yang tidak bertanggungjawab haruslah dikenakan hukuman yang setimpal. Walau bagaimanapun, tentang soal menghukum, itu adalah di luar bidang kuasa kementerian ini. Oleh itu kita serahlah kepada kementerian yang berkenaan untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

*[Soalan No.7 – Y.B. Datuk Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir]*

8. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Perdana Menteri menyatakan, pecahan jumlah mengikut gender, pengurusan teratas dalam perkhidmatan awam, termasuk SUK, Pengarah, Ketua Jabatan, Pegawai Daerah dan Ketua Eksekutif. Bilakah sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita akan tercapai.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam. Soalan ini adalah soalan mengenai wanita lagi. Jumlah pegawai kumpulan pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan awam Persekutuan adalah seramai 1,604 orang. Ini tidak termasuk pegawai kumpulan pengurusan tertinggi di badan-badan berkanun, polis, tentera dan juga ketua eksekutif.

Sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita dalam jawatan pembuat keputusan telah pun dicapai di mana seramai 521 pegawai wanita yang mewakili 32.48 peratus telah menjawat jawatan dalam kumpulan pengurusan tertinggi. Sekian, terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sengaja memberikan satu jumlah kerana soalan saya ada tanya memberi pecahan jumlah mengikut gender termasuk SUK, pengarah, ketua jabatan, pegawai daerah dan ketua eksekutif. Saya rasa saya sudah memberi notis yang amat lama. Sepatutnya ada jawapan untuk ini.

Saya rasa Yang Berhormat tidak ingin memberi angka-angka yang spesifik kerana dia rasa malu. Ini kerana *percentage* itu saya rasa amat kecil. Akan tetapi saya rasa ini adalah kerana kita mesti menghadapi masalah yang sepenuhnya. Jadi saya memohon untuk diberikan semua jawapan yang saya sudah tanya. Bilakah umpamanya saya hendak tanya pegawai daerah, ada berapa orang dan berapa orang wanita? Bilakah kita hendak mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus daripadanya adalah wanita? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya tidak malu dengan wanita. Jadi itu satu tohmahan yang tidak betul. Yang Berhormat Bukit Mertajam ini kena faham bahawa dalam pengisian sesuatu jawatan, sekiranya seperti SUK, pengarah itu, kita tidak boleh mengasingkan jawatan tersebut dalam kiraan *percentage* yang diminta oleh pihak Yang Berhormat. Jadi tidak semestinya bahawa jawatan itu mesti kena mengatasi 30 peratus. Kita perlu mengambil jumlah keseluruhannya untuk mengira *the percentage* iaitu yang sasaran kita untuk mencapainya. *It is not like* mengambil individual jawatan *and then* mengira daripada situ. Itu tidak betul *because* kedudukan semua jawatan ini adalah mengikut merit dan juga *acceptance* ataupun penerimaan.

#### ■1110

Untuk maklumat Yang Berhormat, jumlah pecahan Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seperti berikut:

GRES	LELAKI	PEREMPUAN
Turus 3 dan ke atas	31	7
JUSA A	53	13
KHAS A	24	8
JUSA B	164	51
KHAS B	75	54
JUSA C	536	177
KHAS C	200	211
<b>Jumlah Peratus Mengikut Jantina</b>	<b>1,083 (67.52 peratus)</b>	<b>521 (32.48 peratus)</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,604</b>	

Jadi, senarai bagi pegawai-pegawai wanita yang menjawat jawatan Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah dan juga Ketua Perkhidmatan buat setakat ini kita ada tujuh orang wanita. Seorang jadi Ketua Pengarah, dua orang jadi Ketua Setiausaha, seorang Akauntan Negara Malaysia, seorang Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Antarabangsa dan Industri, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komuniti, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Bagi senarai pegawai guna sama yang menjawat jawatan sebagai Ketua Daerah ialah tiga wanita yang Gred M54 di Daerah Kuantan, di Daerah Melaka Tengah dan juga di Daerah Seberang Perai Selatan. Untuk jawatan pegawai daerah ini, *this one is base on merit* dan juga penerimaan atau *acceptance*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Okay, since nobody interested, sila Yang Berhormat Bukit Mertajam. Your favorite subject.*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, yang selalu kita katakan ada *glass ceiling*. Selalunya pemimpin-pemimpin lelaki akan mengatakan bahawa *there is no* undang-undang yang menghalang kaum wanita menjawat jawatan yang tinggi seperti Perdana Menteri tetapi ada *glass ceiling* di mana dia tidak dilihat dan dia tidak ada undang-undang yang tetapkan tidak boleh tetapi ada katakan tadi Timbalan Menteri mengatakan memandangkan *acceptance, depends on acceptance* dan siapakah yang menetapkan *acceptance* ini dan juga katakan bahawa ini adalah neutral. Tidak kira wanita atau lelaki tetapi kalau kita tidak kira, kalau kita neutral itu, neutral itu adalah *bias* ataupun dia tidak adil kepada minoriti di dalam servis ini.

Jadi ini adalah yang dikatakan *glass ceiling* dan saya harap dan semua data ini adalah penting untuk membezakan gender. Berapa orang wanita menjadi Pegawai Daerah? Tiga *out of*? Bolehkah saya minta tahu *out of* berapa? Saya rasa beratus-ratus atau ribu. Adakah ia akan mendatangkan kesan kerana wanita tidak akan dilihat sebagai contoh pemimpin dan selalunya kalau kita hendak memilih pemimpin, kita tidak beri keutamaan kepada wanita kerana wanita tidak menunjukkan modelnya tetapi kalau kita tidak memberi peluang, macam mana kita hendak lihat bahawa ada pemimpin wanita dan inilah saya katakan kita mesti *balance* kan. Di dalam universiti kita sangat khuatir bahawa ada ramai pelajar wanita tetapi di dalam bidang politik, di dalam jawatan-jawatan yang tinggi ini kita tidak khuatir langsung. Kita kata bahawa tidak perlu ada wanita yang menjadi pemimpin tertinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat, bukan kenyataan tambahan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jadi, soalan tambahan ialah kalau Barisan Nasional telah menangani CEDAW. CEDAW salah satunya ialah mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus pembuat keputusan adalah wanita tetapi sampai hari ini belum ada azam politik untuk mencapainya. Ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional tidak ikhlas. Adakah ini benar? Saya tanya, adakah ikhlas? Kalau ikhlas, macam mana? Boleh tunjukkan bahawa Barisan Nasional ikhlas dalam isu ini. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam. Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini memang sentiasa prihatin dengan pembangunan wanita di negara ini dan telah pun nampak daripada bantuan yang telah pun diberi kepada pihak wanita. Mengenai isu *acceptance* yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat ingin faham bahawa isu *acceptance* ini memanglah terpulang kepada *the class as you said* tadi bahawa *glass ceiling*. Jadi terpulang kepada penduduk ataupun mereka yang dapat menentukan kedudukan wanita dalam sesebuah organisasi ataupun dalam negara ini.

Walaupun kerajaan sememangnya mengadakan undang-undang dan juga polisi-polisi untuk memastikan bahawa manfaat kepada wanita ini terjamin, jadi bagi pengisian kedudukan itu seperti yang saya katakan tadi memanglah tertakluk kepada penerimaan. Jadi wanita sedia juga diterima dan juga jumlahnya adalah bertambah dan tidak pernah mengurang.

Jadi ini satu trend yang baik, satu trend yang memang sihat dan kita boleh lihat bahawa kedudukan wanita di negara ini, di Malaysia telah pun meningkat sekiranya dibandingkan dengan negara-negara asing ataupun negara jiran kita. *So this is a good sign* dan kita dapat lihat bahawa kadangkala *a bit* kontradiksi di antara wakil-wakil daripada pihak pembangkang yang mengatakan ada wanita yang ada kebolehan tetapi dapat menerima kutukan kadangkala daripada pihak Yang Berhormat.

Jadi ini saya rasa tidak seimbang. Yang penting ialah kita memberi peluang kepada semua wanita di sini tanpa memilih latar belakang mereka untuk memastikan mereka dapat menyumbang kepada pembangunan negara kita ini. Sekian.

**9. Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah dasar kerajaan sekarang berkaitan dengan bantuan kewangan kepada murid-murid di bawah skim KWAPM.

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) telah ditubuhkan pada tahun 2003 di bawah seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Penubuhan kumpulan wang ini bertujuan untuk membantu pelajar miskin untuk meneruskan persekolahan serta menjana kecemerlangan pendidikan mereka. Bantuan kewangan ini telah banyak membantu murid-murid mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, secara umum bantuan kewangan yang telah disediakan di bawah Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) Kementerian Pelajaran Malaysia adalah terbuka kepada semua murid miskin warganegara Malaysia yang bersekolah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan tanpa mengira bangsa, kaum dan agama.

Kementerian Pelajaran akan terus memantapkan KWAPM kerana ianya merupakan bantuan kepada murid-murid yang datangnya daripada golongan miskin dan miskin tegar bagi memastikan mereka tidak tercicir dalam pendidikan. Ini adalah bertepatan dengan objektif penubuhan KWAPM iaitu bagi memastikan tiada murid yang tercicir daripada persekolahan akibat kemiskinan. Langkah ini juga sebagai usaha kerajaan dalam memastikan dasar pendidikan wajib yang telah berkuat kuasa mulai tahun 2003 dilaksanakan sepenuhnya.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bantuan kewangan KWAPM diberikan kepada murid yang layak daripada Tahun Satu hingga Tingkatan Satu sahaja. Pada tahun 2010, murid yang layak menerima bantuan ini disenaraikan melalui data e-Kasih manakala bagi murid lain yang difikirkan jika layak tetapi tidak disenaraikan melalui data e-Kasih perlu membuat permohonan kepada pihak sekolah. Terima kasih.

■1120

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, pada tahun lalu Kementerian Pelajaran telah membuat pengumuman bahawa hanya mereka yang terdiri daripada keluarga miskin yang terdaftar dalam e-Kasih dan ini melibatkan pengurangan mereka yang menerima daripada jumlah yang diberi dahulu seperti Yang Berhormat katakan yang telah memohon kepada jumlah yang begitu sedikit. Ini telah menyebabkan kegelisahan keluarga-keluarga. Kita pun merayu kepada kementerian. Saya ingin tahu sama ada mereka yang telah menerima dahulu itu diberi seterusnya atau tidak?

Seterusnya, apakah Kementerian Pendidikan membantu untuk mendaftarkan murid-murid itu yang dahulu di luar e-Kasih itu disenaraikan dalam e-Kasih seperti apa yang dibuat oleh Kementerian Pertanian dalam Program SUBUR, beras. Kalau sekiranya jumlah penerima itu dikembalikan seperti dahulu, adakah surat pemberitahuan telah dikirim kepada sekolah-sekolah supaya pihak pengetua dan guru besar memaklumkan kepada keluarga. Ini kerana adalah *anxiety* Yang Berhormat, di kalangan masyarakat yang terlibat. Terima kasih.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin tentang soal ini. Sebenarnya, ingin saya memberi satu gambaran kepada Ahli Yang Berhormat. Pada tahun lalu jumlah penerimanya 631,80 orang. Ini melibatkan jumlah RM160,156,500 dan ini merupakan satu jumlah yang agak besar.

Pada tahun lalu, kita gunakan data e-Kasih, kemudian pada waktu yang sama juga, pihak sekolah juga telah diberi satu mandat melalui satu jawatankuasa untuk menapis permohonan sebab itulah jumlahnya menjadi RM631 juta. Pada awal tahun ini, oleh kerana kita diminta untuk menggunakan data e-Kasih, maka kita terpaksa hadkan kepada jumlah dan pada awal tahun ini, kalau kita mematuhi e-Kasih sahaja, hanya RM25,162,300 diberi kepada pelajar-pelajar melibatkan 47,159.

Walau bagaimanapun, oleh kerana ramai Ahli Yang Berhormat telah bersuara tentang perkara ini, perkara ini telah dibawa kepada Kabinet dan Kabinet telah membuat keputusan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan bahawa kita perlu membantu. Ini selaras dengan slogan 1Malaysia "Rakyat didahulukan". Masih ada pelajar-pelajar atau keluarga tidak didaftarkan di bawah e-Kasih tetapi pada waktu yang sama, sekolah boleh mengenal pasti bagaimana latar belakang mereka. Jadi, kita telah menurunkan arahan iaitu selain daripada kita boleh menggunakan data e-Kasih, pihak sekolah juga ada satu jawatankuasa KWAPM ini untuk meneliti sama ada mereka layak atau tidak? Kalau mereka telah diterima, maka kita boleh memberikan bantuan melalui KWAPM mengikut syarat yang ditetapkan seperti tahun yang lalu. Terima kasih.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup menyanjung tinggi atas usaha kerajaan memberi bantuan kewangan di bawah Skim KWAPM ini. Cuma, saya ingin tanya Yang Berhormat apakah kerajaan bercadang dari segi penyampaian bantuan ini saya dapati ianya dilakukan oleh pemimpin-pemimpin parti politik di peringkat sekolah-sekolah yang terlibat.

Saya dapati adalah lebih baik penyampaian ini dilakukan oleh Pegawai Daerah, Pegawai Pendidikan Daerah atau pun Pengarah Pelajaran Negeri atau pun pegawai-pegawai kanan, pemimpin-pemimpin parti politik daripada kerajaan boleh hadir. Akan tetapi yang menyampaikan ucapan dan yang menyampaikan bantuan ini di kalangan Pegawai PPD atau pun di pejabat pelajaran negeri. Saya cadangkan begini sebab saya mendapat maklum balas, syarahan-syarahan yang terlalu banyak politik dan memuji-memuji kerajaan terlebih-lebih sangat daripada parti pemerintah membuatkan penerima-penerima, ibu bapa naik cuak dan jadi negatif.

Jadi, untuk melaksanakan program transformasi yang dikatakan sekarang ini, saya rasa pendekatan yang paling baik untuk kerajaan mengizinkan mereka menyampaikan bantuan, pemimpin-pemimpin parti politik kerajaan boleh hadir tetapi biar kakitangan kerajaan, pegawai-pegawai tinggi menyampaikan maklumat, mengangkat kerajaan, memuji kerajaan. Lebih afdal orang kata, lebih berkesan. Memang kadang-kadang bercakap ini seronok sangat sehingga dia tidak sedar ucapan itu memberi negatif kepada imej kerajaan pusat sendiri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat itu dan saya akan mengangkat kepada pihak kementerian untuk meneliti. Oleh kerana selama ini kita ada menerima suara-suara yang berlainan. Pertama, kadang kala Ahli Yang Berhormat sendiri memperjuangkan bantuan KWAMP. Macam baru-baru ini mereka dapat dari peringkat akar umbi yang mengatakan mereka perlu dibantu. Maka, saya rasa kalau PPD hendak menjemput Ahli Parlimen atau pun wakil rakyat atas dasar mereka menghargai sumbangan mereka. Itu yang pertama.

Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran tidak ada menetapkan satu tatacara dari segi penyampaian, majlis apa yang patut dianjurkan, siapa yang patut berucap. Ini bukan suatu perkara yang kita tetapkan sangat secara *rigid*. Itu yang pertama. Pada waktu yang sama juga, penyampaian.

Kadang kala kita terus sampaikan kepada pihak sekolah dan sekolah sahaja yang menyampaikan kepada pelajar. Apa yang penting ialah bantuan itu sampai kepada golongan sasaran yang kita harap-harapkan.

Jadi, saya rasa tentang ceramah politik ini sebenarnya kita tidak galakkan dan memang kita tidak benarkan pun. Kalau kita hendak membuat ucapan pun biarlah kena pada tempat. Kita menerangkan bagaimana kita membantu pelajar dan kita juga memberi galakan kepada golongan miskin supaya bekerja keras untuk menjadi seorang manusia yang baik atau pun menjadi profesional kelak. Saya rasa kita gunakan pendekatan ini, yang memberi motivasi kepada pelajar. Itu jauh lebih baik daripada kita berceramah politik. Terima kasih.

**10. Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, jumlah wang dalam *retrenchment fund* setakat ini dan sejauh mana pekerja di negara ini mengetahui hak mereka.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Model Baru Ekonomi memberi penekanan terhadap pemantapan jaringan keselamatan sosial bagi tujuan mewujudkan pasaran buruh yang baik di negara ini. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Langat sebagai *retrenchment fund*, dengan izin, ataupun *Relief Fund For Loss of Employment* dan lebih tepat Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan adalah langkah interim yang membantu pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan apabila perniagaan ditutup akibat majikan *insolvent* dan para pekerja tidak dibayar faedah penamatan kerja sama ada sepenuhnya atau pun tidak dibayar sebahagian seperti diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955 dan Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak.

Skim ini mencadangkan untuk membantu pekerja berkenaan bagi tempoh enam bulan dengan bayaran maksimum RM600 sebulan. Di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, sejumlah RM80 juta diperuntukkan sebagai geran pelancaran bagi tabung ini untuk tahun 2011 dan 2012.

Sebagai langkah jangka panjang, kerajaan bersetuju untuk mewujudkan skim yang lebih mantap dan stabil dengan pelaksanaan insurans kehilangan pekerjaan bagi menggantikan tabung ini. Di bawah makmal pembangunan modal insan yang sedang berjalan pada masa ini mulai daripada 21 Februari sehingga 1 April ini. Perkara ini sedang giat dibincangkan diselaraskan oleh PEMANDU dan Kementerian Sumber Manusia yang melibatkan semua pihak berkepentingan mewakili majikan, pekerja, wakil-wakil industri, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, pertubuhan-pertubuhan sukarela. Perkara ini akan diteliti dan termasuklah mengkaji model-model dari negara-negara yang telah melaksanakan skim ini dan akan diwujudkan satu rangka model yang mana berasaskan kepada keadaan di negara ini dan akan digubal satu skim yang lebih berdaya tahan untuk jangka panjang. Apabila ini dilaksanakan semua pekerja-pekerja akan dimaklumkan tentang kemudahan ini. Terima kasih.

#### ■1130

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya dimaklumkan dalam jawapan soalan saya berkenaan dengan isu ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab sekitar RM40 juta telah pun diperuntukkan di dalam *retrenchment fund* ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga memperjelaskan tentang perbincangan belum lagi dilaksanakan dalam kerangka untuk memberikan kepada – implementasinya belum dibuat.

Jadi soalan saya ialah agak-agak Yang Berhormat Timbalan Menteri bila boleh kita laksanakan kerangka ini supaya beza di antara yang telah dibuang kerja itu mendapat manfaat dan juga dimaklumkan kepada rakyat umumnya yang terlibat secara langsung supaya mereka bersedia berdepan dengan keadaan ini dan mendapat faedah daripada kerangka yang hendak dibuat.

Saya kira kalau – minta maaf bincang-bincang ini panjang sangat. Jadi bila agak-agak yang boleh kita laksanakan? Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menduga bahawa Yang Berhormat Kuala Langat akan bertanya soalan 'bila?'. Jadi saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional merupakan satu kerajaan yang bertanggungjawab. Sebelum kita melaksanakan sesuatu kita perlu memastikan bahawa perkara itu sudah sedia dan telah dikaji daripada semua aspek dan bukan hanya akan memberi manfaat kepada kumpulan sasar tetapi juga akan dapat bertahan seterusnya.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, apabila makmal ini tamat pada bulan April, Kementerian Sumber Manusia akan membawa cadangan-cadangan ini kepada Kabinet dan selepas itu barulah ia akan diputuskan tarikh pelaksanaannya yang akan diumumkan oleh kerajaan nanti. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Usul Yang Berhormat Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1). Silakan Yang Berhormat Sandakan.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.32 pg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu 23 Mac 2011.”

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.*

### USUL

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGUNDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kedua Belas.”  
**[21 Mac 2011]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri Pengajian Tinggi menyambung menjawab, sila.

**11.33 pg.**

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato’ Saifuddin bin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada maklum balas yang dikumpul menunjukkan masalah sikap tidak mahu membayar balik pinjaman merupakan punca utama dan bukannya ketidakmampuan pendapatan para peminjam.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini semenjak tindakan larangan ke luar negara dilaksanakan oleh PTPTN bermula pada bulan Ogos 2008 sehingga kini, telah menunjukkan peningkatan pembayaran balik oleh peminjam-peminjam yang disenaraihitamkan. Bagi tahun 2009, seramai 1,740 orang peminjam telah tampil membuat pembayaran sebanyak RM32.4 juta. Manakala pada tahun 2010, seramai 4,733 orang peminjam telah tampil membuat pembayaran sebanyak RM46.5 juta. Ini menunjukkan peningkatan ketara dalam peratusan peminjam sebanyak 172 peratus dan peningkatan amaun bayaran balik yang diterima sebanyak 43.7 peratus berbanding tahun 2009.

Secara umumnya pada tahun 2008 seramai 438,960 orang peminjam telah mula membayar balik dengan kutipan terkumpul RM1.03 bilion di mana ia telah meningkat kepada 537,010 orang peminjam dengan jumlah kutipan terkumpul sebanyak RM1.58 bilion pada tahun 2009. Manakala pada tahun 2010, seramai 650,707 orang peminjam telah mula membayar balik dengan jumlah kutipan terkumpul sebanyak RM2.22 bilion.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Kalabakan agar PTPTN mewujudkan sistem pengesanan status pekerjaan peminjam dalam proses kutipan balik pinjaman, suka saya maklumkan bahawa pada 5 Mei 2010, kerajaan telah bersetuju supaya diambil tindakan ke atas pemindahan fungsi pengurusan bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri berasaskan kaedah yang dilaksanakan di Australia dan New Zealand. Antara tindakan yang perlu diambil ialah meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu Akta 53, Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1965 dan Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 atau Akta 566.

Melalui kaedah ini potongan bayaran balik akan ditetapkan berdasarkan jumlah pendapatan yang diterima oleh peminjam tersebut dan tidak membebaskan peminjam. Jumlah kutipan balik pinjaman PTPTN dijangka turut meningkat berbanding kaedah sedia ada. Antara kesan positif pelaksanaan kaedah ini adalah seperti berikut:

- (i) pengesanan status peminjam yang telah bekerja boleh dibuat secara automatik;
- (ii) amaun ansuran bayaran balik yang akan dibuat adalah mengikut jumlah gaji iaitu apabila pendapatan peminjam melepasi tahap minimum yang ditetapkan dengan izin, *threshold* dan tidak akan membebaskan peminjam;



- (iii) tiada komisen dikenakan berbanding dengan kutipan melalui bank yang mengenakan komisen antara 50 sen hingga RM2;
- (iv) bayaran secara konsisten akan diterima oleh PTPTN;
- (v) peminjam boleh menguruskan kewangan dengan lebih baik;
- (vi) meningkatkan prestasi bayaran balik sekali gus memastikan kelestarian PTPTN; dan
- (vii) PTPTN lebih fokus bagi memastikan pembiayaan pendidikan PTPTN disediakan kepada pelajar yang layak.

Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Kota Belud pula bertanyakan status sistem rekod berkomputer PTPTN. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian sedang dalam proses menaik taraf dengan izin, *Education Loan Management System* secara berperingkat mulai 1 Julai, 2010 yang melibatkan lima fasa.

Fasa 1 iaitu proses permohonan pembiayaan pendidikan pelajar telah berjaya dilaksanakan dengan lancar. Pada masa ini PTPTN sedang dalam proses melaksanakan Fasa 2 hingga 5 yang dijangka akan selesai sepenuhnya pada tahun 2012. Setelah penaiktarafan ini selesai, urusan pembiayaan pendidikan PTPTN secara bersistem akan lebih mantap seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Kota Belud.

Masalah yang berbangkit sebelum ini Tuan Yang di-Pertua adalah berpunca daripada kegagalan dengan izin, *end-to-end financing system*. Sistem tersebut gagal disediakan sepenuhnya mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan pihak PTPTN telah pun menamatkan perkhidmatan syarikat yang menyediakan sistem itu. Sebahagian modul yang telah siap juga masih bermasalah yang menyebabkan berlakunya peningkatan aduan yang mendadak.

Berkenaan cadangan Yang Berhormat Bukit Katil agar dikaji semula kos pentadbiran pinjaman PTPTN, ingin dimaklumkan bahawa kerajaan sememangnya prihatin terhadap beban yang ditanggung oleh peminjam. Oleh yang demikian kerajaan telah menurunkan kos pentadbiran beberapa kali. Semasa pembentangan Bajet 2004, kerajaan telah mengumumkan kos pentadbiran diturunkan daripada 4 peratus kepada 3 peratus setahun atas baki berkurangan mulai Januari 2004.

#### ■1140

Berikutnya pada bulan Ogos 2008 kerajaan telah meluluskan kaedah baru pembiayaan baru PTPTN dengan pengenaan Ujrah atau upah sebanyak 1 peratus setahun atas kadar rata dengan izin, *flat rate* berkuat kuasa mulai 1 Jun 2008. Sebagai contohnya...

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Timbalan Menteri...

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Izinkan saya habis satu perenggan dahulu. Sebagai contohnya seorang pelajar yang mengikuti kursus diploma di IPTA akan menerima pembiayaan sebanyak RM15,000 untuk tempoh tiga tahun pengajian yang merangkumi kos yuran dan sara hidup. Jumlah ujrah atau upah yang dikenakan oleh PTPTN adalah sebanyak 1 peratus setahun atas kadar rata atau RM1,500 setahun, yakni RM150 setahun untuk tempoh 10 tahun.

Jumlah ini adalah jauh lebih rendah berbanding dengan kadar yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan. Di samping itu jumlah yuran yang dikenakan di IPTA hanyalah 10 peratus daripada kos yuran sebenar manakala 90 peratus lagi adalah disubsidi oleh kerajaan.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Tentang masalah yang berlaku kepada sistem ujrah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi atau pihak PTPTN. Masalah yang berlaku ialah apabila seseorang peminjam PTPTN ini mereka hendak berpindah ataupun hendak dikenakan dengan sistem baru ini, mereka terpaksa mengisi borang yang pelbagai.

Pada masa yang sama PTPTN sudah membuat untung daripada 3 peratus yang dikenakan sebelum daripada itu dan satu masalah yang timbul lagi ialah mereka memerlukan masa yang lama untuk diluluskan permohonan untuk berpindah daripada sistem yang lama, 3 peratus kepada sistem baru yang diperkenalkan sistem ujah. Jadi apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini? Pada masa yang sama PTPTN sudah mengaut keuntungan yang cukup banyak daripada 3 peratus yang diperkenalkan. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Padang Terap.

**Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Yang Berhormat, boleh sekali tak? Hampir sama.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Okey.

**Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak timbulkan berkait dengan tadi, kita faham masalah yang timbul daripada sistem perhubungan yang sedang dibaiki tetapi apa yang berlaku hari ini kita guna manual pun untuk mendapat penjelasan daripada PTPTN, kita tidak mendapat jawapan. Banyak rungutan saya terima daripada peminjam-peminjam, mereka ini adalah peminjam yang baik, mereka bayar dengan baik berdasarkan 4 peratus khidmat dahulu ini.

Apabila mereka minta *adjustment* mengenai apabila kadar itu diturunkan kepada 1 peratus, mereka tidak mendapat penjelasan dan ini menyebabkan mereka yang telah bayar bertahun-tahun tadi merasakan pembayaran mereka telah selesai dan mula memberhentikan pembayaran. Jadi, kalau boleh secara manual kita selesaikan juga kes-kes yang tidak banyak tetapi memang berlaku bahawa pelajar yang baik tadi apabila mereka bayar, apabila tulis surat pun tidak dapat penjelasan dan mereka akan memberhentikan pembayaran. Jadi, saya minta perhatian Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apa yang berlaku bukanlah satu kesusahan Yang Berhormat Padang Terap. Apa yang diperlukan ialah untuk peminjam ini berhubung dengan PTPTN. Memang kita sedar dia ada beberapa kohort, misalnya kohort pertama yang dahulunya membayar 4 peratus kos pentadbiran, kemudian yang membayar 3 peratus kos pentadbiran dan ada yang membayar 1 peratus. Ini bergantung kepada waktu mereka ditawarkan pinjaman kali yang pertama itu.

Saya bagi contoh bagi mereka yang memang peminjam-peminjam baru yakni selepas kita membuat keputusan dikenakan kos pentadbiran ataupun ujah atau upah sebanyak 1 peratus sahaja, yang ini tidak ada apa-apa masalah. Ada yang perlu bertukar, ini yang saya rasa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Padang Terap kerana ketika mereka menerima pinjaman itu pada masa itu upah yang dikenakan ialah misalnya 3 peratus. Oleh kerana ini melibatkan perjanjian, jadi sebenarnya borang yang dimaksudkan itu perjanjian baru perlu dibuat, menukar daripada yang bayar balik 3 peratus kepada bayar balik kepada 1 peratus. Kita cuba Tuan Yang di-Pertua untuk mempermudahkannya.

Sebenarnya PTPTN tidak untung sama sekali malahan kita terpaksa menanggung beban kerana pembayaran balik yang belum sepenuhnya. Jika ia mengambil masa sedikit, ini seperti yang saya sebutkan awal tadi ialah kerana masalah sistem dan kita yakin apabila sistem itu telah diperbaiki maka masalah-masalah ini akan dapat kita selesaikan. Saya memahami tentang masalah yang ada sedikit kerumitan itu dan kita percaya PTPTN sentiasa baik dan kita pantau dan kita minta mereka supaya perbaiki keadaan ini termasuklah misalnya kita sudah ada pejabat PTPTN di Sarawak dan di Sabah untuk mempermudah. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua kalau saya sambung Yang Berhormat Limbang semalam, pagi ini kita sudah beri arahan kepada PTPTN untuk berhubung dengan Yang Berhormat Limbang malah turun ke sana untuk berbincang dengan peminjam-peminjam yang kita faham ada keadaan yang agak spesifik untuk membantu mereka.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Boleh sedikit Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Tadi Timbalan Menteri telah menyebut bahawa PTPTN tidak untung. Saya ada maklumat di sini berdasarkan kepada peningkatan yang disumbangkan oleh pendapatan daripada faedah pinjaman pembiayaan tabung pendidikan, perbelanjaan yang dikeluarkan oleh PTPTN RM693 juta bagi kos pengurusan dan keperluan operasi, ada lebihan di sana kerana kutipan yang dibuat ialah RM836 juta. Jadi ada lebihan.

Saya rasa lebihan ini sebahagiannya disumbangkan daripada peratus yang dikenakan terhadap kos perkhidmatan yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi iaitu 4 peratus ataupun 3 peratus, itu satu. Keduanya, kenapakah penukaran ini tidak dibuat secara automatik, kenapakah perlu mengambil masa yang panjang? Satu lagi isunya ialah, kenapakah sebahagian daripada peminjam-peminjam PTPTN ini yang mempunyai baki kemudahan yang disebut sebagai baki Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP), tidak dibenarkan untuk menukar kepada sistem ujrah yang diperkenalkan oleh pihak PTPTN. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Cerita untung rugi ini Tuan Yang di-Pertua, bergantung kepada cara kita melihatnya. Kalau saya bantangkan pula berapa banyakkah yang PTPTN terpaksa meminjam untuk membolehkan PTPTN terus menjalankan tugas dan tanggungjawabnya membantu pelajar-pelajar kita yang memerlukan bantuan kewangan maka di situ kita akan melihat tidak ada keuntungan, itu yang saya maksudkan tadi.

Begitu juga saya hendak jelaskan, mereka yang ketika menerima pinjaman ini kos pentadbirannya ialah lebih daripada 1 peratus, sama ada 4 peratus atau 3 peratus yang telah membayarnya pada peratus tersebut. PTPTN akan membayar balik kepada mereka. Ini adalah keadilan yang kita cuba laksanakan. Soal automatik tadi seperti yang saya jelaskan Tuan Yang di-Pertua ialah kerana ia melibatkan perjanjian. Jadi, tidak bolehlah mengikut yang kita laksanakan ini, kita tidak boleh melakukannya secara automatik kerana ia memerlukan menandatangani suatu perjanjian yang baru. Berkenaan isu kualiti graduan jururawat Kolej MASTERSKILL dan MAHSA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Timbalan Menteri, soalan yang terakhir tadi, minta laluan tentang wang pendahuluan pembiayaan. Mereka yang mempunyai baki wang ini mereka tidak dibenarkan untuk menukar sedangkan yang lain mempunyai ruang menukar kepada sistem Ujrah. Mungkin ada jawapan daripada pihak menteri.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, yang itu saya mohon jawab secara bertulis. Berkenaan dengan kualiti graduan jururawat Kolej MASTERSKILL dan MAHSA, ini soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Lembaga Jururawat Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengadakan pemeriksaan secara bersama terhadap IPTS bagi memastikan kualiti graduan jururawat tidak terabai. Kementerian telah melakukan pemeriksaan dan pengauditan ke atas 13 IPTS yang menawarkan program kejururawatan termasuklah Kolej MASTERSKILL dan MAHSA.

#### ■1150

Antara perkara yang dikenal pasti telah menjejaskan kualiti pengajian ialah nisbah bilangan pelajar dan tenaga pengajar yang tidak seimbang dan latihan klinikal yang tidak berkualiti. Mana-mana IPTS yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan akan diberi tempoh selama enam bulan bagi menambah baik kualiti dan pencapaian akademik pelajar masing-masing.

Di samping itu, pada tahun 2010, syarat kelayakan masuk untuk mengikuti program kejururawatan di IPTS telah dinaikkan daripada tiga kredit kepada lima kredit bagi menjamin kualiti akademik pelajar. Aktiviti pengauditan di IPTS...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** [Bangun]

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Dan hospital semasa pelajar menjalani latihan klinikal turut dilakukan bagi memastikan latihan dijalankan dengan baik dan memenuhi syarat yang ditetapkan.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Pohon laluan, Yang Berhormat.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Satu perenggan lagi. Berkenaan dengan pembiayaan PTPTN...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Sedikit. Yang Berhormat, Pasa...

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Ya.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Pasa kursus. Arau, Arau.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Sila.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanyakan satu kemusykil berhubung dengan pengiktirafan pada kursus-kursus baru yang ditawarkan sama ada melalui IPTA ataupun IPTS kerana saya difahamkan ada IPTA yang menawarkan kursus baru dan kursus itu terus berjalan. Akan tetapi apabila pelajar-pelajar berkenaan bergelar graduan, mereka masih belum mendapat pengiktirafan daripada LAN. Jadi di sini adakah perkara ini berlaku? Sekiranya berlaku, apakah usaha yang dibuat oleh pihak kementerian dalam mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pengiktirafan kursus-kursus baru dilakukan oleh MQA. Mana-mana IPTA yang hendak menawarkan kursus-kursus baru, mereka berhubung secara terus dengan MQA. Oleh kerana sesetengah kursus itu mengambil sedikit masa untuk – istilah yang kami gunakan matang, ada waktunya mereka dibenarkan memulakan dulu kursus itu sebelum ia mendapat dengan izin, *full accreditation*. Dengan harapan apabila sampai masa matang, maka *full accreditation* itu akan diberikan. Secara umumnya, perkara ini tidak menimbulkan masalah kalau ia di IPTA kerana kita memang memantau dengan teliti.

Mungkin ada satu dua masalah timbul tetapi ini bukan di IPTA dan lazimnya kita sangat-sangat, istilahnya tegas dalam hal ini sebab kita hendak memastikan bahawa kualiti dan mutu pendidikan pengajian tinggi yang ditawarkan itu tidak tergugat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat, sikit lagi. Ketika kita merangka kursus-kursus baru, kita mesti ada satu jawatankuasa khas dan kemungkinan ada wakil daripada kementerian Yang Berhormat sendiri. Jadi, untuk memastikan kursus yang ditawarkan itu mendapat kehendak semasa ataupun dia bertaraf – mencapai kualiti yang diinginkan, sudah tentu komiti ini dipelbagaikan. Jadi, di sini ada atau tidak wakil daripada kementerian yang membuat pemantauan secara terperinci bagi memastikan komiti yang dilantik sama ada daripada pihak *academician* yang terlibat ataupun pihak profesional, daripada pihak swasta dan sebagainya untuk memastikan dikawal supaya kursus yang ditawarkan benar-benar berkualiti dan mencapai hasrat yang diinginkan oleh pihak kementerian.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ada. Memang kita lakukan dan kita perbaiki dari semasa ke semasa.

Berkenaan dengan pembiayaan PTPTN kepada pelajar Kolej MAHSA dan MASTERSKILL. Dimaklumkan bahawa kelulusan pembiayaan pendidikan PTPTN kepada pelajar-pelajar kolej tersebut serta pelajar IPT yang lain diberikan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh PTPTN. PTPTN tidak memberi keistimewaan kepada mana-mana IPT termasuk Kolej MAHSA dan MASTERSKILL. Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, pasal jururawat tadi.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Sila.

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan latihan jururawat yang dikendalikan oleh pihak IPTS ini kerana sering kali kita mendapat rungutan daripada pesakit-pesakit di hospital. Mereka mengatakan terlalu ramai, orang kampung kata 'doktor'lah tetapi jururawat yang mendapat latihan ini, kadang-kadang seorang *patient* itu sampai 15 hingga 20 orang datang untuk mengendalikan latihan praktikal mereka. Jadi, saya ingin tahu apakah pihak kementerian mengenakan – kalau di hospital kerajaan mengenakan bayaran-bayaran ataupun kena *charge* tertentu kepada IPTS ini untuk menggunakan pesakit-pesakit daripada hospital-hospital yang dikendalikan oleh kerajaan.

Tidak macam kalau hospital swasta, macam KPJ. Mereka mempunyai hospital mereka dan mempunyai pusat latihan jururawat mereka sendiri. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, hospital mengajar. Istilah yang kita gunakan. Kalau dia di bawah universiti awam (IPTA), lazimnya ia hanya untuk pelajar-pelajar sama ada kedoktoran ataupun kejururawatan daripada IPTA. Sepanjang pengetahuan saya, kebanyakan IPTS menggunakan hospital yang bukan di bawah kawalan Kementerian Pengajian Tinggi yakni sama ada dia menggunakan hospital awam ataupun hospital swasta. Lazimnya, apa yang berlaku ialah pihak IPT yang menawarkan kursus kejururawatan itu berunding dengan hospital tempat mereka melakukan praktikal itu. Jadi, kita tidak terlibat dari segi urusan. Itu betul-betul antara kolej ataupun IPT yang berkaitan dengan hospital tempat latihan klinikal ataupun praktikal itu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat Kuala Selangor berkenaan jadual peperiksaan yang tidak mengambil kira perayaan Deepavali. Ingin saya maklumkan bahawa kementerian sememangnya prihatin terhadap isu pertembungan hari perayaan utama bukan hanya Deepavali.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, bukan Yang Berhormat Kuala Selangor tetapi Yang Berhormat Hulu Selangor.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Maaf. Yang Berhormat Hulu Selangor. Betul ya, Yang Berhormat Kuala Selangor. Ini tidak perlu divideokan untuk *confirmation*, ya.

Ingin saya maklumkan bahawa kementerian sememangnya prihatin dalam isu ini dan bukan hanya Deepavali lah. Perayaan-perayaan lain juga. Oleh yang demikian, IPT telah dinasihatkan menjadualkan semula peperiksaan akhir semester bulan Julai sesi 2010-2011. Itu yang timbul sedikit dahulu dengan mengambil kira perkara berikut:

- (i) kebajikan dan keperluan pelajar serta pentadbiran universiti termasuk berkaitan minggu ulang kaji dan tempoh peperiksaan; dan
- (ii) perancangan aktiviti-aktiviti pelajar selepas seminggu peperiksaan. Antaranya ialah proses pemarkahan dan pengesahan keputusan peperiksaan pelajar, jangka masa latihan industri, kerjasama dengan sektor kerajaan dan swasta serta tarikh permulaan semester kedua.

Ekoran itu, hampir semua IPTA telah menjadualkan semula peperiksaan akhir di universiti masing-masing untuk memberi peluang kepada pelajar bercuti sempena perayaan hari Deepavali.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Minta laluan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih.

Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana sudi memberi perhatian atas masalah ini. Saya berharap kerana walaupun masalah ini pada pendapat kementerian telah diselesaikan, malah ada IPTA-IPTA di luar sana tidak mengamalkan arahan ini. Maka masih wujud.

Saya harap pihak kementerian dapat menghantar satu surat pekeliling untuk memastikan perkara seumpama ini tidak berulang lagi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya surat pekeliling itu telah dikeluarkan tetapi saya berterima kasih atas maklum balas ini dan kita akan pantau apa yang sebenarnya berlaku di bawah. Berkenaan isu Akta Universiti dan Kolej Universiti dan pilihan raya kampus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Wangsa Maju dan Yang Berhormat Parit Buntar. Suka saya maklumkan bahawa jawapan kementerian berkaitan dengan pindaan AUKU untuk membolehkan pelajar berpolitik telah pun dijawab beberapa kali dalam sidang Dewan Rakyat yang lepas dan jawapan tersebut masih kekal.

Manakala berkenaan isu-isu pilihan raya kampus termasuk kaedah pemilihan melalui *e-voting*, sukacita saya ingin maklumkan bahawa pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Tahun 2011 di IPTA adalah telus dan menepati kehendak amalan demokrasi sebagaimana amalan tahun-tahun sebelumnya.

#### ■1200

Bagi memastikan ketelusan pilihan raya kampus dan *e-voting*, beberapa mekanisme telah dilaksanakan iaitu:

- (i) menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa seperti jawatankuasa induk pemilihan MPP, jawatankuasa pelaksana pemilihan MPP, jawatankuasa rayuan pemilihan MPP dan jawatankuasa audit pemilihan MPP;
- (ii) jawatankuasa audit pemilihan MPP telah membuat pengauditan ke atas sistem komputer di semua pusat pengundi sebelum hari mengundi dan turut membuat rondaan pada hari pengundian bagi memastikan sistem berjalan lancar;
- (iii) sistem *e-voting* yang dilaksanakan pada tahun 2011 adalah merupakan sistem yang sama yang telah digunakan pada tahun sebelumnya yang telah diaudit oleh pihak luar. Pihak IPT juga terbuka dan mengalu-alukan kehadiran pihak berkaitan untuk menilai sistem *e-voting* yang digunakan;
- (iv) melantik wakil-wakil pelajar dari kelab dan persatuan untuk turut hadir dalam mesyuarat jawatankuasa audit.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai *e-voting*, saya ada satu soalan, berapakah perbelanjaan yang digunakan untuk melaksanakan *e-voting* di semua IPTA? Ini adalah sebab saya dapat berita perbelanjaannya adalah amat tinggi. Jadi saya ingin penjelasan.

Kedua, sama dengan kebajikan penuntut-penuntut di IPTA. Baru-baru ini Universiti Malaya dan juga Universiti Islam Antarabangsa di mana Universiti Malaya telah menjadi juara dalam pertandingan Jessup dan pada hari ini mereka berada di Washington DC untuk pertandingan Jessup antarabangsa. Saya difahamkan bahawa penuntut-penuntut yang mewakili Malaysia untuk pertandingan Jessup di Washington DC kekurangan kewangan sehingga mereka terpaksa pergi mendapat bantuan kewangan daripada pihak swasta di mana penyediaan mereka untuk pertandingan ini terjejas. Jadi apakah peruntukan oleh kementerian kepada IPTA seperti Universiti Malaya untuk penuntut menggunakan untuk Jessup *competition* di mana saya fahamkan ada satu tabung untuk Jessup *fund*. Saya mendapat tahu juga ia tidak mencukupi atau pihak dekan Universiti Malaya tidak memperuntukkan tabung itu kepada penuntut-penuntut yang mewakili Malaysia pada masa ini sekarang.

Di dalam Dewan ini kita berbangga bahawa Universiti Malaya telah mewakili Malaysia dan mereka akan menghadapi *University of Moscow* dan *University of Peking* di Washington DC pada hari ini.

Akan tetapi malangnya dengan izin, *they have to look source for their own fund although University Malaya had a fund for Jessup Moot Competition*. Sila beri penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada – saya jawab yang *e-voting* itu dulu. Saya tidak ada data tentang berapakah kos yang telah digunakan sebab ini kos digunakan oleh setiap IPTA secara berasingan saya akan jawab secara bertulis dan juga tidak semua IPTA menggunakan *e-voting*.

Kedua, saya harus mendapatkan maklumat sepenuhnya daripada Universiti Malaya tentang penyertaan mahasiswanya ke Jessup. Walau bagaimanapun, kita mengucapkan tahniah kerana mereka mewakili IPT keseluruhannya daripada Malaysia.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingin tambah bahawa saya juga ingin berterima kasih kepada kementerian yang telah menyumbang sejumlah RM10 ribu untuk pertandingan Jessup tetapi itu tidak mencukupi, *anyway thank you*.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Ya sama-sama. Kalau semua pembangkang macam ini pun, elok juga Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi. Sebenarnya memang dalam keadaan tertentu, bukan sahaja dalam *moot*, bukan sahaja dalam debat pelajar kita benarkan untuk mereka mencari dana untuk perjalanan mereka dan menanggung sebahagian daripada kos yang mereka perlukan. Namun demikian secara umumnya kita memang sentiasa memberi bantuan. Saya yakin baik Universiti Malaya ataupun UIA malahan IPTA yang lain juga sentiasa memberikan bantuan dari segi dana untuk pelajar-pelajar kita terlibat dalam apa jua pertandingan di luar negara dan begitu juga dengan pihak kami di Kementerian Pengajian Tinggi.

Namun oleh sebab Yang Berhormat telah timbulkan perkara ini, saya akan periksa apa sebenarnya yang berlaku dan pada waktu yang sama saya yakin Ahli-ahli Dewan semuanya mendoakan pelajar-pelajar kita berjaya dalam pertandingan ini.

Berkenaan kes penculikan calon semasa pilihan raya kampus 2011 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian. Ingin saya jelaskan bahawa kejadian itu berlaku semasa calon tersebut berada di luar kawasan kampus yang tidak dikategorikan sebagai kawasan kempen dan oleh yang demikian ia berada di luar tanggungjawab pihak IPT yang berkaitan. Dalam konteks ini, ia melibatkan Universiti Malaya. Kes ini masih dalam siasatan polis.

Berkenaan dengan pengedaran borang soal selidik di Universiti Multimedia...

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan soalan yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkaitan dengan calon yang hilang dan ada kaitan sedikit tentang kemenangan beliau yang masih belum diiktiraf oleh pihak Universiti Malaya. Ada dua calon yang sampai kepada saya, maklumat tidak lagi diberikan pengesahan oleh pihak universiti walaupun sudah 23 hari pilihan raya berlangsung di Universiti Malaya.

Dalam praktis kita sebelum ini selepas sahaja keputusan pilihan raya diumumkan, maka mereka hendaklah disahkan kemenangan tetapi yang berlaku ialah dua calon yang menang di kerusi umum Universiti Malaya iaitu Mastura Abu Bakar dan Tiong Yeh, mereka masih belum disahkan dan dikatakan mereka ini terlibat dalam prosiding tatatertib. Mereka belum bersalah, belum dibuktikan bersalah. Kenapa mereka digantung pengumuman kemenangan mereka dan juga ia mengheret kepada pembentukan Kabinet MPP Majlis Perwakilan Pelajar di Universiti Malaya itu sampai kepada 23 hari.

Dia telah bertentangan dengan beberapa peraturan yang ada di dalam buku peraturan tatatertib pemilihan perwakilan mahasiswa. Saya pohon penjelasan daripada pihak kementerian, adakah pihak kementerian mempunyai komitmen untuk menyelesaikan masalah ini dan mengesahkan kemenangan mereka. Sekiranya mereka dibuktikan bersalah, ya biarkan proses undang-undang ataupun tatatertib mengambil tempat selepas daripada itu.

**Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit Menteri. Saya hendak pergi kepada pilihan raya penuntut di UPM. Terdapat juga keadaan yang tidak menyenangkan di sana di mana kita dapati pihak pengurusan universiti mungkin juga di atas arahan Yang Berhormat Timbalan Menteri kut cuba campur tangan dalam keputusan pilihan raya di universiti tersebut menyebabkan beberapa kekeliruan berlaku. Jadi di minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan sedikit penjelasan supaya kekeliruan ini dapat dihapuskan. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** berkenaan dengan kes Universiti Malaya, saya dimaklumkan bahawa jawatankuasa MPP telah pun ditubuhkan dan telah pun diumumkan. Hanya ada dua kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Terap tadi yang tertangguh. Saya difahamkan bahawa ini ada kaitan dengan siasatan oleh pihak pentadbiran universiti. Ada perkara-perkara teknikal yang terlibat tetapi pada saya, sekurang-kurangnya tidak berlaku pembatalan mana-mana calon yang telah menang dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya akan melihat perkara ini, maklumat itu pun telah sampai kepada kami di Kementerian Pengajian Tinggi dan kita akan meneliti. Kita percaya ini boleh diselesaikan oleh pihak pentadbiran Universiti Malaya dengan cara yang sebaik-baiknya.

Berkenaan dengan apa yang berlaku di Universiti Putra Malaysia baru-baru ini...

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ada jaminan daripada pihak kementerian untuk mengesahkan kemenangan mereka selepas daripada mereka belum lagi dibuktikan bersalah. Saya harap ada tindakan di pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

#### ■1210

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, punca kuasa pilihan raya kampus ialah Perlembagaan IPT dan kaedah-kaedah pelaksanaan pilihan raya ataupun pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar IPT berkenaan. KPT tidak terlibat dari segi itu. Kita tidak boleh mengesahkan dan juga kita tidak boleh campur tangan dalam pelaksanaan pemilihan MPP di mana-mana IPTA. Namun, kita memantaunya dan kita boleh memberikan pandangan kepada pentadbiran universiti. Saya tahulah Yang Berhormat Padang Terap ini bekas aktivis mahasiswa daripada *almamater* yang disebutnya itu. Terima kasih.

Berbalik kepada kes di UPM, apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua ialah setelah keputusan semua kerusi yang dipertandingkan telah diumumkan oleh pihak pentadbiran universiti. Selepas itu saya mendapat maklumat bahawa ada 33 orang calon termasuk 11 calon yang telah diumumkan menang dalam kerusi-kerusi yang dipertandingkan, dibatalkan kemenangan mereka malahan dibatalkan pencalonan mereka kerana adanya aduan dibuat oleh pihak yang lain.

Proses membuat aduan, maksud saya bantahan di sini adalah proses biasa yang memang ada dalam kaedah pelaksanaan pemilihan MPP di universiti tersebut. Persoalan yang timbul ialah pihak yang merasakan dia telah di bantah itu, merasa tidak puas hati kerana beberapa perkara. Oleh yang demikian, apa yang saya lakukan sebagai Timbalan Menteri yang bertanggungjawab ialah pada pagi esoknya menelefon dan bercakap dalam telefon dengan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia dan saya dengan jelas mengatakan saya tidak campur tangan. Saya mendapat maklumat ini dan saya memberikan pandangan dan menyerahkan sepenuhnya kepada pihak universiti untuk membuat keputusan tentang isu yang berkaitan.

Yang timbul Tuan Yang di-Pertua ialah bantahan dibuat oleh seseorang kepada yang saya katakan tadi 33 calon dengan dua alasan. Alasan yang pertama ialah yang 33 orang itu bertanding secara berkumpulan dan persoalan yang timbul ialah adakah yang membuat bantahan itu tidak bertanding secara berkumpulan? Kedua ialah kerana yang 33 orang itu menggunakan *Facebook* sebagai alat untuk berkempen. Persoalan yang timbul ialah bukankah *Facebook* ini suatu media sosial yang secara berleluasa digunakan oleh mahasiswa dan bagaimana mungkin kita tidak benarkan mereka menggunakan *Facebook* untuk mereka berkempen.



Walaupun difahamkan bahawa universiti berkaitan ada membina satu sistem lain untuk digunakan semasa berkempen, tetapi timbul isu bahawa ia bukanlah sesuatu yang diketahui kerana mahasiswa lebih lazim dan lebih terbiasa menggunakan apa yang kita kenali sebagai *Facebook*.

Apa yang berlaku selepas itu Tuan Yang di-Pertua ialah saya mendapat maklumat bahawa pembatalan itu tidak berlaku. Oleh yang demikian, dengan kebijaksanaan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia telah mengekalkan ataupun keputusan yang telah diumumkan kepada semua calon yang menang itu telah pun dikekalkan. Cuma selepas itu timbul perkara lain yang menyebabkan berlakunya..., bergantung persepsi kita melihatnya. Pokoknya yang penting ialah ada pintu yang pecah. Ini masih dalam siasatan polis.

Pada saya, kita di kementerian, pendirian kita jelas. Pertama sekali kita tidak campur tangan dalam pilihan raya kampus. Kedua, sekiranya ada mahasiswa melakukan kesalahan dari segi tata tertib sama ada pecah harta benda atau bergaduh dan sebagainya, maka tindakan tegas tetap akan diambil oleh universiti berkaitan kepada pelajar berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pengedaran borang soal selidik di Universiti Multimedia Melaka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bakri. Dimaklumkan bahawa perkara ini merupakan suatu kaji selidik yang dijalankan oleh sepasukan penyelidik daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia bertujuan mengenal pasti sikap dan kehendak pelajar-pelajar universiti di Malaysia terhadap persoalan pembinaan negara. Pelajar-pelajar Universiti Multimedia Melaka adalah merupakan sebahagian responden kajian yang turut dijalankan kepada pelajar-pelajar lain di beberapa IPTA dan IPTS.

Berkenaan cadangan Yang Berhormat Lenggong agar membawa pulang kajian Perak Man ke Muzium Arkeologi...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh minta penjelasan? Satu soalan sahaja. Pendek. Okey.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah saya dimaklumkan bahawa pegawai kerajaan menyebarkan buku-buku yang mengandungi soalan-soalan kaji selidik di Universiti Multimedia di Melaka. Soalan-soalan berkenaan berkaitan dengan perkara politik dan pelajar-pelajar diminta menjawab, adakah mereka menyokong parti politik tertentu. Adakah perkara seperti ini berlaku di institut dan universiti kita? Apakah tujuan perlakuan pegawai berkenaan dan siapakah yang memberikan arahan ini? Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Saya harus mengatakan yang saya tidak melihat soalan kaji selidik itu. Akan tetapi saya boleh menjawab secara umumlah. Lazimnya kalau kajian ataupun kaji selidik yang sedemikian dilakukan, memanglah soalan-soalan itu begitu banyak sekali. Kalau ia dibuat atas dasar tujuan akademik, kita tidak ada apa-apa halangan asalkan soalan itu bukanlah soalan yang menanya kepada perkara-perkara yang di luar daripada planet bumi. Biasanya atas kebebasan akademik, kita tidak menghalangnya.

Berbalik kepada Yang Berhormat Lenggong. Beliau minta membawa pulang kajian Perak Man ke Muzium Arkeologi Lenggong dan diwujudkan Fakulti Arkeologi di Lenggong. Suka saya maklumkan bahawa Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM sememangnya telah menjadikan Lenggong, Perak sebagai kawasan penyelidikan utama bagi pelajar yang mengikuti pengajian arkeologi yakni selain Lembah Bujang dan Jeniang di Kedah. Dimaklumkan juga kajian Perak Man yang ditemui di Lenggong oleh para penyelidik USM, pada masa ini berada di Muzium Negara di bawah pengawasan Jabatan Warisan Negara. Oleh yang demikian, soal perpindahan kajian Perak Man ke Muzium Arkeologi Lenggong adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Warisan.

Berkaitan cadangan Yang Berhormat Lenggong agar diwujudkan Fakulti Arkeologi USM di Lenggong, cadangan Yang Berhormat Tenggara untuk menubuhkan Fakulti Bio-tech dan cadangan Yang Berhormat Labuan untuk menubuhkan IPT di Labuan. Sebenarnya Labuan saya sudah jawab tadi, kementerian mengambil kira, mengambil maklum akan saranan-saranan tersebut.

Walau bagaimanapun, penubuhan sesuatu fakulti dan IPTA dibuat berdasarkan keperluan semasa dan juga kemampuan pembiayaan daripada kerajaan pada masa-masa yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan berhubung dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Kepada semua saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**12.19 tgh.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 10 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 8 Mac sehingga 17 Mac 2011. Sebanyak tujuh isu utama mengenai kementerian ini telah disentuh iaitu mengenai daya saing, pelaburan langsung asing atau FDI, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), automotif, halal, Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan birokrasi.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bandar Tun Razak membangkitkan berkenaan dengan kedudukan daya saing Malaysia berdasarkan *World Economic Forum* yang menjelaskan bahawa kedudukan Malaysia semakin menurun dan faktor penyebab dan langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan daya saing negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi daya saing Malaysia dilaporkan dalam tiga laporan utama antarabangsa iaitu *World Competitiveness Yearbook (WCY)* oleh *Institute for Management Development (IMD)*, *Global Competitiveness Report (GCR)* oleh *World Economic Forum* dan *Doing Business* oleh *World Bank*.

Daripada ketiga-tiga laporan ini, prestasi daya saing Malaysia menunjukkan peningkatan di dalam dua laporan iaitu *WCY* dan *Doing Business*. *World Competitiveness Yearbook 2010* meletakkan Malaysia di tangga ke-10 di kalangan 58 ekonomi berbanding di tempat ke-18 pada tahun sebelumnya. Bagi laporan *Doing Business 2011* Malaysia berada di tempat ke-21 di kalangan 183 ekonomi berbanding di tempat ke-23 pada tahun sebelumnya. Manakala bagi laporan *Global Competitiveness Report 2010-2011* pula kedudukan Malaysia menurun dari tempat ke-24 ke tempat ke-26 daripada 139 ekonomi.

Namun begitu pada hakikatnya Malaysia mencatatkan peningkatan indeks *score* dari 4.87 pada tahun sebelumnya kepada 4.88 pada tahun 2010. Tempat ke-26 ini masih meletakkan Malaysia dalam *quartile* pertama dengan izin di antara negara-negara yang paling berdaya saing. Terdapat faktor-faktor positif yang telah menyumbang ke arah prestasi daya saing negara. Analisa oleh GCR menunjukkan Malaysia mempunyai pasaran kewangan yang maju atau *well developed*, dengan izin, di tempat ke-7. Kemudahan untuk mendapatkan pinjaman tempat ke-10, kemudahan pembiayaan melalui ekuiti tempatan tempat ke-11, pasaran barangan yang efisien tempat ke-27.

Malaysia juga mencapai tempat yang baik di dalam kategori-kategori yang lebih kompleks yang menjadi keutamaan pada negara-negara maju seperti kecanggihan perniagaan tempat ke-25 dan inovasi tempat ke-24. Ini adalah satu petanda yang baik untuk masa hadapan negara kita. Malaysia juga berada di kedudukan yang baik dalam perolehan kerajaan bagi produk-produk berteknologi tinggi tempat ke-8 dan perbelanjaan syarikat bagi penyelidikan dan pembangunan tempat ke-16.

Namun demikian tidak dinafikan terdapat faktor-faktor yang boleh ditambah baik seperti pendidikan tinggi dan latihan iaitu tempat ke-49, institusi tempat ke-42, kesediaan teknologi tempat ke-40 dan kecekapan pasaran buruh tempat ke-35.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari akan faktor-faktor yang perlu ditambah baik ini kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam bidang pendidikan tinggi dan latihan, institusi, kesediaan teknologi, kecekapan pasaran buruh serta pendidikan rendah. Untuk meningkatkan lagi tahap kesihatan rakyat yang kurang berkemampuan khususnya yang tinggal di luar bandar, kerajaan menawarkan perkhidmatan kesihatan melalui Klinik 1Malaysia.

Bidang berkaitan dengan pendidikan pula merupakan salah satu bidang yang diberi tumpuan dalam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) yang bertujuan untuk memudahkan akses kepada pendidikan kualiti. Bidang pendidikan juga merupakan salah satu bidang yang termasuk dalam 12 bidang utama yang berpotensi untuk memacu pertumbuhan ekonomi seperti yang terangkum dalam NKEA. Penekanan kepada pertumbuhan yang dipacu oleh produktiviti dan inovasi juga menjadi keutamaan kerajaan sebagaimana yang disarankan oleh WEF di mana Malaysia perlu bersedia beralih kepada ekonomi yang didorong oleh inovasi.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat, minta laluan?

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Boleh saya habiskan ayat ini selepas itu saya bagi.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Sila.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ke arah itu, kerajaan telah menubuhkan unit khas yang dikenali sebagai Unit Inovasi Khas (UNIK) dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) di bawah pejabat Perdana Menteri yang berperanan memperkasakan strategi dan dasar bagi membentuk satu ekosistem yang kondusif untuk memacu pertumbuhan inovasi di dalam negara. Silakan.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita ucapkan tahniah dan jutaan terima kasih di atas usaha keras yang dibuat oleh MITI selama ini dalam memacu daya saing negara ke peringkat yang kita capai sekarang.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi satu keadaan yang memerlukan perancangan yang lebih jitu terutamanya persaingan dalam negara-negara yang *reshape the world orders* pada masa ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam hal ini, apakah perancangan yang dibuat oleh pihak kementerian dalam menghadapi kebangkitan dan juga perkembangan terbaru seperti China dan India (CHINDIA) yang dilihat mencapai satu keadaan yang sukar untuk kita bersaing. Akan tetapi mungkin kita boleh mengadakan pakatan dan juga menyertai perkembangan kemajuan yang dinikmati oleh kedua-dua negara ini di peringkat Asia Timur, Asia Selatan dan sebagainya.

Jadi dalam hal ini apakah persediaan yang telah dibuat oleh pihak kementerian menerusi jalinan kerjasama, perjanjian FTA dan sebagainya yang dilihat sama-sama untuk *win-win* sekurang-kurangnya untuk kita mencapai apa yang dirancang oleh pihak kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua seperti yang kita sedia maklum memanglah kedua-dua negara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau, China dan India merupakan dua ekonomi yang sejak 5-6 tahun ini bertumbuh begitu pesat. Pada waktu yang sama kita dapati bahawa kelebihan yang mereka punyai agak berbeza dengan kelebihan yang kita punyai.

Oleh kerana itu sudah tentu ada beberapa peluang dan ruang di mana kita dapat bekerjasama dengan mereka untuk berganding kelebihan-kelebihan ini. Susulan daripada itu, dengan China kita mempunyai perjanjian China dan ASEAN – Perjanjian Bebas Perdagangan iaitu CAFTA yang membuka pasaran China dan ASEAN kepada dua-dua pihak.

Sejak perjanjian ini dimeterai 1 Januari 2010 yang lepas, pertumbuhan eksport Malaysia ke China meningkat pada kadar 26 peratus. Ini membuktikan bahawa hubungan perdagangan antara kita dan China adalah satu hubungan memberi manfaat dan nikmat kepada rakyat Malaysia.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** [Bangun]

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** India pula baru-baru ini kita telah menandatangani perjanjian MICECA yang lebih kurang seperti FTA yang mana kita lihat selain daripada produk-produk tradisi seperti minyak sawit, getah dan sebagainya. Produk-produk lain *electronic* dan *electrical* dan bahan-bahan kimia juga dibuka pasaran di India dan ini juga kita jangkakan akan memberi manfaat yang besar kepada Malaysia.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh mencelah? Kota Belud.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Okey, silakan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya berkesempatan berbincang dengan pegawai-pegawai daripada agensi MITI di Shanghai, kebetulan sewaktu melawat *World Expo*. Antara lainnya ialah pegawai-pegawai itu mengatakan kepada saya bahawa mereka mempunyai sedikit masalah untuk mempromosikan Malaysia di kalangan ahli-ahli perniagaan di China ini kerana berita-berita yang datang daripada Malaysia yang keluar dalam surat khabar *local* di Shanghai ataupun di seluruh China itu begitu negatif tentang Malaysia. Contohnya mereka mengatakan ada seorang pegawai atasan Kementerian yang menjaga ekonomi di China yang melawat Malaysia dan media kita di sini tidak ataupun Kementerian ataupun bagaimana, apa masalahnya saya tidak tahu, berita itu tidak keluar di dalam surat khabar di China. Apa yang keluar ialah orang buang bayi, masalah individu-individu. Itu yang di *highlight*kan.

Jadi saya ingin hendak tanya, apakah Kementerian perlu mengambil tindakan untuk memastikan *information* tentang Malaysia ataupun hubungan antara China dan Malaysia ini dapat ditingkatkan, dapat dikeluarkan di dalam surat khabar tempatan di China. Terutamanya lawatan-lawatan oleh pegawai-pegawai kerajaan negara China yang datang ke Malaysia ini dikeluarkan di akhbar-akhbar tempatan di situ. Terima kasih.

■1230

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud di atas soalan tambahan tadi. Tuan Yang di-Pertua, memanglah dalam soal mempromosi perdagangan dan pelaburan di seluruh dunia persepsi memainkan peranan yang begitu penting sekali. Apabila media di satu-satu negara itu memberikan gambaran yang mungkin kurang tepat atau negatif terhadap negara, ia sedikit sebanyak akan menjejaskan kemungkinan pelabur dari negara tersebut untuk datang melabur di negara kita ini. Usaha ini diteruskan kerana selain daripada promosi perdagangan dan pelaburan sudah tentu ada perkara-perkara yang berkaitan dengan politik contohnya yang juga perlu di perbetulkan sekiranya laporan yang dibuat di media-media asing ini tidak tepat. Antara caranya ialah dengan kita sentiasa berhubung dengan pihak kedutaan China di Kuala Lumpur dan juga bagi pihak kedutaan kita pula di China untuk sentiasa rapat dengan pihak kerajaan khususnya Kementerian Luar di China untuk memperbetulkan sebarang persepsi yang tidak tepat itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melihat Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi negara mesti berupaya bersaing di peringkat serantau dan juga global. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan daya saing negara adalah seperti berikut; Program Transformasi Kerajaan atau GTP yang memfokuskan kepada usaha memperkukuh persekitaran perniagaan, membanteras rasuah, memperbaiki infrastruktur, mempermudah prosedur kerajaan di samping memperkukuhkan sistem pendidikan. Selain itu, kerajaan juga telah mempertingkatkan peranan agensi kerajaan seperti pengkorporatan, Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia atau MIDA dan pengkorporatan tersebut bertujuan memperkasakan MIDA untuk berunding terus dengan bakal pelabur, di samping memberi fleksibiliti kepada MIDA untuk menarik dan mengekalkan bakat yang diperlukan supaya menjadi sebuah agensi pelaburan yang kompetitif di peringkat antarabangsa.

Program Transformasi Ekonomi melalui Model Baru Ekonomi dan lapan inisiatif pembaharuan strategik atau *strategic reform initiative* dengan izin, untuk memastikan momentum pertumbuhan dapat dipercepatkan melalui pendekatan yang holistik dan seterusnya mencapai pembangunan mapan. Memberi fokus kepada sektor utama melalui aktiviti utama ekonomi nasional atau NKEA iaitu bidang di mana ekonomi negara mempunyai potensi untuk terus maju ke arah negara berpendapatan tinggi dan meningkatkan keyakinan pelabur asing dan tempatan untuk terus melabur di Malaysia termasuk juga koridor wilayah melalui misi perdagangan dan pelaburan, misi projek spesifik dan seminar pelaburan tempatan.

Kerajaan akan mengambil pendekatan berfokus ataupun *targeted approach* dengan izin, dengan sasaran untuk menarik syarikat-syarikat terkemuka khususnya dalam sektor berteknologi tinggi untuk melabur di Malaysia. Kerajaan mempunyai harapan yang tinggi bahawa kedudukan daya saing negara pada masa akan datang dapat ditingkatkan lagi selaras dengan pelbagai program transformasi yang sedang giat dilaksanakan. Diharap dapat dicerminkan dalam laporan *World Competitiveness Yearbook 2011* yang bakal diterbitkan pada bulan Mei. *Global Competitiveness Report 2011/2012* pada bulan September manakala Laporan *Doing Business 2012* dijangka diterbitkan dalam bulan November 2011. Kerajaan bertekad untuk terus...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** ...Meningkatkan prestasi daya saing negara dan menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 serta muncul sebagai peneraju ekonomi di peringkat global.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menyanjung semua kerja gigih dan baik dalam kementerian dan ini perlu diberikan segala sokongan. Meskipun saya perlu nyatakan di sini juga Yang Berhormat Timbalan Menteri ya, kekangan paling utama, *the greatest tumbling block* dalam menjadikan Malaysia *an investment, attractive investment destination* perlu diakui oleh kementerian adalah apa yang disebutkan sebagai kurangnya bekalan takungan pekerja yang punya kemahiran.

Oleh kerana itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang sebagai *world competitiveness, yearbooknya, reportnya, indexnya, GCRnya* dan sebagainya. Akan tetapi, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri lupa untuk menyatakan *World Banks Knowledge Economy Index* yang meletakkan Malaysia sudah hampir satu dekad pada ranking 48 daripada 145 negara yang mereka banci. Keseluruhannya kalau diringkaskan boleh saya sebutkan adalah tertakluk kepada kurangnya *the lack of* apa yang dikatakan sebagai *the soft infrastructure* dari segi *innovation* dan *education* yang melahirkan *knowledge workers* dan *skill workers* yang diperlukan sangat.

Kita punya *comparativeness* ataupun kita mempunyai daya saing tinggi dari sudut-sudut lain yang lain itu. Itu tidak saya pertikaikan. Akan tetapi, dari sudut ini kita mahu kerajaan dan kementerian memberikan fokus bagaimana untuk melonjakkan dan ini bukan perkara yang boleh dilakukan dengan serta-merta. *It is not a short terms* dasar-dasar yang seperti mana yang selalu kita lihat. Ini memerlukan masa dan kita mahu melihat satu komitmen yang jangka jauh, konkrit untuk melahirkan ini. Ini kerana selama itu kita tidak dapat memenuhi maka itu kita masih terkebelakang dari segi menggamit FDI. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta penjelasan sedikit.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor di atas soalan dan komen yang pertama tadi mengiktiraf usaha kerajaan untuk menarik pelaburan. Terima kasih di atas pengiktirafan tersebut.

Memang saya pun setuju bahawa kita mempunyai..., kita menghadapi sedikit kekangan dalam soal membekalkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi untuk menampung keperluan industri-industri yang berteknologi tinggi seperti mana yang kita mempromosi masa ini. Itu sebabnya sebentar tadi saya sebut mengenai peri pentingnya kita meningkatkan sistem pendidikan kita supaya berjaya kita untuk menampung keperluan tersebut. Antara cara yang kita lakukan ialah dengan mewujudkan *Talent Corp* yang mana ia mempunyai lebih kurang tiga objektif utama:

- (i) untuk mengekalkan kemahiran atau bakat yang wujud dalam negara kita ini supaya mereka tidak ke mana-mana dan mereka duduk di sini di Malaysia dan memenuhi permintaan pasaran;
- (ii) untuk menarik semula ataupun menarik pulang bakat-bakat warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara. Supaya mereka boleh melihat bahawa pasaran di Malaysia ini juga mampu memberi pulangan yang lumayan seperti mana yang mereka idam-idamkan; dan
- (iii) untuk kita menarik bakat dan kemahiran tinggi daripada kalangan orang-orang asing. Dalam soal ini saya ingat kerajaan sudah bersikap terbuka untuk membenarkan pekerja-pekerja asing berkemahiran tinggi untuk memegang satu-satu jawatan di dalam negara kita ini sekiranya jawatan tersebut tidak dapat dipenuhi oleh warganegara kita sendiri.

**Tuan Charles Anthony Anthony Santiago [Klang]:** [*Bangun*]

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Jadi ini antara pendekatan yang diambil untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor sebentar tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang bangun Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya, silakan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kita ada perbincangan mengenai persepsi dan hakikat. Saya hendak baca satu laporan yang dikeluarkan semalam oleh *the Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia* yang mengatakan bahawa kajian mereka mengenai persepsi ataupun pandangan daripada *businessmen* Malaysia mengatakan 54 peratus daripada mereka fikir bahawa Malaysia ataupun matlamat Malaysia untuk mencapai ETP tidak akan berjaya.

Itu bukan..., itu persepsi juga. Akan tetapi, ini bukan merupakan *businessman* sendiri yang mengatakan bahawa *they don't have positive perception the ETP will be realize in Malaysia*. Itu satu. Isu yang berkait juga berkait dengan perdagangan Malaysia dengan Jepun.

#### ■1240

*We are the third largest trading partner dan Japan is registered largest trading partner*, dan apakah implikasi masalah Jepun sekarang ini terhadap ekonomi Malaysia dan juga *sovereign debt problem* yang ada di *Europe* sekarang termasuk dengan masalah yang kita alami di Timur Tengah, adakah kita akan mencapai matlamat ETP ini sebab saya percaya ETP ini sebenarnya adalah bukan projek kerajaan? Kebanyakan daripada projek ETP adalah projek *private sector* dan pihak swasta hanya akan melabur kalau mereka nampak ada *certainty in the future*. *If the future is uncertain*, maka mereka tidak akan melabur. *So*, adakah pandangan ini sebenarnya diwakili oleh 54 peratus daripada wakil daripada *the Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia*, minta penjelasan.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Terima kasih Yang Berhormat Klang di atas soalan tambahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ini kali pertama saya mendengar mengenai kajian ataupun *survey* yang dibuat oleh pihak ACCCIM di mana dikatakan 54 peratus tidak yakin bahawa ETP itu akan berjaya. Ini menjadi cabaran kepada kerajaan untuk meyakinkan mereka. Itu sebabnya kita selalu berhubung dan berbincang dengan semua pihak termasuklah ACCCIM untuk menjayakan segala aspirasi dan cita-cita rakyat melalui ETP yang telah dilancarkan. Pada waktu yang sama, saya juga tertanya kepada diri saya sendiri dan saya yakin Yang Berhormat daripada Klang juga tertanya apa pilihan kita kalau tidak kita gunakan keupayaan dan dana daripada pihak swasta, adakah sebaliknya kita hendak letakkan beban pembiayaan itu di atas bahu rakyat melalui cukai dan sebagainya. Sudah tentu bagi sebuah negara yang ingin bertumbuh pesat ekonominya, kita mestilah mewujudkan hubungan yang lebih erat, kerjasama yang lebih erat antara kerajaan dan swasta dan peranan kerajaan adalah untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pelaburan dan pihak swasta pula mestilah memainkan peranan yang sepatutnya...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota belud]:** [Bangun]

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Jadi kalau pada peringkat ini mereka masih tidak yakin, maka menjadi tanggung jawab kerajaan untuk meyakinkan mereka dan kita akan sentiasa berbincang dengan mereka seperti yang kita lakukan sekarang ini, agak kerap sebenarnya untuk memahami apa masalah-masalah yang mereka hadapi supaya wang yang mereka ada itu tidak mereka laburkan di luar negara tetapi di laburkan di dalam negara kita...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota belud]:** Boleh, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Klang, saya setuju tetapi beliau agak gagal memberikan gambaran yang sebenarnya. Dalam *survey* ataupun kajian tersebut, sebenarnya ada beberapa faktor yang dibincangkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, responden daripada kajian tersebut mengatakan bahawa objektif kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup, 73 peratus setuju, boleh dicapai. Untuk mendapatkan *high income* 62 peratus setuju, lebih daripada setengah dan *sustainability* 74 peratus. Jadi yang hanya disentuh oleh Yang Berhormat Klang itu ialah tentang soal pengagihan *income* yang mana mereka masih lagi tidak begitu optimis, itu pun 56 peratus. Jadi secara keseluruhannya, saya berpendapat kajian ini sebenarnya mendukung ataupun menyokong Model Ekonomi Baru yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri boleh saya sambung sikit? *Finish the story*lah. Sebenarnya artikel yang dikeluarkan di Malaysian Insider dan saya baca mengapa mereka kata mereka ada masalah dengan..., mengapa Malaysia tidak dapat mencapai matlamat yang ditetapkan oleh *Economic Transformation Program*. Mereka mengatakan bahawa, *this is a quote from the report. "ACCCIM said that this lack of confidence was likely due to previous policy 'flip-flops', particularly when several keys New Economic Model reforms which were rolled back last year."* So, apa yang mereka katakan sebenarnya ialah oleh kerana mereka tidak yakin terhadap pencapaian ETP oleh kerana *flip-flop* yang dibuat oleh pihak kerajaan. Sebenarnya isu ini bukan isu persepsi sahaja tetapi memang kerajaan tidak *steady* ataupun tidak *certain* dalam dasar mereka. Itu yang mereka katakan masalah dan ini kita mesti terima sebab bagi orang yang buat *business*, mereka melaburkan berbilion-bilion ringgit *and therefore* mereka hendak *certainty* dalam mana-mana projek. So, itu kita mesti terima. Terima kasih.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, kalau boleh sekalikan dengan jawapan ini. Saya rasa tertarik untuk kita bahaskan perkara ini dengan lebih cermat dan bertanggungjawab. Isunya bukan sekadar untuk *one upmanship kind of stunt*, menteri jangan salah faham ya? Adalah lebih mustahak untuk kita kenal pasti di mana kekangan-kekangan itu. Saya lanjutkan sikit dengan perkara Yang Berhormat sebutkan tentang *Talent Corp*. Satu daripada sifat *knowledge workers* ini Timbalan Menteri, mereka hampir sudah tidak ada punya *allegiance* kepada mana-mana *nation*. Sebab itu mereka boleh pergi di mana pun.

Negara yang beri mereka ruang pekerjaan yang mereka anggap pada tanggapan mereka itu memberikan mereka itu ruang yang paling baik untuk *self-actualise* dan *self realise potential* mereka.

Oleh kerana itu saya juga minta kementerian memikirkan bukan sahaja insentif dan imbuhan tetapi yang lebih penting di situ mereka mahu merasakan mereka ada di satu negara bangsa yang memberikan ruang, yang *of equal opportunity* dan sebagainya. Bersabit dengan apa yang disebutkan oleh MP Klang sebentar tadi, apabila berlaku dasar yang *flip-flop*, maka contohnya, seperti mana yang disebutkan oleh seorang tokoh korporat dan Profesor Zainal Aznam daripada MIER baru-baru ini. Mereka menyebutkan bahawa apabila kerajaan patah balik atas isu suruhanjaya *equal opportunities* itu, ini meninggalkan kesan yang tidak baik bagi pelabur asing mahupun pelabur tempatan. Jadi perkara ini saya minta kita perhatikan dengan lebih bertangjawab. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Menteri, saya *just* hendak lengkapkan sedikit sahaja. Saya cuma ingin mencelah untuk menyentuh soal laporan *survey* daripada *the Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia*. Saya setuju dengan rakan saya daripada Yang Berhormat Kota Belud, walaupun kebimbangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Klang itu, kita memahami tetapi sebenarnya kita perlu melihat laporan ini selengkap-lengkapnya, *it needs entirety* dan agak tidak adil kepada kerajaan untuk mengatakan bahawa satu-satunya fokus yang mengatakan bahawa keyakinan businesses di bawah *the Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia* itu tidak berapa yakin terhadap ETP, sebab kalau kita lihat pecahan daripada mereka yang *disurvey* itu, *the ETP*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *was most positively received by businessman involved in finance and insurance - 57 peratus and tourism, shopping, hotels, restaurants, recreation and entertainment - 55 peratus*. Ini semua sektor yang ditekankan sebagai sektor yang perlu diberi fokus dalam pembangunan ekonomi yang moden, *services, finance* dan sebagainya. Apa yang kurang adalah dari segi *construction*, dari segi *real estate* dan sebagainya yang mana kita semua tahu ini adalah semua industri yang perlu kita alihkan kepada industri *services* dan sebagainya.

Kedua yang saya hendak tekankan untuk membantu kementerian di sini adalah bahawa kebimbangan mereka sebenarnya 42 peratus *cited worries*, dengan izin, yang *external* daripada Malaysia, yang sebenarnya tidak ada kena mengena dengan tadbir urus ekonomi kerajaan Malaysia tempatan, tetapi sebenarnya *cited worries about the Euro zone continued sovereign debt problems, political instability in a Middle East and the rising price of oil and inflation as reasons for their pessimism*

Ini semua perkara yang bukan *pessimism* yang datang, *originate* daripada pengurusan ekonomi Kerajaan Malaysia tetapi *exogenous*, dengan izin, *external factors*. Terima kasih.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Belud dan juga Yang Berhormat Rembau di atas penjelasan untuk mengklarifikasikan keadaan. Seperti yang kita lihat, daripada penjelasan yang dibuat ataupun soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Klang jelas kita faham bahawa apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah persepsi yang ditimbulkan oleh satu laman blog atau laman web iaitu Malaysian Insider yang melaporkan bahawa antara sebabnya kononnya ACCCIM membuat kajian itu ataupun keputusan yang dibuat oleh kajian ACCCIM itu adalah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat sendiri, *likely due to flip-flops*.

#### ■1250

Jadi yang pertamanya, perkataan '*likely*' itu, pada tafsiran saya ialah tafsiran *Malaysia Insider* sendiri terhadap kajian tersebut. Jadi ini bukannya tafsiran, mungkin banyak pihak yang lain termasuk Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Rembau. Jadi ini menunjukkan bahawa dalam soal persepsi tadi, amat-amat penting untuk media memahami apa tujuan kerajaan dan tentunya tujuan kerajaan adalah untuk kebaikan dan kepentingan rakyat. Sekiranya media sendiri menimbulkan persepsi yang negatif, jadi tidak patutlah mereka pula yang menyalahkan kerajaan di atas imej negatif yang diterima oleh pembaca kepada laman blog tersebut. Itu yang pertama.



Keduanya, dalam soal pelaburan. Sambil kita menyatakan bahawa kononnya persepsi pelabur tempatan ini agak negatif terhadap negara, ingin saya rujuk kepada pelaburan domestik pada tahun 2010 iaitu RM18.12 bilion. Itu bukannya satu angka yang menunjukkan sikap pesimistik sektor korporat ataupun sektor swasta negara kita. Sekiranya mereka terlalu tidak yakin dengan ekonomi negara kita, saya ingat mereka akan melabur dana ini di luar negara.

Selain daripada itu, seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor, daripada tinjauan kami bercakap dengan ramai golongan profesional Malaysia yang berkhidmat di luar negara, rata-rata mereka menyatakan rasa kesediaan mereka untuk pulang berkhidmat di dalam negara mereka sendiri iaitu di Malaysia sekiranya persekitarannya kondusif seperti yang saya nyatakan tadi. Yang agak membanggakan kami ialah ramai di kalangan mereka menyatakan bukan gaji yang mereka lihat tetapi ada perkara-perkara lain yang mereka bangkitkan dan sekiranya boleh diperbetulkan ataupun ditambah baik, mereka akan pulang. Jadi ini yang sedang diusahakan saya kira oleh pihak Talent Corporation.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingat kesudian Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan perkara itu dengan segala ketulusan itu satu keberanian saya kira. Akhirnya bukan hanya *economic reforms*, *economic reforms* akan hanya mampu kita jana ketika berlaku di sana *political reforms*. Ini satu perkara yang cukup penting pada reformasi. Saya pada awal tadi berucap bukan atas nada *one-upmanship*. Saya tegaskan perkara itu. Saya ingat Timbalan Menteri cukup menyanjungi dasar seperti ini. Jadi oleh sebab itu, cukuplah. Kalau tidak mahu dengar, tolong ya. Akan tetapi inilah perkara yang akhirnya perlu kita garap bersama, sebelah sana mahupun sebelah sini. Saya kira ini pertanggungjawaban bersama dan kalau Talent Corporation mahu mencapai kejayaan itu, perkara-perkara seperti ini cukup diperlukan kementerian dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya rasa isu ini sudah panjang Yang Berhormat.

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Saya isu lain ini tetapi berkait juga. Ini isu penting Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak berbalik kepada isu persepsi dan hakikat sebenarnya. Sekarang saya baca daripada *report Bank of America Merrill Lynch* yang dikeluarkan minggu lalu. Saya baca Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam bahasa Inggeris ini, dengan izin, "*Malaysia remains among the least popular markets for both global emerging market (GEM) and Asia-Pacific fund managers and suffered up to 43 peratus cuts in fund allocation, said a report by Bank of America Merrill Lynch released this week. In its March report...*" iaitu untuk bulan ini, "*...Malaysia retained its February rating as second least popular market after Columbia among GEM fund managers.*"

Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, kita ada masalah di depan kita. Masalah itu bukan sahaja isu persepsi tetapi *structural*. So soalan saya ialah, macam mana kita hendak mengatasi isu persepsi *as well as structural* supaya *we are back to as a leading investment country in South East Asia?*

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Sedikit Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Landasan yang kita ada sudah baik, dengan sekadar kita membuat *correctness* pada beberapa instrumen yang kita ada seperti pelabur akan terus kekal di negara kita selepas insentif yang ditawarkan oleh kerajaan ataupun mengurangkan kerenah birokrasi dalam *one stop agency* yang ada di negara kita, itu di antara kaedah-kaedah yang perlu dibuat pembetulan. *Market* kita sebenarnya *market* yang berkualiti walaupun penduduk kita kecil. Contohnya kita ambil BAT iaitu *British-American Tobacco* yang membuat dan memasarkan rokok. Sekotak rokok di Malaysia nilainya macam sepuluh kotak rokok yang dijual di negara-negara Afrika. *Single share* BAT sekarang mencapai RM48 satu unit atau RM48,000 satu lot.

Itu menunjukkan kita ada satu keadaan pemasaran yang cukup berkualiti dan yang cuma hendak diperbetulkan ialah dasar-dasar kita yang kemungkinan perlu disesuaikan dengan kehendak semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Terima kasih. Yang Berhormat Klang telah menyentuh mengenai laporan daripada Merrill Lynch yang saya faham bahawa ianya membuat kajian berdasarkan kepada maklumat yang diterima daripada *fund managers*. Oleh sebab itu, ianya bermaksud bahawa mereka menyentuh *soal equity markets* dan pihak kami di MITI memanglah berusaha untuk memberi gambaran yang positif mengenai negara Malaysia secara keseluruhannya, tetapi dengan pengkhususan kepada perdagangan dan pelaburan. Dalam soal pelaburan pun, bab ekuiti ini adalah satu sektor yang sedikit berbeza daripada apa yang kita usahakan. Walau bagaimanapun, memang dalam usaha-usaha kita untuk mempromosi negara, kita harapkan bahawa persepsi yang wujud di pemikiran *fund managers* juga dapat diperbetulkan sekiranya mempunyai persepsi yang negatif.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh tambah sikit Yang Berhormat?

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cukup yakin bahawa negara ini, kerajaan dan khususnya kementerian telah memainkan peranan yang lebih agresif ke arah menarik pelabur-pelabur luar. Halangan ataupun kekangan kita iaitu saya setuju dengan Yang Berhormat Arau iaitu birokrasi kita terlalu tinggi dan ini kalau dapat, dikurangkan. Satu lagi ancaman yang saya dapat lihat iaitu persepsi di mana kita membuat promosi besar-besaran tetapi ada pula pihak-pihak tertentu yang membuat macam-macam persepsi negatif terhadap negara kita. Ini mengekang pelabur-pelabur asing datang sebab mereka digambarkan dengan kebimbangan seolah-olah *economic reforms* kena ada *political reforms*. Ini sebetulnya bukan satu perkara yang boleh menjamin yang kita akan didatangi oleh pelabur-pelabur luar untuk melabur. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Soal birokrasi akan saya sentuh sebentar lagi sebab ianya memang termasuk dalam ulasan berikutnya. Dalam soal persepsi negatif yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu khususnya yang berkait dengan politik, saya ingat itu pun mungkin sedikit sebanyak ataupun secara tidak langsung telah disentuh oleh Yang Berhormat Kuala Selangor sebentar tadi. Memanglah menjadi tanggungjawab kami juga di pihak kerajaan untuk apabila ke luar negara berjumpa dengan penuntut-penuntut contohnya, untuk memberi gambaran yang sebenarnya mengenai keadaan politik dalam negara kita.

Saya mohon izin untuk diteruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Yang Berhormat Bandar Tun Razak memaklumkan mengenai pelaburan langsung asing atau FDI sebanyak RM29 bilion pada tahun 2010 di mana 50 peratus adalah dari Selangor dan Pulau Pinang. Manakala daripada RM18 bilion pelaburan dalam negara atau DDI, 25 peratus adalah dari Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mempergiatkan usaha-usaha untuk menarik pelaburan ke Malaysia terutamanya dalam sektor-sektor berteknologi tinggi, nilai tambah yang tinggi serta berintensif pengetahuan dan modal. Ini termasuk industri-industri yang dikenal pasti sebagai bidang pertumbuhan baru seperti industri solar, *advance electronics*, bioteknologi, aeroangkasa dan sebagainya. Bagi tahun 2010, sebanyak RM47.2 bilion pelaburan diluluskan dalam sektor perkilangan melalui 910 projek perkilangan. Daripada jumlah tersebut, RM29.1 bilion atau 61.7 peratus merupakan pelaburan asing (FDI), manakala RM18.1 bilion atau 38.3 peratus merupakan pelaburan domestik (DDI).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sambung petang nanti Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti.

**Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Mesyuarat]*

**2.30 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya Yang Berhormat MITI. Kementerian MITI.

**2.31 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung semula ucapan menggulung ke atas perbahasan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara negeri-negeri yang telah menerima jumlah pelaburan asing yang tinggi pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Pelaburan (RM Bilion)</b>
Pulau Pinang	10.5
Selangor	5.1
Sarawak	3.6
Johor	2.6
Perak	1.6
Kedah	1.6
Melaka	1.2

Kedua-dua negeri Pulau Pinang dan Selangor telah menerima kemasukan pelaburan asing yang tinggi pada tahun 2010 dengan jumlah pelaburan langsung asing yang diluluskan bernilai RM15.6 bilion ataupun 53.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan langsung asing yang diluluskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua negeri ini sememangnya telah menerima jumlah pelaburan yang tinggi semenjak kerajaan menggalakkan pelaburan dalam industri berteknologi tinggi pada awal tahun 2000.

Kedua-dua negeri ini merupakan antara penerima pelaburan asing tertinggi pada tahun 2000 iaitu RM8.2 bilion, 2001 – RM7.4 bilion, 2002 – RM3.6 bilion, 2005 – RM7.7 bilion dan 2006 – RM6.1 bilion. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek-projek yang diluluskan bagi tahun 2010 merupakan projek-projek yang berada di dalam perbincangan dan perundingan oleh pihak MIDA sejak beberapa tahun yang lepas. Pada kebiasaannya, pihak syarikat akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua hingga tiga tahun sebelum membuat sebarang keputusan untuk melabur di sesebuah negara.

Antara faktor utama lain yang menyebabkan para pelabur tertumpu di negeri Pulau Pinang dan Selangor adalah disebabkan oleh pembangunan prasarana yang pesat yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun seperti taman perindustrian, lebuh raya, lapangan terbang, pelabuhan serta penubuhan institusi pengajian tinggi dan pusat penyelidikan. Kedua-dua negeri ini juga mempunyai beberapa industri utama yang mampan dan tertubuh seperti *electrical* dan elektronik...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat, boleh saya mencelah di sini?

**Dato' Haji Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Boleh saya habiskan ayat ini sedikit sahaja lagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jemput.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Dan industri sokongan kejuruteraan selain daripada tertubuhnya industri elektronik dan *electrical* ini, ada juga industri sokongan kejuruteraan yang telah dibangunkan oleh kerajaan Barisan Nasional sejak awal tahun 1970-an yang menjadi tarikan utama pelabur asing. Silakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Jadi selama ini yang diuar-uarkan oleh kerajaan pembangkang di Pulau Pinang, kerajaan pembangkang di Selangor menyatakan bahawa merekalah yang membawa pelabur-pelabur asing ke negeri-negeri mereka sebenarnya ialah satu pembohongan yang besar. Sebenarnya sejarah pelabur-pelabur asing itu datang dengan segala usaha yang telah pun dijalankan lama dahulu oleh kerajaan Barisan Nasional. Jadi bagaimana mereka sanggup seperti pepatah Melayu kata, *'lembu punya susu, sapi punya nama'*. Ini sapi pun dia, lembu pun dia... [Ketawa]

Ini hendak masuk soalan, hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana kita tidak mahu rakyat terkeliru dengan permainan politik-politik pembohongan yang mendabik dada merekalah kerajaan yang bertanggungjawab membawa pelaburan, membawa macam-macam, sebenarnya tipu. Ini saya harap dapat dijelaskan kepada rakyat dengan lebih jelas supaya rakyat tidak tertipu dengan permainan-permainan ini. Saya hendak menyeru orang di Sarawak kena waspada dengan apa yang, mereka akan datang ke Sarawak nanti hendak berjanji. Kalau dia memerintah, tipu. Jadi apa komen Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Haji Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]:** Boleh sambung sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Boleh, boleh.

**Dato' Haji Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Sri Gading. Sepanjang pengalaman Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetuai delegasi kerajaan, kementerian ke luar negara, mempromosikan tentang pelaburan luar negara ke Malaysia ini, adakah mereka bertanya siapa dia menjadi Ketua Menteri negeri-negeri di Malaysia ini ataupun mereka bertanya tentang di mana ada pelabuhan yang terhebat, di mana ada infrastruktur yang terhebat?

Itu sebab saya melihat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sri Gading, saya menerima satu e-mel daripada tidak tahu siapa menghantar saya rasa semua Ahli Parlimen diberikan e-mel tersebut yang mengatakan bahawa seolah-olah ini adalah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Selangor. Kita bukan mengatakan mereka ini tidak baik, cuma apabila hanya menggambarkan bahawa negeri-negeri ini bertanggungjawab seolah-olah Kerajaan Persekutuan dan usaha-usaha Kerajaan Persekutuan itu tidak diiktiraf. Itu telah menjadi satu isu politik yang perlu diperjelaskan oleh kementerian ini. Terima kasih.

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh celah sedikit? Saya hendak respons kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai isu mengapa pelaburan datang ke Selangor dan Pulau Pinang. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ini adalah kerana *the Federal Government*. Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukankah satu ciri yang dilihat ataupun kriteria untuk pelaburan satu kerajaan yang bersih, satu kerajaan yang tidak ada rasuah dan satu kerajaan yang cekap.

■1440

Bukankah sekarang Selangor dan Pulau Pinang diterajui dengan pimpinan-pimpinan yang bersih, tidak rasuah dan cekap. Malah kita dapati Kerajaan Persekutuan memang berasuah. Banyak ada isu rasuah *so*, yang *product differentiation* kalau saya gunakan perkataan itu ialah Pulau Pinang dan juga Selangor tidak berasuah, cekap, dan *transaction cost* untuk *business* adalah kurang *so, this is the edge that Selangor and Penang provide for Malaysia*. Mungkin lain-lain negeri boleh bacalah.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Sedikit.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Termasuk dengan kementerian juga. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh saya mencelah di sini...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Sri Gading tunggu dahulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua. Cerita pembangkang ini menuduh kerajaan rasuah. Ini tuduhan telah lapuk. Rasuah, rasuah. Kalau kita minta bukti dia tidak dapat tunjukkan.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Sabar Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau kerajaan Selangor yang rasuah dan mencuri pasir dan sebagainya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Port Klang *Free Zone* paling besar sekali.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *No, no!* Saya mahu tanya...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Port Klang *Free Zone*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya mahu tanya Yang Berhormat...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Port Klang *Free Zone*, bagaimana?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Timbalan Menteri.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Itu bukan curikah?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini isu lama.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Curilah!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Isu lama yang terus diulang-ulang untuk menarik rakyat supaya benci Barisan Nasional. Itu sahaja. Bukti tidak ada.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh saya sedikit lagi minta pandangan input Yang Berhormat Kota Belud kalau boleh. Mana satu Yang Berhormat Menteri? Okey, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota beri Kota Belud. Cuma saya ingin mahu tanya sedikit Yang Berhormat Menteri, dalam berurusan dengan pelabur-pelabur asing ini, boleh atau tidak saya minta penerangan daripada Yang Berhormat Menteri? Berapa banyakkah perkara-perkara yang diuruskan dengan kerajaan negeri berbanding dengan Kerajaan Persekutuan yang dikatakan rasuah, tidak cekap, dan tidak amanah ini. Kalau didapati bahawa mereka ini berurusan banyak lagi dengan Kerajaan Persekutuan yang dikatakan rasuah, tidak amanah, dan zalim ini, maka saya rasa hujah pembangkang ini tidak boleh dipakai sama sekali. Minta tolong bangun.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya tidak mahu terlibat dalam perbahasan *political base* begini. Cuma saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tadi proses kelulusan ataupun merealisasikan pelaburan asing tadi mengambil masa dalam tiga tahun kalau tidak silap saya diberitahu sebentar tadi. Ia akan berkesan dalam masa tiga tahun. Kalau begitu ini bermakna, proses penubuhan PEMANDU ataupun PEMUDAH lebih mendatangkan kesan negatif. Kalau dahulu *Foreign Investment Committee* (FIC) dengan izin, yang ditubuhkan untuk mempermudah pelaburan. Kalau jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan proses ini memakan masa tiga tahun untuk direalisasikan. Ini bermakna ini satu kesan yang sangat negatif. Bermakna lagi teruk untuk menunggu proses kelulusan dan melaksanakan perkara tersebut. Saya rasa ini ada percanggahan yang memberi kesan negatif kepada pelabur asing.

Saya mahu tanya satu lagi, perkara yang ditimbulkan semasa saya berpeluang menghadiri persidangan WTO di Singapura tahun lepas yang bertanyakan meminta saya memberi pandangan kepada skandal PKFZ yang disebut dan hanya satu isu ini dibangkitkan. Ini kerana ada beberapa negara yang menunjukkan minat yang begitu tinggi untuk bersama dalam pembangunan PKFZ ini dan mereka menyokong kerana *free zone* ini melambangkan satu liberalisasi baru. Akan tetapi skandal PKFZ yang bernilai katanya RM10 bilion ini menjadi tanda hitam yang telah menyebabkan mereka mempunyai persepsi yang begitu buruk sekali terhadap industri yang berkaitan dengan *transportation* berbentuk begini.

Saya mahu tanya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri merasa perkara ini tidak signifikan sehingga ia tidak mendatangkan kesan sebagaimana rakan Yang Berhormat Sri Gading dan juga Yang Berhormat Kota Belud kalau tidak silap saya. Saya tidak pasti Yang Berhormat Kota Belud menyebut perkara itu atau tidak. Akan tetapi Yang Berhormat Sri Gading mengatakan perkara itu tidaklah signifikan dan sengaja dipolitikkan sedangkan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan dalam persidangan WTO memang mengkhusus kepada persoalan skandal PKFZ. Saya tidak ada *ground*, saya bukanlah yang mewakili negara untuk menjawab kerana saya tidak tahu secara spesifik berkenaan perkara itu. Saya mahu tahu pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, saya punya peluang lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi balik ke sana. Soalan politik dibangkit siapa sahajalah. Ketepikan, jawab soalan-soalan lain sahaja yang relevan dengan bukan perkara baru. Kalau tidak kita bahas baru ini. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah bangkit untuk mencelah sebentar tadi. Kalau boleh saya mahu menjawab dengan memberi sedikit gambaran mengenai proses untuk kita menarik pelaburan dan proses kelulusan itu sendiri. Ianya bermula dengan kadang-kadang itu kita panggil *cold calls*, dengan izin, di mana kita mengenal pasti satu industri atau sektor yang kita rasakan penting untuk kita bawa ke Malaysia. Contohnya, industri solar. Kita berjumpa dengan pengusaha-pengusaha dalam industri tersebut walaupun mereka mungkin tidak berminat untuk melabur di luar negara. Akan tetapi kita rasakan kita perlu menarik minat mereka dan sedikit demi sedikit kita meyakinkan mereka mengenai faedah yang mungkin mereka dapat raih sekiranya mereka membuat keputusan untuk melabur dalam negara kita ini. Proses untuk meyakinkan pelabur itu memakan masa tetapi proses untuk meluluskan lesen pengilang sekiranya mereka membuat keputusan untuk memohon, yang itu cepat.

Jadi, ada perbezaan yang ketara mengenai apa Yang Berhormat Indera Mahkota sebutkan dan dengan apa yang saya nyatakan tadi iaitu sekurang-kurangnya dua hingga tiga tahun yang saya maksudkan tadi ialah di pihak syarikat bukan di pihak kerajaan. Apabila dipohon, sudah tentu proses untuk luluskan itu cepat.

Jadi, dalam kita mahu yakinkan mereka sekiranya ianya satu pelaburan yang besar kadang-kadang itu mencecah hingga berbilion dolar ataupun berbilion ringgit, ya. Pertamanya, sudah tentulah pegawai-pegawai MIDA yang akan membuat inisiatif yang pertama untuk berjumpa dengan pihak mereka. Kalau perlu, apabila mereka sudah rasa-rasa seperti berminat untuk melabur di sini kadang-kadang itu Timbalan Menteri ataupun Menteri sendiri yang berjumpa dengan mereka. Kerap kali kita lihat dalam misi-misi perdagangan dan pelaburan yang diketuai bukan hanya oleh Menteri tetapi juga oleh Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri sendiri apabila mereka ke luar negara, ada juga di dalam jadual mereka itu lawatan-lawatan ke kilang ataupun berjumpa dengan pelabur-pelabur yang menyatakan minta untuk melabur di sini. Itu pun salah satu usaha untuk meyakinkan mereka datang ke Malaysia.

Contohnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri berjumpa dengan banyak pelabur-pelabur ini untuk menarik pelaburan mereka ke dalam negara kita tidak kira ke negeri mana, ya. Saya tahu, nanti saya akan sentuh mengenai tuduhan kononnya kerajaan hanya tumpu kepada negeri-negeri di bawah Barisan Nasional sahaja. Itu sebenarnya kita boleh buktikan tidak benar.

Saya mahu beri gambaran, ya daripada usaha-usaha yang kita buat ini sudah tentulah dua negeri ini Pulau Pinang dan Selangor pun mendapat nikmat daripadanya termasuk negeri Kedah saya sendiri. Saya ingin terangkan di sini kalau boleh diizinkan, ya.

Dari tahun 1995 hingga tahun 2010 iaitu 16 tahun di mana kita tahu dalam tempoh waktu 16 tahun itu, negeri Selangor dan Pulau Pinang berada di bawah pemerintahan Barisan Nasional selama 13 tahun daripada 16 tahun. Betul ya, kita setuju dengan angka itu. Negeri Johor jumlah pelaburan asing sahaja tidak termasuk pelaburan tempatan, tertinggi RM56.97 bilion dalam tempoh waktu 16 tahun tersebut. Johor nombor satu. Nombor dua, barulah negeri Selangor, RM49.531 bilion. Negeri Pulau Pinang RM48.578 bilion. Maksudnya, usaha-usaha kerajaan pusat ini untuk menarik pelaburan kepada semua negeri-negeri dalam Malaysia termasuklah dua negeri yang kita sebutkan tadi Selangor dan Pulau Pinang begitu berjaya sehinggakan membawa beratus bilion ringgit secara keseluruhannya kepada negeri-negeri ini.

#### ■1450

Sekali lagi saya ingin ulangi dalam tempoh waktu 16 tahun yang saya sebut tadi 1995 hingga 2010, selama 13 tahun kedua-dua negeri itu terletak di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Jadi tak akanlah yang tiga tahun yang terakhir ini sahaja yang hendak diungkit-ungkit oleh pihak Pakatan Rakyat kerana sebenarnya kejayaan yang kita lihat berlaku di kedua-dua negeri ini adalah hasil usaha daripada Kerajaan Persekutuan sebenarnya...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya, silakan Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya isu ini dibangkitkan oleh anggota Kabinet ataupun Barisan Nasional yang kata sekarang Penang dapat nombor satu, sekarang Selangor nombor dua. Ini semua adalah usaha pemimpin Barisan Nasional. Ini yang jadi isu dan ini yang menyebabkan kita hendak jawab balik bahawa kita di Pakatan Rakyat juga pernah berusaha dan memang berusaha bersungguh-sungguh untuk menarik masuk pelaburan asing. Di sini saya ingin tanya Yang Berhormat tentang insentif. Sebenarnya kita lihat kalau Yang Berhormat kata memang Barisan Nasional tidak hanya tumpukan kepada negeri di bawah Barisan Nasional sahaja macam mana dengan zon Iskandar. Begitu banyak potongan cukai diberi kepada mereka yang kerja di sana yang melabur di zon Iskandar tetapi tidak ada cukai macam ini diberi kepada kawasan di negeri di bawah Pakatan Rakyat. Ini satu.

Nombor dua ialah saya pernah juga bangkitkan bahawa yang memang insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia kepada pelabur asing ini memang tidak menarik kalau berbanding dengan Singapura, Vietnam malah negara China. Jadi memang kita terkebelakang kalau berbanding dengan tawaran yang diberi oleh negara-negara di rantau ini. Jadi saya memang hendak cadangkan kalau kita hendak tarik masuk lebih pelaburan asing kita haruslah menawarkan insentif yang lebih menarik baru kita dapat pelaburan asing masuk...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Sekali, boleh?

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Sebenarnya saya belum habis...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Berkaitan.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Menjawab soalan-soalan tadi sebenarnya. Kalau boleh diberi ruang untuk saya menyentuh soalan-soalan yang dibangkitkan sebentar tadi sebelum saya beri ruang kepada Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya ada kena-mengena dengan Yang Berhormat Seputeh. Lebih kurang sama.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Silakan.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Saya mengikut nasihat dan arahan yang dikeluarkan oleh Tuan Yang di-Pertua kata tidak mahu isu baru.

Ini isu yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya berkenaan dengan insentif. Saya rasa ini jadi macam hutang Yang Berhormat Timbalan Menteri berjanji dan Yang Berhormat Menteri juga berjanji hendak bagi kepada Dewan kepada saya jumlah berapakah nilai insentif yang telah kita tawarkan kepada pelabur-pelabur asing selama ini. Kita hanya kira berapa pelaburan yang dibawa masuk sahaja tetapi kita jangan lupa tawaran insentif yang telah kita bagi kepada mereka sehingga ada yang datang ke negara kita mereka ini tidak bayar cukai pun kerana cukai yang sepatutnya dibayar telah di *offset* oleh insentif yang kita bagi kepada mereka. Ini juga termasuk dalam insentif yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Seputeh tadi dan saya rasa kementerian patut memberi satu angka selama barangkali sepuluh tahun berapakah nilai insentif yang telah pun kita hilangkan, kita bagi kepada mereka sepatutnya menjadi hasil tetapi kita bagi sebagai insentif. Terima kasih.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Minta maaf Yang Berhormat Indera Mahkota sebab saya sedikit keliru sebab sebentar tadi saya dengar Yang Berhormat Seputeh kata bahawa insentif yang kita berikan tadi tidak menarik berbandingkan dengan Singapura dan negara-negara lain. Akan tetapi Yang Berhormat pula kata bahawa seolah-olah insentif yang kita berikan selama ini terlampau banyak ataupun berapa kerugian kita...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya tidak tahu jumlahnya sebab saya tidak pernah mendapat jumlah itu. Saya bertanya berkali-kali. Saya rasa ini sudah kali kelima saya tanya perkara ini...

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya, agaknya...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Dan kementerian janji banyak kali kata hendak bagi. Mana?

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Agaknya kita rasakan bahawa jawapan itu tidak diberikan kerana kita tidak nampak kerelevanannya sebab apa yang kita pentingkan...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Di sini ialah untuk menarik pelaburan.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Insentif Yang Berhormat Timbalan Menteri itu digariskan dalam undang-undang.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Saya hendak terangkan di sini bahawa sekiranya insentif tidak diberikan percayalah pelaburan itu tidak akan masuk dalam negara ini seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Seputeh tadi.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya minta maaf. Sebenarnya saya tidak kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham. Saya minta maaf. Akan tetapi maksud saya insentif itu seperti pelaburan modal, elaun modal, elaun pelaburan semula, elaun...

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Saya faham.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang ini boleh dikira. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak dapat dikira ini saya rasa terlalu bercanggah dengan maklumat yang sepatutnya kena bagi.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Bukan, bukan. Saya tidak kata tidak dapat dikira. Saya *clarify* sekali lagi. Mungkin Yang Berhormat tidak dengar saya kata tadi.

Saya kata tadi ianya pada pandangan kami tidak relevan. Bukannya tidak boleh dikira. Tidak relevan kerana biasalah kalau kita melabur RM1 kita mengharapkan kita akan mendapat RM100 dan itu pun yang kita dapat dari segi pelaburan yang datang ke dalam negara kita ini. Percayalah sekiranya kita hendak menarik pelaburan yang berjumlah berbilion-bilion ringgit seperti solar di Kulim High-Tech, *Selangor Science Park* di negeri Selangor dan sebagainya sudah tentu pulangan yang kita dapat itu jauh lebih besar daripada insentif yang kita berikan. Kalau tidak buat apalah kita hendak tarik pelaburan-pelaburan di sini dan yakinlah seperti yang saya nyatakan tadi sekiranya insentif itu tidak diberikan maka pelaburan itu akan ke negeri-negeri lain seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Seputeh tadi.



**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ringkas sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Saya hendak kepastian bermakna kementerian tidak ada data berkenaan dengan jumlah...

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Saya tidak kata begitu. Saya tidak kata begitu. Saya katakan tadi bahawa pada hemat kami antara sebab kita tidak mengemukakan angka-angka itu kerana kita tidak lihat, kita tidak nampak relevannya angka itu untuk dikemukakan, yang pentingnya adalah untuk kita menarik pelaburan itu. Kalau insentif tidak diberikan percayalah pelaburan itu tidak akan datang ke Malaysia maka kita tidak akan berdiri di sini bercakap mengenai pelaburan.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya sudah buat permohonan beberapa kali Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya faham yang kementerian berjanji untuk membekalkan kepada saya tentang angka tersebut. Akan tetapi saya kecewa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak signifikan dan rasanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kata perkara itu adalah rahsia barangkali.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Tidak, tidak. Ia tidak rahsia tetapi seperti yang saya katakan tadi banyak lagi perkara yang hendak kita buat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya bukan hendak menegurilah Yang Berhormat tetapi saya pandang ini macam kita cakap di luar. Seorang berdiri cakap, semua berdiri cakap. Jadi Yang Berhormat pun tidak duduk lagi. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak duduk. Biasanya Yang Berhormat mengikut peraturan kita Yang Berhormat saya hendak cuba ikut peraturan ini seorang bercakap seorang duduk.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya hendak duduk Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih cuma saya hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Akan tetapi Yang Berhormat tidak boleh juga macam itu kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap Yang Berhormat duduk, dengar.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Okey. Saya sudah habis. Saya hendak duduk cuma saya hendak minta kebenaran Dewan untuk saya memohon mendapatkan data tersebut. Terima kasih.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi untuk menyentuh apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Belud sebentar tadi dan juga Yang Berhormat Sri Gading iaitu yang pertamanya saya juga terkilan apabila mendengar kenyataan daripada Yang Berhormat Klang menuduh Kerajaan Barisan Nasional rasuah dan kononnya ini antara sebabnya pelaburan tidak masuk ke dalam negara walhal kita telah banyak kali menyebut tadi mengenai jumlah pelaburan yang masuk ke dalam negara ini yang sumbernya tempatan dan juga daripada luar negara yang semakin meningkat sebenarnya.

Jadi kalau itulah yang menjadi antara kriteria untuk membuat keputusan melabur ataupun tidak melabur dalam Malaysia ini angka-angka telah membuktikan bahawa keyakinan pelabur tempatan dan asing terhadap negara kita ini pada tahap yang agak tinggi dan Yang Berhormat Kota Belud telah menyentuh soal berapa banyakkah pelabur yang tanyakan mengenai urusan kerajaan negeri dan ini juga yang disentuh saya ingat oleh Yang Berhormat Seputeh. Ingin saya nyatakan di sini bahawa insentif yang diberikan untuk menarik minat pelaburan ke dalam negara kita ini kebanyakannya atau majoritinya datang daripada Kerajaan Persekutuan dan di peringkat negeri saya tidak nampak begitu banyak insentif yang diberikan. Selain mungkin daripada tanah itu pun tidak diberi secara percuma tanah yang diberikan oleh negeri sudah tentu mungkin *leasehold*, dengan izin, tempohnya mungkin 60 tahun dan sebagainya. Selain itu mungkin sedikit-sedikitlah dari segi mungkin dana untuk geran latihan dan sebagainya tetapi sebenarnya geran-geran seperti itu juga diberikan oleh Kerajaan Persekutuan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya silakan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Makna Yang Berhormat ini pelabur-pelabur asing ini tidak diperlukan untuk berurusan dengan kerajaan negeri. Saya tidak memperkecilkan kerajaan negeri cuma saya ingin *put the record straight* dengan izin sebab terlalu banyak dikatakan di luar sana yang mengatakan bahawa pelaburan ini datang hanya kerana usaha kerajaan negeri. Itu yang menjadi masalah kepada kami di Barisan Nasional ini sampai saya menerima segala jenis macam e-mel dan sebagainya.

■1500

Jadi apa yang dikatakan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah kerajaan negeri tidak di *engage*, dengan izin, oleh pelabur asing ini melainkan Kerajaan Persekutuan yang memberi insentif dan juga tawaran-tawaran tersebut.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Ya, begitulah Yang Berhormat Kota Belud, kerana insentif-insentif yang kita berikan adalah semata-mata untuk menarik pelabur ini untuk datang ke Malaysia. Akhirnya, mereka sendiri yang akan membuat keputusan, negeri mana yang ingin mereka melabur dan ini berdasarkan kepada mungkin dari segi prasarana, mungkin dari segi bekalan tenaga kerja mahir dan sebagainya. Ingin saya jelaskan di sini juga bahawa insentif yang kita berikan kepada pelabur sekiranya mereka melabur di Pulau Pinang dan Selangor adalah sama lebih kurang dari segi *packagingnya* secara keseluruhannya dengan apa yang ditawarkan kepada pelabur yang melihat untuk melabur di Iskandar atau IRDA.

Seperkara yang ingin saya sentuh di sini ialah soal *customized incentive*, dengan izin. *Customized incentive* ini berdasarkan kepada keperluan pelabur itu sendiri, kadang-kadang itu *incentive pre-package* yang kita adakan, dengan izin, mungkin tidak menepati cita rasa mereka. Oleh kerana itu kita mengambil pendekatan untuk berbincang dan berunding dengan mereka apa yang mereka perlukan dan ini juga kita juruskan kepada negeri-negeri yang menjadi tujuan pelaburan mereka. Izinkan saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Lagi panjang Yang Berhormat?

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Agak panjang juga, kalau boleh saya kena cepat. Yang Berhormat Seputeh memohon agar kerajaan turut mengiktiraf usaha Kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang dalam meningkatkan jumlah pelaburan asing pada 2010 berbanding 2009 dan meminta penjelasan sama ada MIDA mempunyai kebebasan dalam menawarkan insentif kepada pelabur-pelabur asing selepas dikorporatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sememangnya tidak perlu mengiktiraf usaha mana-mana negeri yang kononnya berjaya menarik pelaburan asing yang tinggi. Ini adalah kerana langkah-langkah penggalakan pelaburan yang terus giat dijalankan oleh kerajaan, khususnya MIDA untuk menarik pelaburan asing turut menjadi punca utama kejayaan kemasukan pelaburan asing ke Malaysia...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, tengok ini, jawapan amat tidak *gentleman* tahu.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Termasuk ke negeri Pulau Pinang dan Selangor.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Apabila kami mengiktiraf usaha daripada pihak MIDA, pihak Kerajaan Persekutuan, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, "*Oh, kami tidak perlu iktiraf usaha daripada kerajaan negeri*", tengok...

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Saya masih berdiri lagi Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak *gentleman* langsung. Kita harus berpakat, berusaha bersama-sama untuk menarik masuk pelaburan asing dan bukannya mengagung-agungkan diri sahaja.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Ironisnya Yang Berhormat, sambil Yang Berhormat minta saya berhema, Yang Berhormat berdiri tanpa minta izin tadi. Pada pandangan saya, contohnya konsert yang telah dianjurkan di Pulau Pinang baru-baru ini pun tidak mengiktiraf kerja-kerja baik yang telah dibuat oleh MIDA dan Kerajaan Persekutuan. Kalau dirasakan bahawa usaha daripada MIDA dan MITI ini tidak diperlukan untuk menarik pelaburan ke Pulau Pinang dan Selangor, tolong bagi tahu kami, boleh kami ubahkan dana itu kepada negeri-negeri yang memerlukan seperti negeri Kedah iaitu negeri yang juga di bawah pemerintahan pakatan pembangkang dan negeri saya sendiri. Manfaat yang diperolehi daripada pelaburan asing akan turut dinikmati oleh semua negeri. Sepatutnya kerajaan negeri, khususnya Pulau Pinang dan Selangor yang mengiktiraf usaha Kerajaan Persekutuan dalam menarik pelaburan asing ke negeri-negeri tersebut.

Seperti mana yang telah dimaklumkan, di samping negeri Pulau Pinang dan Selangor, negeri-negeri lain juga turut menerima paras pelaburan asing yang tinggi pada tahun 2010. Antara negeri-negeri ini termasuklah Sarawak dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.6 bilion, Johor dengan jumlah pelaburan RM2.6 bilion, Perak RM1.6 bilion, Kedah RM1.6 bilion dan Melaka dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.2 bilion.

Antara sebab utama kemasukan pelaburan asing ke negara ini adalah tawaran pelbagai jenis galakan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Antara galakan-galakan ini termasuklah galakan taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan semula, pengecualian duti import ke atas bahan mentah, pengecualian duti import dan cukai jualan bagi jentera dan kelengkapan serta penawaran galakan istimewa atau *customized incentives*, dengan izin, yang telah saya sentuh tadi. Lain-lain insentif yang dilaksanakan untuk menarik pelaburan asing termasuklah memperkenalkan pendekatan berfokus atau *targeted approach*, dengan izin. Sasaran FDI adalah ditumpukan untuk menarik syarikat-syarikat terkemuka khususnya di dalam sektor-sektor yang mempunyai nilai tambah tinggi, industri berasaskan pengetahuan dan berteknologi tinggi.

Menganjurkan misi penggalakan pelaburan atau mesyuarat meja bulat, *round table discussions*, dengan izin, yang diketahui oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Pada tahun 2011, sebanyak 13 misi penggalakan pelaburan akan diadakan bagi mencapai matlamat ini. Menganjurkan *specific project mission* atau SPM, dengan izin, untuk berjumpa dan berbincang dengan syarikat yang dikenal pasti dan berpotensi untuk melabur di Malaysia dengan memberi maklumat terperinci untuk membantu syarikat membuat keputusan pelaburan di Malaysia. Sejumlah 34 SPM akan diadakan bagi tujuan ini.

Menganjurkan Program Pemimpin Industri atau *Industry Leaders Program*, dengan izin, di mana pemimpin dari dunia perniagaan dan industri yang terpilih dijemput ke Malaysia untuk diberi pendedahan tentang...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Iklim dan peluang pelaburan di Malaysia dan menyebarkan maklumat berkenaan kepada syarikat-syarikat asing yang berpotensi. Silakan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan saya ialah apakah perbezaan di antara MIDA yang dikorporatkan dan belum dikorporatkan. Adakah ia lebih cepat memberi insentif kah, kita kata *cut a deal* kah atau macam mana? Ini soalan saya. Jangan baca apa yang diberi oleh pegawai MITI dan MIDA sahaja, jawab soalan saya, *thank you*.

**Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir:** Saya mohon Yang Berhormat Seputeh sabar kerana saya memang hendak sampai ke perkara tersebut. Menganjurkan persidangan antarabangsa di Malaysia. Antara objektif penganjuran persidangan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada syarikat asing yang menghadiri persidangan tentang iklim pelaburan di Malaysia. Selain itu, ia merupakan landasan untuk memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi utama menjalankan perniagaan di rantau ini. Baru-baru ini kerajaan telah memutuskan untuk memperkasa MIDA dengan kuasa yang diperlukan untuk berunding secara terus dengan pelabur untuk projek yang disasarkan.

Sehubungan dengan ini Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan atau NCI telah pun ditubuhkan di MIDA pada Mei 2010 untuk menilai, mempertimbangkan dan meluluskan projek pelaburan secara *real time*, dengan izin. Jawatankuasa ini diwakili oleh pegawai atasan daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Bank Negara Malaysia, MITI dan EPU serta pelbagai agensi-agensi lain sekiranya perlu dan keputusan NCI adalah muktamad. Jawatankuasa ini telah mengambil alih peranan Jawatankuasa Bertindak Mengenai Perindustrian (ACI), *National Committee on Investment in Services Subsectors* (NCIS), Jawatankuasa Tertinggi Galakan Istimewa dan Jawatankuasa di Pelbagai Koridor Ekonomi.

Yang Berhormat Seputeh membangkitkan mengenai Menteri-menteri gigih menjemput pelabur ke Iskandar Malaysia dan bukan negeri Pakatan Rakyat tetapi para pelabur tetap pergi ke negeri Pakatan Rakyat, itu katanya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menggalakkan pelaburan di seluruh Malaysia dan bukan hanya ke sesebuah negeri. Walau bagaimanapun, keputusan untuk menempatkan sesebuah projek di mana-mana negeri di Malaysia adalah terpulang kepada para pelabur dan ini bergantung kepada kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh pelabur. Antara faktor utama yang dipertimbangkan oleh para pelabur termasuklah kewujudan prasarana terbina seperti Taman Teknologi Tinggi, Taman Perindustrian, Zon Perindustrian Bebas, serta kewujudan institusi pengajian tinggi tempatan dan pusat penyelidikan, kemudahan utiliti, kemudahan rangkaian pengangkutan dan kewujudan kluster industri tempatan untuk menyokong kelancaran operasi projek dalam urusan pembekalan bahan mentah, komponen, dan perkhidmatan oleh vendor tempatan.

#### ■1510

Oleh yang demikian, pada kebiasaannya, negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Kedah merupakan pilihan utama para pelabur asing memandangkan negeri-negeri ini pada relatifnya mempunyai prasarana perindustrian yang mampan serta kluster industri yang lama tertubuh. Walau bagaimanapun, dengan pembangunan koridor wilayah, adalah dijangka paras pelaburan di negeri-negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak akan meningkat dengan ketara.

Yang Berhormat Seputeh membandingkan kaedah menarik pelabur luar yang dijalankan oleh Daerah Jiaying di China yang mana kerajaan *provinces* diberi kuasa untuk memberikan galakan sendiri. Beliau juga memohon kerajaan mengkaji semula insentif yang ditawarkan untuk menarik pelaburan berteknologi tinggi ke Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di samping galakan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri juga boleh menawarkan pelbagai galakan khas untuk menarik pelaburan asing. Ini termasuklah menawarkan tanah perindustrian atau bangunan siap pada kadar harga yang komparatif kepada para pelabur. Kerajaan negeri juga harus memantapkan sistem penyampaian di peringkat negeri supaya ianya adalah cekap dan berkesan bagi para pelabur mendapat kelulusan di peringkat negeri serta melicinkan pelaksanaan projek...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya pohon...

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya, sedikit lagi. Biar saya habis para ini. Dalam perkara ini, pejabat MIDA negeri sentiasa membantu pelabur untuk berurusan dengan kerajaan negeri serta pelbagai pihak berkuasa tempatan di dalam memastikan projek dapat dilaksanakan tanpa sebarang masalah. Sila.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengalu-alukan segala usaha baik dari MITI dan MIDA untuk menarik pelabur asing. Akan tetapi persoalan saya, apakah langkah atau rancangan rapi apabila kita meluluskan sebarang projek, adakah kita mempunyai *filter system* untuk memastikan kilang-kilang yang masuk ke tanah air kita ini adalah selamat dan tidak membawa kesan sampingan seperti krisis radioaktif?

Baru-baru ini, Lynas Rare Earth dari Australia telah bercadang untuk membina kilang mereka memproses torium, sejenis bahan radioaktif yang amat berbahaya yang pernah dilarang di Asian Rare Earth di Bukit Merah, Perak. Kita patut mengambil iktibar daripada krisis radioaktif dahulu dari Asian Rare Earth memandangkan Asian Rare Earth selepas tutup kilang masih membelanjakan RM330 juta untuk membersihkan tapak dan telah terbukti ada bukti menunjukkan *rare earth* ini mengakibatkan penyakit leukemia yang boleh membawa maut kepada penduduk tempatan.

Di Taiping, Perak, ada kilang magnesium yang telah diluluskan oleh MIDA dan MITI. Magnesium ini sebenarnya pelabur itu pernah memohon di negara China tetapi oleh sebab bahan prosesnya yang mungkin membawa kesan sampingan yang cukup serius, maka Kerajaan China telah tolak pelabur tersebut. Akan tetapi akhirnya, dia datang ke Malaysia pula. Kita lihat juga kawasan Menteri Pelancongan di Raub, Pahang, pelabur dari Australia menggunakan *cyanide* untuk melombong emas. Kes-kes sedemikian, apa pun boleh dikatakan oleh kerajaan sama ada jaminan secara mulut tetapi kebimbangan oleh penduduk tempatan tetap ada. Kita hendak tahu di sini, apakah *filter system* daripada pihak MIDA dan MITI untuk memastikan apabila kita menarik pelabur-pelabur asing masuk, ia bukan secara membuta-tuli dan tidak ada kesan sampingan yang boleh menjejaskan alam sekitar kita? Sekian, terima kasih.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping di atas...

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Kalau tidak, boleh saya tambah sedikit soalan Yang Berhormat?

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya.

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Terima kasih. Saya ingin menambah sedikit kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Taiping tadi berkenaan dengan kilang Lynas yang akan dibina di Gebeng, Kuantan. Saya menambah soalan itu bukan sahaja dari segi risiko industri tersebut. Akan tetapi Lynas Corporation merupakan satu syarikat milik penuh Australia dan dianugerahkan oleh MITI *strategic pioneers status* yang bermaksud selama 12 tahun mereka tidak perlu membayar cukai. Jumlah eksport mereka nanti apabila beroperasi secara sepenuhnya akan berjumlah lebih kurang RM8 bilion setahun dan tidak langsung mereka perlu bayar cukai. Sebaliknya, mereka meninggalkan risiko dengan *waste management*, sisa buangan radioaktif yang kita khuatir keselamatannya bagi rakyat setempat dan juga alam sekitar. Harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskannya.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya, terima kasih kedua-dua Yang Berhormat dari Taiping dan Kuantan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan tadi. Ini semuanya perkara-perkara ataupun isu-isu baru sebenarnya yang diingatkan kita oleh Tuan Yang di-Pertua tadi supaya kita menjuruskan perbincangan kita kepada apa yang telah dibangkitkan sebelum ini.

Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan di sini bahawa pihak kementerian ataupun MITI meluluskan lesen pengilangan ini berdasarkan kepada permohonan. Dalam soal kesan kepada alam sekitar itu, itu adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar ataupun *Department of Environment* (DOE). Bagi projek-projek sensitif yang melibatkan persekitaran, ia terlebih dahulu perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar iaitu seperti yang kita tahu, laporan *Environmental Impact Analysis* (EIA) yang perlu disediakan oleh pihak pemohon.

Walau bagaimanapun, perkara ini adalah satu perkara yang menjadi perhatian masyarakat dan saya kira ia masih sedang disiasat dengan lebih mendalam lagi. Saya mohon izin...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri beralih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kembali kepada persoalan MIDA yang telah mengalami pengkorporatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Apakah jaminan bagi menyaksikan MIDA dengan satu MIDAS *touch* untuk masa ke hadapan tadi, dapat kita benar-benar mengupayakan MIDA? Ini sebab MIDA ini dia akan berperanan sekali gus seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan, sebagai satu *central investment agency* yang setelah mengalami pengkorporatan, bertanggungjawab dan *terms of reference* atau bidang kuasanya itu sudah jauh lebih besar.

Persoalannya, dengan *organizational flexibility* ini, dengan pengupayaan baru ini, apakah sekali gus MIDA juga perlu mengambil perhitungan tentang *attracting* apa yang dikatakan sebagai *attract and retain human capital*? Saya kembali kepada persoalan Talent Corporation tadi yang perlu ada kerjasama yang disekalikan di situ kerana pada akhirnya MIDA ini bukan hanya bercakap tentang pelaburan tetapi pelaburan yang mesti *in tandem* dengan *The New Economic Model* untuk melahirkan akhirnya sebagai *the higher income economy* berdasarkan *higher performing economy*.

Akan tetapi kalau hanya mahu dilihat adalah hanya pelaburan masuk, kita bercakap hari ini tentang *quality of investment*. Perkara yang disebutkan tentang Merrill Lynch tadi itu adalah *equity market. Portfolio investment that comes in and out* itu *hot money*. Itu satu hal lain. Akan tetapi dalam perkara ini, kalau MIDA tidak berperanan bukan hanya untuk menggamit pelaburan tetapi kualiti pelaburan untuk pada akhirnya khususnya dalam bidang *manufacturing* dan *services sector*, maka di antara objektif dan apa juga yang kita dapat di dalam pelaburan mungkin ada kesenjangan, *disparity* ataupun yang tidak dapat akhirnya menyaksikan objektif NEM itu dicapai. Ini perkara yang saya rasa kementerian perlu mengambil perhatian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, saya ingin ingatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah sejam setengah Yang Berhormat.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya, ya, saya akan cuba habiskan secepat mungkin Tuan Yang di-Pertua, sekiranya tidak ada yang mencelah terlalu kerap. Saya lihat apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor itu sebagai satu masalah ayam dan telur, yang mana yang kita buat dahulu. Kalau dahulu kita memberi penekanan kepada melahirkan lebih ramai lagi profesional yang berkemahiran tinggi tetapi tidak menyediakan peluang pekerjaan yang menepati kelayakan akademik tersebut, maka itulah antara sebabnya kenapa mereka ini keluar negara untuk mencari nafkah. Sekarang ini kita dalam keadaan di mana kita menarik pelaburan-pelaburan yang berteknologi tinggi, yang memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi ini, tetapi masalahnya pula, kekurangan bakat ataupun *talent* seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

■1520

Jadi, saya ingat usaha yang sedang kita lakukan melalui Talent Corporation ialah untuk mengatasi masalah ayam dan telur ini supaya kita dapat memadamkan bekalan dengan keperluan. Saya ingin teruskan...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Menteri, sedikit tentang MIDA tadi.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya, yang terakhirlah kalau boleh.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Disebutkan tadi MIDA sedang di *restructure* supaya dapat mengendalikan urusan *investment* ini dengan *real time*, dengan lebih cepat mungkin. Disebutkan tadi mereka yang duduk dalam MIDA, wakil daripada MOF, wakil daripada MITI dan sebagainya. Akan tetapi saya nak mencadangkan kalau *real time* ini, apakah tidak boleh wakil daripada *investment committee* setiap negeri berada sama untuk memastikan keputusan *investment* itu betul-betul *real time*. Jadi, saya nak mencadangkan sedemikian. Bagaimana pandangan?

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya, apa yang kita maksudkan dengan *real time* ialah untuk yang peringkat awalnya, meyakinkan pelabur itu untuk melabur di negara Malaysia secara keseluruhannya. Kemudian sudah tentu pelabur akan meminta apa jenis insentif yang akan dibekalkan oleh MIDA dan itu yang saya maksudkan *real time* di mana MIDA boleh menawarkan insentif berbentuk *template* seperti mana yang kita adakan seperti biasa.

Ini ataupun pada waktu itu apabila dirasakan sesuai, kita tawarkan sesuatu yang lebih *customized* dengan izin. Oleh kerana itu saya ingat di peringkat awal itu tak perlu untuk kita melibatkan agensi penggalakan pelaburan daripada peringkat negeri.

Yang Berhormat Sipitang telah mencadangkan agar kerajaan memberi insentif secara khusus kepada syarikat-syarikat untuk membuka kilang mereka di negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2000 hingga 2010, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan bagi seluruh negara adalah sebanyak RM410.2 bilion. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM19 bilion pelaburan telah diluluskan bagi negeri Sabah yang terdiri daripada pelaburan asing sebanyak RM9.6 bilion dan pelaburan domestik sebanyak RM9.4 bilion.

Jumlah ini meletakkan negeri Sabah sebagai negeri kesembilan yang menerima jumlah pelaburan tertinggi yang diluluskan bagi tempoh tersebut. Daripada jumlah pelaburan sebanyak RM19 bilion itu, sebanyak RM15.7 bilion telah diluluskan dengan galakan cukai. Kerajaan sentiasa menggalakkan pembangunan perindustrian yang seimbang dalam negara. Kerajaan Pusat berusaha untuk menarik minat pelabur dengan menyediakan beberapa insentif berbentuk fiskal dan bukan fiskal untuk menggalakkan pelaburan di negeri Sabah.

Insentif utama yang ditawarkan oleh kerajaan adalah galakan taraf perintis ataupun elau cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Kerajaan juga menawarkan Skim Galakan Istimewa atau *Prepackaged Incentive* dengan izin, yang mengandungi pelbagai jenis galakan berbentuk fiskal dan bukan fiskal berdasarkan perbincangan dengan bakal pelabur bagi projek-projek yang disasarkan iaitu yang berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi, berdasarkan pengetahuan dan mempunyai nilai rantai yang meluas. Di samping pemberian insentif, kerajaan juga menawarkan pengecualian duti import ke atas bahan mentah atau komponen dan mesin atau peralatan kepada syarikat perkilangan di negeri Sabah dan Sarawak di mana kelulusan diberikan sekiranya tiada pengilang tempatan bagi keluaran tersebut di negeri Sabah dan Sarawak walaupun terdapat pengilang tersebut di Semenanjung Malaysia.

Selain daripada sektor perkilangan, kerajaan juga menawarkan galakan bagi aktiviti hotel dan pelancongan. Sejumlah 65 projek hotel dan pelancongan telah diluluskan galakan insentif di Sabah daripada tahun 2000 hingga 2010 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1 bilion. Bagi mempergiatkan lagi industri pelancongan Sabah dan Sarawak, kerajaan melalui Belanjawan 2009 telah mengumumkan pemberian galakan cukai untuk penubuhan hotel empat dan lima bintang yang baru di kedua-dua negeri ini.

Kerajaan juga memberi tumpuan ke atas pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah melalui penubuhan Koridor Pembangunan Sabah (SDC). SDC meliputi seluruh negeri Sabah dengan tumpuan diberi kepada Kawasan Pembangunan Strategik (SDA) yang telah dikenal pasti bagi menjana peluang pekerjaan dan pendapatan setempat serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mapan. Pembangunan di kawasan ini akan memberi faedah limpahan kepada kawasan pedalaman dan sekitarnya.

Yang Berhormat Pasir Mas telah menyentuh isu meningkatkan penyertaan syarikat bumiputera dalam pegangan saham dan yang berada dalam syarikat kecil kepada syarikat pertengahan dan sumbangan syarikat-syarikat PKS terhadap pendapatan negara kasar atau *gross national income*, dengan izin. Apakah usaha kementerian dalam hal ini? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI melalui Bahagian Pembangunan Keusahawanan (BPU) telah melaksanakan beberapa program untuk meningkatkan penyertaan bumiputera yang berada dalam syarikat kecil kepada syarikat pertengahan.

Satu pendekatan bersepadu yang telah dilaksanakan oleh BPU adalah menerusi program peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan atau lebih dikenali sebagai program *groom big*. Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan kedudukan usahawan bumiputera daripada peringkat mikro, kecil hingga ke sederhana yang bersedia untuk mengeksport produk-produk dan perkhidmatan ke peringkat global. Usahawan-usahawan yang dipilih di bawah program *groom big* akan diberi kemudahan yang diselaraskan dengan agensi lain dan agak banyak jugalah kemudahan-kemudahan yang saya maksudkan tadi.

Bagi tempoh Januari 2006 hingga 2010, sejumlah 1,336 buah syarikat bumiputera sudah dibangunkan dan telah menghasilkan 1,628 produk berkualiti melalui program *groom big* ini. Mereka terdiri daripada usahawan dalam lima sektor iaitu makanan dan minuman, seramik, kaca, kosmetik, herba dan perabot. Hasil daripada kajian soal selidik ke atas 109 usahawan yang terlibat dalam *Expo Groom Big National* yang telah diadakan pada 12 November hingga 14 November 2010, MITI mendapati bahawa 41 syarikat atau 38 peratus telah berjaya menembusi pasaran luar negara.

30 syarikat iaitu 30 peratus, berjaya menembusi pasaran *hypermarket*. Selain daripada itu, SME Corporation Malaysia, sebuah agensi di bawah MITI sebagai agensi penyelaras pusat bagi pembangunan PKS turut bekerjasama dan menyelaras program pembangunan PKS yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi untuk mewujudkan sebuah komuniti PKS termasuk usahawan bumiputera yang dinamik, berinovasi dan berdaya saing. Saya nak pendekkan. Yang Berhormat Tebrau meminta penjelasan mengenai jumlah pengusaha PKS yang telah menerima bantuan kerajaan berkaitan R&D dan insentif yang diberikan kepada SME yang inovatif.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada laporan pencapaian program PKS oleh pelbagai kementerian dan agensi termasuk Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi atau MOSTI, *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC) dan SIRIM. Terdapat 9 program berkaitan R&D yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2010 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM278.72 juta yang memberi manfaat kepada 385 PKS.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau telah mencadangkan supaya MITI mengkaji semula kemudahan yang diberikan kepada syarikat-syarikat pemegang AP untuk membayar cukai selepas kereta-kereta yang diimport oleh mereka dijual. Pada pandangan beliau, cukai tersebut perlu dibayar semasa pengimportan. Manakala Yang Berhormat Pasir Salak meminta penjelasan, adakah kementerian bercadang untuk melanjutkan tempoh pengimportan kereta-kereta terpakai atau CBU selepas tahun 2015 dan adakah perlu diteruskan pemberian AP kepada pemegang-pemegang AP sedia ada dan menafikan peluang pihak lain untuk mendapatkan AP. Disarankan supaya pemegang-pemegang AP yang tulen dan mempunyai *show room* atau kemampuan sahaja yang dikekalkan pemberian AP tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kemudahan pembayaran cukai lewat ini diberikan oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan bagi mengurangkan beban kewangan syarikat-syarikat pengimport kereta untuk menyimpan kereta-kereta tersebut di gudang penyimpanan berlesen atau dengan izin, *bounded warehouse* sebelum mereka membayar cukai dan menjual kereta-kereta tersebut. Kemudahan ini diberikan oleh pihak kastam memandangkan syarikat-syarikat ini perlu membayar duti import sebanyak 30 peratus, duti eksais di antara 60 peratus hingga 105 peratus, bergantung pada kuasa enjin dan cukai jualan sebanyak 10 peratus.

Syarikat-syarikat ini hendaklah menjelaskan cukai tersebut terlebih dahulu sebelum penjualan dan pendaftaran kereta-kereta berkenaan dibenarkan. Kemudahan ini walau bagaimanapun tidak memberi sebarang pengurangan atau pengecualian daripada segi jumlah cukai yang perlu dibayar syarikat berkenaan. Kuantum yang dibayar adalah sama sekiranya dibayar semasa diimport atau kemudian.

#### ■1530

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah kajian Dasar Automotif Nasional yang diumumkan pada 28 Oktober 2009, kerajaan telah memutuskan bahawa Dasar AP bagi pengimportan kenderaan tempatan akan dimansuhkan menjelang 31 Disember 2015. Manakala Dasar AP Francais pula akan dimansuhkan pada 31 Disember 2020. Pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan Dasar AP bagi pengimportan kenderaan terpakai selepas tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sri Gading telah membangkitkan mengenai bantuan kewangan untuk memajukan industri halal tempatan dan Yang Berhormat Pasir Mas telah meminta penjelasan mengenai perkembangan halal hab di Pasir Mas.



Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan sejumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh kepada Halal Industry Development Corporation (HDC) sebagai penyelaras pembangunan Industri Halal Negara. Namun begitu, setakat ini tiada program halal yang memberikan bantuan kewangan terus kepada pengusaha produk halal. Walau bagaimanapun, di bawah MITI agensi-agensi akan bekerjasama antara satu sama lain dalam melaksanakan program-program pembangunan halal untuk memaksimumkan sumber-sumber sedia ada dan memberikan perkhidmatan dan program yang terbaik untuk pembangunan industri halal negara. MITI turut meningkatkan kerjasama dengan kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk melaksanakan program-program berkaitan.

Dalam memajukan industri halal, MITI melalui agensinya HDC menjadi pemudah cara atau fasilitator kepada usahawan halal tempatan di bawah Program Pembangunan Kapasiti selain daripada menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat. Di bawah program khidmat nasihat kewangan, HDC telah menjalin persefahaman bersama lima institusi kewangan tempatan iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, SME Bank, CIMB Islamic, Maybank Islamic dan HSBC Amanah Malaysia Berhad. Tujuan jalinan kerjasama ini adalah bagi mempermudah urusan pembiayaan kewangan kepada usahawan dalam industri halal. Di samping itu, HDC juga membantu usahawan halal tempatan yang layak untuk mendapatkan bantuan kewangan dengan cara menyalurkan permohonan syarikat kepada badan-badan kerajaan seperti SMECorp, MATRADE dan sebagainya.

Merujuk kepada persoalan mengenai perkembangan halal hab di Pasir Mas, adalah dimaklumkan bahawa pembangunan halal hab ini berada di bawah bidang kuasa *East Coast Economic Region* (ECER) dengan izin. Menurut maklumat yang diterima daripada syarikat pemaju ECER, halal hab di Pasir Mas ini sekarang sedang berada dalam fasa satu pembangunannya iaitu kerja-kerja tanah. Buat masa sekarang kawasan tapak pembangunan halal hab ini baru selesai dibersihkan. Kawasan halal hab seluas 108.5 ekar ini sedang dibangunkan infrastrukturnya manakala 50 ekar daripadanya sedang dalam pembinaan.

Yang Berhormat Klang meminta kementerian menjelaskan isu hubungan dua hala Malaysia di dalam perjanjian perdagangan bebas dengan EU atau Malaysia EU FTA dan *Trans-Pacific Partnership* (TPP) dengan USA. Kesan daripada perjanjian perdagangan tersebut terhadap kenaikan harga perubatan terutamanya perubatan generik, impak di dalam bab pelaburan yang boleh membawa Malaysia ke Mahkamah Arbitrasi sekiranya hak pelaburan syarikat-syarikat Eropah dicabuli di bawah perjanjian perdagangan bebas ini. Kementerian dipohon untuk meneliti perkara-perkara berhubung dengan akses rakyat serta kesan negatif terhadap perubatan murah terutamanya perubatan generik seperti HIV, barah, jantung dan sebagainya yang menjadi terhad.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi TPP pada masa ini, sembilan negara terlibat dalam rundingan TPP iaitu New Zealand, Australia, Chile, Peru, Singapore, Brunei, Vietnam, Amerika Syarikat dan Malaysia. Malaysia telah diterima masuk dan mula menyertai rundingan perkongsian *Economic Trans-Pacific* atau dengan izin, *Trans-Pacific Partnership* (TPP) semasa rundingan pusingan ketiga. Rundingan TPP pada masa ini telah memasuki rundingan pusingan kelima yang diadakan di Chile dari 14 hingga 18 Februari 2011. Sementara pusingan keenam dijadualkan diadakan di Singapura pada 28 Mac hingga 1 April 2011.

Rundingan TPP merangkumi 20 kumpulan kerja yang merundingkan bidang antaranya akses pasaran, perkhidmatan, pelaburan, polisi persaingan, perolehan kerajaan, hak harta intelek, buruh, alam sekitar, kerjasama dan bina upaya, remedi perdagangan serta isu-isu melintang atau horizontal *issues* dengan izin. Manakala bagi Malaysia EUFTA, rundingan pusingan kedua telah diadakan daripada 1 hingga 4 Mac 2011 di Kuala Lumpur. Rundingan yang melibatkan kumpulan kerja merangkumi akses pasaran untuk barangan, perkhidmatan, perolehan kerajaan, persaingan, hak harta intelek, pelaburan, kelestarian pembangunan atau *sustainable development* dengan izin, kastam, peraturan tempasal, *rules of origin* dengan izin, *sanitary*, dan *phyto-sanitary*, halangan teknikal perdagangan atau *technical various to trade* dengan izin, *trade remedy* dengan izin, dan hal perundangan masih lagi di peringkat awal rundingan.

Merujuk kepada persoalan mengenai kenaikan harga perubatan terutamanya perubatan generik serta akses rakyat dan kesan negatif terhadap perubatan murah terutamanya perubatan generik seperti HIV, barah, jantung dan sebagainya yang menjadi terhad, kerajaan akan sentiasa membuat keputusan berdasarkan kepentingan negara dan akan mengambil kira kepentingan dan kebajikan rakyat. Dalam perkara ini, kerajaan akan memastikan bahawa FTA tidak akan menggugat hak kerajaan untuk melaksanakan fleksibiliti yang telah diperuntukkan di bawah perjanjian pelbagai hala seperti *Trade-Related Aspect of Intellectual Property Right (TRIPS)* dengan izin untuk menjamin akses rakyat Malaysia kepada perubatan dan perkhidmatan kesihatan yang mampu dimiliki.

Langkah seperti import selari atau *parallel import* dengan izin, pengeluaran lesen wajib atau *compulsory licensing* dengan izin boleh digunakan sekiranya harga ubat didapati memberi implikasi terhadap kemasukan dan penawaran ubat kepada rakyat. Dalam pada itu, liberalisasi perdagangan tidak semestinya hanya mendatangkan kesan yang buruk untuk kesihatan awam. Terdapat juga faedah-faedah daripada perjanjian perdagangan yang boleh mendatangkan kebaikan kepada sektor kesihatan. Sebagai contoh, pengurangan tarif boleh mengurangkan harga barangan kesihatan seperti farmaseutikal dan peralatan perubatan. Berkaitan dengan ini juga, secara umumnya semua produk yang berinovasi akan dilindungi oleh paten. Oleh itu, produk berkenaan adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah *Data Exclusivity (DE)* dengan izin, yang tidak akan menggugat pasaran produk generik di dalam negara.

Walau bagaimanapun, terdapat situasi tertentu di mana DE ini merupakan elemen kritikal yang mungkin akan memberikan impak kepada pasaran produk generik negara. Dalam keadaan tertentu begini, Kementerian Kesihatan mempunyai mekanisme perlindungan yang sedia ada untuk memastikan sebarang kesan negatif dari pelaksanaan DE dapat diminimumkan.

Berhubung dengan persoalan isu pelaburan dalam rundingan Malaysia dengan Kesatuan Eropah dan TPP, sebagaimana yang dinyatakan rundingan masih berjalan di peringkat awal dan bab pelaburan ini masih belum melibatkan sebarang komitmen di pihak Malaysia. Dalam pada itu, peruntukan di bawah bab pelaburan juga tidak menghalang keupayaan kerajaan untuk melaksanakan undang-undang negara. Sebaliknya, peruntukan ini memberi jaminan kepada pelabur dan pelaburan mereka.

Yang Berhormat Jasin...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah sedikit?

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya bangkitkan isu iaitu *access affordable medicine* sebab pada masa sekarang Philip Morris telah membawa negara Uruguay dan Costa Rica ke timbang tara antarabangsa sebab kedua-dua negara ini telah mengimplementasikan dasar untuk menyekat atau pun untuk mengiklankan di dalam iklan-iklan dan sebagainya, termasuk kotak *cigarette* dan sebagainya mengatakan bahawa *smoking is bad for health* dan sebagainya. Akan tetapi, dalam pandangan pelabur iaitu menerusi *investment chapter* itu, di dalam *Central America Free Trade Agreement (CAFTA)* mengatakan bahawa kalau ada apa-apa unsur yang boleh menyekat keuntungan sesuatu firma ataupun firma gergasi MNC seperti Philip Morris, maka mereka boleh membawa kerajaan itu kepada pihak timbang tara antarabangsa atau pun *International Court*.

So, sebenarnya FTA ini, perjanjian bebas ini memberi saluran kepada firma-firma antarabangsa seperti MNC, Philip Morris dan sebagainya. Pertama adalah untuk memasuki sesebuah negara dan untuk disiplin negara itu apakah bagus dan tidak bagus. *Discipline in terms of policy, public policy for example* dan juga mengenai *access to medicine*. So, ini *public medicine* sebab sekarang mereka dengan *European Unions* termasuk dengan TPP ada satu *term* yang dipanggil *Data Exclusivity*.

## ■1540

Sekarang diimpose untuk *generic producers* di Malaysia dan lain-lain negara. *Data exclusivity* ini kalau digunakan oleh *generic producer* maka harga untuk *panadol* dan sebagainya akan naik. Ini akan mengacau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Ini akan mengacau sebenarnya *access to affordable medicine in Malaysia*. Sebenarnya ada dua isu. Satu mengenai *affordable medicine* dan satu lagi adalah peranan kerajaan untuk mempertahankan ruang kerajaan untuk membuat dasar untuk kepentingan negara. Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya akan baca Peraturan Mesyuarat 37(1)(b) Yang Berhormat.

Peraturan Mesyuarat 37(1)(a) ialah mencelah kerana *point of order*, kesalahan peraturan. Peraturan Mesyuarat 37(1)(b) ialah untuk penjelasan. Perkataan penjelasan itu jelas. Kalau Yang Berhormat Menteri punya perkataan itu kurang jelas ditanya, apa maknanya? Itu maknanya Peraturan Mesyuarat 37(1)(b). Saya bacakan, "*Jika hendak meminta penjelasan mengenai apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh Ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat sedang bercakap itu memberi, beralah, duduk dan Ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh*". Maknanya perkara baru tidak boleh lagi. Apa yang dicakap oleh Yang Berhormat Menteri itu sahaja.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan isu yang baru. Ini sudah dibangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya faham perkara ini semua penting Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Ini bukan semantik Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah isu penting untuk rakyat dan juga negara dan harus diperbincangkan di Parlimen. Kalau tidak dibincangkan di Parlimen untuk mempertahankan hak rakyat untuk *medicine*, di mana kita hendak bincang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Parlimen ini penting kepada peraturan Yang Berhormat.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa sepatutnya perkara-perkara ini dibangkitkan sewaktu perbahasan dan bukannya sewaktu pengumuman. Walau bagaimana pun saya ingin nyatakan di sini bahawa Malaysia mempunyai pengalaman yang luas di dalam perundingan FTA dan tidak mungkin kita akan *commit* dengan izin, kepada sebarang klausa-klausa yang akan merugikan negara seperti mana yang berlaku di lain-lain negara. Saya tidak ingin memberi komen mengenai apa yang telah dipersetujui oleh dua negara yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Klang sebentar tadi tetapi yakinlah bahawa dalam soal EUFTA contohnya, bahagian pelaburan itu masih belum dirunding. Jadi banyak lagi ruang untuk kita berbincang mengenai perkara-perkara ini dan sebelum kita membuat sebarang ketetapan, kita memang sentiasa berbincang dengan pihak swasta dan juga NGO. Mungkin di peluang itu perkara-perkara ini boleh dibangkitkan lagi oleh mana-mana pihak yang rasakan bahawa kita perlu memberi penekanan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan tadi.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Menteri sudah 1 jam 47 minit.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ya, ya. Kalau boleh saya hendak teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Krai duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Penjelasan setengah minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Di bawah peraturan saya ada hak untuk memberhentikan orang bercakap Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Saya mohon diteruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Minta Yang Berhormat Kuala Krai duduk dahulu.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Macam mana hendak minta penjelasan? Saya ada minta penjelasan tentang DE tadi sebab Yang Berhormat Menteri telah menimbulkan sedikit keraguan kepada saya. Boleh sedikit?

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Ini sebab saya tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Inilah Parlimen Malaysia Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Allah, cara baik pun tidak boleh? Itu cara baiklah, minta kebenaran.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Memanglah semuanya baik belaka...  
[Ketawa]

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan. Mengenai yang disebut tadi. Katanya penjelasan berkaitan dengan apa yang disebut oleh Menteri. Itu sahaja. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, bukannya yang lain.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Silakan.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada memberikan penjelasan bahawa kita ada penyelesaian kalau *Data Exclusivity* (DE) itu dituntut. Akan tetapi katanya ada pula kemungkinan perkara ini kita tidak dapat elakkan dan dalam penjelasan tadi itu mungkin menjejaskan kos khusus dalam bidang perubatan. Jadi keraguan ini bagaimana kita hendak selesaikan kerana ia mungkin menjejaskan kos kita? Terima kasih.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir:** Itu yang saya nyatakan tadi bahawa kita mempunyai banyak cara untuk mengelak daripada perkara-perkara yang tidak diingini itu berlaku. Seperti yang kita sedia maklum *Data Exclusivity* (DE) ialah perlindungan data sulit berkaitan dengan maklumat produk ubat atau produk kimia pertanian. Secara umumnya semua produk yang berinovasi akan dilindungi oleh paten. Oleh itu produk berkenaan adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah DE yang tidak akan menggugat pasaran produk *generic* di dalam negara.

Walaupun begitu, terdapat situasi tertentu Yang Berhormat di mana DE merupakan elemen kritikal yang mungkin akan memberikan impak kepada pasaran produk generik seperti Yang Berhormat nyatakan tadi. Dalam keadaan tertentu begini, Kementerian Kesihatan mempunyai mekanisme perlindungan yang sedia ada untuk memastikan sebarang kesan negatif dari pelaksanaan DE dapat diminimumkan. Antaranya ialah lima langkah perlindungan:

- (i) perlindungan DE selama lima tahun yang berjalan serentak dengan negara asal bagi mempercepatkan kemasukan ubat dan produk kesihatan ke Malaysia;
- (ii) DE hanya untuk tanda kedua atau *second indication* dengan izin, dan bukannya untuk perubahan yang berlaku dalam bentuk dos, kekuatan dan sebagainya;
- (iii) pihak berkuasa kawalan dadah atau *drug control authority* dengan izin, badan di bawah Kementerian Kesihatan diberi kuasa untuk membuat keputusan berhubung DE;

- (iv) DE tidak menghalang hak Kementerian Kesihatan untuk mengeluarkan lesen wajib atau *compulsory licensing* dengan izin; dan
- (v) DE yang dicadangkan juga akan memasukkan langkah-langkah perlindungan tambahan semasa pelaksanaan DE berkenaan supaya kerajaan dapat menangani kebimbangan industri *generic* tempatan dengan efektif.

Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan mengenai kerenah birokrasi yang masih berlaku menyebabkan sebahagian pelabur-pelabur luar negara menjadi kurang berminat untuk melabur di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan sedang mengambil langkah melalui pelbagai kaedah untuk mengurangkan birokrasi dan menambah baik persekitaran perniagaan dan pelaburan di Malaysia. Pasukan petugas khas pemudah cara perniagaan atau PEMUDAH ditubuhkan pada 7 Februari, 2007 atas keperluan untuk mewujudkan kerjasama yang rapat antara sektor awam dan swasta bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam. Usaha penambahbaikan yang dilaksanakan adalah secara menyeluruh dan berkesan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, mengurangkan birokrasi serta meningkatkan daya saing negara.

Sejak penubuhannya pelbagai inisiatif telah dicadangkan oleh PEMUDAH untuk dilaksanakan oleh kementerian dan agensi-agensi berkaitan dalam usaha penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Ini meliputi penambahbaikan kepada sistem, proses dan prosedur kerja bagi bidang-bidang berkaitan seperti lesen perniagaan, percukaian, pentadbiran tanah, kerajaan tempatan, imigresen dan fasilitasi perdagangan. Antara inisiatif penting yang dilaksanakan oleh PEMUDAH termasuk:

- (i) pemerbadanan syarikat dalam masa satu hari;
- (ii) pendaftaran hartanah untuk hak milik standard dalam masa satu hari;
- (iii) penstrukturan semula garis panduan dan fungsi jawatankuasa pelaburan asing;
- (iv) pembangunan *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) dengan izin;
- (v) mewujudkan pusat setempat di SME Corporation bagi membantu usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana;
- (vi) mendapatkan khidmat nasihat tentang cara-cara menubuhkan dan mendapatkan modal bagi syarikat; dan
- (vii) nombor pengenalan korporat tunggal Malaysia atau MyCoID.

Nombor pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi syarikat perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian telah dijenamakan semula sebagai nombor pengenalan standard bagi urusan dengan agensi kerajaan. MyCoID telah menggantikan pelbagai nombor rujukan bagi perniagaan yang baru didaftarkan; boleh menggunakan MyCoID ini di lima agensi.

PEMUDAH akan meneruskan usaha penambahbaikan yang melibatkan urusan perniagaan seperti kajian semula Undang-Undang Buruh, mengurangkan lesen-lesen perniagaan, liberalisasi sektor perkhidmatan dan fasilitasi perdagangan bagi meningkatkan pertumbuhan negara dan menarik pelabur-pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Segala teguran dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian serius oleh kementerian dan tindakan susulan sewajarnya akan dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya ingin memberi penjelasan sedikit soalan apa yang dikatakan debat di dalam Dewan ini. Semasa menggulung sesiapa yang berucap, *he got the floor*, yang lain itu minta kebenaran di bawah Peraturan Mesyuarat 37(1)(a) – mencelah oleh kerana peraturan. Kedua, (b) atas laluan diberi oleh yang berucap. Jadi saya berharaplah sedikit sahaja peraturan ini yang boleh kita akurkan, saya ingat kita boleh mempercepatkan kerja kita dalam Dewan. Jadi Menteri daripada...

■1550

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Semasa perbahasan dibuat, ada setengah kami hanya punya 20 minit, ada yang 10 minit di hujung-hujung itu dan kerap Tuan Yang di-Pertua memberikan jaminan bahawa kita boleh membangkitkan atas perkara untuk mendapatkan penjelasan daripada Menteri atau daripada timbalan menteri yang memberikan penggulangan. Justeru kerana itu, saya mengharapkan sungguh bahawa Tuan Yang di-Pertua beri sedikit budi bicara untuk memberikan laluan untuk kami mendapatkan penjelasan-penjelasan yang agak penting dalam perbahasan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita masih mengguna peraturan yang sama sebenarnya tetapi budaya mencelah ini hanya berbangkit pada 2004. Saya sudah di Dewan ini selama 21 tahun lebih Yang Berhormat. Budaya mencelah orang banyak ini cerita baru dan cerita baru yang kompleks itu Menteri tidak ada jawapan sebenarnya, dibangkit hanya bermula pada 2004.

Terdahulunya kalau bacalah Hansard, saya membaca Hansard daripada tahun 1959 Yang Berhormat, pencelahan jarang berlaku dan Menteri juga menjawab. Kalau kita fikir perkara ini tidak selaras dengan peraturan, Menteri tidak payah jawab. Itu sahaja cara mengatasi masalah ini, kalau tidak peraturan kita kena ubah Yang Berhormat, itu masalahnya.

Saya terpaksa akur dengan peraturan. Agenda Parlimen kena dilaksanakan juga. Jadi, kita banyak bertolak ansur sebenarnya tetapi jangan gunakan tolak ansur itu sebagai peluang untuk berhujah lagi Yang Berhormat Kuala Selangor. Kita sudah banyak bertolak ansur sebenarnya. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

3.52 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengucapkan ribuan terima kasih kepada 13 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah kementerian ini semasa Perbahasan Titah Diraja pada 8 sehingga 17 Mac 2011. Sebanyak tujuh isu utama mengenai dengan kementerian ini telah disentuh iaitu mengenai:

- (i) fokus pekerjaan dalam bidang bio teknologi;
- (ii) persediaan negara dalam menghadapi ancaman siber seperti *virus stagnate*;
- (iii) persediaan dalam menghadapi bencana tsunami;
- (iv) isu pemprosesan *rare earth* di Gebeng;
- (v) isu-isu berkaitan dengan insiden nuklear di Jepun;
- (vi) tahap pengkomersialan; dan
- (vii) program MOSTI @ *community*.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Machang membangkitkan isu mengenai bidang bio teknologi serta laporan mengenai pencapaian R&D bioteknologi yang telah dijana sehingga kini oleh syarikat-syarikat yang mendapat peruntukan kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar bioteknologi negara adalah satu dasar bioteknologi yang komprehensif disediakan oleh kerajaan bagi membangunkan industri bioteknologi negara.

Melalui dasar ini, kerajaan komited menyediakan persekitaran yang menggalakkan kedua-dua aktiviti R&D dan perniagaan untuk berkembang dengan memaksimumkan potensi kekayaan negara serta kekuatan yang sedia ada. Bagi tujuan tersebut, pelaksanaan polisi ini dilaksanakan melalui tiga fasa pelaksanaan iaitu:

- (i) Fasa 1 - 2005 sampai 2010, pembangunan kapasiti;
- (ii) Fasa 2 - 2011 sampai 2015, sains kepasaran; dan
- (iii) Fasa 3 - 2016 sampai 2020, kehadiran global.

Fasa kedua dasar bioteknologi negara dengan tumpuan kepada sains kepasaran merupakan satu fasa yang sangat mustahak di dalam pelan keseluruhan pembangunan sektor bioteknologi negara. MOSTI telah memainkan peranannya dalam mengimplementasikan strategi-strategi yang telah digariskan di bawah dasar ini dan pencapaian yang telah diraih sepanjang fasa pertama dasar ini telah meletakkan struktur asas yang kukuh bagi merealisasikan hasrat yang menjadikan sektor bioteknologi sebagai sumber penting pendapatan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam *rolling plan* satu iaitu 2011 sampai 2012 Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM106.544 juta untuk aktiviti pembangunan bioteknologi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM80.544 juta adalah untuk melaksanakan aktiviti R&D bioteknologi yang merupakan pengisian utama kepada aktiviti-aktiviti pelaksanaan fasa kedua dasar bioteknologi negara.

Oleh itu, walaupun kerajaan tidak mengumumkan secara khusus mengenai peruntukan bagi menyokong pembangunan bioteknologi negara dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang. Kerajaan sebenarnya tetap memberi peruntukan bagi melaksanakan aktiviti yang telah digariskan dalam dasar bioteknologi negara tersebut. Kerajaan mesti menyokong pembangunan aktiviti bioteknologi negara supaya sentiasa berkembang mengikut keperluan semasa ke arah menjana pengetahuan, mencipta kekayaan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa Kementerian MOSTI sering menguar-uarkan mengenai pencapaian negara dalam bidang bioteknologi dalam Dewan yang mulia ini dan pada hari ini kementerian ingin berkongsi bersama Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini beberapa kejayaan hasil projek-projek R&D dana sains bioteknologi semasa Rancangan Malaysia Kesembilan. Sehingga 31 Disember 2010, projek-projek R&D dana sains bioteknologi telah menghasilkan output seperti berikut:

- (i) produk - 189;
- (ii) *prototype* - 57;
- (iii) proses yang diubahsuai atau proses baru yang ditemui - 86;
- (iv) teknik baru – 282, dan
- (v) artikel terbitan dalam jurnal sains tempatan dan antarabangsa serta kertas kerja seminar domestik dan internasional adalah – 2,287.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti R&D akan terus menjadi lebih bernilai apabila hasil R&D tersebut dapat melindungi perolehan harta intelek dan bagi projek R&D yang dibiayai oleh dana sains dan bioteknologi sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 5 *patent* telahpun didaftarkan, 28 telah difailkan dan masih menunggu untuk dipatentkan, 92 sedang dalam proses melengkapkan dokumentasi untuk difailkan dan 40 telah memperoleh hak cipta.

Sebanyak 77 projek R&D bioteknologi pula telah dibiayai melalui dana khas komersial *techno* dan sehingga 31 Disember 2010 sebanyak 13 penerima geran telah tamat pembiayaan dan telah menghasilkan output berikut iaitu 9 produk yang mempunyai nilai ditambah, 8 *pilot plans*, dengan izin, 4 pelesenan teknologi dan rakan niaga dan 7 *patent* serta 2 *facilities* mendapat pengiktirafan *Good Laboratory Practice* atau GLP, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan yang berkaitan dengan bioteknologi tiada penghujungnya dan amat penting. Oleh itu penubuhan Institut Bioteknologi Kebangsaan yang terdiri daripada Institut Genome Malaysia (MGI), Institut Farmaseutikal dan Nutraceutikal Malaysia (IPharm) dan Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (ABI) mempunyai tanggungjawab khusus dalam R&D teknologi pelantar iaitu *platform technology*.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya ingin memaklumkan bahawa *Malaysian Biotechnology Operation Biotech Corp.* ditubuhkan pada tahun 2006 sebagai sebuah pusat sehenti, *one-stop centre*, dengan izin, bagi industri bioteknologi telah meluluskan 188 syarikat bagi status *bionexus* sehingga 24 Februari 2011 dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM1.96 bilion dan kesemua syarikat tersebut menjana peluang pekerjaan sebanyak 5,999 termasuk pekerjaan ilmu ataupun *knowledge workers*.

Terdapat lima syarikat bioteknologi tempatan berstatus *bionexus* yang telah disenaraikan dalam bursa tempatan dan luar negara dengan modal pasaran berjumlah RM1.44 bilion. Syarikat yang tersenarai di dalam East Market Bursa Malaysia seperti Stem Light Berhad dengan modal pasaran RM610.05 juta, Sunzen Biotech Berhad dengan modal pasaran RM31.3 juta, *Malaysian Genomic Resource Centre* dengan modal pasaran sebanyak RM83.75 juta. Secara keseluruhan, syarikat-syarikat yang terlibat dalam sektor bioteknologi telah menyumbang sebanyak 2.2 peratus kepada KDNK negara setakat akhir 2010.

#### ■1600

Ini semua mencerminkan bahawa sektor ini terus berkembang dan terus bertumbuh dan memang menafikan bahawa sektor ini tidak maju seperti mana yang telah dirancang ataupun tidak mencerminkan keyakinan pelabur pada zaman sekarang. Berkaitan...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan. Yang Berhormat Menteri, apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ada perkembangan dan perubahan, saya merujuk kepada *release* yang terbaru oleh *International Property Rights Index 2011* yang juga merangkumi aspek harta intelek. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyentuh mengenai aspek paten dan sebagainya. Jadi di mana Yang Berhormat Menteri melihat kerana di sini dikatakan Malaysia di tangga ke-44. Tidak berubah daripada 129 buah negara. Ia bukan sahaja merujuk kepada *property rights physical* tetapi juga merujuk kepada *intellectual property rights*. Jadi saya mohon sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri, apa yang dimaksudkan oleh laporan sebegini?

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya rasa kemajuan dalam sektor ini, sektor bioteknologi tidak boleh digambarkan sekadar dengan *register* dari segi paten harta intelek. Sememangnya itu satu-satunya antara petunjuk tetapi tidak semua hasil inovasi dan perkembangan dalam sektor ini seperti mana saya katakan tadi, diterjemahkan kepada pendaftaran paten. Beberapa syarikat juga tidak semestinya mendaftarkan paten mereka, harta intelek pada tahun mereka menemui. Mereka tunggu market *forces* itu sesuai dan baru dia memfailkan paten. Memangnya, memastikan produk tersebut dilindungi dan tidak diambil oleh orang.

Akan tetapi keseluruhannya bagi Malaysia, nombor 44 itu sebenarnya data terkini. Nanti saya perolehi dan beri kepada Yang Berhormat. Ada peningkatan sedikit daripada apa yang telah pun disebut tadi. Akan tetapi pokoknya, sektor ini terus mencapai perkembangan, pertumbuhan daripada GDP dan sumbangan kepada dari segi jumlah pekerjaan dan pendapatan dan seterusnya. Saya boleh bekal kepada Yang Berhormat Balik Pulau *latest annual report* daripada pihak BiotechCorp khususnya di dalam perkara ini.



Akan tetapi untuk mengatakan bahawa sektor ini *stagnant* dan kerajaan tidak memberi tumpuan seperti mana dimulakan dulu seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Machang, saya katakan tadi bahawa itu tidak mencerminkan keadaan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan bioteknologi ini, Yang Berhormat Bagan Serai ada mencadangkan supaya kerajaan menggalakkan penanaman pokok *stevia rebaudiana* dalam usaha menangani masalah kenaikan harga gula. Untuk makluman Yang Berhormat, MOSTI juga menyokong sebenarnya cadangan ini dan telah membiayai beberapa projek R&D berkaitan *stevia* dengan agensi-agensi yang berkaitan. Satunya ialah *development of production technology* untuk *stevia* melalui geran *exploratory research biotech*. Projek ini dijalankan oleh MARDI dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3 juta dan projek penyelidikan ini sedang dalam peringkat akhir pelaksanaannya dan kumpulan penyelidik projek ini telah mengenal pasti *variety stevia* yang sesuai untuk ditanam dan di beberapa lokasi di Semenanjung seperti di Johor dan Melaka. Projek ini juga mengkaji secara saintifik daripada peringkat awalan tanaman yang bersesuaian sehinggalah teknik pengurusan *stevia* selepas tuai.

Juga satu projek kedua yang dibiayai oleh MOSTI dengan peruntukan sebanyak RM1 juta sahaja melibatkan kerjasama penyelidikan di antara Institut Agro Bioteknologi (ABI) dengan syarikat berstatus Bionexus yang pihak kita telah sedia maklum PureCircle Sdn. Bhd. yang memiliki *refinery*, dengan izin, di Malaysia sendiri dan projek ini melibatkan penilaian kesesuaian beberapa *variety stevia* di beberapa lokasi di Sabah dan projek juga tertumpu kepada pembangunan sistem pengkulturan tisu untuk menghasilkan bahan tanaman berskala komersial. Projek ini adalah susulan lawatan pegawai-pegawai MOSTI ke negara China pada tahun 2009.

Saya rasa dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi kerjasama di antara Malaysia dan *People Republic of China* dalam bidang bioteknologi, MOSTI telah mengadakan lawatan ke Guangzhou seperti yang saya katakan tadi. Kita telah meneliti misalnya cara-cara penanamannya dan proses pengestrakan dan dengan tujuan mengembangkan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan jabatan yang berkaitan dalam pembangunan produk dan tanaman *stevia* ini. Untuk makluman, *stevia* ini sensitif kepada *photoperiod*, jumlah matahari yang diterimanya untuk pertumbuhan apa kita sebut Reb A, sebab daripada satu tanaman itu, lebih daripada sepuluh sebenarnya elemen di situ. Yang paling dekat kepada gula itulah apa yang kita sebut Reb A.

Jadi itulah sebabnya ia satu *plant* yang kita sebut *technology plant* yang bukan senang ditanam. Perlu *variety* yang tepat yang mengandungi Reb A yang sebenarnya dikeluarkan untuk tujuan mengganti gula. Jadi begitulah di dalam perkara ini. Kita berharap bahawa dalam tempoh terdekat, enam bulan dari sekarang, kajian yang dilakukan di Sabah boleh menghasilkan *outcome* yang berguna dan kita bercadang barangkali boleh digunakan mengganti misalnya tanaman padi bukit di Sabah dan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tetap menyokong. Jadi dengan itu, pembangunan bioteknologi negara dan memantau pelaksanaan dasar bioteknologi melalui Mesyuarat Panel Antarabangsa Bioteknologi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan juga beliau turut mempengerusikan Majlis Pelaksanaan Bioteknologi Negara. Dengan itu, tidaklah saya katakan tadi wajib benar bahawa kerajaan tidak memberi perhatian dan tumpuan kepada bioteknologi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan Yang Berhormat dari Kubang Kerian berkenaan dengan persediaan negara untuk menghadapi ancaman siber seperti virus Stuxnet. Terlebih dahulu izinkan saya menerangkan sedikit mengenai dengan virus ini dan ramai juga Ahli Yang Berhormat yang sudah sedia maklum.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh *CyberSecurity Malaysia* iaitu sebuah agensi di bawah MOSTI, Stuxnet ini telah dikesan buat pertamanya pada bulan Julai 2010 berbanding dengan kod-kod berbahaya lain yang menjangkiti sistem komputer. Stuxnet merupakan kod berbahaya yang dicipta untuk menyasarkan serangan siber khusus ke atas perisian *security, control* dan *data acquisition system* atau SCADA.

Perisian SCADA digunakan dalam sistem kawalan pesanan maklumat kritikal seperti sistem kawalan elektrik dan penapisan air. Jangkitan Stuxnet membolehkan penceroboh siber mengambil alih kawalan sistem kritikal tersebut. So, sememangnya ini yang ingin saya perkatakan kepada Yang Berhormat Kubang Kerian yang minat dalam perkara ini kerana ini antara perkara yang hangat dibincangkan di dalam perihal *cyber security*.

Pada bulan September 2010, dunia telah dikejutkan dengan serangan Stuxnet ke atas sistem nuklear Iran. Insiden tersebut telah menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat dunia mengenai kemunculan Stuxnet sebagai senjata peperangan siber (*cyber war weapon*) dengan izin dan sekali gus mengesahkan teori oleh pakar-pakar strategik mengenai trend peperangan siber di era digital pada masa kini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menyedari ancaman kod Stuxnet dan implikasinya terhadap negara dari aspek dasar dan strategi. Langkah-langkah proaktif yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi memperkasa ruang siber adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan Dasar Keselamatan Siber Nasional yang merupakan satu inisiatif komprehensif dalam menangani ancaman-ancaman siber terutamanya dalam melindungi prasarana kritikal maklumat negara atau dengan izin, *critical national information infrastructure*;
- (ii) menubuhkan Jawatankuasa *e-Sovereignty* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang bertujuan untuk menyelaraskan segala inisiatif di peringkat strategik berkenaan dengan keselamatan siber;
- (iii) menubuhkan agensi khas iaitu *Cyber Security Malaysia* di bawah kawalan MOSTI yang mempunyai keupayaan teknikal dalam menangani aspek keselamatan siber di peringkat nasional dan sebenarnya juga dengan semua pemantauan mengenai dengan apa yang sedang terjadi di seluruh dunia;
- (iv) mewujudkan kerjasama antara MOSTI dengan Majlis Keselamatan Negara dalam menganalisis trend ancaman siber khususnya yang memberi impak kepada aspek keselamatan negara agar strategi yang efektif dapat dibangunkan di peringkat awal; dan
- (v) mewujudkan satu operasi keselamatan rangkaian ataupun *Network Security Operation Centre* oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan CyberSecurity.

#### ■1610

Dalam konteks ancaman Stuxnet dan lain-lain kod merbahaya seumpamanya, beberapa tindakan *preventive* telah diambil oleh *CyberSecurity Malaysia* bersama dengan Majlis Keselamatan Negara seperti berikut:

- (i) mewujudkan pusat penyelidikan kod merbahaya iaitu Malware ataupun Malaysia Malware Research Centre yang berperanan untuk menganalisis kod-kod merbahaya dalam menangani isu serangan kod tersebut di peringkat nasional dan global;
- (ii) mengeluarkan *advisories* berhubung kerentanan, *vulnerabilities* dengan izin, dalam sistem berperanan seperti Microsoft Windows yang boleh dieksploitasi oleh Stuxnet pada bulan Julai 2010; dan

- (iii) mengeluarkan *advisories* berhubung serangan kod-kod berbahaya Stuxnet ke atas perisian yang dibangunkan oleh syarikat Siemens AG pada 21 Julai 2010;

Di samping itu kerajaan juga telah membangunkan Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara ataupun *National Cyber Crisis Management Plan* (NCCMP) di bawah kawalan selia Majlis Keselamatan Negara dengan bantuan teknikal oleh *CyberSecurity Malaysia* sebagai tindakan responsif terhadap sebarang krisis siber.

Salah satu aktiviti di bawah agensi NCCMP ialah latih amal krisis siber di peringkat nasional. Setakat ini MKN dengan kerjasama *CyberSecurity Malaysia* telah mengadakan latih amal krisis siber tiga tahun berturut-turut semenjak tahun 2008. Objektif bagi latih amal krisis siber ini adalah seperti berikut;

- (i) memastikan kebolehan pelaksanaan prosedur tindak balas komunikasi dan koordinasi keselamatan siber dari aspek keupayaan dan keberkesananannya;
- (ii) mengenal pasti kelemahan prosedur tindak balas komunikasi dan penyelarasan keselamatan siber negara, seterusnya membuka cadangan untuk meningkatkannya; dan
- (iii) menguji tahap kesiapsiagaan agensi CNNI dalam menangani insiden siber secara teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan telah membangkitkan soal berkenaan kesediaan Kerajaan Malaysia menangani ancaman tsunami. MOSTI melalui agensi pelaksanaannya Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah membangunkan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia atau SAATNM pada tahun 2005, bagi mengesan kejadian gempa bumi dan tsunami serta mengeluarkan amaran awal tsunami sekiranya terdapat ancaman tsunami kepada negara kita.

Sistem amaran ini mampu mengeluarkan maklumat gempa bumi dan amaran awal tsunami dalam masa 12 minit dari masa kejadian gempa bumi, di mana saja di dunia. Walaupun kesiapsagaan dari segi sistem pemantauan gempa bumi dan tsunami adalah mencukupi namun kesedaran awam mengenai bahaya tsunami dan kerjasama antara agensi pengurusan bencana dan pihak kerajaan tempatan juga adalah amat penting.

Sehubungan dengan itu, antara langkah drastik yang sedang diambil oleh kerajaan ialah meningkatkan kesedaran awam mengenai bahaya tsunami melalui kempen kesedaran dan latih amal tsunami secara berterusan, melibatkan Jabatan Metrologi Malaysia, Majlis Keselamatan Negara dan agensi-agensi penguatkuasaan bencana. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2005 sebanyak 44 kempen kesedaran awam mengenai bahaya dan risiko gempa bumi dan tsunami melibatkan orang awam, ketua-ketua komuniti dan agensi pengurusan bencana telah dijalankan di lokasi-lokasi yang berisiko tinggi.

Latihan amal tsunami pun telah diadakan di Tuaran Sabah pada 26 Mei 2005, di Langkawi pada 17 Disember 2007, 14 Oktober 2009 juga dan yang terbaru di Pantai Cenang, di mana saya sendiri turun padang untuk bersama dengan masyarakat di situ pada 28 Januari 2011 yang lalu. MOSTI melalui JMM dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara dan agensi pengurusan bencana akan jalankan lapan kempen kesedaran dan tiga lagi latihan amal tsunami pada tahun 2011.

Ahli-ahli Yang Berhormat, salah satu pengajaran daripada kejadian gempa bumi jepun baru-baru ini ialah perlunya peranan kerajaan tempatan di dalam menghadapi bencana tersebut.

Kerajaan tempatan perlu mempunyai Peraturan Standard Operasi ataupun SOP dan Pelan Kecemasan Khusus untuk bencana alam bumi dan tsunami bagi membolehkan proses pemindahan orang awam di masa kejadian tsunami dapat dilaksanakan cekap dan pantas.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita belajar di situ adalah kerana notis mereka terima lebih awal berbanding dengan sistem kita maka banyak orang telah pindah sebelum berlaku tsunami yang telah melanda kota Tokyo itu tiba. Jadi, apa orang yang ada di situ itu tidak banyak lagi berbanding dengan pencegahan dan *warning* dan jika orang awam tidak pindah lebih awal daripada kejadian tersebut. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, boleh Yang Berhormat jelaskan dua perkara. Pertama, bila kejadian itu berlaku di Jepun, walaupun itu adalah di antara negara dikatakan yang betul-betul bersedia kalau kejadian teruk terjadi, mereka nampaknya bersedia. Akan tetapi mereka pun tidak sedia dan melanda satu *catasrophe* yang terlampau dan tidak dapat dielak.

Apa dalam negara kita, Yang Berhormat sendiri mengakui bahawa *relief work* itu perlu dibuat oleh pihak berkuasa tempatan. Adakah Yang Berhormat boleh mengesahkan bahawa apakah pendirian dan tahap kita dalam negara ini bahawa majlis-majlis tempatan sedia atau mengadakan – saya mengesyorkan kalau ada kejadian sedemikian, kita perlu mengambil tindakan yang tegas untuk menyelamatkan nyawa dan sebagainya.

Namun Yang Berhormat, saya hendak tanya sambilan, pada pengetahuan saya lah, saya ingat tidak ada satu pun kerajaan tempatan dalam negara ini yang telah menjalankan *rehearsal* ataupun *eventuality* untuk mengatasi masalah-masalah ini. Apakah yang akan dibuat oleh kerajaan supaya esok hari bila kejadian sedemikian berlaku, kita dapat mempelajari dari apa yang terjadi di negara-negara lain dan jangan kita kata, kita akan mempelajari tetapi kita tidak.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya telah sentuh tadi berapa banyak sebenarnya latihan-latihan amal yang telah kita kendalikan. Itu saya setuju juga bahawa ini belum lagi mencukupi, barangkali dalam masa akan datang, latihan-latihan amal ini perlu di anjur dengan lebih lagi luas peranan yang diambil oleh pihak kerajaan tempatan.

Dalam kes Tokyo itu, dia punya *nerve centre*, yang terjadi gempa bumi itu sekadar 150 lebih km dan dalam tempoh satu jam, notis begitu singkat sekali. Itulah kita dalam negara Malaysia, antara yang kita pasang ini adalah tsunami *buoy*. Ini adalah *detectors* dan ditempatkan di Layang-Layang, Perairan Selat Melaka dan satu lagi seharusnya di Sulu tetapi pihak jiran kita negara Filipina lewat sekali membuat persetujuan mengenai lokasi. Sekarang ini kita tetapkan lokasi *buoy* ketiga itu dekat Sipadan dan itu sekadar 40 km dan 25 minit notis sahaja amaran tsunami jika datang.

Namun, memang kelebihan kita di negara Malaysia ini, keadaan gempa bumi itu tidaklah begitu – kita tidak termasuk di dalam kawasan sensitif. Pihak JMM dan kerajaan sentiasa mencari jalan bagaimana lagi menambahkan peralatan-peralatan yang terkini mengenai perkara ini. Akan tetapi satu ialah notis diterima dari negara lain, kita *network* dengan badan-badan antarabangsa di Tokyo dan di Asia Pasifik. Itulah yang saya katakan, apa-apa tsunami terjadi dan notisnya kita terima *online* dan ia dalam tempoh 12 minit kita akan beri signal mahupun di dalam SMS ataupun kepada semua badan-badan keselamatan peringkat-peringkat negeri.

Akhirnya saya setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa penglibatan akar umbi, salah satunya adalah kerajaan tempatan dan badan-badan keselamatan peringkat negeri itu kita perlu perhebatkan lagi. Ini kerana apa yang kita belajar daripada Tokyo itu ialah walaupun dengan memperoleh peralatan yang terkini dan canggih, syukurlah dikatakan bahawa sebenarnya majoriti telah berpindah sungguhpun dalam tempoh yang terdekat atau sebelum pun tsunami itu tiba.

## ■1620

Kalau Yang Berhormat Ahli Parlimen semua hendak *champion* sesi di peringkat kawasan masing-masing yang di persisiran pantai untuk bekerjasama dengan pihak keselamatan negara dan pihak agensi MOSTI, JMM, kami sedia membantu untuk mengadakan program-program kesedaran dan kerajaan tempatan supaya lebih lagi rakyat memahami pentingnya persiapan dan persediaan dan pengetahuan apabila bencana ini terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput dan Yang Berhormat Kuantan telah membangkitkan isu tentang kesan radiasi projek memproses *rare earth* di Gebeng. Sebenarnya sebahagian telah dijawab oleh rakan saya iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri MITI tadi. Saya hanya membekal maklumat yang berkaitan daripada asas-asas saintifik untuk menjelaskan keadaan sebenar memandangkan agensi yang terlibat untuk mengawal projek ini iaitu ALB dan juga Agensi Nuklear Malaysia memang bukan ini sahaja dua yang terlibat, ada empat, lima lagi dari jabatan-jabatan yang lain.

Untuk maklumat Yang Berhormat, sebenarnya sisa-sisa yang dikeluarkan atau terhasil daripada pengilangan bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semula jadi mempunyai tahap keradioaktifan yang sama menghampiri tahap biasa. Berdasarkan piawaian antarabangsa yang dikeluarkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), sisa seperti ini dikira sebagai bukan sisa radioaktif tetapi merupakan sisa industri yang mengandungi bahan radioaktif semula jadi *or what we call* dengan izin, *radioactive material home natural origin*.

Perwujudan maklumat dimaklumkan bahawa fakta sains telah menunjukkan bahawa tiada sebarang kesan diketahui yang diakibatkan oleh bahan radioaktif semula jadi ini, *they did occur in elsewhere*, dengan izin. Paras sinaran mempunyai bacaan yang sama dengan paras sinar latar belakang di Malaysia walaupun bahan ini adalah diimport daripada luar. *So at least* dengan izin, *I think we safe in our own plan*. Namun begitu, langkah-langkah keselamatan akan dan sentiasa diambil untuk merendahkan lagi kemungkinan bahaya sinaran dan pencemaran dari sisa tersebut mengikut amalan konsep ALARA iaitu *as low as reasonably achievable*.

Di samping itu, laporan *Radiological Impact Assessment* ataupun RIA sebelum lesen penempatan dapat dan pembinaan iaitu *sighting and construction* telah dilakukan di mana RIA ini merupakan sebahagian daripada kehendak *Environmental Impact Assessment* (EIA) yang disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar sebelum sesuatu lesen itu dikeluarkan. Perkara ini dilaksanakan sebagaimana standard yang dikenakan kepada pelabur-pelabur lain jika ia berkaitan.

Selain Lembaga Pelesenan Tenaga Atom, syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. juga dikehendaki mematuhi dan memenuhi semua keperluan dan kehendak perundangan yang ditetapkan oleh badan penguatkuasaan yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja (DOSH) dan pihak berkuasa tempatan. Pihak syarikat juga telah dikehendaki supaya mengambil langkah-langkah pencegahan dan keselamatan, *safety and security*, dengan izin, yang ketat bagi memastikan pekerja, orang awam, harta benda dan alam sekitar tidak terdedah kepada kemungkinan bahaya sinaran dan pencemaran sekiranya ada sisa tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Lynas Sdn. Bhd. juga menggunakan sumber bahan mentah Australia yang mengandungi 1/50 kandungan radioaktif berbanding dengan bahan mentah yang digunakan oleh syarikat *Asian Rear Earth* (ARE). *It is 1/50 of the contain of radioactive material* berbanding dengan apa yang telah disebut-sebut mengenai syarikat *Asian Rear Earth case*.

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri. Boleh saya mencelah sekarang atau ada lagi yang mahu disampaikan?

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey. Masuk.

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya agak terkejut juga dengan jawapan ini walaupun saya seharusnya tidak terkejut kerana memang ini yang saya dengar setiap kali bahawa ianya selamat. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sekiranya ianya selamat, kenapa 30 tahun kebelakangan ini tidak ada negara di dunia yang mahu membina loji pemprosesan di negara mereka melainkan negara China. Kenapa Malaysia boleh menerima dan mengatakan ia selamat?

Yang Berhormat Menteri bercakap tentang sisa radioaktif. Kita di sini bercakap tentang *thorium*. *Thorium* bukan radioaktif biasa. *Thorium* itu mempunyai *half-life*, dengan izin, berbilion tahun dan juga ianya karsinogenik. Maksudnya, kita tidak ada – seperti Yang Berhormat Menteri kata, kita tidak ada mineral tersebut di negara kita. Tidak pasal-pasal kita mahu menerima sisa buangan tersebut. Di masa yang sama, kita tidak mendapat keuntungan dari segi cukai, dari segi *investment*, dari segi keuntungan yang dibuat oleh Lynas, satu sen pun kita tidak kutip cukai. Saya tidak faham rasionalnya kenapa MOSTI, AELB masih mempertahankan keputusan ini.

Tadi Yang Berhormat Menteri kata Menteri MITI sudah jawab. Yang Berhormat Menteri MITI tidak jawab pun sebab beliau kata itu nanti Menteri lain jawab. Inilah masalahnya dengan Menteri-Menteri kita, apabila Alam Sekitar kata, ini MOSTI. MOSTI kata ini Alam Sekitar, selepas itu kata ini MITI. Tidak ada siapa yang bertanggungjawab. MOSTI kata AELB sahaja jawab bagi pihak AELB. MITI tidak hendak jawab, kenapa beri 12 tahun tidak bayar cukai? Siapa yang untung daripada sini? Tidak ada siapa yang untung. Kenapa MOSTI masih mempertahankan? Saya tidak faham.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah benar lesen pengoperasian belum dikeluarkan tetapi lesen untuk beroperasi sementara, untuk buat *dry run* pada bulan Jun sudah dikeluarkan. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, saya mohon pertanggungjawaban sebab sekarang ini rakyat Kuantan, warga Kuantan sudah cukup marah dengan sikap tidak bertanggungjawab pihak-pihak Menteri. Pohon penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey. Yang Berhormat Kuantan, pihak kita sedar jugalah anggapan-anggapan yang daripada pihak bawah. Akan tetapi, saya boleh katakan bahawa anggapan-anggapan itu sebenarnya adalah sekadar anggapan sahaja, tidak berasas secara saintifik misalnya dan bukan kita juga *pass* masalah ini. Di pihak MOSTI, tanggungjawab kita adalah meneliti dari segi asas-asas saintifiknya.

*So, investment* ini sedia maklum dijangka RM2.3 bilion dan untuk menarik *investment* seperti itu, beberapa insentif yang diberi seperti mana yang diberi kepada pelaburan yang besar, kepada sektor-sektor, jadi MITI telah menetapkan itu. Itu keputusan MITI. Ia akan membawa juga *employment* kira-kira 450 orang dan keseluruhan di situ nanti *downstream* industri adalah dua *chemical plan* yang berkaitan dengan *production of sulfuric hydrochloric acid* iaitu kira-kira RM300 juta untuk itu sahaja.

Untuk makluman, saya katakan tadi bahawa *raw material* itu tidak berbeza daripada *raw material* yang biasa kerana ia semula jadi. Memang ada sinaran radioaktifnya tetapi ia bukan dalam bentuk yang saya katakan tadi berbeza daripada apa yang digunakan pada waktu itu. Selain daripada itu, kita ada uranium. *Thoriumnya* 6.2 '*vecuronium*' per gram. Ini berbeza dengan 1,900 '*vecuronium*' per gram. *So* ia sebenarnya 1 over 50 sahaja daripada apa yang digunakan oleh ARE. dengan itu, 2 peratus sahaja per *pollutant* daripada apa yang terdapat pada kes *Asian Rare Earth* pada waktu itu. Pihak-pihak antarabangsa...

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, saya jelas di sini. Saya jelas sekejap sebelum Yang Berhormat Menteri teruskan.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Belum. Saya habis dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Tunggu Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Pihak-pihak antarabangsa mengatakan volum radioaktif dalam bentuk ini adalah di bawah paras berbahaya kepada mana-mana pihak publik. Ia kes berbeza sekali daripada kes ARE.

Bagi MOSTI, kami sekadar mengeluarkan asas-asas saintifik untuk kerajaan membuat keputusan dalam masa dia telah meluluskan pelabuhan ini.

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Okey. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ini anggapan, tiada fakta. Sedangkan faktanya ialah selama 30 tahun tiada negara di dunia yang mahu buat pemprosesan *rare earth* oleh sebab risiko terhadap kesihatan.

■1630

Kenapa Malaysia menerima? Itu fakta dan juga okey, Yang Berhormat Menteri kata 450 *jobs* ataupun pekerjaan. Itu tidak *labor intensive*. Jikalau kita cakap tentang *job opportunities* kita bercakap tentang ribuan manusia yang dapat kerja. Sebanyak 450 mungkin juga *highly technical* yang bukan merupakan daripada orang Kuantan. Saya tidak lihat itu sebagai alasan untuk menerima kilang itu di situ.

Yang Berhormat Menteri memperlecehkan ataupun memperkecilkan keselamatan ini yang bagi orang Kuantan dan bagi saya yang mewakili mereka dan bagi pihak anak mereka, cucu mereka kita tidak ambil perkara ini sebagai ringan. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa segala keselamatan akan dilihat, akan ditengok. Saya hendak tanya, *standard* mana yang dipakai? Adakah *Radioactive Waste Management Code of Practice* Australia 1992 ataupun China 1988 yang digunakan? Oleh sebab kita tahu bahawa negeri China mempunyai *Code of Practice* tidak menepati sama seperti Australia. Saya juga ada maklumat di sini Yang Berhormat Menteri, di mana Lynas apabila memohon dengan kerajaan Terengganu menggunakan *Code of Practice* negeri China. Saya pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sebenarnya saya boleh jelaskan bahawa...

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Menteri, boleh jawab sekali sedikit, tambahan?

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Barangkali saya jawab dahulu supaya Yang Berhormat tidak payah tanya nanti. Terima kasih.

Pertamanya begini, lesen pemprosesan sementara ataupun tetap belum lagi dikeluarkan. Hanya lesen penempatan tapak dan lesen pembinaan kerana dia telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan maka itu yang dikeluarkan. Akan tetapi lesen pengendalian sementara dan tetap itu belum lagi tertakluk kepada peranan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom untuk memastikan bahawa pelaksanaan seterusnya adalah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Untuk makluman, sebenarnya kilang ini akan mengeluarkan tiga *fraction* dan hanya satu sahaja yang berbentuk radioaktif. *Fraction* satu ialah *production of gypsum* dan *fraction* dua *magnesium* untuk baja, *fertilizer production* dan *fraction* tiga iaitu *fermentation encapsulation and consultation into viable auto product*. Itu yg diragui tetapi saya katakan, saya jawab tadi kenapa 30 tahun kerana teknologi untuk memproses barang ini pada zaman dahulu tidak ada dan orang fikir bahawa tidak suka untuk hendak *separate radioactive part* daripada hasil-hasil lain yang boleh diperolehi dari segi *processing*.

Jadi untuk makluman, *standard* yang digunakan memanglah kita pakai *standard* antarabangsa. *Australian Nuclear Sciences Technology Organization* punya *standard* untuk *chemical encapsulating to thorium* dan *mobilizes into concrete aggregate*. *Research* oleh pihak Faisalia Laboratories (UK) United Kingdom yang satunya *echo toxicological laboratory* mengatakan bahawa *its has no effect to organism in marine and fresh water to environment*.

Jadi kemajuan dalam bidang pemprosesan tanah ini begitu telah maju maka kita beri jaminan bahawa dari segi *pollutant effect* atau dari segi *effluent* ini boleh dilindungi oleh pihak berkuasa ke tahap yang tidak merbahaya kepada pihak awam. *So saya just give the scientific basis* dalam perkara ini.

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit kalau tadi Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa dari segi *radioactivity levelnya* rendah tidak bahaya, apakah langkah-langkah yang dibuat untuk menjelaskan kepada masyarakat bahawa loji yang di Gebeng itu tidak bahaya, itu yang pertama.

Kedua, di situ saya difahamkan yang hendak di *extract* itu *thallium* bukan *thorium*. *Thorium* itu sebagai sampingan sahaja. Jadi mungkin itu salah faham antara *thallium* dan *thorium*, sebenarnya *thallium*. Kemudian di situ juga ada *plant sulfuric acid hydrochloric*, dari segi bahayanya berbanding dengan loji yang di Gebeng itu bagaimana? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Hulu Langat ini saintis, dia tahu ini. Dia faham sebenarnya risiko yang ada atau tidak ada risiko. Memang betul *thorium* ini *by product* sahaja *waste* yang kita pihak awam yang tidak mengetahui keadaan sebenar barangkali merasa takut-takut. Dia menggunakan saya katakan tadi *raw material* yang terdapat di mana-mana mahupun di Itali, UK, Spain dan seterusnya di Australia. Saya rasa untuk membolehkan pengertian yang lebih dalam sememangnya pihak agensi yang berkaitan atau pun pihak barangkali pemaju bersama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar perlu membuat penjelasan-penjelasan dan membukakan kilang itu kepada *even international scrutiny* supaya analisa-analisa kita buat itu adalah *standard international* yang seperti mana yang ditetapkan di negara-negara lain.

Menekankan bahawa ini bukan seperti *Asian Rare Earth* punya *factory*. Saya katakan tadi dia 2 peratus dari situ dan sistem untuk penjagaan seterusnya saya rasa akan kita tetapkan supaya syarikat ini memenuhinya.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [Bangun]

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Akan tetapi saya hanya membekal di sini saya katakan tadi apa fakta yang secara saintifik dan seterusnya saya rasa kami agensi di bawah MOSTI akan memastikan apa-apa syarat susulan yang ditetapkan dalam *Code of Practice* itu hendaklah dipatuhi. Jikalau tidak, kita tidak akan luluskan lesen pemprosesan ataupun pengendalian sementara mahupun tetap.

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** [Bangun]

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Pihak kita akan terus memberi penjelasan apa-apa yang perlu untuk memuaskan dari segi sainslah kepada pihak awam. Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Soalan yang akhir sahaja Yang Berhormat Menteri, satu sahaja soalan saya hendak tanya.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Masih lagi, sudah dijawab semua.

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bila akan dikeluarkan lesen pengoperasian kepada loji pemprosesan Lynas ini?

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tarikh belum ditetapkan, mereka dalam proses ataupun dalam proses penyediaan untuk telah *submit* dan pihak kita akan meneliti dari situ. Jadi bila itu tertakluk kepada kepenuhan syarat-syarat yang telah ditetapkan dan sekali lagi saya mahu beri jaminan bahawa apa juga standard digunakan selain daripada *Code of Practice* daripada Australia itu kita akan rujuk kepada *International Atomic Energy Agency (IAEA) United Nations*. Apa-apa sahaja, saya rasa maklumat boleh dibuka kepada pihak awam untuk menelitinya.



**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Saya bukan saintis tetapi lebih melihat daripada pendekatan kepimpinan. Yang Berhormat Menteri, saya melihat kenapa kita tidak cuba ubah mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mencuba pendekatan dengan izin, *public engagement* ini yang lebih bersifat *bottom-up* daripada *top-down*.

Saya percaya kementerian ada pakar-pakar sains dan sebagainya yang punya pendekatan tertentu tetapi saya melihat selama 50 tahun negara ini dibangunkan mungkin kita – saya berpengalaman sedikit daripada Projek Bakun, pengalaman sedikit kes-kes di bawah perancangan bandar, kes tanah dan sebagainya. Akan tetapi kurang yang mana apabila ada idea-idea yang bagus hendak dilakukan di suatu tempat dia diambil pendekatan *public engagement* maksudnya kerana pada pandangan saya mana-mana agenda pembangunan punya manfaat tetapi kuncinya mestilah manfaat kepada penduduk setempat.

Jadi bagi saya sekiranya pemahaman terbaik isu komunikasi yang dibangkitkan oleh rakan saya tadi itu, seorang saintis gagal untuk difahamkan kepada orang setempat, hatta benda yang baik sekalipun akan timbul salah faham dari masa akan datang. Jadi saya mencadangkan kementerian menunjukkan satu sikap yang berbeza di dalam pendekatan ini. Jikalau perkara itu ditolak oleh penduduk setempat saya rasa kenapa perlu kita menekankan agenda itu kepada mereka kerana mereka tidak mahu. Mohon penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Balik Pulau, itu saya rasa pandangan itu baik. Boleh masukkan sebahagian daripada penggulangan saya. Inilah antara, *I think* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru pendekatannya dia buat begitu di dalam *Facebook*, dalam *Twitter*, dia dengar, dia turun padang, dia makanan minum, santapan dengan ahli-ahli FB... [Disampuk]

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Akan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, Yang Berhormat Menteri tadi kata selamat. Dia kata kilang ini selamat. Jadi tidak kena dalam hal ini Yang Berhormat Menteri.

#### ■1640

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, dari segi pendekatan sains, asas-asasnya adalah selamat kepada pihak awam. Tertakluk pihak syarikat ini memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam lesen yang telah ditetapkan. Jadi, dia tidak memenuhi syarat, saya rasa dia tidak boleh diluluskan sijil dan seterusnya.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [Bangun] Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Jadi, dalam segi *public engagement*, sebenarnya ini pun sudah mula dilaksanakan kerja. Akan tetapi, barangkali dalam konteks kilang ini perlu diluaskan lagi *public engagement* dan *discussion*.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri, saya sedikit sahaja untuk rakan, bukan orang lain pun, rakan. Yang Berhormat Menteri, saya yakin dalam benda-benda besar yang begini kadang-kadang *transparency is security*. Selalu orang beranggapan *secrecy is security*. Salah! Sekarang hari ini, *transparency is security*. Kita membicarakan keselamatan rakyat. Lagi dia telus, lagi dia *transparent* sebenarnya, lebih meyakinkan. Keselamatan yang sebenarnya apabila seseorang itu yakin dengan keselamatan dia. Kita gagal *e-Commerce* dan sebagainya. Isu apa? Isu keselamatan. Orang tidak yakin hendak guna kredit kad kadang-kadang untuk *internet transaction*.

Kadang-kadang, isunya bukan teknologi. Isunya, persepsi, komunikasi dan sebagainya. Saya yakin dalam hal ini Yang Berhormat Menteri, *transparency is the way to go*. Ketelusan ialah – dan maksud saya ketelusan di sini ialah, ya! Nyatakan kita buat *public engagement*, kalau dari segi perancangan bandar ada, dengan izin, *local plan*, kita boleh lihat. Hendak buat satu benda, dia ada masa untuk *objection*, bantahan. Undang-undang telah menggariskan satu perkara yang saya rasa memihak kepada keselamatan rakyat. Ini ialah sikap kita sebagai pemimpin untuk memastikan perkara itu berlaku.

Itu pada pandangan saya. Bukan seperti yang kesimpulan Yang Berhormat Menteri kata tadi itu, *Facebook, Twitter, itu agitation... [Ketawa]*

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Itu pun, *social networking* ini pun cara baik untuk mendapat input-input yang diberi oleh rakyat. Ini kerana saya rasa mereka yang sayangkan negara ini tidak malu-malu hendak beri cadangan balas kah, baik kah, *I mean*, manis kah, yang penting adalah mereka ikhlas untuk mengeluarkan input-input. Untuk makluman, sebenarnya beberapa taklimat telah pun diadakan sebenarnya oleh pihak pemaju, pelabuan ini. Wartawan, akhbar telah pun - pihak pejabat di Kuantan telah pun diberi taklimat, ketua-ketua jabatan kerajaan di Kuantan telah diberi taklimat pada 21 Julai 2009.

Yang Berhormat Menteri Besar dan *Exco-Exco* negeri juga pada tahun 2009, Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di kawasan tersebut juga telah pun diberi, difahamkan mengikut catatan inilah, tahun 2009. Saya rasa nanti kita cadangkanlah kepada pihak pemaju untuk membuat *public engagement* lagi dan *disseminate information* yang betul, dengan izin, di dalam perkara ini. Saya hanya menekankan dari segi asas saintifiknya, ini selamat asalkan nanti apa syarat-syarat dalam kod dan dalam pelesenan itu hendaklah dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maju sedikit lagi. Ramai Ahli-ahli yang telah membangkitkan isu nuklear dan juga berkaitan dengan situasi yang sedang berlaku di negara Jepun. Yang Berhormat Sungai Siput meminta penjelasan mengenai kesan radiasi yang bukan disebabkan oleh letupan ataupun kemalangan nuklear tetapi disebabkan oleh wujudnya loji nuklear di sesebuah kawasan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada laporan terkini oleh *United Nations Scientific Committee on the Effects of Atomic Radiations* ataupun UNSCEAR pada tahun 2008.

Purata dedahan radiasi tahunan untuk orang awam berpunca daripada aktiviti yang melibatkan kitaran bahan api nuklear. *Nuclear fuel cycle* seperti perlombongan, penukaran dan pengayaan uranium, fabrikasi bahan api nuklear, operasi loji kuasa nuklear, pengkhususan dan pemprosesan semula bahan api terpakai, *spent nuclear fuel*, dengan izin, serta pengurusan sisa nuklear dan radioaktif adalah jauh lebih rendah daripada dedahan radiasi semula jadi ataupun diagnosis perubatan. Selain itu, seperti mana yang kita sedia maklum, *background reading* biasanya seperti mana kita tangkap melalui *transmitter* kita semua ini, kira-kira 0.17, 0.18.

Sering kali di kawasan lain pun lebih rendah daripada itu, *microsievert per day* ia punya *reading*. Selain itu, trend bagi purata dos tahunan pekerja yang libat dengan sinaran 'mengion' berpunca daripada aktiviti kitaran bahan api nuklear telah terbukti secara saintifik menurun dengan progresif berdasarkan oleh kajian skala oleh pihak UNSCEAR. Dari tahun 1984 sampailah kepada tahun 2002, dos terkumpul tahunan pekerja yang terlibat dengan sinaran 'mengion' berpunca daripada teknologi nuklear, kuasa nuklear bagi tempoh 1975 sehingga 2002 menunjukkan penurunan progresif walaupun jumlah loji kuasa nuklear dan penjana elektrik meningkat di seluruh dunia.

Saya hanya ingin menyatakan lagi bahawa dari segi pantauan kita semenjak 15 hari bulan, mengikut dengan keadaan yang berada di Tokyo, semua kita punya kawalan-kawalan dan sistem-sistem yang telah kita ada itu adalah semua di dalam keadaan yang terkawal. Misalnya, untuk makluman, setiap hari kita keluarkan kenyataan akhbar dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melawati pihak *website* ALB di MOSTI dan nuklear agensi serta juga di Kementerian Kesihatan bahawa pemantauan di *airport-airport* melalui *radiation monitor* masih lagi negatif.

Pemantauan melalui dengan *environmental monitors* yang bertempat di seluruh negara termasuk di Kudat masih juga lagi mencatatkan negatif. Makanan-makanan yang telah pun ada ketakutan, apa yang telah dikenal pasti untuk mengandungi sinaran radiasi yang melebihi di Jepun itu, makanan itu, kita tidak import ke negara ini. Kementerian Kesihatan juga telah mula mengambil sampel-sampel makanan di *port-port* kita khususnya di Port Klang dan di Tanjung Pelepas. Semua ini juga tidak ada satu jenis makanan pun yang mengandungi lebih daripada purata data yang kita sebut *background reading*.

Maka, dengan semuanya ini – dari segi meteorologi, dari segi pusingan angin yang keluar daripada Asia Pasifik, ia masih lagi menuju kepada sebelah selatan, timur dan masih jauh dari segi melintasi sempadan negara kita. Ia akan melintasi negara-negara lain seperti Filipina, Hong Kong dan setakat ini belum ada catatan bahawa kadar yang ada di udara itu di paras yang kita sebut berbahaya. Jadi pemantauan nanti berjalan 24 jam satu hari darab tujuh dan pihak kita akan terus mengeluarkan kenyataan *update* setiap hari sampailah kepada kita rasa keadaan di Tokyo itu di luar daripada paras bahaya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Bakri mengenai bilangan tenaga pakar dalam bidang nuklear. Sehingga kini dianggarkan seramai 400 pegawai profesional yang bekerja di agensi-agensi berkaitan nuklear terutamanya Agensi Nuklear Malaysia dan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (ALB), mereka mempunyai kemahiran dalam bidang nuklear. Kebanyakan pegawai ini berpengalaman dalam pelbagai bidang nuklear selain penjana kuasa nuklear tetapi sedang dilatih untuk pelaksanaan program kuasa nuklear. Berkenaan pengurusan sisa radioaktif pula, pada masa ini sisa radioaktif yang ada di Malaysia adalah daripada bidang perubatan dan penyelidikan.

Sisa-sisa radioaktif ini akan dihantar ke Agensi Nuklear Malaysia untuk di rawat, diuruskan dan disimpan sehingga aras keradioaktifannya susut ke tahap yang serendah mungkin. Bagi sisa radioaktif punca terkedap, *disuse sealed radioactive sources*, dengan izin, yang banyak digunakan dalam sektor industri dan perubatan, ianya akan dikembalikan negara asal. Bahan api terpakai, *spent nuclear fuel*, dengan izin, dari loji jana kuasa nuklear, lazimnya disimpan dalam loji selama 30 sampai 40 tahun sehingga aras keradioaktifannya sudah susut sebelum diproses semula atau dilupuskan secara kekal dalam struktur geologi ataupun *deep geological depository*.

Selepas diproses semula, sebahagian besarnya akan diguna semula sebagai bahan api nuklear. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui kerjasama antara Majlis Tenaga Nuklear Negara ataupun NMPC dan MOSTI masih mengkaji keperluan tenaga nuklear sebagai salah satu *option* penjana tenaga elektrik termasuklah pemilihan teknologi nuklear dari negara pembekal teknologi seperti Amerika Syarikat, Jepun, Kanada, Perancis, Persekutuan Russia, China ataupun Republik Korea, dengan izin.

#### ■1650

Pada masa ini, Malaysia sedang meneroka peluang kerjasama dengan negara-negara ini terutamanya di dalam bidang pembangunan modal insan bagi menyokong perancangan program kuasa nuklear di Malaysia. Saya hanya mahu menambah sedikit, bahawa untuk makluman Dewan yang mulia ini, unit yang ada di situ itu sekarang telah berusia 40 tahun dan teknologi yang ada pada masa sekarang ini jauh lebih berbeza, di mana *subcooling*, *internal cooling system* dan semuanya ini adalah di dalam generasi yang keempat sudah. Namun, kita perlu belajar daripada apa yang telah terjadi di Tokyo.

Kerajaan sentiasa telus dan profesional...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Sedikit penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Berminat juga?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tempoh hari Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air mengatakan Kerajaan Malaysia masih di dalam rancangan untuk mengkaji tenaga nuklear. Saya ingin mendapatkan satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Malaysia telah membuat satu keputusan untuk mengadakan loji nuklear yang pertama di Malaysia? Ini kerana sebelum itu Yang Berhormat Menteri mengatakan sedang mengkaji tetapi Parlimen di dalam bajet pada tahun lalu telah pun memperuntukkan RM50 juta untuk mencari konsortium dari luar negara untuk mencari tempat, untuk mengkaji keselamatan, seolah-olahnya Kerajaan Malaysia telah bersetuju dan akan mendirikan loji nuklear ini. Mengapa kata masih dalam rancangan dan belum membuat keputusan sepenuhnya?

So saya hanya hendak kepastian, apakah keputusan akhir kerajaan? Saya telah menyarankan supaya Yang Berhormat Menteri mendengar suara rakyat, NGO-NGO, pakar nuklear, kerana mereka memberitahu kerajaan supaya kita mengadakan pungutan suara, *referendum* bagi rakyat untuk memilih sama ada bersetuju atau tidak tentang pembinaan loji nuklear di Malaysia sebelum kerajaan membuat keputusan muktamad. Terima kasih.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, soalan susulan. Isu yang sama.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir mengatakan bahawa *Malaysia had a very bad experience with nuclear*. Saya meminta Yang Berhormat Menteri memberikan keterangan apakah sebenarnya *bad experience* yang dialami oleh Kerajaan Malaysia semasa menguruskan nuklear di Malaysia?

Isu yang kedua adalah isu susulan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, tahap apakah sekarang *preparation*, kesediaan Malaysia untuk membina *nuclear reactor* di Malaysia dan akan disimpan di mana *nuclear reactor* ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Satu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan kembali bahawa kita cuma ada malam ini dan esok untuk bersidang sehingga 10.30 malam. Pada hari Khamis nanti masa kita tidak akan panjangkan sampai jauh malam, hanya sehingga pukul 5.30 petang sahaja. Kita masih mempunyai 18 orang Menteri yang masih belum menjawab. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat kontrol diri, kalau boleh saya pinjam istilah yang selalu disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor, saya terpaksa mengambil tindakan yang tegas dan tuntas, iaitu mengenakan Peraturan Mesyuarat 37(1)(b). Sila.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Biasanya di dalam penggulungan ini kita hanya menjawab sahaja kepada mereka yang telah berucap. Saya hanya ada soalan-soalan daripada dua orang Yang Berhormat lagi untuk dijawab, tetapi Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan Yang Berhormat Klang naik perahu – tumpang. Saya telah mengatakan tadi bahawa perkara ini adalah sebenarnya di bawah Majlis Tenaga Nuklear Negara, *Malaysia Nuclear Power Corporation* di Jabatan Perdana Menteri.

Kerajaan telah memutuskan bahawa nuklear itu adalah satu-satunya daripada *option* yang ada untuk meningkatkan tenaga elektrik di negara kita ini. Jadi untuk menggunakan *option* itu atau tidak, inilah yang sedang dikaji oleh pihak NPC dan untuk melakukan kajian itu, saya difahamkan sebagaimana Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah pun menjelaskan, bahawa tender sedang dibuka untuk kajian menyeluruh di dalam perkara ini. Setelah kajian dilakukan, saya difahamkan barulah pihak Kabinet akan memutuskan *go or not go depending on costing, depending on lokasi, depending on persiapan dan kesesuaian tempat dan segala-galanya*. Setakat ini belum ada keputusan dan masih menunggu pelaksanaan studi yang sedang dijalankan.

Mengenai dengan pertanyaan Yang Berhormat Klang tadi, itu pandangan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir dan saya merasakan pihak kerajaan juga mengambil kira dalam kesemua hal itu. Dari segi persiapan, saya telah sebutkan tadi bahawa lebih daripada 400 tenaga kita dan itu tidak akan mencukupi untuk membuat persiapan apa yang kita katakan bahawa tahun 2020, 11 tahun sebelumnya perkara ini akan selesai dari segi pengeluaran tenaga nuklear jika ia diteruskan. Saya merasakan perjalanan ini masih jauh dan banyak lagi perbincangan...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Banyak lagi perbincangan, banyak lagi *buy in* yang akan diadakan. Apa-apa yang dijalankan...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Di Parlimen itu untuk taklimat itu sebenarnya saya rasa pihak kementerian dan agensi MOSTI itu sekadar memberikan gambaran dari segi asas-asas pertimbangan tetapi belum ada apa-apa keputusan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri tidak perlu beri laluan.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Soal...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Soalan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tidak perlu beri laluan. Sekarang ini saya menggunakan kuasa di bawah P.M.37(2)

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang ini timbul dalam perbahasan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan sahaja.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Pungutan suara nanti di bawah Parlimen boleh bincang...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri kena jawablah dalam perbahasan saya. Saya tanya dalam perbahasan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri boleh teruskan. Jangan layan lagi.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menggunakan kuasa saya di bawah P.M.37(2)...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tuan Yang di-Pertua tidak boleh guna kuasa begini.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kita kawan juga, nanti kita bincang di luarlah.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ini hak Ahli Parlimen untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Menyampaikan suara rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya telah mengingatkan kita bermesyuarat mempunyai peraturan mesyuarat. Ada lagi 18 Menteri yang belum menjawab.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Akan tetapi itu bukan alasan yang bagus, Tuan Yang di-Pertua. Kita akan membahaskan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat, daripada mula kita bersidang sehingga sekarang ini, saya dan timbalan-timbalan saya telah cukup bersabar mendengar tetapi apabila kita menegur, Yang Berhormat juga berbuat sedemikian seolah-olah kami tidak boleh menjalankan tugas.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri teruskan.

**Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Nanti kita bincang di luar sambil minum teh tarik Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Parit Sulong telah membangkitkan isu mengenai kadar pengkomersilan R&D yang rendah di negara kita.

Dalam hal ini, izinkan saya merujuk kepada maklumat yang diberikan semasa saya membentangkan rang undang-undang Akta Inovasi Malaysia (AIM) pada persidangan yang lalu dan mengatakan bahawa daripada jumlah projek yang dibiayai di bawah dana yang ada di MOSTI iaitu daripada 1,221 projek yang memohon bagi pendaftaran harta intelek, sejumlah 550 dalam bentuk paten, sejumlah 421 dalam bentuk hak cipta, 223 adalah cap dagangan dan juga sejumlah 27 untuk reka bentuk perindustrian. Dalam pada masa yang sama, sebanyak 263 projek telah dikomersialkan. Kadar pengkomersialan ini sebenarnya adalah bagi projek-projek yang dibiayai oleh MOSTI adalah sejumlah 21.5 peratus dan bukan kira-kira 2 peratus seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Parit Sulong.

Angka ini melebihi kadar yang disasarkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 iaitu 10 peratus. Oleh itu, sebenarnya jumlah ini tidak boleh dikatakan rendah kerana ia melebihi purata yang telah kita sasarkan. Walau bagaimanapun, MOSTI berpandangan bahawa kadar pengkomersialan masih boleh dipertingkatkan berdasarkan kepada masalah utama yang dikenal pasti dalam proses pengkomersialan seperti berikut. Kekurangan pembiayaan pengkomersialan terutamanya di peringkat awal bagi syarikat-syarikat baru atau *startup* sehingga peringkat pertubuhan perniagaan.

#### ■1700

Jadi, ini adalah agensi inovasi Malaysia sedang memberikan perhatian pada perkara ini. Proses permohonan untuk kelulusan paten dan cap dagangan juga mesti menggunakan masa yang lama, kekurangan kesedaran dan kemahiran dalam kalangan penyelidik dan industri mengenai harta intelek dan proses mengkomersialkan. Keempat, kekurangan keberkesanan dan kemapanan inkubator untuk membentuk dan memupuk usaha niaga serta usahawan bank.

Namun, untuk mengatasi masalah-masalah ini Tuan Yang di-Pertua, antara langkah yang telah dan sedang diambil adalah mengekalkan pembiayaan pengkomersialan R&D melalui Dana Pengkomersialan R&D khususnya CRDF. Dana Perolehan Teknologi atau *Technology Acquisition Fund* yang diurus oleh Perbadanan Pembangunan Malaysia (MTDC) serta penambah baik pembiayaan oleh MTDC di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan mengadakan pinjaman pada kadar yang rendah ataupun dengan izin, *soft loan*. Melalui *business start-up fund*, dan campuran geran dengan ekuiti melalui *business... fund*.

Kaedah pembiayaan baru bagi syarikat teroka awam akan diperkenalkan melalui Dana Inovasi Mudharabah di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Tindakan seterusnya ialah menubuhkan Agensi Inovasi Malaysia yang saya telah sentuh tadi. Mereka sudah dalam proses perancangan dan pelaksanaan program-program yang telah pun dirancang.

Ketiga, memendekkan tempoh memproses permohonan untuk kelulusan paten daripada 39 bulan kepada 26 bulan. Ini dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan cap dagang daripada 18 bulan pada 12 bulan. Juga menyediakan kemudahan berasaskan web untuk termasuk sistem hak pendaftaran secara sukarela dan pangkalan data bagi carian paten.

Keempat, meningkatkan keupayaan pejabat-pejabat pelesenan pemindahan teknologi di institusi-institusi pengajian tinggi dan penyelidikan awam dalam penyediaan program latihan mengenai pengurusan IT, kajian *market intelligence*, pemasaran, penyediaan rancangan perniagaan, perundingan dan sebagainya. Kelima, program inkubator ditingkatkan pada generasi ketiga daripada segi penyediaan perkhidmatan perniagaan dan pembangunan, bukan sahaja menyediakan ruang kerja dan penilaian yang tetap terhadap penubuhan inkubator baru berdasarkan KPI yang jelas serta pembiayaan melalui perkongsian awam swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Katil telah mencadangkan supaya Program Aplikasi Teknologi diteruskan dan peruntukan dipertingkatkan lagi. Untuk makluman, Program Aplikasi Teknologi bersama komuniti ataupun TAPMOSTI@Community yang telah mula dilaksanakan MOSTI pada Jun 2009, merupakan penambahbaikan yang dibuat terhadap Projek Tanggungjawab Sosial Komuniti (CSR) di bawah Skim Komuniti InnoFund (CIF) di bawah program CSR.

Sebanyak 14 buah projek perintis yang telah dilaksanakan yang berpotensi untuk memberikan manfaat kepada masyarakat. Manakala di bawah program TAPMOSTI@Community sebanyak 22 teknologi di senarai pendek untuk dilaksanakan.

Projek-projek yang dilaksanakan di bawah program ini dipandu dan dipantau pelaksanaannya oleh agensi-agensi MOSTI yang berkepakaran dalam bidang masing-masing. Mekanisme pemantauan ini dapat menjamin kelancaran pelaksanaan projek dan menjamin KPI projek dapat dicapai serta memberikan manfaat atau *outcome* yang dihasilkan. Beberapa agensi MOSTI seperti SIRIM Berhad, MIMOS Berhad, Agensi Nuklear Malaysia (MINT), Multimedia – MINT sekarang berada di Jabatan Perdana Menteri, telah dipindahkan. *Multimedia Development Corporations* dan *Technology Park Malaysia* telah dikenal pasti sebagai agensi pelaksanaan bagi 22 buah projek yang telah disenaraikan. Kita bercadang untuk meningkatkannya pada 30 buah senarai projek yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat boleh pilih untuk pelaksanaan kawasan masing-masing.

Program TAPMOSTI@Community, peringkat pertama dalam menunjukkan kejayaan dalam meningkatkan tahap kehidupan masyarakat akar umbi, meningkatkan pendapatan serta memberikan kesedaran mengenai sains, teknologi dan inovasi kepada penduduk terutamanya masyarakat luar bandar dan kawasan pedalaman. Pelaksanaan program ini pada tahun 2009/2010 telah menggunakan peruntukan komuniti InnoFund yang sedia ada. Tumpuannya adalah pada kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang memerlukan input-input teknologi khusus bagi rakyat mengikut kawasan yang masih mempunyai golongan yang berpendapatan rendah.

Peruntukan yang telah diluluskan ialah sebanyak RM20.5 juta bagi 185 buah kawasan yang melibatkan 72 buah kawasan Parlimen dan 113 buah kawasan Dewan Undangan Negeri. Kita berharap bahawa pihak Kementerian Kewangan akan mengeluarkan peruntukan sekali lagi untuk tujuan ini pada tahun ini, yang mana kami masih lagi menunggu keputusannya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja penggulungan bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi perbahasan Titah Diraja 2011. Akhir kata, saya ingin merakamkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan dan mengucapkan terima kasih atas input-input yang diberikan. Pada bila-bila masa pintu di MOSTI sentiasa terbuka bagi Ahli Yang Berhormat yang ingin mendapatkan susulan maklumat untuk kita perjuangkan bersama. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak bermaksud untuk menyekat Ahli-ahli Yang Berhormat mengeluarkan pendapat pada setiap isu. Akan tetapi apa yang kita harus ingat ialah masing-masing kita, Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai tanggungjawab. Tanggungjawab Menteri ialah untuk memberikan jawapan pada masalah-masalah yang dizahirkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Tugas Ahli-ahli Yang Berhormat pula ialah untuk mengemukakan segala permasalahan rakyat. Tugas saya dan dua orang Timbalan saya ialah memastikan mesyuarat berjalan dengan lancar dan mesti tepat pada masa yang telah ditetapkan.

Ini menurut perkiraan kami, 17 lagi Menteri akan menjawab. Jabatan Perdana Menteri ada tiga orang Menteri. Menteri Pelajaran belum menjawab, Menteri-menteri mustahak belum menjawab. Baru berapa jam lagi kita ada. Itu makanya saya minta supaya semua bekerjasama.

Kalau persoalan itu perlu juga dikeluarkan, tidak mengapa. Keluarkan dengan singkat. Kalau tidak, tidak mengapalah. Pendam di hati kerana kawan-kawan lain pun hendak bercakap juga. Jadi, apabila saya tidak mendapat kerjasama, terpaksa saya menggunakan kuasa kerana itu adalah peraturan mesyuarat. Akan tetapi kalau Yang Berhormat marah kepada saya sebab itu, saya pun pandai marah juga. Kalau Yang Berhormat tidak sabar dengan saya, saya pun kurang sabar juga. Bayangkan saya duduk di sini berjam-jam dengan Timbalan-timbalan saya, mendengar hujah yang di *repeat* oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sama-sama kita sabar. Jadi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Silakan.

**5.08 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Pasir Mas membangkitkan isu pengambilan tanah rizab Melayu untuk projek-projek awam dan sama ada ia digantikan mengikut saiz dan nilai yang sama dan adakah tanah rizab Melayu yang belum digantikan? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diterima daripada pentadbiran tanah negeri, tanah rizab Melayu yang telah di batal dan telah digantikan dengan tanah yang lain. Penggantian tanah rizab Melayu tersebut adalah dilaksanakan mengikut dasar pentadbiran yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri berkenaan.

Yang Berhormat Batu Sapi menyarankan supaya diadakan kempen pemuliharaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda. Pihak kementerian dan agensi-agensinya terutamanya Jabatan Alam Sekitar dan jabatan melaksanakan meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan orang ramai termasuk golongan orang muda. Antara program dan aktiviti kursus yang dijalankan untuk golongan belia termasuk pelajar sekolah dan universiti adalah pengenalan model prasekolah, Projek Wira Alam, Kelab Alam Sekitar, Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar, kuiz kesedaran alam sekitar, pertandingan debat alam sekitar antara institusi pengajian tinggi awam dan swasta, ceramah dan pameran. Penerbitan dan pengedaran bahan-bahan terbitan mengenai alam sekitar.

**■1710**

Dalam tahun 2010, Jabatan Alam Sekitar telah memperkenalkan model kesedaran alam sekitar kepada pengusaha dan mereka yang terlibat dalam pengajaran di peringkat pra sekolah di zon tengah. Pada tahun ini JAS akan terus melaksanakan Seminar Model Kesedaran Alam Sekitar kepada pengusaha dan mereka yang terlibat dalam pengajaran di peringkat pra sekolah mengikut zon yang telak dijadualkan.

Yang Berhormat Langkawi membangkitkan isu pencemaran di kawasan Teluk Yu di Langkawi yang berpunca daripada operasi kilang simen di kawasan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat hasil daripada pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar cawangan Langkawi, didapati pelepasan habuk dari cerobong kilang simen *Lafarge* di Teluk Yu mematuhi had pelepasan yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

Pihak JAS akan terus menjalankan pemantauan secara berkala ke atas kilang terutama pada waktu malam bagi memastikan kilang sentiasa terkawal perjalanan operasinya dan tidak melakukan pencemaran.

Yang Berhormat Setiu mencadangkan supaya kerajaan terus mengambil tindakan bagi menjamin terumbu karang atau *coral* dan tumbuhan laut dijaga dengan baik. Beliau juga mencadangkan supaya satu jabatan sahaja dipertanggungjawabkan untuk menjaga taman-taman laut negara. Untuk makluman Yang Berhormat tidak ada pertindihan tugas mengenai penjagaan taman laut. Jabatan Laut bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan dengan pengangkutan di laut. LKIM ataupun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia pula mempunyai peranan di dalam aspek pemasaran hasil perikanan dan peningkatan taraf hidup nelayan. Sementara Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) iaitu agensi yang bertanggungjawab kepada pemuliharaan sumber marin dan pengurusan taman laut manakala Jabatan Laut pula Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia mempunyai peranan.

Isu pencerobohan nelayan di kawasan taman laut di perairan Terengganu, Kelantan dan Pahang adalah terkawal. Langkah-langkah pencegahan menerusi rondaan dan penguatkuasaan di laut sentiasa dilakukan. Pada tahun 2010, Jabatan Taman Laut Malaysia telah menahan 25 bot nelayan...



**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Minta laluan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Yang menceroboh kawasan...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Penjelasan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Di mana enam bot di perairan Terengganu dan 16 di perairan Pahang. Semua penceroboh telah didakwa di mahkamah dan telah dikenakan kompaun berjumlah RM58,500.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, ini peraturan mesyuarat perlu. Kementerian lain kan? Boleh minta penjelasan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terpulung kepada Menteri kerana itu *floor* Menteri. Kalau Menteri beri laluan saya...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Soal ini bom ikan. Bom, bom.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Satu sahaja lah... [Ketawa]

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun setuju dengan saya. Ini kes pengeboman ikan ini sering berlaku di perairan negeri Sabah, dan bukan sahaja di negeri Sabah mungkin juga di perairan di kawasan Semenanjung dan Sarawak.

Jadi amat serius Tuan Yang di-Pertua dan kita melihat aktiviti ini sedang berleluasa dan kita tidak lihat tindakan daripada pihak-pihak yang tertentu yang, Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi itu kita tidak kelihatan. Ini disebabkan tiada *coverage* media yang disebarkan bahawa kerajaan ini betul-betul serius menangani masalah pengeboman ikan terutama sekali nelayan-nelayan yang datangnya daripada luar negeri, terutama sekali jiran kita nelayan-nelayan daripada Filipina. Ini serius. Terumbu-terumbu karang kita rosak. Jadi bagaimana? Minta penjelasan daripada pihak kementerianlah, pusat terutama sekali. Jangan tumpukan kerajaan negeri sahaja. Jadi minta penjelasan.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat, sedikit, sedikit Yang Berhormat. Yang Berhormat sedikit sahaja berkenaan benda yang sama. Kecurian ikan di taman laut ini. Oleh sebab Yang Berhormat juga tidak menyebut di Pulau Payar di Kedah. Sekarang ini sistem curi bukan dia bawa pukut terus ke tempat berkenaan. Dia pakai *spotlight* untuk menarik ikan daripada taman laut. Ini yang diamalkan oleh nelayan. Kita tidak boleh salahkan nelayan kerana zon penangkapan ikan adalah terlalu ketat dibatasi oleh undang-undang zon A, B, C, D, E, F, G dan sebagainya. Apa pandangan kementerian berhubung perkara ini.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Pertama saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Putatan sebentar tadi ialah berkaitan dengan pengeboman ikan. Sememangnya saya setuju. Akan tetapi sejauh mana yang saya tahu, pengeboman ikan ini hanya berlaku di negeri Sabah. Sejauh mana saya tahu juga di Semenanjung, Sarawak tidak ada berlaku.

Selain daripada itu, isu dia ada berlainan sedikit apa yang saya cakap di sini iaitu berkaitan dengan pertindihan tugas sebentar tadi dan pengawalan taman-taman marin yang di bawah kuasa Jabatan Taman Marin di Malaysia. Tanggungjawab kita ini ialah hanya semata-mata untuk menjaga keselamatan ekopelancongan sejauh 2 *nautical mile* daripada pulau yang telah diwartakan sebagai jagaan Jabatan Taman Marin Laut Malaysia.

Pengeboman ikan di negeri Sabah saya percaya juga Kerajaan Negeri Sabah mengambil tindakan yang begitu kuat sekali terhadap pengebom-pengebom ikan ini. Akan tetapi orang yang mengebom ikan ini kadang-kadang lagi pintar daripada orang-orang yang menjaga keselamatan ini. Demikian juga jawapan saya dengan Yang Berhormat sebentar tadi itu yang bertanya berkaitan dengan kepintaran nelayan-nelayan ini untuk menarik ikan dengan mengguna lampung walaupun itu di tempat yang tidak dijaga kemungkinan akan tetapi mereka boleh menarik ikan itu datang ke tempat mereka. Akan tetapi walau bagaimanapun kita akan cuba dengan sedaya upaya dia untuk menjaga.

Kita akan menjaga dan mengikut statistik-statistik yang saya berikan sebentar tadi maka kita mengambil tindakan dan seterusnya dakwa mengenakan mereka itu dengan kompaun. Kalaulah boleh Tuan Yang di-Pertua saya minta...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** *Why?* Tuan Yang di-Pertua sudah menggunakan kuasa Peraturan Mesyuarat 37 sebentar tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila-sila teruskan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Jabatan Taman Laut Malaysia sentiasa melakukan yang terbaik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau saya hendak tanya sedikit boleh? Sikit boleh Tuan Yang di-Pertua. Ini alam sekitar Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Ini sikit-sikit...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak apalah sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tadi bahawa pencemaran sesuatu kawasan itu apabila pihak JAS membuat kajian dia tidak bercanggah dengan peraturan. Akan tetapi yang menjadi masalah begini Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang menjadi masalah pihak JAS kata tidak mencemarkan, tidak membahayakan orang kampung di sekeliling kerana takut habuk ini. Dia tutup pintu, dia tutup tingkap. Dia tutup pintu, dia tutup tingkap kerana habuk ini masuk ke rumah Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi pihak JAS kata dia tidak melanggar peraturan. Jadi macam mana itu, ya? Macam mana? Ke mana orang ini hendak - macam letupan bom. Macam mana JAS hendak menahan letupan yang kuat itu Tuan Yang di-Pertua daripada mengganggu. Kita pun tidak faham juga. Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau Yang Berhormat Menteri boleh jawablah. Kalau hendak jawab. Tidak jawab pun tidak apa Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Letupan bom itu mungkin saya tidak dapat jawab. Kalau dia meletup apa yang kita boleh buat. Akan tetapi saya ingin jawab berkaitan dengan JAS yang menjalankan kajian itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Letupan untuk memecahkan batu.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Pertama saya ingin menjawab terlebih dahulu berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh JAS di mana Yang Berhormat berkata sebentar tadi, walaupun tidak ada habuk akan tetapi ada juga habuk. Apa yang saya cakap sebentar tadi itu ialah memang kawalan kita memang ada. Akan tetapi di tempat-tempat yang kita sudah menjalankan kajian seperti mana saya katakan sebentar tadi itu berkaitan dengan habuk yang terkeluar daripada kilang simen di Pulau Langkawi. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *there is no such things as zero dust emissions*. Ada juga pengeluaran *dust* itu tetapi *it is within tolerable level*. *Now*, berkaitan dengan memecah batu itu di mana bunyi mungkin ada, ini pun terkawal juga. Kita membuat sesuatu *like, you know buffer* dan sebagainya tetapi bunyi itu kedengaran juga *within tolerable level* juga.

■1720

**Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Panjang lagi saya kena...

**Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** Yang Berhormat Menteri, menyentuh mengenai Langkawi ini, tadi telah diberitahu oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi walaupun kita kata tidak ada pencemaran atau *emissions* begitu rendah tetapi kalaulah *over time* tingkap-tingkap semua dipenuhi habuk. Malahan surau telah dipenuhi habuk yang begitu banyak dan hendak tutup pun tidak boleh. Walaupun JAS buat pemantauan tetapi tidak dikatakan seketat yang kita mahu malam-malam. Jadi JAS pun tidak tahu apa yang dilepaskan oleh mereka itu. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih, *I do not want to argue with that point*. Saya teruskan, Yang Berhormat Langkawi membangkitkan isu kelunturan terumbu karang, *coral bleach* di Pulau Payar, Pulau Kaca, Pulau Lembu dan Pulau Segantang. Untuk maklumat Yang Berhormat, keruntuhan karang atau *coral bleaching* adalah fenomena El-Nino yang menyebabkan kenaikan suhu air laut. Peningkatan suhu laut yang berlaku pada bulan Mei 2010 telah menyebabkan kelunturan karang yang serius dan meluas bukan sahaja di perairan Malaysia tetapi juga di negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Filipina.

Ekoran fenomena ini, sembilan kawasan *dive site* termasuk tiga di Pulau Payar telah ditutup sementara pada tahun lepas kerana tahap kelunturan melebihi 75 peratus. Memandangkan kelunturan karang di semua kawasan taman laut telah pulih sepenuhnya, maka semua kawasan *dive site* terlibat dibuka semula pada orang ramai. Dalam pada itu usaha-usaha penguatkuasaan sentiasa dilakukan oleh pihak kementerian ini bagi mengawal aktiviti pencerobohan termasuk kegiatan mengail dan memukat di kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan isu keberkesanan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (2010) dalam isu pemburuan haram hidupan liar di Hutan Belum di Perak. Untuk maklumat Yang Berhormat, jabatan PERHILITAN adalah serius dalam tanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (2010). Jabatan telah melaksanakan beberapa pendekatan holistik di semua peringkat daerah, negeri dan ibu pejabat telah melaksanakan akta baru ini yang telah mula dikuatkuasakan pada 28 Disember 2010. Jabatan telah menjalankan beberapa operasi penguatkuasaan dan sebanyak 44 kes telah berjaya diperoleh. Daripada jumlah kes tersebut enam kes telah pun didakwa di mahkamah.

Kerajaan sedia maklum bahawa Hutan Belum merupakan *hot spot* bagi kegiatan pemburuan haram. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui jabatan PERHILITAN dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menubuhkan satu *NRE enforcement* bagi meningkatkan kawalan dan pencegahan aktiviti pemburuan haram di kawasan hutan Belum secara lebih efisien.

Yang Berhormat Bakri membangkitkan isu kebenaran untuk kegiatan perlombongan bauksit di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara di Daerah Muar. Beliau juga bertanya berapa kawasan pajakan lombong di Daerah Muar. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, aktiviti perlombongan bauksit di Daerah Muar diusahakan oleh syarikat Generasi Karisma Sdn Bhd di atas sijil melombong NC1231 lot 1935 dan telah disahkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor bahawa kawasan-kawasan tersebut adalah berstatus tanah milik dan terletak di luar hutan simpan kekal. Kuasa untuk meluluskan sesuatu pajakan melombong terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Pihak Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) hanya terlibat dalam pemberian input teknikal dan telah meluluskan lesen pengendalian melombong yang dicadangkan oleh pengusaha lombong. Selain lombong tersebut, ada dua lombong bijih besi yang beroperasi di dalam Daerah Muar iaitu Hong Huat Mining Sdn Bhd dan Waja Jati Sdn Bhd.

Yang Berhormat Bakri juga membangkitkan isu pembakalan di Bukit Bindu Johor dan ingin tahu hasil siasatan dan tindakan yang diambil semenjak beliau menyerahkan surat kepada Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, setelah diteliti oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor didapati kawasan yang dimaksudkan adalah di dalam tanah milik dan ia di luar kawasan hutan simpan kekal. Perkara ini juga telah dimaklumkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor secara bertulis kepada Yang Berhormat melalui surat bertarikh 1 Mac 2011.

Yang Berhormat Tebrau membangkitkan isu projek...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Bakri ini pun saya pelik, hutan Bindu ini di kawasan Parlimen Sri Gading. Saya tidak kompelin apa-apa kerana faham apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dia ini daripada Bakri jauh daripada Parlimen Sri Gading. Kampung Bindu ini kampung yang tertua di Batu Pahat.

Jadi saya pun peliklah inilah pembangkang cari yang tidak berfaedah dan mengelirukan rakyat. Saya setuju jawapan yang tadi. Tidak tahulah Yang Berhormat Bakri ini faham kah tidak faham.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Saya hendak minta penjelasan juga. Sedikit sahaja, terima kasih Yang Berhormat Serdang di sini. Saya hendak maklumkan sebenarnya kerana ada orang yang panggil saya dan memaklumkan pencurian balak di Kampung Bindu. Saya sebenarnya dari Batu Pahat orang Kampung Bindu. Jadi saya berasa kasihan kerana orang Batu Pahat tidak panggil Yang Berhormat Sri Gading tetapi mereka memanggil saya kerana mereka tahu kerana saya orang Batu Pahat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini tanah persendirian.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Yang Berhormat Sri Gading patutnya berasa malu kerana orang tidak panggil dia.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini tadi hal ini bukan hutan simpan, ini tanah persendirian.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Janganlah tuduh Yang Berhormat Bakri kerana dia sebut, *how*, bagaimana?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, saya Ahli Parlimen Sri Gading. Itu bukan hutan simpan.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Orang yang wakil rakyat adalah tugas wakil rakyat untuk membantu mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Serdang duduk dahulu Yang Berhormat. Elok juga kalau ada pergeseran pendapat seperti begini sewaktu saya mengantuk. Saya tersentak dan terbangun tetapi saya ingatkan kembali masa suntuk Ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat itu sudah tidak relevan, jadi saya ingat saya teruskan sehingga habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Menteri, kalau saya boleh gunakan istilah dari Sabah, '*aiyaseni*'.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Yang Berhormat Terbrau membangkitkan isu projek perumahan di kawasan tadahan atau di tanah rizab sungai dan menyarankan supaya kerajaan mengambil tindakan tatatertib terhadap Pihak Berkuasa Tempatan seperti mana telah berlaku di kawasan Parlimen Tebrau. Untuk makluman Yang Berhormat, pelan induk tambatan banjir untuk pelbagai lembangan sungai Johor yang disempurnakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengkaji pengurusan banjir secara terperinci dan holistik. Pelan ini merangkumi pelaksanaan kaedah struktur dan kaedah bukan struktur seperti zon hutan kawasan rizab sungai, kawasan pembangunan terkawal di dataran banjir dan sebagainya.

#### ■1730

Walau bagaimanapun kelulusan projek perumahan dan pengeluaran *development order* sesuatu projek adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Yang Berhormat Sekijang membangkitkan isu pembangunan di kawasan tadahan air dan menggesa agar Kerajaan Persekutuan mengambil beberapa langkah termasuk mendapatkan input Jabatan Pengairan dan Saliran dan mengenakan syarat EIA sebelum sesuatu pembangunan dibenarkan di kawasan tadahan air.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan sememangnya menyambut baik keprihatinan Yang Berhormat mengenai isu pembangunan di kawasan tadahan air. Pada dasarnya, pihak kementerian tidak menggalakkan pembangunan tanah di kawasan tadahan air. Namun begitu, pihak kementerian meminta supaya semua kerajaan negeri mematuhi segala peraturan semasa melaksanakan projek pembangunan dalam kawasan tadahan air. Sekiranya projek pembangunan itu perlu dilaksanakan untuk kepentingan negara.

Yang Berhormat Parit Buntar membangkitkan isu pencerobohan tanah termasuk hutan di Sabah dan di Semenanjung Malaysia.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh minta laluan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Sedikit sahaja.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Ya, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan pembangunan ataupun projek di kawasan tadahan air yang saya bangkitkan ini, ianya masih lagi berjalan dan salah satu faktor yang menyebabkan banjir di Daerah Segamat ialah kawasan ini telah ditambak dengan tanah yang begitu banyak, lebih daripada 25 kaki. Projek ini masih lagi berjalan, adakah Yang Berhormat ataupun kementerian bawah Yang Berhormat ini boleh minta kepada pengusaha atau sebagainya, membatalkan lesen untuk supaya tidak ditambak dan dijalankan projek-projek di atas ini. Oleh kerana, lagi dibina rumah di atas ini, lagi akan menyebabkan banjir Yang Berhormat. Saya pohon daripada Yang Berhormat, terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih. Untuk membatalkan kontrak itu sememangnya bukan bidang kuasa kementerian saya. Saya percaya Yang Berhormat boleh membuat aduan terhadap pihak-pihak kerajaan tertentu seperti PBT yang telah mengeluarkan *Development Order* itu. Di mana saya percaya mengandungi beberapa syarat untuk menjalankan kerja-kerja itu. Kalau sekiranya tindakan sewajarnya sepatutnya diambil, saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat supaya tindakan diambil.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Yang Berhormat, tambah sedikit. Oleh sebab pembangunan di kawasan tadahan air ini memang tidak dibenarkan. Akan tetapi saya pun menjadi pelik bin hairan kenapa di kawasan tersebut dibenarkan. Adakah ini terlepas pandang ataupun sebagainya. Oleh sebab untuk meluluskan sesuatu projek hendak dijalankan, salah satu jabatan yang terlibat ialah Jabatan Parit dan Saliran dan Jabatan Alam Sekitar. Akan tetapi dalam keadaan yang sebegini masih dibenarkan. Saya tidak tahulah kalau ada terlepas pandangan atau apakah. Sebab itu saya minta kalau ianya boleh diberhentikan, maka kami yang menjadi mangsa-mangsa banjir ini di daerah Segamat ini tidak lagi ketakutan seperti mana hari ini hujan daripada pagi sampai ke petang ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Okey, terima kasih banyak. Seperti mana yang saya katakan dan jelaskan sebentar tadi itu ialah kalaulah boleh Yang Berhormat membuat aduan kepada pihak berkuasa yang memantau, yang diberikan kuasa untuk memberikan pemantauan pelaksanaan projek itu supaya tindakan diambil. Sejauh mana Jabatan Alam Sekitar terlibat dalam perkara ini, sememangnya kita telah membuat syarat-syarat tertentu. Akan tetapi, pertama yang kita minta itu ialah bagi pemaju sendiri untuk mematuhi syarat-syarat itu. Kedua, pihak berkuasa yang telah memberikan *development order* itu untuk membuat sesuatu. Walau bagaimana pun nanti kita akan melihat sama ada pelanggaran syarat-syarat dari segi syarat-syarat yang kita beri daripada Jabatan Alam Sekitar.

Yang Berhormat Parit Buntar juga membangkitkan isu pencerobohan tanah termasuk hutan simpan di Sabah dan juga di Semenanjung Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan amalan pengurusan hutan secara berkekalan, kerajaan sentiasa mengambil berat usaha dan peluang yang boleh menjana ekonomi kepada negara tanpa mengabaikan kepentingan masyarakat setempat, khususnya penduduk asal di kawasan yang terlibat. Berhubung penerokaan haram dan pembakaran terbuka di kawasan Suk di Sabah, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, majoriti daripada peneroka haram ini datang luar daripada kawasan Suk yang ketandusan tanah di tempat asal mereka.

Namun begitu, kerajaan tidak pernah bertindak untuk menghalau penceroboh berkenaan dengan sewenang-wenangnya. Malah, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif untuk mengeluarkan mana-mana hutan simpan yang telah di usaha untuk dijadikan *communal line* jika wajar.

Merujuk kepada aduan orang asal di kawasan Rasau Terap mengenai kebimbangan tanah mereka akan menjadi mangsa dicerobohi di atas nama pembangunan, adalah didapati pembangunan yang dimaksudkan adalah di luar kawasan hutan simpan kekal dan ianya merupakan projek pembangunan yang melibatkan bidang kuasa kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu banjir telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk kejadian banjir di kawasan Parlimen masing-masing. Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Parit Sulong mencadangkan supaya perancangan dan pelaksanaan sistem amaran awal banjir dibuat untuk mengurangkan kesan kemusnahan dan kerosakan akibat banjir. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya amat prihatin dengan masalah banjir yang dialami oleh penduduk dan telah memasang sistem amaran banjir di kawasan-kawasan strategik. Sistem amaran banjir ini terdiri daripada:

- (i) 352 sistem pencerapan dan transmisi hujan dan aras air atau stesen telemetri;
- (ii) 422 buah stesen siren;
- (iii) 780 buah stesen tolok banjir sungai dengan pemacak atau tanda ukur;
- (iv) 882 buah stesen tolok banjir kawasan; dan
- (v) 165 papan amaran banjir.

Selain itu, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang membangunkan moden ramalan banjir monsun berasaskan atmosfera atau, dengan izin, *atmospheric radar satellite model based rainfall and flood forecasting* di Lembangan Sungai Pahang, Lembangan Sungai Kelantan dan Lembangan Sungai Johor. Model atmosfera ini berkeupayaan memberikan amaran banjir sehingga 72 jam lebih awal daripada kejadian yang dijangkakan.

Di samping itu juga, pihak JPS sedang membangunkan sistem bersepadu ramalan dan amaran banjir untuk Lembangan Sungai Klang dan Lembangan Sungai Muda. Dengan siapnya sistem-sistem tersebut, ramalan dan amaran banjir boleh dibuat dengan lebih awal untuk kesiapsiagaan atau *preparedness* terhadap kejadian banjir.

Yang Berhormat Jasin memohon agar Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan cadangan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri supaya peruntukan sejumlah RM2 bilion disediakan untuk pelaksanaan tebatan banjir untuk seluruh Melaka termasuk kawasan Parlimen Jasin. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan memang menyedari akan kesulitan dan keresahan rakyat terhadap isu banjir ini, namun peruntukan yang perlu disediakan adalah terlalu besar. Oleh itu setiap pelaksanaan projek tebatan banjir adalah berdasarkan kepada keutamaan yang telah digariskan.

#### ■1740

Sehubungan dengan itu, pihak kementerian telah memohon peruntukan sebanyak RM37 juta dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dalam *rolling plan* kedua bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kesang fasa 2 yang merangkumi Bandar Jasin.

Yang Berhormat Lenggong mencadangkan perancangan dan kajian yang lebih terkini diadakan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan projek tebatan banjir dengan mengambil kira perubahan iklim. Yang Berhormat Ledang juga setelah membangkitkan isu kejadian banjir akibat perubahan iklim. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian memang menyedari isu pemanasan global dan perubahan iklim mempengaruhi pola hujan yang dialami sekarang serta kesan perubahan ini terhadap kejadian banjir. Oleh itu, kajian-kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) mengambil kira perubahan cuaca termasuk peningkatan nilai hujan dan aliran. Hasil kajian ini diguna sebagai input dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek tebatan banjir.

Hasil penyelidikan tersebut juga digunakan sebagai input kepada program adaptasi di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara bagi mengurangkan impak perubahan iklim.

Yang Berhormat Bakri juga membangkitkan masalah banjir di Johor dan ingin tahu senarai projek yang terlibat dalam Rancangan Kawalan dan Isyarat Bahaya Banjir dan Membaiki dan Memulih Semula Projek Yang Rosak Oleh Banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi tahun 2007 untuk program pembangunan rangkaian bersepadu sistem kawalan dan isyarat bahaya banjir adalah sebanyak RM11 juta. Daripada jumlah ini, negeri Johor telah diperuntukkan sebanyak RM120,000 untuk menaikkan lapan buah stesen telemetri. Pada tahun 2010, sebanyak RM1.07 juta telah diperuntukkan untuk membina 15 stesen baru di lembangan Sungai Muar dan lembangan Sungai Johor. Projek ini dalam peringkat pengujian dan pentauliahan. Selain itu, sebanyak RM218,000 daripada belanjawan Mengurus tahun 2011 telah di peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan 47 buah stesen telemetri pemantauan banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peruntukan yang diluluskan untuk membaiki dan memulih semula projek-projek yang rosak oleh banjir di negeri Johor adalah RM500,000 sahaja dan bukannya RM105 juta. Peruntukan ini digunakan untuk kerja-kerja membaiki dan memulih berkaitan dan kerja-kerja berkaitan di Simpang Renggam, Kluang; Kampung Palembang Lama, Kluang; Kampung Bumi Bertuah, Kluang; Kampung Bentong; dan di Skim Senggarang Utara, Batu Pahat oleh lima kontraktor.

Yang Berhormat Bukit Katil membangkitkan isu peruntukan yang tidak mencukupi untuk melaksanakan projek tebatan banjir dan pembaikan sistem pengairan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) mengambil maklum bahawa setiap kali kejadian banjir besar akan menyebabkan kerosakan teruk terhadap infrastruktur awam. Pihak JPS sentiasa mengenal pasti kawasan-kawasan yang berisiko banjir dan mengambil langkah-langkah struktur dan bukan struktur untuk mengatasi masalah banjir. Namun, setiap pelaksanaan projek tebatan banjir tertakluk kepada peruntukan yang diberi.

Yang Berhormat Tenggara membangkitkan isu banjir di Daerah Kota Tinggi dan menyarankan agar rancangan tebatan banjir dipertimbangkan untuk lembangan Sungai Johor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada peruntukan disediakan di bawah *first rolling plan* dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk pelaksanaan rancangan tebatan banjir di Daerah Kota Tinggi. Susulan daripada itu, jabatan telah memohon peruntukan dalam *second rolling plan* bagi rancangan tebatan banjir di Daerah Kota Tinggi yang meliputi rancangan tebatan banjir lembangan Sungai Johor dan Rancangan tebatan banjir Sungai Kemang.

Yang Berhormat Parit Sulong membangkitkan kejadian banjir terbenuh disebabkan penyenggaraan saliran dan perparitan yang kurang baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan kerja-kerja membuang keladak dan mendalamkan Sungai Simpang Kiri dan telah siap di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerja-kerja selenggara saliran dan perparitan untuk mengurangkan kesan banjir tersebut juga telah dijalankan dua kali setahun dengan menggunakan peruntukan kerajaan negeri.

Yang Berhormat Sipitang mencadangkan pelan penyelesaian jangka panjang untuk meluluskan dan memperdalamkan Sungai Padas bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Sipitang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan-kawasan yang disebutkan berada dalam dataran banjir dan kerap mengalami banjir. Kerajaan sedang menjalankan kajian pelan induk rancangan tebatan banjir Sungai Padas untuk mendapatkan penyelesaian masalah banjir di dalam lembangan Sungai Padas. Kajian ini dijangka siap pada akhir Mac tahun ini. Di peringkat kerajaan negeri pula, kerajaan negeri memberi peruntukan dan menyediakan setiap tahun untuk menyelenggara sungai agar kerosakan yang disebabkan banjir dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Kota Kinabalu memohon agar dikaji semula mengapa banjir masih berlaku di Sabah terutamanya di Daerah Sandakan, Kota Marudu, Lahad Datu, dan Tawau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melaksanakan program jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi atau mengurangkan kejadian banjir di keempat-empat daerah tersebut. Sebagai langkah jangka pendek, kerajaan negeri secara berkala melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai untuk mengelakkan kejadian banjir yang kecil dan kerap. Bagi penyelesaian banjir yang lebih holistik, lembangan sungai perlu dikaji untuk mengenal pasti punca kejadian banjir dan kaedah yang perlu dilaksanakan. Di bawah *rolling plan* kedua dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, peruntukan telah dipohon untuk menjalankan kerja menaik taraf sistem perparitan.

Yang Berhormat Setiu menyarankan agar kerajaan menyegerakan tindakan untuk memperdalamkan, memperbaiki serta mengadakan *breakwater* di muara Sungai Merang dan Kuala Setiu untuk memudahkan nelayan keluar masuk ke laut untuk mendapatkan perlindungan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian dan reka bentuk terperinci di muara Sungai Setiu dan muara Sungai Merang untuk mengambil kira dan menentukan penyelesaian jangka panjang akan dilaksanakan sekiranya kelulusan peruntukan diadakan dalam tahun Rancangan Malaysia Kesepuluh. Seterusnya, pelaksanaan kerja-kerja fizikal berdasarkan cadangan kajian dan reka bentuk adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan yang secukupnya. Sebagai langkah penyelesaian jangka pendek, Jabatan Pengairan dan Saliran telah menjalankan kerja-kerja pengorekan di muara Sungai Merang dan muara Sungai Setiu dalam tempoh tahun 2004 hingga 2010.

Yang Berhormat Sabak Bernam menyarankan supaya peruntukan sebanyak RM10 juta dipertimbangkan oleh kerajaan untuk menaik taraf benteng pantai dan infrastruktur di Tanjung Sauh, Sungai Lang dan Pantai Sekendi di Sabak Bernam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan panjang pantai yang perlu dilindungi ialah sepanjang tiga kilometer dengan kerja yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) membina lapis lindung dan meninggikan ban satu kilometer dengan anggaran kos RM5.5 juta; dan
- (ii) meningkatkan ban sahaja dua kilometer dengan anggaran kos RM4.5 juta.

#### ■1750

Di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh *rolling plan* kedua, JPS telah memohon peruntukan sebanyak RM5.5 juta untuk membina lapis lindung dan meninggikan ban pantai sepanjang satu kilometer di pantai Tanjung Sauh daerah Sabak Bernam. Pada masa ini, kerja-kerja ukur dan penyiasatan tapak telah siap dilaksanakan. Sementara kerja-kerja mereka bentuk dan penyediaan dokumen tender masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun ini.

Yang Berhormat Setiu menyarankan supaya kajian dan tindakan segera diambil untuk menangani masalah hakisan pantai di Batu Rakit ke Kuala Setiu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengenal pasti beberapa kawasan yang mengalami hakisan daripada Batu rakit ke Kuala Setiu iaitu di Telaga Papan, Pantai Merang dan Rhu Sepuluh, didapati hakisan di Telaga Papan kurang kritikal berbanding di Pantai Merang dan Rhu Sepuluh. Sehubungan itu, projek pemulihan Pantai Merang dan Rhu Sepuluh telah dicadangkan untuk pelaksanaan dalam *rolling plan* kedua dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja 2011...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya satu soalan yang pendek?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** ...Terutama yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah saya jawab. Pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua isu...



**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** ...Yang dikemukakan dalam perbahasan ini.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Sebab yang saya...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Yang Berhormat Bakri ada lagi?

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Tak, bukan. Dalam ucapan saya, saya ada tanya siapakah kontraktor yang terlibat dalam – di sepanjang Sungai Muar tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab dan tarikh persiapan projek-projek pun tidak jawab. Sila jelaskan mengapa projek-projek ini gagal mencegah banjir yang begitu teruk sekali, yang berlaku pada bulan lepas. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak jawab ini, yang saya tanya dalam ucapan, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Jawapan terakhir itu saya telah jawab tetapi senarai kontraktor-kontraktor oleh kerana senarai dia banyak, saya akan jawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian seterusnya Kementerian Pelancongan.

#### 5.53 ptg.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan semasa perbahasan Titah Diraja bagi penggal keempat Dewan Rakyat. Kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian terhadap semua pandangan, saranan, cadangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Antara isu yang dibangkitkan adalah pembangunan prasarana pelancongan, program *homestay*, promosi pelancongan, Program Malaysia *My Second Home* dan tindakan Kementerian Pelancongan memberi maklum balas ke atas aduan para pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hulu Selangor memohon Kementerian Pelancongan menjadikan Hulu Selangor sebagai tapak ekopelancongan yang premium kerana mempunyai potensi yang hebat untuk dibangunkan. Berdasarkan produk-produk ekopelancongan sedia ada seperti Bukit Kutu, Sungai Pertak dan Kolam Pertak. Sesungguhnya Kementerian Pelancongan sentiasa mengambil kira potensi tapak alam semula jadi sebagai destinasi ekopelancongan. Namun, untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti ekopelancongan di tapak tersebut, produk unik seharusnya wujud seperti berikut:

- (i) mempunyai kandungan kepelbagaian biologi yang tinggi; dan
- (ii) mempunyai sumber akuatik yang unik.

Pembangunan di tapak-tapak semula jadi di destinasi ekopelancongan mestilah *minimal* mengikut konsep ekopelancongan antarabangsa seperti destinasi yang disebut oleh Yang Berhormat mengenai Bukit Kutu, Sungai Pertak dan Kolam Pertak. Jika jalinan hubungan dari satu bandar sudah wujud maka tapak itu bolehlah diwujudkan sebagai destinasi ekopelancongan kerana di Bukit Kutu terdapat aktiviti *hiking* dan *bird watching*, Sungai Pertak dengan aktiviti *white water rafting* serta pengajian sumber akuatik, manakala Kolam Pertak dengan sumber kesihatan semula jadinya.

Oleh yang demikian, kawasan destinasi ekopelancongan yang diwujudkan mestilah diuruskan oleh pihak berkuasa tempatan dan agensi yang berkaitan. Jika pelan pengurusan untuk tiga tapak ini sudah wujud maka pengusaha pelancongan boleh membuat pakej untuk pelancong ke sana. Kementerian Pelancongan menyokong cadangan Yang Berhormat Hulu Selangor tentang tapak-tapak ini dijadikan sebagai destinasi ekopelancongan.

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Selangor, Kementerian Pelancongan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah melaksanakan tiga buah projek yang melibatkan sejumlah RM3.16 juta iaitu rumah Gap di Bukit Fraser sebanyak RM2.6 juta, kolam air panas Hulu Tamu sebanyak RM244,815 dan Taman Awam di Kuala Kubu Bahru RM20,000, bagi meningkatkan daya tarikan kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak memohon Kementerian Pelancongan membuat tinjauan dan program pembangunan pelancongan yang serius di kawasan Parlimen Pasir Salak agar boleh memberikan peluang ekonomi kepada penduduk tempatan. Sememangnya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kawasan Pasir Salak telah diperuntukkan sebanyak RM500,000 bagi menaik taraf bangunan sedia ada di Kompleks Pasir Salak Kampung Gajah, Perak yang telah pun siap sepenuhnya pada 12 Mac tahun 2010.

Kementerian Pelancongan juga bersedia untuk mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan yang dapat memberikan impak yang lebih berkesan kepada penduduk setempat jika terdapat permohonan daripada pihak kerajaan negeri yang dapat menunjukkan pulangan kepada pelaburan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjung Piai meminta Kementerian Pelancongan menyediakan satu peruntukan supaya kawasan khas bagi persinggahan pelancong dalam laluan di Jalan Kukup boleh diwujudkan. Kementerian Pelancongan telah pun memperuntukkan sebanyak RM5.5 juta bagi menaik taraf kemudahan pelancongan di Pulau Kukup dan RM340,000 bagi program penyelenggaraan Taman Negara, Pulau Kukup dan Tanjung Piai di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Berdasarkan kepada maklum balas pihak Kerajaan Negeri Johor, cadangan untuk menyediakan satu kawasan khas bagi persinggahan pelancong dalam laluan di Jalan Kukup tidak perlu dibuat masa kini.

#### ■1800

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labuan meminta Kementerian Pelancongan mengenal pasti potensi-potensi pelancongan yang dapat dijalankan di Labuan. Di dalam RMKe-9, Kementerian Pelancongan telah melaksanakan 12 projek menaik taraf kemudahan pelancongan dengan peruntukan sebanyak RM6.2 juta khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan. Bagi RMKe-10 sebanyak RM2.5 juta disalurkan untuk projek sambungan Ekopelancongan Kina Benua.

Bagi mengenal pasti potensi pelancongan di Labuan, Kementerian Pelancongan bercadang untuk mengadakan satu bengkel yang melibatkan industri pelancongan tempatan, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan bagi mempergiatkan industri pelancongan Labuan agar dapat menarik lebih ramai pelancongan tempatan dan asing. Antara potensi pelancongan di Labuan yang dikenal pasti adalah seperti *parks and garden*, serta taman hidupan laut. Buat masa ini tumpuan pelancongan Labuan adalah lebih kepada daya tarikan aktiviti air seperti memancing laut dalam dan menyelam, tapak-tapak peninggalan sejarah, program *homestay* dan acara tahunan seperti *Malaysia Water Festival - Labuan International Sea Challenge*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lenggong meminta kementerian Pelancongan menjalankan usaha bagi meningkatkan dan menambah prasarana pelancongan di kawasan-kawasan luar bandar. Di bawah RMKe-9 Kementerian Pelancongan telah membelanjakan sebanyak RM709.6 juta bagi tujuan penyediaan prasarana pelancongan termasuk di kawasan-kawasan luar bandar. Jenis-jenis prasarana yang disediakan adalah termasuk pembinaan jeti jalan masuk ke kawasan pelancongan, penginapan pelancongan murah dan sederhana, wakaf, tandas awam, pusat penerangan, papan tanda penerangan dan tunjuk arah, laluan pejalan kaki, *boardwalk* di hutan lipur dan sebagainya. Daripada jumlah itu RM207.2 juta telah dibelanjakan untuk mempertingkatkan kemudahan pelancongan bagi kampung-kampung *homestay* dan kawasan ekopelancongan yang terletak di luar bandar di seluruh negara.

Bagi kawasan-kawasan pelancongan di Lenggong pula, Kementerian Pelancongan telah membelanjakan sebanyak RM4.3 juta untuk meningkatkan kemudahan dan infrastruktur pelancongan termasuk di perkampungan *Homestay* Kampung Beng.

Berdasarkan kepada pengalaman di bawah RMKe-9, Kementerian Pelancongan akan memberi tumpuan utama kepada keperluan untuk memastikan setiap produk pelancongan yang baru dibangunkan dapat beroperasi dengan segera demi kepentingan industri pelancongan serta manfaat penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tenggara ingin mendapatkan maklumat mengenai perancangan masa hadapan bagi program *homestay* dan langkah yang diambil oleh Kementerian Pelancongan bagi meningkatkan lagi penyertaan masyarakat desa dan luar bandar dalam mewujudkan lebih banyak lagi *homestay* yang boleh menghasilkan pulangan ekonomi kepada mereka.

Kementerian Pelancongan sememangnya yakin dengan potensi pengalaman *Homestay* Malaysia sebagai salah satu produk *niche* yang mempunyai permintaan yang semakin meningkat daripada para pelancong. Oleh itu, Kementerian Pelancongan telah membuat perancangan dan strategi-strategi bagi menarik lebih ramai kedatangan pelancong ke *homestay*, seperti:

- (i) melaksanakan kempen go2homestay.com yang merupakan kempen pertama dilaksanakan di dunia bagi mempromosikan *homestay-homestay* di seluruh Malaysia menerusi aplikasi telefon bimbit, perkhidmatan SMS, MMS, pengiklanan di dalam laman web, rangkaian sosial seperti *Facebook* dan pengiklanan menerusi media cetak serta elektronik. Bilangan *hits* bagi capaian pengunjung ke laman web *homestay* sendiri telah mencapai seramai 1,000,000 orang pengunjung pada tahun 2010;
- (ii) melaksanakan usaha promosi pengalaman *homestay* Malaysia yang agresif dan berterusan menerusi usaha-usaha promosi seperti melaksanakan Misi Jualan Domestik (MJD), Pameran Malaysia *Domestic Travel Fair* (MDTF), Pameran Antarabangsa *One Village One Product* (OVOP) dengan izin di luar negara, Pameran Malaysia *Travel Fair* di Singapura, pengiklanan menerusi *billboard homestay* dan percetakan brosur-brosur serta CD *homestay*;
- (iii) melaksanakan Program *Malaysian Homestay Railway Tourism*, yang merupakan satu program kerjasama di antara Kementerian Pelancongan dengan pihak swasta seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan agensi-agensi pelancongan. Program ini menawarkan perkhidmatan di mana para pelancong boleh merasai pengalaman bermalam dan melihat pemandangan yang indah di sepanjang perjalanan menggunakan perkhidmatan kereta api sebelum sampai ke destinasi *homestay* yang telah dipilih. Terdapat 21 buah *homestay* yang terlibat di dalam pakej ini yang melibatkan 22 buah stesen kereta api di Malaysia termasuk di Singapura;
- (iv) melaksanakan program *Plant A Tree* (PAT) atau tanam pokok yang merupakan salah satu program yang menggalakkan setiap para pelancong yang berkunjung ke *homestay* untuk menanam satu anak pokok di *homestay*. Pelaksanaan program ini menggalakkan kedatangan pelancong secara berulang bagi melihat kembali hasil tanaman mereka selain menjadi salah satu sumbangan mereka terhadap pemeliharaan alam semula jadi dan *Homestay Go Green*. Selain itu, ia juga menggalakkan para pengusaha *homestay* menceburkan diri di dalam bidang perniagaan mikro seperti nurseri anak pokok dan mempelbagaikan lagi aktiviti *homestay* sedia ada;

- (v) melaksanakan Kajian Kepuasan Pelanggan kepada para pelancong yang telah berkunjung ke *homestay* di Malaysia bagi menilai mutu perkhidmatan dan kemudahan *homestay* yang diberikan agar kelemahan yang dikenal pasti dapat ditambah baik;
- (vi) membuat pengelasan terhadap *homestay* yang mirip kepada *star rating* dengan izin untuk hotel, tetapi pengelasan *homestay* ini akan dinilai lebih kepada pakej-pakej aktiviti yang ditawarkan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Ini bertujuan untuk memberikan pengiktirafan dan pengelasan kepada *homestay-homestay* di seluruh Malaysia supaya para pelancong boleh membuat pilihan di samping dapat menggalakkan persaingan yang sihat di antara para pengusaha *homestay*; dan
- vii) Kementerian Pelancongan juga di dalam proses untuk membuat "*trade mark*" dengan izin, logo *homestay* bagi mengelakkan penyalahgunaan istilah *homestay* agar dapat membezakan di antara *homestay* yang telah berdaftar dengan yang tidak berdaftar dengan kementerian ini.

#### ■1810

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelancongan bagi meningkatkan lagi penyertaan masyarakat luar bandar melalui pewujudan lebih banyak lagi *homestay* untuk menghasilkan pulangan ekonomi kepada mereka adalah seperti berikut:

- (i) mengenal pasti perkampungan yang berpotensi dan menggalakkan penduduk di situ untuk menjadi pengusaha *homestay*;
- (ii) memberi latihan dan bimbingan kepada mereka yang baru menyertai Program *Homestay* termasuk kursus keusahawanan dalam perniagaan *micro homestay*;
- (iii) melibatkan pengusaha *homestay* di dalam Satu Daerah, Satu Industri (SDSI) supaya mereka dapat mempamerkan dan menjualkan hasil produk kraf tangan, makanan dan sebagainya masing-masing secara langsung; dan
- (iv) melaksanakan aktiviti promosi *homestay* yang menyeluruh secara agresif dan berterusan bagi meluaskan lagi pasaran *homestay* di dalam dan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis memohon Kementerian Pelancongan agar fleksibel dalam pelaksanaan garis panduan pendaftaran *homestay* supaya tidak menjejaskan mereka yang berhasrat untuk menjadi pengusaha *homestay* yang berdaftar.

Bagi memastikan kesesuaian, kesediaan serta kualiti pengalaman ke sebuah perkampungan *homestay* terjamin, Kementerian Pelancongan telah menetapkan beberapa kriteria dan garis panduan yang perlu dipatuhi bagi memastikan sebuah perkampungan *homestay* yang dibangunkan kelak berdaya maju dan berdaya tahan.

Justeru itu, pemilihan perkampungan yang bersesuaian dengan kriteria yang telah ditetapkan adalah sangat mustahak bagi memastikan kejayaannya kelak. Garis panduan kementerian ini bukannya bertujuan untuk menghalang hasrat masyarakat luar bandar untuk mendaftarkan *homestay* tetapi sebagai syarat untuk memastikan hanya *homestay* yang benar-benar layak dan berpotensi sahaja didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan memohon Kementerian Pelancongan menyatakan kos promosi sebenar bagi menarik pelancong-pelancong asing ke negara ini dan jumlah pendapatan daripada sektor pelancongan dalam satu tahun.

Bagi tahun 2010, jumlah kos promosi bagi menarik pelancong-pelancong asing ke negara ini adalah sebanyak RM239.86 juta manakala jumlah pendapatan yang diperolehi sebanyak RM56.5 bilion iaitu peningkatan sebanyak 5.9 peratus berbanding dengan tahun 2009 iaitu sebanyak RM53.4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Yang Berhormat Jerai mengenai usaha-usaha Kementerian Pelancongan mempromosikan kawasan pelancongan di Parlimen Jerai. Suka saya maklumkan di sini, Kementerian Pelancongan melalui *Tourism Malaysia* sentiasa mempromosi produk-produk pelancongan negeri kepada para pelancong tempatan dan antarabangsa termasuk kawasan Parlimen Jerai di mana Gunung Jerai adalah merupakan salah satu ikon pelancongan negeri Kedah. Antara program dan aktiviti promosi yang telah dijalankan untuk mempromosikan produk-produk pelancongan di sekitar kawasan tersebut pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

- (i) program Konservasi di Pulau Songsong pada 24 dan 25 April 2010;
- (ii) program Jom Jalan-jalan bersama RTM dari 16 hingga 18 Ogos 2010 yang memperkenalkan keunikan kawasan Jerai;
- (iii) program Cemas D'Legenda mempromosikan Gunung Jerai pada 26 hingga 28 Oktober 2010;
- (iv) *Merbok Kayak Challenge* pada 18 Disember 2010;
- (v) misi jualan domestik di Terengganu pada 27 hingga 31 Oktober 2010 dan Johor pada Mac 2010 serta pameran MATTA Fair pada Mac dan September 2010 dan *Malaysia Domestic Tourism Fair* pada Mei 2010 di Kuala Lumpur yang turut disertai Kg. Sungai Badak, Gurun dan *Homestay* Kg. Raga, Yan di Jerai;
- (vi) pakej-pakej memancing telah dibangunkan bagi Pulau Songsong, Pulau Bidan, Pulau Telur dan Pulau Bunting sepanjang pada tahun 2010;
- (vii) pertandingan Memancing Ikan Puyu di Sungai Limau dan kaki Gunung Jerai yang akan diadakan pada bulan September 2011;
- (viii) promosi di halaman web *Tourism Malaysia* berkaitan dengan Jerai; dan
- (ix) risalah-risalah serta majalah pelancongan domestik seperti majalah *Libur* dan *GAYA Travel*.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat Langkawi agar Kementerian Pelancongan memberi perhatian dalam meningkatkan penyertaan pelancong di dalam program *Malaysia My Second Home* (MM2H) di Langkawi. Sejak tahun 2002 hingga Februari 2011, Program MM2H telah berjaya menarik seramai 15,214 warga negara asing menyertai program ini dan mereka boleh memilih untuk menetap di mana-mana tempat di Malaysia termasuk Langkawi.

Berdasarkan kepada rekod Pusat MM2H sejak tahun 2007 adalah didapati sebahagian besar peserta MM2H memilih untuk menetap di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Penang, Johor, Melaka, Perak, Negeri Sembilan dan Sabah. Bagi Pulau Langkawi pula adalah didapati sekurang-kurangnya sepuluh orang peserta MM2H yang terdiri daripada warga negara Amerika Syarikat, Switzerland, United Kingdom, Kanada, Denmark dan Jerman memiliki rumah di Langkawi. Kementerian Pelancongan sememangnya sedang giat mempromosikan Program MM2H...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mencelah, Pasir Salak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, di belakang Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya, Yang Berhormat Pasir Salak. Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan. Berhubung dengan projek *Malaysia Second Home* ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mereka yang memilih untuk mendirikan rumah *second home* di Malaysia ini, apa jenis orang mereka ini? Adakah pihak kerajaan membuat *scrutinization*, dengan izin, apakah tujuan mereka sebab saya ada juga mendengar dan mendapat laporan bahawa ada di antara mereka ini yang *unwanted in their own country*, dengan izin. Itu satu perkara yang saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Keduanya, apa sumbangan mereka sebenarnya dari segi kebaikannya kepada negara kita ini? Seramai 15,000 orang asing yang dibenarkan untuk mendirikan *second home* di negara kita ini. Apa sumbangan mereka kepada ekonomi atau sosial dan ya lah, dalam apa juga segi. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

■1820

**Dato Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya dari Pasir Salak yang bertanya tentang MM2H. Pertamanya, tujuan mereka yang membeli rumah adalah supaya mereka boleh menginap di situ tetapi mereka yang membeli rumah adalah di *scrutinize* kan sama ada mereka benar-benar ada duit untuk membeli rumah, itu yang pertama. Jadi, yang kedua adalah kriteria untuk mereka yang boleh diterima sebagai peserta MM2H. Pertamanya, mereka mesti menandatangani RM200,000 di dalam bank di negara kita dan mempunyai pendapatan RM10,000 sebulan sebab mereka ini kalau sudah diluluskan sebagai peserta MM2H, dianggap sebagai seorang pelancong asing yang boleh keluar masuk kerana memegang *multiple entry visa* selama 10 tahun. Selepas 10 tahun, mereka perlu memohon lagi.

Yang kedua, sumbangan mereka. Seperti juga pelancong-pelancong asing yang lain, sumbangan mereka adalah berbelanja yang mana saya telah sebut tadi bahawa *tourism receipts* untuk tahun 2010 ialah RM56 bilion lebih. Jadi itulah sumbangan mereka juga di dalam penjana pendapatan negara kita. Untuk mereka yang *unwanted* di negara sendiri, itu kita kurang pasti tetapi apa yang kita buat adalah kita *scrutiny background* mereka di negara mereka sendiri sama ada mereka ini orang yang benar-benar *unwanted* ataupun *blacklisted*. Ini kita memang buat *scrutiny* ini sebab kita juga ada *embassy* di negara-negara itu dan mereka juga memohon semuanya ini seperti visa daripada *embassy* sebelum mendaftar sebagai peserta *homestay* kerana visa sebagai pelancong, itu juga di *scrutinize* di negara itu oleh diplomat-diplomat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Kementerian Pelancongan sememangnya sedang giat mempromosi MM2H bagi menarik lebih ramai warganegara asing yang berkelayakan untuk menyertai program ini. Pasaran utama bagi MM2H adalah Asia Utara, Asia Barat dan Eropah. Bagi tujuan ini, pelbagai bentuk promosi dikendalikan oleh Tourism Malaysia bagi menarik lebih ramai peserta daripada pasaran sasaran agar mereka tinggal lebih lama di Malaysia dan membeli rumah kediaman termasuk di Langkawi yang dapat menawarkan satu gaya hidup yang santai dan menyeronokkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lenggong juga memohon Kementerian Pelancongan memberi penjelasan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan bagi menyelesaikan dengan segera aduan-aduan yang diterima daripada pelancong. Kementerian Pelancongan menyiasat setiap aduan yang diterima sama ada yang melibatkan syarikat ataupun pengendali pelancong yang dilesenkan ataupun berdaftar dengan Kementerian Pelancongan serta aduan-aduan yang melibatkan kementerian dan agensi lain seperti pengangkutan awam, kes-kes kehilangan harta, ragut, penipuan dan sebagainya. Kementerian Pelancongan telah menetapkan piagam pelanggan iaitu berusaha untuk menyelesaikan aduan ringan dalam tempoh masa tujuh hari kerja dan aduan yang memerlukan penyiasatan lanjut selama 14 hari.

Syarikat dan pengendali pelancong jika didapati telah melakukan kesalahan, akan diambil tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 yang merangkumi tindakan-tindakan seperti mengeluarkan surat tunjuk sebab, kompaun dan pembatalan lesen.

Pihak pengadu juga disyorkan untuk membuat tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia sekiranya mereka masih tidak berpuas hati dengan penjelasan atau pampasan yang diberikan oleh syarikat berkenaan. Bagi aduan yang melibatkan Kementerian dan agensi lain, Kementerian Pelancongan membuat tindakan susulan terhadap keputusan ataupun tindakan yang diambil untuk dimaklumkan kepada pihak pengadu. Untuk tahun 2010, sebanyak 611 aduan telah diterima dengan 571 aduan telah berjaya diselesaikan ataupun 93.5 peratus selesai. Baki 40 peratus aduan yang belum selesai, masih lagi dalam tindakan siasatan, manakala Kementerian Pelancongan menerima sebanyak 171 aduan daripada pelancong asing dengan 159 aduan telah berjaya diselesaikan iaitu 93 peratus selesai.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Pandangan, saranan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian oleh Kementerian Pelancongan bagi menambah baikkan pelaksanaan semua program, aktiviti dan acara pelancongan agar menghasilkan pulangan yang lebih tinggi dan dapat manfaat penduduk tempatan sejajar dengan Pelan Transformasi Negara bagi membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan yang berupaya menarik ketibaan seramai 36 juta pelancong asing dengan pendapatan sebanyak RM168 bilion pada tahun 2020. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sila Menteri.

#### 6.29 ptg.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Titah Diraja yang menyentuh pelbagai perkara di bawah tanggungjawab Kementerian MOA. Seramai 19 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Diraja 2011 yang terdiri daripada Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Labuan dan Yang Berhormat Lanang. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menghargai segala pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Yang Berhormat Jasin telah membangkitkan tentang strategi kerajaan dalam menangani isu keselamatan makanan atau *food security*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa strategi telah digariskan dalam dasar agro makanan sebagai input kepada Dasar Pertanian Negara Keempat bagi tempoh 2011 hingga 2020 untuk menjamin bekalan makanan dalam negara. Di antaranya, meneruskan pelaksanaan projek berimpak besar iaitu:

- (i) Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Feedlot Nasional, ladang kontrak dan pembangunan usahawan asas tani serta projek di bawah NKEA Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;
- (ii) membangunkan tanah pertanian secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai di kawasan tanaman semula kelapa sawit dan integrasi kelapa sawit dengan ternakan;

- (iii) membangunkan sistem berantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan kerajaan swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran;
- (iv) menumpukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan *variety* dan juga baka pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi seperti teknologi bio proses mekanisme dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kajian penyakit, piawai dan grid serta pemeliharaan sumber dan teknologi hijau;
- (v) meningkatkan penglibatan pihak swasta menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi. Pihak swasta juga digalakkan untuk menubuhkan konsortium atau syarikat peneraju bagi mengendalikan pengeluaran dan pemasaran untuk kumpulan sasar melalui ladang kontrak dan pakatan strategi; dan
- (vi) membenarkan pelabur swasta untuk membuat pelaburan di luar negara secara timbal balik atau *reverse investment* bagi pengeluaran komoditi utama makanan yang dikenal pasti.

■1830

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Yang Berhormat Kuantan pula ada membangkitkan isu Dasar Jaminan Bekalan Makanan telah pun menjadi salah satu objektif dalam Dasar Pertanian Negara yang ketiga tahun 1998 sehingga tahun 2010. Yang Berhormat juga berkata, "*Menurut Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, isu jaminan bekalan makanan tidak diberikan penekanan dan hanya diberikan perhatian serius selepas berlakunya krisis makanan dunia pada tahun 2008.*"

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuantan, di dalam ucapan saya semasa Konvensyen Jaminan Bekalan Makanan 2010 menyatakan, jika kita menganalisa ketiga-tiga Dasar Pertanian yang lalu semenjak tahun 1984, jaminan bekalan makanan yang mencukupi untuk negara dan isi rumah serta meningkatkan pendapatan pengusaha-pengusaha merupakan di antara agenda utama Dasar Pertanian Negara. Oleh yang demikian, isu jaminan bekalan makanan bukan sahaja diberikan penekanan selepas krisis makanan 2008, malah ia juga telah menjadi agenda utama di dalam ketiga-tiga Dasar Pertanian semenjak tahun 1984.

Yang Berhormat Arau ada membangkitkan isu dan saranan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Noh bin Haji Omar:** Dasar makanan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, dasar makanan. Sungai Manik belum lagi. Pasal makanan dahulu. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya berkenaan dengan dasar makanan dan juga *food security* dengan izin. Beberapa bulan yang lalu saya kira, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat kenyataan bahawa kerajaan telah pun berunding dengan negara tertentu untuk kita membuka projek pertanian di luar negara bagi memastikan bekalan makanan cukup di negara kita ini. Sehingga kini saya masih lagi tertanya-tanya berkenaan dengan projek ini. Projek apa sebenarnya? Tanaman apa, makanan apa, di negara mana dan sejauh mana kemajuannya setakat ini? Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.



**Dato' Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Memang benar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat beberapa pengumuman untuk menggalakkan pelabur-pelabur kita dari Malaysia untuk melabur di luar negara untuk memastikan makanan kita cukup. Oleh itu, Kementerian Pertanian telah pun membuat satu dasar yang telah pun diluluskan oleh Kabinet baru-baru ini yang dinamakan *reverse investment* yang saya katakan tadi di mana secara dasarnya, mana-mana syarikat yang melabur di luar negara, ianya dianggap seolah-olah macam syarikat ini melabur di dalam negara. Oleh kerana ini dasar yang baru, maka Kementerian Pertanian sekarang ini sedang membuat secara terperinci definisinya, syarat-syarat dan sebagainya, kerana kita tidak mahu ada orang mengambil kesempatan.

Sebagai contoh, kalau dia tanam padi. Yang dikatakan *reverse investment* ini, dia kena tanam padi ini, dia kena buka tanah, dia kena tanam padi dan dia proses beras sampailah dia bawa balik beras. Akan tetapi kalau kita tidak teliti, kita bimbang ada syarikat padi dia bukan tanam padi tetapi dia jadi pembeli padi. Dia pergi mana-mana kilang, dia boleh beli padi, dia proses, dia hendak bawa balik beras, dia kata ini *reverse investment*. Ini bukan dasarnya. Oleh kerana itu dasar ini kita sedang teliti lagi dan buat masa ini memang belum ada mana-mana syarikat yang menyatakan keinginan mereka walaupun secara dasarnya ada lah beberapa *proposal*.

Kedua, kita juga akan membuat secara *detail* di antara hubungan *G-to-G* ataupun kerajaan dengan kerajaan. Sebagai contoh di sebuah negara, di peringkat negerinya tidak ada masalah kerana negeri tersebut mempunyai surplus daripada padi tetapi apabila kita pergi ke peringkat federal di ibu negaranya, dasarnya sudah berbeza dah. Jadi, itulah beberapa perkara yang kita kena teliti supaya apabila mana-mana pelabur melabur di luar negara, mereka nanti tidak akan menghadapi apa-apa halangan. Terima kasih Yang Berhormat dari Pasir Salak.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri, saya sambung sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin Yang Berhormat.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Beras adalah menjadi makanan asasi rakyat Malaysia. Memang rakyat ada hak untuk merasa bimbang terutama untuk sepuluh tahun akan datang. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya rancangan di bawah NKEA daripada sekarang sehingga tahun 2020 bagi memastikan supaya bekalan beras kita yang pada ketika ini 70 peratus akan mencukupi untuk keperluan rakyat Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang makanan beras ini makanan yang utama. Kalau tidak ada beras ini, tidak cukup makanan, negeri pun boleh perang. Jadi sebab itu kita sedar bahawa dalam kita menghadapi keadaan dunia pada hari ini, yang pertama, rakyatnya semakin bertambah tetapi tanahnya semakin berkurangan. Kedua, kita juga sedar bahawa perubahan iklim selalu berubah. Macam baru-baru ini di Kedah dan Kelantan yang mengalami banjir yang boleh menjejaskan pengeluaran makanan.

Ketiga, kita juga sedar bahawa sejak akhir-akhir ini macam-macam penyakit perosak padi ini. Siput gondang lah, bina perang dan sebagainya. Jadi oleh itu, kementerian walaupun pada dasarnya kita hari ini keluarkan 70 peratus dan import 30 peratus, tetapi kita sedang berbincang secara detil sama ada kita perlu atau pun tidak mencapai 100 peratus *self-sufficient*. Ini yang kita sedang bahaskan kerana ada yang kata patut sampai 100 peratus dan ada yang kata tidak perlu sampai 100 peratus. Ini yang sedang kita bincangkan. Oleh itu, untuk memastikan bahawa bekalan padi atau pun bekalan makanan utama ini sentiasa ada, kita telah mengambil beberapa langkah seperti di bawah NKEA yang diumumkan oleh Perdana Menteri yang salah satunya adalah sektor pertanian yang melibatkan juga kawasan padi. Seperti di MADA, kita cuba uruskan padi secara komersial dengan kita menggunakan konsep mini estet.

Kedua, kita juga akan berusaha untuk mencari berbagai-bagai *variety* supaya kita dapat menambahkan *yield* padi ini. Hari ini purata lebih kurang 4.5 tan. *Target* kita kalau boleh sampai 6 tan.

#### ■1840

Ketiga, kita juga sedang berusaha untuk menambahkan sistem pengairan supaya sawah padi yang hari ini setahun sekali boleh ditanam dua tahun sekali, yang mana dua tahun sekali kita boleh tanam lima kali dua tahun. Ini sedang kita rancang, dan keempat, kita juga sedang berusaha untuk membangunkan kawasan-kawasan sawah padi yang hari ini banyak terbiar seperti di Melaka. Saya pergi ke kawasan Tangga Batu. Kita luluskan RM6 juta. Dengan adanya RM6 juta itu dia buat perairan baru dan boleh menambahkan hasil padi.

Seterusnya kita juga sedang merancang untuk memperluaskan kawasan-kawasan MADA, KADA dan juga IADA dan juga kita akan cuba menubuhkan IADA yang baru seperti di Pekan dan Rompin. Hari ini kita akan tubuhkan IADA. Jadi kita akan cuba berusaha untuk memastikan bekalan beras ini cukup di dalam negara kita dengan kita mengambil kira tanah yang semakin kurang ini dan yang akhir tadi *reinvestment* Yang Berhormat Pasir Salak bangkitkan juga, merupakan salah satu langkah untuk kita pastikan bekalan makanan dan beras kita cukup. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai perancangan untuk menaikkan pengeluaran padi di negara kita ini. Saya pasti Yang Berhormat sedia maklum bahawa pengeluaran padi di Sabah ini sudah menurun sehingga ke tahap hanya 30 peratus sekarang ini. Ini maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian Negeri Sabah. Saya di sini melihat Yang Berhormat ada dua sebab iaitu pertamanya sawah padi yang biasanya ditanam dengan padi ini mengecil sebab banyak daripada kawasan-kawasan padi ini ditimbus sebagai kawasan perumahan dan sebagainya.

Keduanya, kita maklum bahawa pendatang-pendatang tanpa izin ramai di Sabah. Yang Berhormat, saya ingin bertanya di sini, tadi Yang Berhormat mengatakan salah satu daripada perancangan kementerian ialah untuk membuka tanah-tanah baru. Jadi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat. Betul di Sabah ini masih ada kawasan-kawasan yang boleh diterokai misalnya di kawasan saya sendiri Yang Berhormat, masih ada kawasan-kawasan yang boleh dibuka.

Saya telah lebih kurang beberapa tahun yang lalu mencuba satu kaedah di mana lereng bukit yang tidak curam boleh diterokai sebagai sawah padi yang sekarang ini menunjukkan hasilnya dan tidak ada kesan alam sekitar seperti hakisan. Mereka bertanya kepada saya sama ada terdapat sumber bantuan untuk terus membangunkan kawasan ini yang mengganti. Di Sabah ini Yang Berhormat, banyak yang menanam padi bukit dan berpindah-pindah. Dengan kaedah baru ini seperti kaedah di Bali dan sebagainya boleh menetapkan mereka untuk mengusahakan ini dan tidak ada kesan. Jadi saya ingin bertanya sama ada kalau kita ajukan permohonan bantuan, Yang Berhormat dapat membantu? Terima kasih.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Saya hendak betulkan sedikit sahaja. Tadi kita tidak ada bercadang untuk membuka kawasan yang baru sebab apabila kita hendak membuka kawasan yang baru ia akan melibatkan kos yang cukup tinggi. Jadi itu yang terakhir tetapi kita akan cuba seperti yang saya katakan tadi, memperluaskan kawasan-kawasan sawah padi yang ada. Juga termasuk Yang Berhormat kata tadi yang tanah ini, tanah-tanah yang terbiar sebenarnya yang sepatutnya dibuat sawah tetapi walaupun telah diwartakan sebagai sawah padi tetapi oleh kerana tidak dibangunkan sawah padi itu maka telah di *convert* menjadi kawasan-kawasan perumahan. Malah ada juga yang dijadikan kawasan-kawasan industri.

Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa memang padi bukit itu dalam kajian daripada MARDI dan ini juga salah satu *variety* padi yang akan kita jadikan keutamaan. Selalunya kita buat di Sarawak tetapi kalau di Tuaran mungkin ada, saya ingat kita boleh pergi ke sana dan kita lihat sama ada kesesuaian untuk ditanam padi. Walau bagaimana pun di Sabah ini kita akan membuka satu jelapang padi yang cukup besar iaitu di Kota Belud, yang saya telah pergi melihat sebanyak dua kali, di mana kalau jelapang padi di Kota Belud ini betul-betul dapat kita bangunkan maka saya yakin pengeluaran padi di Sabah ini akan dapat dipertingkatkan. Kalau tidak silap saya kita membelanjakan lebih RM300 juta untuk membuat jelapang padi yang baru ini di Kota Belud.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau ada membangkitkan isu dan saranan dalam membangunkan industri buah-buahan negara. Saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Arau mengenai tambahan peruntukan kepada FAMA. Dalam usaha meningkatkan eksport buah-buahan, peranan FAMA akan dipertingkatkan bagi merangka program promosi buah-buahan di luar negara untuk pasaran Eropah, Asia Barat dan juga Hong Kong. Di samping itu FAMA juga terlibat dalam jawatankuasa teknikal laluan pasaran buah-buahan ke Amerika syarikat termasuk buah rambutan.

**Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Selain MARDI dan Jabatan Pertanian, FAMA juga telah membangunkan aktiviti pembungkusan dan bahan promosi buah-buahan Malaysia ke pasaran antarabangsa dengan menekankan kepada aspek 3P iaitu penggredan, pembungkusan dan juga pelabelan di mana dalam salah satu maklumat di bawah pasaran ini adalah untuk mempamerkan negara asal keluaran pertanian.

FAMA melalui kerjasama dengan pengeksport-engeksport buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan telah mengambil usaha memperkenalkan sayur-sayuran dan buah-buahan Malaysia ke pasaran baru seperti Eropah, China, Asia Barat dan negara-negara lain. Sebagai contoh dalam tahun 2009, 48 peratus daripada eksport sayur-sayuran Malaysia telah memasuki pasaran-pasaran baru dan 46 peratus eksport buah-buahan juga telah menembusi pasaran seperti Hong Kong, Eropah, Indonesia dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Hulu Terengganu bangun.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Walau bagaimanapun usaha – bagi saya habiskan sedikit lagi. Walau bagaimanapun usaha-usaha promosi berterusan perlu dijalankan untuk memperluaskan lagi pasaran sayur-sayuran dan buah-buahan ke luar negara.

**Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik kepada saranan Yang Berhormat Arau untuk menambahkan peruntukan kepada FAMA tetapi pada pandangan saya FAMA bukan sekadar untuk membeli dalam keadaan biasa dan untuk mengeksport. Saya mencadangkan supaya pihak FAMA menggunakan dana yang ada untuk membeli setiap barangan buah-buahan yang dikeluarkan oleh petani supaya hasil tanaman petani itu tidak laku sebab yang menghasilkan tanaman ini sebenarnya adalah hasil galakan daripada Jabatan Pertanian juga. Akan tetapi apabila petani menanam tanaman kita dapati tanaman itu tidak terjual dan seharusnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertanggungjawab untuk membeli hasil tanaman tersebut. Dana ini digunakan dan diserahkan kepada FAMA untuk melaksanakan di mana buah yang dibeli tadi. Terima kasih.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Sebenarnya FAMA dilihat sebagai satu agensi yang terakhir untuk menyelamatkan hasil-hasil tanaman di Malaysia ini kerana FAMA selain mereka ada kontrak *farming* – kontrak *farming* ini menjamin harga yang telah dibuat di dalam perjanjian untuk membeli balik hasil-hasil pertanian yang saya lihat salah satu cara yang berkesan untuk kita membantu petani-petani di luar bandar, adalah dengan kontrak *farming*. Satu cara lagi ialah FAMA menentukan harga siling.

Harga siling ini ertinya harga mengikut pasaran tetapi dalam masa yang sama FAMA ini baik hati. Kalau harga FAMA katalah RM2.00 sekilo tetapi kalau di luar pasaran ada yang boleh mendapat RM2.50 sekilo dan FAMA tidak ada halangan. Petani ini boleh jual kepada pihak luar. Kalau sudah tiada tempat untuk menjual baru datang dan jual pada FAMA.

Jadi oleh sebab itu dilihat FAMA ini seolah-olahnya seperti mengambil harga yang agak murah tetapi seperti yang saya hendak nyatakan bahawa harga yang ditentukan oleh FAMA ialah harga siling yang telah pun dipersetujui dengan petani-petani. Juga untuk kita menambahbaikkan lagi hasil-hasil pertanian ini, kementerian telah pun meminta FAMA dan juga pertubuhan peladang kawasan, mesti mengadakan satu kerjasama yang erat supaya pengeluaran hasil-hasil pertanian dapat disusun.

#### ■1850

Ini kerana PPK, Pertubuhan Peladang kita tahu mereka ada ahli. FAMA sepatutnya sebagai unit pemasaran. Jadi dua agensi ini mesti bekerjasama dan kalau selama ini kita lihat kadang-kadang hasil-hasil pertanian ini dikeluarkan berdasarkan kepada *product driven* maksudnya terpulang kepada petani. Kadang-kadang dia teringat hendak jual, hendak tanam kacang bendi, dia tanam. Dia teringat tanam pisang, dia tanam. Sekarang ini kita cuba membuat satu program mengikut *market driven* iaitu mestilah ditanam mengikut kehendak pasaran. Untuk kita hendak mencapai matlamat ini, sistem tanaman secara *fertigasi* adalah kita galakkan kerana dengan sistem *fertigasi* ini lebih mudah untuk kita mencapai hasrat bagi menggalakkan petani-petani bertanam berdasarkan kepada *market driven*.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** [Bangun]

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tawau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak bangun.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah kepada kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri yang mempunyai satu wawasan yang besar untuk membangunkan pemasaran hasil buah-buahan dan tanaman petani-petani seperti di luar bandar apabila menghuraikan peranan FAMA dan juga PPK. Akan tetapi saya ingin memberi maklum balas kepada Yang Berhormat Menteri saya rasa kejayaan yang dicapai setakat ini begitu kecil sekali apabila disebut program ataupun skim *contract farming*, saya ingin bertanya setakat mana pencapaian kita, berapa *turnover*, berapa hasil jualan, hasil-hasil buah-buahan dan tanaman orang kampung melalui *contract farming* ini dan setakat mana ianya meningkatkan pendapatan petani-petani ini.

Keduanya saya juga ingin memberikan maklum balas kepada Yang Berhormat Menteri apa yang terjadi kepada TEMAN di Simpang Pulai, Perak di mana FAMA telah pun melaburkan wang yang begitu besar sekali untuk mendirikan TEMAN ini tetapi saya difahamkan TEMAN ini sudah jadi macam gajah putih, tidak mencapai matlamat sebagaimana yang dirancang. Bukan sahaja masalah berhubung dengan dana atau kewangan tetapi ada masalah-masalah lain yang dihadapi oleh FAMA untuk menjayakan TEMAN yang telah melibatkan pelaburan kalau tidak silap saya ratusan juta ringgit. Jadi ini contoh dan banyak lagi contoh di mana kita melihat kejayaan untuk memajukan petani-petani buah-buahan dan sayur-sayuran ini sungguh masih jauh lagi daripada yang kita harapkan. Ini saya minta perhatian dan juga ulasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian. terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih. Yang Berhormat bangkitkan dua isu iaitu yang pertama hasil-hasil pertanian yang dipasarkan oleh FAMA dan kedua mengenai TEMAN di Ipoh. Baik, saya minta maaf kerana Yang Berhormat tanya secara *detail*, saya tidak boleh hendak bagi secara *detail* tetapi daripada pengalaman saya bahawa kalau hasil tanam-tanaman ini ditanam mengikut *market driven*, maka memang tidak ada masalah daripada segi untuk pemasaran.

Kerana itu di bawah NKEA, kita telah pun memberikan keutamaan kepada lima jenis tanaman di mana lima jenis buah-buahan ini akan dibuat secara besar-besaran supaya apabila dihasilkan oleh petani, ianya akan mendapat pasaran. Kalau kita pergi di luar - saya ambil air tebu sebagai contoh. Tebu ini kajian MARDI kalau dahulu ia boleh tahan lebih kurang dua minggu sahaja, boleh eksport ke Singapura sahaja. Dengan kajian MARDI yang baru, tebu ini boleh tahan lebih lama dan hari ini boleh dieksport sampai ke Dubai dan apabila kita pergi ke Dubai, air tebu yang segar ini memang mendapat sambutan tetapi masalahnya tebu ini tidak cukup untuk kita *supply*.

Hari ini kalau kita lihat produk-produk asas tani ini *problem*, masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kecil ialah untuk mendapatkan bahan-bahan mentah. Hendak buat minyak kelapa dara ini diimport daripada Filipina. Jadi oleh kerana itu untuk pastikan itu Yang Berhormat, kita akan bekerjasama dengan PPK untuk memastikan bahawa tanaman-tanaman ini kita dapat pertingkatkan.

Dalam masa yang sama, FAMA juga hari ini telah memperkenalkan roda motor tiga ada bajet dalam RM2 juta lagi dan juga kedai rakyat yang dibuat sebagai *collection centre*. Ertinya kita sedar masalah yang dihadapi oleh orang kampung kadang-kadang yang tanam tidak banyak ini, yang tanam kelapa, yang tanam buah-buahan secara kecil-kecilan. Sebab itu kita hendak perbanyakkan roda tiga supaya dia boleh kutip di kampung-kampung dan diletakkan di kedai rakyat sebagai pusat pengumpulan dan daripada situ nanti boleh dibuat pemasaran.

Mengenai TEMAN, terima kasih Yang Berhormat bangkitkan. Ini saya akui saya belum pergi melawat tetapi saya dengan Menteri Besar Perak telah pun tentukan tarikh tetapi saya sudah lupa tarikhnya namun dalam bulan ini juga akan melawat TEMAN di Ipoh ini untuk dilihat apakah benar ianya jadi gajah putih ataupun bagaimana kita boleh bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak untuk kita membangunkan TEMAN ini kerana TEMAN ini tidak boleh dijadikan sebagai pasar borong, teman mestilah dijadikan sebagai tempat pemasaran, tempat pengumpulan dan juga tempat pengedaran barang. Jadi ini *insya-Allah* kalau Yang Berhormat ada masa bolehlah *join* sekali saya dengan Menteri Besar untuk melawat TEMAN ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tawau ada membangkitkan isu penanaman pisang sekaki di Sabah dan di Sarawak. Dasar yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah adalah terbuka untuk mana-mana individu di daerah yang dizonkan untuk buah-buahan untuk mengusahakan tanaman pisang sekaki. Sehubungan itu kementerian melalui Jabatan Pertanian Sabah sentiasa membantu memberikan perkhidmatan khidmat nasihat atau memberikan pandangan bagi sesuatu kawasan yang dipohon untuk tujuan penanaman semua jenis pisang termasuk pisang sekaki.

Yang Berhormat Bagan Serai telah membangkitkan tentang isu penternakan ikan arowana. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sehingga tahun 2010, terdapat 74 pengusaha arowana yang melibatkan pengoperasian sejumlah 5,512 buah kolam di atas tanah seluas 386 ekar di Bukit Merah. Daripada jumlah ini, seramai 39 orang terdiri daripada Melayu mengusahakan 2,753 kolam dan 35 orang terdiri daripada kaum Cina yang mengusahakan 2,719 buah kolam. Berhubung dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat agar amalan kitar semula air dan air buangan disalurkan semula ke dalam terusan penternakan ikan arowana sebenarnya telah pun diamalkan di Bukit Merah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, secara keseluruhan kawasan ternakan arowana di Bukit Merah adalah sekitar 4 peratus daripada keluasan Tasik Bukit Merah yang mempunyai keluasan sejumlah 3454.99 hektar. Disebabkan keluasan perusahaan ikan arowana ini kecil, maka penurunan hasil penanaman padi di kawasan tersebut bukanlah disebabkan penternakan ikan arowana. Bagi cadangan untuk mengisytiharkan kawasan sebagai zon arowana, Kerajaan Negeri Perak telah pun mewartakan 450 ekar kawasan sebagai zon industri arowana pada awal tahun 2011. Oleh kerana terdapat banyak permohonan daripada penternak, kerajaan negeri bercadang untuk menambah keluasan kawasan tersebut sehingga 1,000 ekar.

## ■1900

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Piai ada membangkitkan insentif galakan pengeluaran akuakultur. Di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, melalui Jabatan Perikanan telah memberikan bantuan insentif galakan pengeluaran akuakultur kepada penternak dengan tujuan mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh penternak ekoran kenaikan kos operasi. Peruntukan telah pun disalurkan oleh kerajaan kepada Agrobank bagi tujuan pembayaran.

Pada tahun 2008 sahaja, Jabatan Perikanan Malaysia telah membayar RM13.32 juta untuk 1,514 permohonan manakala pada tahun 2009, jumlahnya meningkat ke RM18.84 juta telah dibayar kepada 7,549 permohonan. Sementara itu bagi tahun 2010 dan mana-mana tuntutan yang masih belum dibayar iaitu termasuklah tuntutan dari kawasan Ahli Yang Berhormat, bayarannya memang kita belum lagi bayar kerana Dasar Bekalan Makanan ini sedang dilihat sama ada pemberian insentif bukan sahaja kepada akuakultur tetapi juga kepada sayur-sayuran, kepada ternakan. Sama ada diteruskan ataupun tidak. Akan tetapi untuk Dasar Jaminan Bekalan Makanan untuk penanaman padi, yang ini telah pun diluluskan oleh pihak kerajaan.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** [Bangun]

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bakri ada membangkitkan tentang isu perikanan di kawasan Muar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya ingin tahu, pada tunggakan bayaran itu, ada atau tidak kerajaan menentukan satu tempoh supaya penternak ini tahu bila dia dapat tuntutan tersebut. Ini kerana setahu saya di kawasan Tanjong Piai ada tunggakan bayaran sebanyak RM445,000. Jadi itulah, saya ingin tahu ada atau tidak kerajaan menentukan satu tarikh ataupun tempoh yang tertentu boleh membuat bayaran tersebut.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sepertimana yang saya nyatakan tadi bahawa insentif ini diperkenalkan di bawah Dasar Bekalan Makanan 2008 dan 2010. Jadi semasa dasar ini diperkenalkan, dia kira ini *one-off*. Peruntukan telah pun ditentukan untuk dua tahun. Kalau saya tidak silap, untuk akuakultur ini sahaja lebih daripada RM300 juta yang diperuntukkan. Begitu juga bukan sahaja akuakultur. Ternakan, sayur-sayuran, semuanya ada dan termasuk juga padi. Oleh kerana ini dasar bekalan untuk dua tahun, maka *one off* ini telah pun habis. Dasar ini telah pun tamat pada tahun 2010.

Jadi buat masa ini, seperti yang saya nyatakan tadi bahawa semua insentif di bawah Dasar Bekalan Makanan ini masih di dalam pertimbangan kerajaan. Saya kena bawa balik kepada Kabinet kerana ia memerlukan belanjawan. Kalau semuanya kita hendak bagi, lebih daripada RM1 bilion kita kena belanja. Jadi kerana itu, kementerian membawa masalah padi dahulu. Padi di bawah Dasar Bekalan Makanan juga ada untuk insentif padi. Kita buat perkapuran, *matching* geran bagi bantuan baja dan sebagainya. Ini sahaja, padi sahaja hampir lebih daripada RM400 juta tambahan. Jadi untuk menjawab soalan Yang Berhormat, buat masa ini saya ingin menyatakan bahawa insentif ini kita kena KIV dahulu. Sampai bila? Sampailah ada peruntukan daripada kerajaan. Jadi kerana itu, kita telah minta supaya pegawai kita supaya tidak lagi mengeluarkan borang-borang ini buat sementara waktu. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bakri ada membangkitkan tentang isu perikanan di kawasan Muar. Berhubung cadangan Ahli Yang Berhormat, bagi projek membela ikan di tengah laut luar pesisir pantai Parit Jawa, pertimbangan berikut perlu diambil kira sebelum projek dilaksanakan. Kawasan pesisir pantai sedia ada adalah kawasan menangkap ikan nelayan tradisional. Bagi Daerah Muar, terdapat sebanyak 338 buah vessel zon A yang berlesen dengan bilangan nelayan sekitar 845 orang.

Pewujudan kawasan atau struktur baru di tengah laut akan menghadkan kawasan penangkapan nelayan sedia ada. Kawasan luar pesisir Parit Jawa yang terletak di Selat Melaka juga agak terhad dan merupakan laluan maritim yang sangat sibuk dan kawasan dasar berlumpur, tidak sesuai untuk pembinaan tukun.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bakri mengenai jumlah peruntukan LKIM untuk menolong menaik taraf hidup nelayan pukat hanyut di Muar, LKIM tidak mempunyai peruntukan khas dalam Bajet 2011. Walau bagaimanapun, LKIM masih meneruskan bantuan elaun sara hidup RM200 sebulan dan subsidi diesel dan petrol untuk semua nelayan di seluruh negara.

Yang Berhormat Lanang membangkitkan tentang isu perancangan sektor perikanan di kawasan Tanjong Manis. Dalam sektor perikanan, tangkapan kawasan Tanjong Manis telah mempunyai Pelabuhan Perikanan Bersepadu Tanjong Manis. Pelabuhan ini telah mula beroperasi pada tahun 2008. Sejumlah 117 buah vessel laut dalam Tanjong Manis daripada 312 lesen yang diluluskan telah aktif menggunakan pelabuhan ini. Pendaratan ikan yang direkodkan pada tahun 2010, sejumlah 24,849 tan metrik. Aktiviti perikanan di pelabuhan ini dijangka akan lebih aktif dengan siapnya jalan raya menghubungkan Tanjong Manis dengan bandar Sibu pada akhir tahun ini.

Bagi subsektor padi, pihak Jabatan Pertanian Negeri Sarawak dan BERNAS telah membuat kajian mengenai kawasan Tanjong Manis bagi tujuan penanaman padi. Daripada kajian yang dibuat, didapati tanah di kawasan Tanjong Manis kurang sesuai untuk aktiviti penanaman padi. Ini disebabkan kebanyakan tanah adalah jenis rajang, masin ataupun masin dan beracid dan merupakan tanah gambut. Selain itu, kawasan tersebut juga tidak mempunyai sumber air yang mencukupi bagi tujuan penanaman padi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Langkawi pula membangkitkan tentang isu operasi Pelabuhan Perikanan Tuna Antarabangsa (MITP) di Batu Maung dan subsidi minyak diesel dan petrol kepada nelayan. Oleh kerana isu MITP ini masih lagi dalam tindakan mahkamah, maka saya tidak dapat menguraikan. Takut ia menjadi isu *sub judice*. Berhubung dengan subsidi diesel dan juga petrol kepada nelayan. Kerajaan sentiasa melakukan pemantauan secara berterusan agar masalah penyelewengan penggunaan subsidi diesel terus dikawal. Beberapa jawatankuasa di semua peringkat telah ditubuhkan bertujuan untuk memastikan penyaluran subsidi diesel kepada nelayan tidak disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Selain daripada itu, LKIM itu juga sentiasa melaksanakan penguatkuasaan serta pentadbiran bagi memantau penyaluran subsidi diesel dan petrol kepada nelayan. Nelayan yang didapati bersalah melakukan penyelewengan diesel subsidi akan dikenakan sekurang-kurangnya tindakan senarai hitam supaya tidak mendapat kemudahan subsidi bagi tempoh enam bulan. Pada masa ini kerajaan sedang di peringkat kajian bagi menstrukturkan semula sistem pemberian subsidi produk petroleum ini

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labuan ada menyentuh persoalan berapakah kadar penghasilan sendiri terhadap produk berasaskan daging dan apakah program atau usaha berterusan kementerian bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap produk daging luar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah berjaya meningkatkan pengeluaran daging dalam negara dari 31,885 tan metrik pada tahun 2006 kepada 41,080 tan metrik pada tahun 2009. Hampir 10,000 metrik tan. Oleh itu, kadar sara diri pengeluaran daging dalam negara telah meningkat daripada 22 peratus pada tahun 2006 kepada 27 peratus pada tahun 2009, sementara kadar import daging dari luar negara telah dapat kita kurangkan daripada 105,000 tan metrik pada tahun 2006 kepada 100,931 tan metrik pada tahun 2009.

Kemajuan ini merupakan hasil daripada strategi untuk meningkatkan pengeluaran daging dalam negara dan mengurangkan pergantungan kepada produk daging import. Di dalam NKEA, ada 16 APP. Salah satu daripada APP nya juga ialah untuk kementerian merancang bagaimana untuk kita menambah hasil daging di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tawau telah membangkitkan isu tanaman kekal pengeluaran makanan di Tawau.

#### ■1910

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan TKPM sememangnya berteraskan penggunaan teknologi pertanian terkini. Walau bagaimanapun, bekalan benih yang dijamin berkualiti adalah subjektif memandangkan Dasar Benih Kebangsaan masih lagi dalam proses penggubalan. Dalam keadaan demikian penguatkuasaan dan pemantauan bagi memastikan bekalan dan pembekalan benih tanaman belum dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Bagi bekalan benih tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran secara percuma, sememangnya dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Sabah tetapi kuantiti adalah tertakluk kepada peruntukan yang sedia ada. Yang Berhormat Tenom membangkitkan tentang pembangunan sektor pertanian moden melalui penggunaan kemudahan teknologi tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak dapat dinafikan hasil penyelidikan Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran dan Stesen Penyelidikan Pertanian Lagut Seberang, Tenom, Sabah telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat tani dari segi penghasilan pakej teknologi terkini serta mengeluarkan bahan tanaman bermutu tinggi.

Penyelidikan tanaman makanan telah berjaya menghasilkan dan mengesyorkan 60 *variety* berbagai tanaman makanan. *Variety* terkini yang telah disyorkan dalam RMKe-9 adalah kacang tanah ataupun kacang raja yang berbiji besar dan sesuai digunakan dalam industri kuih muih dan empat *variety* sayur kacang soya yang berpotensi sebagai sayuran baru. Hasil penyelidikan di kawasan tanah tinggi Kundasang telah berupaya menghasilkan pelbagai tanaman *temperate* berpotensi untuk tanaman komersial serta sebagai gantian import. Ini termasuk untuk dua jenis sayur *zucchini*, tiga jenis ubi kentang dan tujuh jenis bawang besar.

Penanaman *variety* tanah tinggi Kundasang telah berjaya meningkatkan hasil dan mampu memenuhi permintaan eksport ke Sarawak dan negara Brunei Darussalam. Selaras dengan usaha untuk memastikan hasil sayur-sayuran bebas daripada racun perosak, perkhidmatan analisis makmal melalui penggunaan sistem penanda dilaksanakan sejak tahun 1996 bertujuan untuk memantau sisa baki racun makhluk perosak dalam sayur-sayuran yang dieksport ke negara Brunei Darussalam dan Sarawak.

Usaha ini telah diperkenalkan akibat dari pengharaman kemasukan sayur-sayuran di negara pengimport berkenaan. Dengan adanya sistem penanda tersebut, pengeksportan sayur-sayuran dari Sabah dapat diteruskan yang bernilai RM13 juta setahun dan merupakan satu komoditi eksport yang penting bagi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai telah membangkitkan berkenaan bantuan bagi kawalan makhluk perosak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian insentif racun makhluk perosak yang telah disediakan oleh kerajaan adalah dengan nilai maksimum RM200 se hektar dan diberikan dalam bentuk kupon dan bukannya dalam bentuk wang tunai. Buat masa ini terdapat 32 jenis racun makhluk perosak didaftarkan di bawah insentif pemberian tersebut, maka pesawah-pesawah boleh memilih daripada 32 jenis racun yang telah disenaraikan ini. Pesawah-pesawah akan menuntut bantuan tersebut daripada Pertubuhan Peladang Kawasan dengan mengisi borang pesanan input racun mengikut kelayakan nilai kupon mereka dan mengikut racun yang mereka sendiri pilih.

Dalam hubungan ini, PPK berperanan seperti pusat perkhidmatan pelaksanaan insentif dan tidak menerima sebarang bentuk peruntukan daripada kerajaan. PPK akan membuat pesanan kepada pembekal mengikut item yang dipesan bersama dengan nilai input racun berkenaan. Sebagai contoh, sekiranya kelayakan petani adalah RM200 se hektar dan nilai maksimum dipesan adalah RM195, maka PPK akan membuat pesanan berdasarkan kepada jumlah RM195 kepada pembekal racun. Kemudian pembekal akan menghantar input bernilai RM195 kepada PPK dan menuntut bayaran bekalan terus kepada kerajaan dengan nilai yang sama. Dalam erti kata lain, yang RM5 yang tidak cukup itu bukanlah, tidaklah boleh diberi kepada petani.



Yang Berhormat Jerai membangkitkan isu berkenaan projek estet padi di kawasan MADA. Dalam aspek pengeluaran padi yang merupakan komoditi pengeluaran utama dalam kawasan MUDA, pihak MADA telah melaksanakan projek kelompok bermula pada tahun 1998. Kejayaan daripada projek yang dilaksanakan menyebabkan projek kelompok telah dilaksanakan di keseluruhan kawasan MUDA bermula tahun 1980. Projek kelompok yang aktif telah dinaiktarafkan kepada Projek Separa Perladangan (PSP) bermula pada tahun 1986 manakala projek pengusahaan sawah secara perladangan pada tahun 2002.

Bagi menjamin pengeluaran padi di kawasan MUDA yang lestari dan konsisten, pihak MADA seterusnya telah melaksanakan projek estet padi pada musim utama 2007. Projek ini dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan projek pengurusan sawah yang efisien dan sistematik. Pengurusan sawah dilaksanakan melalui satu jawatankuasa pengurusan projek yang dilantik. Sehingga musim satu 2010 yang lalu, projek ini telah berjaya dilaksanakan di kawasan MUDA melibatkan keluasan seluas 15,297 hektar dengan purata hasil sebanyak 6.12 tan per hektar iaitu mencapai 84.4 peratus daripada sasaran hasil 7.25 tan per hektar yang ditetapkan pada tahun 2010.

Program NKEA yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah salah satu usaha komprehensif kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020...

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Sekejap, saya habiskan ini dulu. Saya hendak habiskan berkenaan dengan MADA. Seiring dengan program tersebut, pihak MADA yang menjadi peneraju utama projek EPP10 iaitu pengukuhan dan peningkatan produktiviti tanaman padi di kawasan MUDA. Tempat utama projek ini diberi kepada tiga komponen iaitu pembangunan infrastruktur, pengurusan sawah secara komersial dan penglibatan dalam keseluruhan rantaian nilai pengeluaran padi. Projek ini dimulakan pada musim dua tahun 2011 dengan sasaran 5,000 hektar dan disasarkan mencapai 50,000 hektar pada tahun 2020. Sila.

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih menteri. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian kerana apabila kita mengadakan mesyuarat tindakan daerah dengan pegawai-pegawai MADA berhubung dengan infrastruktur yang telah dibuat di kawasan-kawasan MADA melalui *North Corridor Implementation Agency* (NCIA). Mereka mengatakan apabila sesuatu projek itu mengalami kerosakan, pihak MADA tidak diberi peruntukan untuk memperbaiki kerosakan tersebut.

Ini adalah kerana terlampau banyak kawasan, ban-ban sungai, jalan-jalan ladang yang dibuat oleh NCIA dengan mudah mengalami kerosakan apabila dilalui oleh mesin-mesin memotong padi iaitu *harvester machine* dan juga traktor yang menggunakan tayar-tayar trek atau tayar besi ini. Jadi, saya ingin mendapat kepastian daripada kementerian, adakah benar dakwaan mengatakan pihak MADA tidak mendapat peruntukan untuk memperbaiki kerosakan infrastruktur yang dibuat oleh NCIA ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Apa yang saya faham bahawa peruntukan yang kita beri kepada MADA ini, kita beri secara token semua. Jadi pihak MADA akan menguruskan. Walau bagaimanapun mengenai jalan ladang, mungkin Yang Berhormat maksudkan jalan ladang. Jalan ladang ini memang dia terus di bahagian BPSP di kementerian. Jadi jika ada kerosakan di jalan ladang ini, maka pihak MADA sepatutnya memaklumkan kepada bahagian BPSP dengan peruntukan yang ada tetapi tahun ini peruntukan kita hanya RM10 juta sahaja untuk kita membaiki jalan-jalan ladang.

Namun, apabila kita akan memberikan peruntukan melalui NKEA yang saya sebut tadi. Ini yang ada tiga komponen selain daripada kita hendak buat pengurusan padi, kita juga ada peruntukan untuk prasarana. Jadi, saya rasa yang akan datang ini kita akan dapat mengatasi dengan lebih baik...

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** [Bangun]

## ■1920

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Kedua, bila disebut berkenaan dengan NCER, kita memang akuilah. Dahulu waktu mereka mula-mula buat, kadang-kadang dia tidak pakat dengan kita. Saya pun pergi lihat tempat ini. Saya pergi MADA dan saya pun kadang-kadang lihat di situ, orang patut buat parit, mereka pergi buat jalan. Jadi, tidak sesuai. Jadi kerana itu pihak kerajaan telah pun membuat satu jawatankuasa bersama. Setiap apa yang NCIA hendak buat, dia kena bincang dengan MADA supaya projek ini boleh dibuat bersama-sama walaupun daripada peruntukan yang berbeza.

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Boleh saya minta penjelasan?

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Ya.

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab subjek padi ini timbul dan walaupun Yang Berhormat Menteri tidak sebut, tetapi di kawasan saya ini wujud gejala yang dikatakan padi angin. Padi angin ini datang bersama dengan benih padi yang diedarkan. Tumbuhannya tinggi daripada padi biasa dan kalau dibiarkan, ia boleh mengambil alih separuh daripada petak padi biasa. Padi ini tidak boleh dituai kerana bila ia kena angin, luruh, ia jatuh. Jadi ini merugikan. Kalau ini berlaku berpanjangan, ia akan merugikan petani. Saya tidak tahu sama ada pihak Yang Berhormat Menteri telah pun mengetahui perkara ini.

Saya pun ada membuat soalan bertulis tetapi sampai hari ini tidak timbul lagi. Kemungkinan (tidak tahu sama ada) akan mendapat jawapan bertulis. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri ada maklumat, mungkin dapat dimaklumkan di sinilah, apa yang sedang dibuat oleh pihak MARDI, pihak mana satu agensi untuk memastikan bahawa ini tidak akan merugikan petani dalam jangka panjang. Terima kasih.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat kerana membangkitkan mengenai padi angin. Bukan sahaja padi angin, tetapi juga bagi mana-mana pesawah yang menerima potongan wap basah daripada BERNAS ini yang tinggi ini. Bila padi angin banyak, potongan lagi tinggi. Untuk itu, kementerian telah pun mengarahkan kepada semua pertubuhan peladang, pertama sekali, untuk kita hendak mengenal pasti manakah petani-petani yang banyak kena padi angin ini. Saya tidak pasti Yang Berhormat, sama ada satu sawah ataupun hanya kepada kelompok-kelompok tertentu.

Begini juga kita lihat baru-baru ini orang kompelin mengapa potongan padi terlampau tinggi. Saya pun terkejut bila potongan sampai 30 peratus, 28 peratus. Jadi bila kita siasat, rupanya yang kena potong 30 peratus itu seorang sahaja, 28 peratus ini seorang sahaja. Jadi untuk itu, kita perlu tahu apa puncanya. Tadi Yang Berhormat kata sebab benih padi. Kalau betul ia berpunca daripada benih padi, kita hendak kena tahu daripada syarikat mana dia beli benih padi ini. Kalau benar ia berpunca daripada benih padi, maka syarikat yang kita lantik ini kita akan batalkan.

Kalau daripada benih padi ini, sebenarnya sebelum syarikat ini jual, Jabatan Pertanian yang menjaga kualitinya mesti memastikan bahawa benih padi yang hendak dijual kepada petani-petani mesti mencapai tahap yang tinggi. Tahun ini Yang Berhormat, saya hendak beritahu bahawa kita sudah naikkan kualiti ini. Tiap-tiap satu kilogram padi yang ada lebih kurang 2,000 biji ini, tidak boleh lebih daripada 60 biji padi angin. Jadi bermakna, kalau benih padi ini lebih daripada 60 biji padi angin, maka benih padi ini tidak boleh dijual kepada petani dan tidak boleh diluluskan oleh pihak Jabatan Pertanian.

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Minta maaf. Yang saya ketahui di kawasan, padi angin ini memang ada padi tetapi tidak boleh dituai bersama dengan padi lain kerana ia luruh dahulu. Jadi, tidak dimasukkan di dalam padi yang telah dituai kerana ia jatuh dahulu dan tidak lekat kepada mesin tuai. Saya tidak tahu takrif yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri oleh sebab mungkin takrifnya berlainan dari segi pemotongan padi di kilang-kilang, ia lebih ada kaitan dengan potong basah dan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya tidak berapa faham mungkin di dalam jawapan bertulis nanti mungkin kita dapat maklum yang lebih jelas. Terima kasih banyak.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin kita beri jawapan bertulis. Akan tetapi saya faham sebab saya pun kadang-kadang terlepas pandang. Kita dahulu memang – sekarang pun ada masalah mengenai padi angin ini. Walau bagaimanapun, ada beberapa sebab yang menjadi punca kepada padi angin ini, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu projek pengairan yang dibangkitkan Yang Berhormat Pasir Salak, sehingga kini sebanyak RM70 juta telah digunakan untuk menaik taraf sistem pengairan di Sungai Manik bagi pakej pertama hingga pakej ketujuh. Selebihnya telah dipohon di bawah rolling plan kedua RMKe-10 untuk melaksanakan pakej yang keenam dan pakej yang ketujuh yang pelaksanaannya dirancang dalam tempoh RMKe-10.

Yang Berhormat Sri Aman membangkitkan isu berkenaan prasarana pertanian di kawasan Lachau, Pantu. Bagi kawasan Lachau, Pantu, kementerian sedang mengkaji keperluan menyediakan keperluan prasarana seperti sistem perparitan dan ban bagi membantu para petani di kawasan ini menjalankan aktiviti penanaman sekali gus membantu peningkatan hasil pengeluaran padi. Saya sedar Yang Berhormat ada menghantar surat kepada saya untuk memohon RM1 juta untuk memperbaiki sistem pengairan di Lachau, Pantu ini.

Yang Berhormat Kota Kinabalu membangkitkan isu berkenaan pembangunan padi di Kota Belud dan kebergantungan kepada beras import. Kerajaan telah mengambil langkah baru di bawah *National Key Economy Area* (NKEA) bagi memastikan Sabah mampu meningkatkan pengeluaran padi bagi menampung keperluan beras bagi negeri Sabah. Langkah ini merupakan satu langkah jangka panjang bagi memastikan bekalan beras negara akan terus meningkat dan mencukupi. Projek padi komersial Sabah dilaksanakan dalam lima pakej melibatkan pembangunan infrastruktur bagi membolehkan penanaman padi dijalankan sekali atau dua kali setahun dengan lebih cekap dan berkesan. Purata hasil padi dijangka meningkat kepada empat hingga enam tan metrik sehektar bagi setiap musim.

Pembangunan infrastruktur asas pengairan dan saluran tersebut merupakan insentif bagi menggalakkan penyertaan pihak swasta dan aktiviti pengeluaran padi berskala besar. Sehingga kini, purata beras import yang dibekalkan ke negeri Sabah adalah sebanyak 250,500 tan metrik setahun. Sekiranya berlaku kekurangan beras dalam pasaran, kerajaan akan menggunakan stok penimbang negara bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan beras di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan serta saranan...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri, saya sudah tunggu lama sudah. Pasal saya tidak ada langsung disentuh. Itu saya pun hairan juga. Saya sentuh satu perkara sahaja iaitu berkaitan dengan beras ST15. Panjang benda yang saya sentuh dalam perbahasan. Saya tunggu lama, tidak mahu kacau Yang Berhormat cakap benda-benda lain.

ST15 ini banyak isu Yang Berhormat. Isu yang membabitkan kriteria-kriteria mereka yang sepatutnya tidak layaklah mendapat dan juga ada yang dapat kuota bumiputera dia dapat, kuota swasta pun dia dapat sampai beberapa kali dia dapat. Sedangkan bagi saya ia merugikan negara sebab beras di pasaran ini sebenarnya beras ST15 ini tidak seperti mana yang diberikan oleh kerajaan sedangkan kerajaan membelanjakan RM48 juta sebulan kalau tidak silap saya. Jadi, beratus juta ringgit dalam masa setahun. Jadi sebab itu saya bangkit. Saya ada maklumat yang begitu banyaklah, senarai nama-nama syarikat yang dapat. Sistem payung yang dibuat pun tidak betul. Depa payung kat depa semua.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta maaf sebab mungkin pegawai saya dia tidak catat ini. Ini kerana lihat dalam senarai ini tidak ada sebut Yang Berhormat dari Pokok Sena.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu yang saya hairan itu.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Tidak mengapa, saya jawab. Mengenai ST15 ini Yang Berhormat, sebab itu kita bercadang hendak buat SUBUR ini yang kita sudah lancarkan. Ini kerana kita sedar bahawa banyak ketirisan berlaku mengenai ST15.

■1930

Pertama seperti Yang Berhormat kata tadi agihan-agihan kepada pemborong ini macam tidak berapa adil. Kedua, ST15 ini ia tidak sampai kepada sasaran kerana kita hanya bagi 40,000 metrik tan sebulan. Hanya kita boleh 40,000 metrik tan ini lebih kurang 30 peratus sahaja padi beras yang kita gunakan. Jadi, bila kita tengok 40,000 metrik tan, agihan ini diberikan kepada, saya tidak ingat jumlah dia, saya ingat dekat 500 lebih pemborong, dia beri beras ini, dia beri kepada pemborong. Bukan, minta maaf. Insentif ini diberi kepada pengilang. Jadi pengilang yang dapat insentif ini, Yang Berhormat kata 40,000 metrik tan, yang kita belanja lebih kurang RM48 juta, pengilang yang dapat.

Apabila pengilang dapat, pengilang ini jual kepada pemborong. Dia ambil, dia tidak boleh jual lebih daripada RM1.35 dan bila pemborong dapat dia jual kepada peruncit. Peruncit ini, dia tidak boleh jual lebih daripada RM1.80. Jadi bila ada rangkaian ini, daripada pemborong dia hendak jual kepada peruncit... Ha! Ini yang berlaku tukar baju. Dia patut ST15, dia pergi buka plastik dia pergi campur beras, dia kata ini ST5 yang harga lebih mahal RM24 dan juga RM26 – ST10. Dia beli baru RM1.35 jadi dalam RM13.50 dan dari situ dia sudah untung banyak. Itu yang pertama, tukar baju.

Jadi, yang kedua, ini patutnya bagi untuk orang miskin tetapi beras ini tidak sampai. Dia kadang ialah orang pendatang asing 28 juta orang pun makan beras ini juga, restoran dan sebagainya. Ketiga, suatu masa ketika dahulu harga hancur buat mihun lebih mahal daripada harga ST15. Mereka beli ST15 pun dia proses untuk buat mihun. Jadi, kita lihat bahawa ST15 ini, paling banyak pun dia boleh sampai lebih kurang 30 peratus sahaja, sampai kepada rakyat. Jadi, kerana itu kita memperkenalkan SUBUR tetapi oleh kerana SUBUR ini kita lihat cara agihan, kita ada 500,000 pemohon dan apabila kita buat secara *random* adalah berlaku *overlapping* dan sebagainya. Jadi, sekarang kementerian sedang dalam proses hendak mengenal pasti penerima, jadi kita akan bawa balik kepada Kabinet.

Kemudian apabila kita kata dia ada kuota 40 peratus, maka 40,000 metrik tan sebulan ini telah diagih-agihkan. Saya sudah lupa tetapi kalau yang saya ingat, dia bagi kepada empat kumpulan. Jumlah 10,000 dia bagi kepada BERNAS kalau tidak silap saya sebagai payung dan 10,000 lagi dia bagi kepada syarikat bumiputera, kalau saya tidak silap. Selepas itu 10,000 lagi dia ada bagi kepada syarikat bumiputera. Kemudian ada lagi dia bagi lagi 5,000 kalau tidak silap saya kepada pasar-pasar *hypermarket*. Kemudian ada lagi, dia bagi juga pecahannya kepada syarikat-syarikat yang dapat membekalkan makanan dengan kontrak-kontrak kerajaan dan juga ada lagi, dia ada bagi kepada BERNAS sendiri. Kalau beli beras ini dia beli dekat kilang BERNAS. Saya lupa jumlah mereka yang mendapat agihan ini. Saya ingat lebih daripada 500 orang ataupun 600 orang.

Pada mulanya kita bagi memang 62,000 metrik tan tetapi kita telah kurangkan kepada 40,000 metrik tan. Oleh sebab itu ada pemborong yang dulu dia boleh dapat 100 tan tetapi dia kena kurangkan sebab daripada 62,000 metrik tan kita sudah *reduce* kepada 40,000 metrik tan. Jadi itulah agihan-agihan yang diberi dan agihan-agihan ini dibahagikan. Dia bagi kepada seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Untuk memastikan bahawa di setiap tempat ada beras ST15 ini.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri yang sedia untuk jawab walaupun tidak disediakan di peringkat awal. Akan tetapi bagi saya bahawa isu ini sangat besar dan sangat serius sebab ini membabitkan wang negara, yang rakyat yang sepatutnya dapat, tidak dapat, macam Yang Berhormat kata. Saya ingat tidak sampai 30 peratus pun yang ada di pasaran. Saya ingat dalam 15 peratus lebih sahaja yang ada di dalam pasaran.

Oleh sebab itu bagi saya bahawa saya hendak mencadangkan supaya satu audit pentadbiran ini perlu dibuat. Satu audit untuk memantau program ST15 ini, macam disebut tadi bahawa dibuka, ditukar baju, beras hancur buat mihun, 5 peratus hingga 10 peratus hancur dan sebagainya. Jadi dia untung setengah, setengah yang dapat ini, saya difahamkan yang dapat dan yang ada nama pada saya ini, dia dapat katalah 10 tan. Lebih kurang begitu, ada yang dapat 50 tan pun ada. Mereka tidak buat sendiri pun, dia jual invoice sahaja. Dia jual invoice, kawan yang beli invoice ini pun dapat untung lagi. Untung lagi, sedangkan sebaliknya beras itu tidak ada di pasaran Padang Besar. Padang Besar pun tidak ada beras itu dahulu.

Jadi, sebab itu saya minta bahawa perlu kepada satu audit yang lebih teliti untuk memantau persoalan ini dan kalau bolehnya yang membabitkan audit ini bebas daripada..., kementerian mencadangkan supaya membabitkan anggota Parlimen untuk melihat persoalan ini dari segi ketelusan. Saya katakan bahawa saya tidak mahu nanti kementerian Yang Berhormat jadi membazir, beri kepada orang yang tidak layak sebab ada mereka yang memang diberi bukan lagi kepada pemborong, pengilang itu sendiri yang dapat. Dia sendiri yang buat kerja yang tidak betul. Malah daripada kawasan Yang Berhormat pun ada nama ini, daripada di sebelah Tanjong Karang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Oleh sebab itu bagi saya bahawa benda ini kena juga untuk membersihkan nama Yang Berhormat juga. Itu saya mintalah maknanya supaya benda ini perlu dilihatlah.

**Dato' Seri Noh bin Haji Omar:** Betullah Yang Berhormat, daripada Pokok Sena pun ada. Dia seluruh negara kita bagi ini sebab bila ST15, itu saya kata dia agih ini, apabila kita agih dan kita bagi, terpulang kepada mereka yang telah kita bagi empat-lima kumpulan tadi. Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Yang Berhormat.

Oleh sebab itu daripada mula saya cakap, saya apabila masuk sahaja kementerian ini saya sudah nampak dah ada berlaku ketirisan kerana itu kita dahulu memperkenalkan SUBUR ini hendak bagi beras percuma supaya bantuan beras ini terus kita bagi kepada mereka yang layak. Daripada kajian yang kita buat, ia lebih murah sedikit lagi. Dia kalau betul-betul tengok orang miskin ini dalam kita punya kajian, kita tengok kalau kita bagi kepada 525,000 keluarga. Dia hanya memerlukan lebih kurang 25,000 tan sahaja, memang tidak sampai 40,000 tan. Akan tetapi kita terpaksa tangguh dulu SUBUR ini kerana penerima yang 525,000 keluarga yang kita dapat, bila kita buat *spot check*, kita dapati ada satu keluarga sampai tiga orang minta. Bapa dia minta, mak dia minta, semua minta, jadi ini masalah kita.

Jadi kita tidak hendak nanti bila kita jalankan SUBUR ia jadi kecoh, dia jadi kelam-kabut. Mengapa dia dapat? Mengapa saya tidak dapat? Jikalau kita hendak terus juga beras percuma ataupun cara yang kedua, seperti Yang Berhormat kata kalau kita tengok misal kata tidak perlu, kita tidak payah bagilah ST15 ini untuk menyelamatkan duit. Akan tetapi satu cara yang terbaik ialah bagaimana cara untuk kita hendak memastikan mereka yang layak ini benar-benar dapat ST15. Saya kata tadi daripada kajian yang kita buat kalau 525,000 *family* ini Yang Berhormat, dia perlu lebih kurang separuh sahaja. Lebih kurang 20,000 metrik tan, separuh lagi dia *gone* lah. Termasuk juga pendedahan tanpa izin, dia makanan lebih kuat daripada kita, mereka pun beli.

Jadi oleh kerana itu kita cuba hendak bawa balik kepada Kabinet untuk kita hendak memperkenalkan SUBUR. Jikalau SUBUR ini kita boleh perkenalkan maka beras-beras ST15 ini kita akan terus bagi kepada mereka yang layak. Sudah tidak ada lagi lantik pemborong, tidak ada. Kita bagi terus kepada rakyat melalui agensi.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Satu lagi perkara juga ialah yang kalau ada di pasaran pun Yang Berhormat, beras yang 15 peratus yang ada di pasaran, yang kata tidak sampai 20 peratus. Yang Berhormat kata sampai 30 peratus tetapi saya kata tidak sampai 20 peratus pun di pasaran. Beras itu pun, saya ingat orang pun tidak makanlah. Orang susah betul pun tidak berapa hendak makan. Beras itu beras yang terlalu teruk dengan habuknya, yang kualitinya terlalu teruk.

Akan tetapi apabila dibuka bajunya Yang Berhormat kata tadi, untung besarlah mereka ini. Jadi, sebab itu saya katakan bahawa dia perlu ada satu mekanisme yang jelas dan kalau boleh, maknanya beras-beras yang diberikan itu mestilah beras yang berkualiti.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** [Bangun]

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** [Bangun]

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tidak tahu, hendak menentukan orang yang hendak dapat ini, pemborong kah, siapa semua ini, pengilang dan sebagainya. Adakah ini hanya kuasa Yang Berhormat Menteri dengan kuasa Ketua Pengarah Kawal Selia sahajakah ataupun satu *committee*? Oleh sebab bagi saya sepatutnya ada *committee*. Macam itu juga dalam *committee* yang saya difahamkan bahawa untuk pengagihan padi benih. Padi benih untuk dibuat benih mesti melalui satu *committee* bagi menyediakan benda ini. Akan tetapi kalau hanya Yang Berhormat Menteri sahaja, Ketua Pengarah Kawal Selia sahaja jadi saya kata macam mana? Siapa hendak pantau? Jadi ini yang menyebabkan timbul keluh kesah di kalangan berbagai-bagai pihak.

■1940

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik-baik.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi sebab itu saya minta bahawa tadi saya mengatakan bahawa saya minta kementerian saya mencadangkan kepada kementerian iaitu untuk audit pentadbiran untuk satu komuniti audit-audit ini mesti juga ada melibatkan Ahli Parlimen walaupun Ahli Parlimen yang mempunyai latar belakang audit dan sebagainya dan juga dari profesional-profesional yang lain. Ini untuk memastikan bahawa wang untuk, duit untuk belanja untuk orang miskin ini betul sampai kepada orang miskin. Bukan untuk orang buat duit bagi jadi kaya. Awak ada masalah beras juga?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Saya tambah. Bukan hendak *compliment* (sikit) Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat Menteri pun memang tahu bahawa yang dikilangkan menghaluskan (menghancurkan) beras ini ada kosnya. Kosnya itulah yang dikatakan 'disubsidikan' oleh kerajaan kepada pengilang-pengilang. Kalau dalam laporan PAC sebanyak RM700 juta setahun dikeluarkan untuk menghancurkan beras dijadikan beras jenis ini. Jadi disebabkan oleh kerana kalau dibungkus beras yang biasa tetapi dilabelkan untuk orang miskin susah untuk diedarkan di pasaran.

Akan tetapi, saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kita hendak *by-pass* pemborong, *by-pass* pengedar-pengedar yang biasa, ini kita hendak terus kepada pengguna. Maka saya lebih cenderung mencadangkan, bertanya kalau boleh (kalau begitu) dapatkah kita memberi kupon kepada orang-orang PPRT, orang-orang yang sudah berdaftar di bawah senarai kemiskinan dan sebagainya. Supaya mereka ini ada kupon dan mereka akan pergi membeli di kedai dengan harga yang sepatutnya dibeli yang harganya sama dengan 15 peratus tetapi berkualiti lebih baik.

Tidak perlu dihancurkan kerana kualiti yang tidak dihancurkan itu lebih mudah, lebih baik, dan tidak seperti..., kalau dulu kilang (pengilang itu dia) menjual yang hancur kerana dalam kilang itu prosesnya ada juga beras yang hancur, maka dia jual yang dikatakan (hampir dedak itu) sebagai beras berkualiti rendah. Hari ini kita sengaja menghancurkan dan belanja RM700 *million* mengikut apa yang dilaporkan kepada PAC. Kita dapat mengurangkan kos dan kita dapat memberi terus kepada pihak orang yang wajar menerima kerana sudah kita mempunyai daftar di semua Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah ICU yang di bawahnya berdaftar juga e-Kasih dan sebagainya. Jadi saya hendak tanya sama ada dapat mampu kementerian memikirkan begitu.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh saya tambah sedikit Yang Berhormat Menteri, Kota Belud.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Ya.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ini pasal ST15. Saya melihat memang hasrat Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk menyelesaikan masalah ini memang wujud. Pernah diminta dan dicadangkan supaya SUBUR diadakan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi oleh kerana kekangan yang telah ataupun permasalahan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi pun telah menyebabkan SUBUR ini terpaksa di tangguhkan sementara waktu. Konsep SUBUR ini juga sama seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Besar tadi iaitu menggunakan sistem kupon dan sebagainya.

Cuma Yang Berhormat Menteri kalau boleh saya tahu Yang Berhormat Menteri begitu prihatin tentang perkara ini sebab Bernas sendiri telah pun diarahkan untuk mencari jalan dan telah menggunakan pendekatan berbagai-bagai pendekatan termasuk cuba untuk mewujudkan kedai runcit khusus untuk penjualan ST15 ini dari segi *save more* dan sebagainya tetapi nampak gayanya belum lagi mendapat kesan yang begitu mendalam. Cuma saya ingin bagi cadangan kalau kita mahu mencari jalan mungkin kita boleh menumpang kepada sistem yang telah digunakan oleh Kementerian Kebajikan. Oleh kerana sekarang ini Kementerian Kebajikan mempunyai senarai penerima wang orang-orang tua dan sebagainya yang miskin ini, kebajikan setiap bulan telah pun dibayar melalui akaun dan sebagainya. Apa salahnya kita menggunakan sistem tersebut dan hanya memberi wang ringgit, dalam bentuk wang ringgit supaya mereka ini – dan kita hapuskan ST15 yang mana nampak terbukti tidak begitu berkesan. Kalau kita gunakan sistem itu, sistem itu sudah dipakai oleh Jabatan Kebajikan dan kita hanya menumpang bajet yang telah diberikan oleh Kementerian Pertanian diberi kepada Kementerian Kebajikan untuk digunakan dalam pemberian wang tunai tersebut. Mungkin itu caranya yang terbaik.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bagi pandangan untuk kita mengambil tindakan. Seperti mana yang saya katakan tadi bahawa kalau esok kita dapat laksanakan SUBUR ini skim barang untuk rakyat ini kita dapat laksanakan saya ingat sudah tidak ada ST15 sudah. Ertinya kita tidak boleh bagi kepada rakyat. Memang mula-mula kita hendak cadang berikan kupon seperti Yang Berhormat Padang Besar nyatakan yang kita cadangkan mula-mula.

Akan tetapi, kalau kita bagi kupon pun beras yang dijual nanti tentu beras yang tidak baik. Jadi kalau itu mungkin kita kena cari jalan. Kita tidak bagi kupon kita terus bagi beras. Akan tetapi, masalahnya penerima tetapi Yang Berhormat terima kasih Yang Berhormat daripada Kota Belud cadang itu senarai nama penerima daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kalau kita ambil penerima senarai nama Jabatan Kebajikan Masyarakat kalau bagi Kementerian Pertanian lebih mudah sebab bilangannya tidak ramai. Akan tetapi, sekarang ini kita kalau boleh kita hendak bagi kepada rakyat yang miskin kerana kalau pada mulanya dulu kita hendak kira senarai e-Kasih.

Kalau senarai e-Kasih ada 285 keluarga tidak ada masalah kita sudah lancarkan, sudah laksanakan pun. Akan tetapi, hari ini banyak *complain* dalam Dewan ini timbul tidak puas hati dengan senarai e-Kasih sebab itu kita tangguh. Kemudian kita hendak pakai senarai nama Jabatan Kebajikan Masyarakat. Senarai nama Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak boleh pakai seluruh kerana kebajikan pula dia dalam keluarga itu kata ada orang tua, ada orang cacat dia ada dua nama. Akan tetapi, yang SUBUR ini satu keluarga, satu sahaja yang kita boleh bagi.

Jadi *insya-Allah* kita dalam peringkat akhir. Kalau esok kita dapat murnikan nama-nama penerima ini maka tidak timbul lagi ST15 kerana kita cadang kita hendak bagi beras siap dengan beras itu kita *control*. Kalau kita tidak *control* beras ini kita masih lagi kepada bagi kepada beberapa syarikat maka ada juga syarikat yang akan tidak ikut peraturan. Dia akan cari untung juga. Sebenarnya esok kalau kita bagi PPK sebagai contoh satu sahaja sebagai pengedar *so if anything happen* kita tarik PPK sahaja, dia yang patut bertanggungjawab beras-beras yang tidak ada kualiti ini. Jadi itulah Yang Berhormat saya ingat saya sudah habis jawab...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *Last, last, last.* Cuma saya hendak minta Yang Berhormat kata selepas ini, selepas ini apabila siap apa e-Kasih dan sebagainya berapa agak masa yang munasabah ini kalau tidak nanti kita akan kehabisan duit ini. Beras tidak ada di pasaran dan beras yang ada di pasaran kalau ada di pasaran pun yang saya katakan tadi tidak ada kualiti apa tidak boleh makan. Jadi hendak kena ada dia punya tempoh masa itu bila ataupun kalau kita katakan bahawa sistem e-Kasih ini pun payah pakai saya boleh bersetuju dengan Yang Berhormat Padang Besar itu tadi bahawa menggunakan mekanisme yang lain kupon tetapi bukan lagi beras 15.

Ini kerana saya rasa kalau beras 15 macam yang ada ini pun orang tidak boleh makan. Baik kita bagi beras yang 10 peratus hancur tetapi dia boleh makan. Maksudnya siapa yang susah, yang dapat kupon ini ambil beras ini. Kita mulakan dengan macam orang PPRT dan sebagainya itu yang akan lebih baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Satu lagi Yang Berhormat Menteri tidak jawab dekat saya iaitu meluluskan kuota beras ini. Adakah Yang Berhormat Menteri ataupun Ketua Pengarah Kawal Selia? Ini kerana saya sedang tengok ini macam tidak melalui satu jawatankuasa khas. Hanya Yang Berhormat Menteri dan Ketua Pengarah Kawal Selia yang mempunyai dua kuasa. Yang Berhormat Menteri boleh lulus, Ketua Pengarah Kawal Selia boleh luluskan. Sedangkan sepatutnya mesti perlu melalui satu jawatankuasa khas. Saya ada maklumat penuh senarai nama-nama syarikat dan juga individu yang dapat yang patut saya katakan bahawa sistem payung tadi ini pun payung kepada keluarga dia semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya hendak kata tadi bahawa cara agihan yang dibagi kepada empat, lima kumpulan 40,000 metrik tan. Kemudian agihan ini nama dia waktu saya masuk kementerian ini susah dilantik. Ini agihan-agihan ini dibuat sebelum ini lagilah masa kita krisis 2008 kalau saya tidak silap. Jadi apabila agihan-agihan ini dibuat maka agihan beras ini telah pun saya kata mengikut kepada beras dia ada payung dia.

Akan tetapi, kalau pergi sampai *detail* itu mungkin saya tidak tahulah. Akan tetapi, ada juga mereka-mereka yang telah dapat kita tangkap apabila kita dapat tangkap kita akan tarik kuota dia. Itu betul. Apabila kuota dia kita dapat tarik kita simpan kuota ini dan pada ketua pengarah ataupun kadang-kadang rujuk juga kepada saya siapa yang hendak kita bagi kuota-kuota ini. Itu betul.

#### ■1950

Akan tetapi agihan asal kalau selagi dia mengikut peraturan kita tidak akan tarik agihan-agihan yang telah dibuat kerana agihan itu dibuat saya tidak tahu Yang Berhormat berapa ramai, mesti ramai. Saya fikir dekat 600 ke 700 orang, ramai. Jadi, mana kita mahu kawal ramai-ramai ini? Jadi, kerana itu dia beri sekali. Jadi, mana yang ikut peraturan kita terus sebab pada asalnya agihan itu diberi dia mengikut seluruh negara untuk mahu pastikan barang ini ada. Akan tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat, andai kata untuk pasar raya, beri sampai sepuluh ribu metrik tan. Saya sendiri pergi ke pasar raya tidak nampak beras ST15.

Oleh sebab itu memang saya sebelum jadi Menteri pun saya telah tahu. Oleh sebab itu bila mula-mula saya jadi Menteri, saya mahu kenalkan SUBUR ini. Akan tetapi kerana penerima dan sebagainya tetapi berapa lama, saya fikir dalam masa yang terdekat ini kita cuba tanyakan nama ini. Kalau nama ini selesai kita akan buat secepat mungkin. Ini kerana benda ini telah pun dilancar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Kementerian Kerja Raya.



**7.31 mlm.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat kerana sudi berkongsi pandangan, cadangan, dan saranan yang menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa mengambil bahagian dalam sesi perbincangan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja di Dewan ini iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan, Tenom, Tanjong Piai, Batu Gajah, Bakri, Limbang, Lawas, Lanang, Kapit, Parit Sulong, Seputeh, Petaling Jaya Selatan, Kalabakan, Kuala Nerus, Sungai Petani, Jerai, Kuala Krau, Maran, dan Pokok Sena.

Kementerian Kerja Raya sememangnya amat mengalu-alukan pandangan dan berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang disebutkan tadi yang membangkitkan isu-isu di bawah bidang kuasa kementerian ini. Terlebih dahulu saya ingin memohon izin dari Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan saya menjawab isu-isu berkaitan dengan perkara dasar dan menyentuh kepentingan nasional. Manakala isu-isu spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti cadangan, pelaksanaan, dan permasalahan projek yang bersifat khusus di sesuatu kawasan saya akan berikan jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tenom, Limbang, Lawas, dan Kapit telah membangkitkan mengenai isu pembangunan rangkaian jalan raya di Sabah dan Sarawak yang agak ketinggalan yang tidak setanding dengan rangkaian jalan raya di Semenanjung Malaysia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan keutamaan dan tumpuan terhadap pembangunan infrastruktur di negeri Sabah dan Sarawak termasuk melaksanakan program pembangunan, membina dan menaik taraf rangkaian jalan raya. Sebagaimana yang sering saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, rancangan bagi membina jaringan jalan dan lebuhraya di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak dibuat dengan berpandukan kepada Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Lebuhraya atau lebih dikenali sebagai *Highway Network Development Plan* (HNDP) dengan izin.

Laporan HNDP bagi Malaysia timur iaitu Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan sememangnya antara lain telah menggariskan cadangan pelaksanaan projek-projek jalan persekutuan yang akan dilaksanakan di negeri-negeri tersebut dalam setiap rancangan lima tahun kerajaan bermula dari Rancangan Malaysia Kesepuluh. Namun demikian, pelaksanaan projek-projek ini perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat atau secara berfasa dengan mengambil kira kemampuan kewangan kerajaan secara keseluruhannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam tempoh separuh pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kementerian Kerja Raya telah menerima peruntukan sebanyak RM1.212 bilion bagi melaksanakan 13 projek baru dan 38 projek sambungan Rancangan Malaysia Kesembilan untuk negeri Sabah. Manakala negeri Sarawak pula menerima peruntukan sebanyak RM544.69 juta melibatkan 27 projek sambungan dan tiga projek baru untuk tempoh yang sama. Jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi kedua-dua negeri tersebut merupakan antara peruntukan tertinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain atau 30 peratus peruntukan secara kumulatifnya berbanding peruntukan keseluruhan yang diterima oleh kementerian ini dalam tempoh separuh pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Bagi negeri Sarawak, antara projek-projek baru Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan dimulakan pelaksanaannya pada tahun ini ialah projek menaik taraf Jalan Pujut Tujuh dan Kuala Baram, Miri, dengan kos projek sebanyak RM120 juta. Projek menaik taraf Jalan Tun Jugah, Jalan Song Upland Interchange, Kuching RM49 juta dan membina Jalan Kuala Tatau, Kuala Serupai, Kuala Balingian RM88 juta.

Di samping itu, kementerian ini juga akan meneruskan pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan di negeri Sarawak yang bersambung ke Rancangan Malaysia Kesepuluh, antaranya ialah Projek Pembinaan Jalan Naga Buai, Merinjau, Ulu Sepak, Betong. Fasa Dua dengan kos projek sebanyak RM50 juta, membina Jalan Tanjong Asam, Hilir Saribas, Beladin RM28 juta. Projek membina jalan dari Rumah Kuta/Ugap di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjai, Kapit RM60 juta. Tuan Yang di-Pertua, di samping itu "Panjai" ertinya panjanglah.

Di samping peruntukan di bawah Kementerian Kerja Raya, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan di bawah kementerian dan agensi-agensi lain bagi maksud meningkatkan *accessibility* jalan-jalan perhubungan khususnya di kawasan luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak. Ini termasuk projek-projek jalan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dan unit penyelarasan, pelaksanaan ICU Jabatan Perdana Menteri di bawah Program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di mana di dalam masa yang sama negeri Sabah dan Sarawak juga turut menerima peruntukan khas di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk Program Pembangunan Koridor masing-masing iaitu Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Untuk makluman Dewan yang mulia ini menerusi Program Transformasi Kerajaan, kerajaan juga melalui Kementerian Pertahanan turut sama terlibat dalam membina jalan-jalan baru dan jambatan di kawasan-kawasan pedalaman negeri Sabah dan Sarawak. Ini dilaksanakan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Masuk ke dalam Dewan mengambil tempat]*

**Dato' Yong Khoon Seng:** ...Mengalu-alukan kembali ke Dewan Yang Berhormat Pokok Sena ...Oleh ATM menerusi Program Jiwa Murni. Antara projek pembinaan jalan baru yang sedang dilaksanakan oleh ATM pada masa ini ialah Projek Pembinaan Jalan Long Lopeng, Bakalalan di Sarawak sepanjang 35 kilometer dengan kos projek sebanyak RM62 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah membangkitkan tentang isu kelewatan pelaksanaan Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa Dua di negeri Terengganu. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pelaksanaan Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa Dua negeri Terengganu telah mengalami kelewatan berbanding dengan jadual asal.

#### ■2000

Ia disebabkan oleh ketidakmampuan kontraktor-kontraktor yang dilantik untuk meneruskan pelaksanaan projek berikutan dari kenaikan harga bahan binaan di pasaran pada tahun 2007 dan 2008 yang lalu. Faktor tersebut telah mengakibatkan harga kontrak asal tidak lagi kompetitif dan menguntungkan kontraktor. Walaupun kerajaan telah menawarkan pelarasan harga kontrak yang baru untuk item-item yang terlibat menerusi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 3/2008.

Sehingga kini terdapat enam pakej kontrak LPT2 telah ditamatkan kontrak di mana lima daripada enam pakej tersebut ditamatkan secara persetujuan bersama atau, dengan izin, *mutual termination*. Di samping itu, Kementerian Kerja Raya juga baru-baru ini telah menerima permohonan untuk tujuan penamatan kontrak secara persetujuan bersama dari tiga lagi kontraktor yang terlibat dengan pelaksanaan pakej LPT2. Permohonan tersebut telah pun dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan agensi pusat berkenaan.

Keseluruhan pembinaan projek LPT2 bernilai RM3.7 bilion ini telah dipecahkan kepada 16 pakej yang ditawarkan secara tender terbuka kecuali untuk pakej 10 yang ditawarkan secara rundingan terus kepada syarikat MTD Capital Berhad. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Jabatan Kerja Raya telah selesai memanggil tender baru bagi melantik kontraktor untuk menyiapkan baki kerja pakej yang telah ditamatkan itu.

Sehubungan itu, kontraktor yang baru dijangka akan mula memasuki tapak pada bulan Mei 2011 dan keseluruhan projek LPT2 ini bakal disiapkan dalam tempoh 24 bulan selepas tarikh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan telah membangkitkan mengenai tahap kesediaan negara kita bagi menghadapi bencana akibat dari gempa bumi khususnya melibatkan bangunan-bangunan tinggi di negara ini sama ada ia telah direka bentuk dengan sistem kalis gempa. Malaysia merupakan negara yang amat bertuah kerana kedudukan negara kita terletak di luar dari zon Lingkaran Api Pasifik atau *Pacific Ring of Fire*.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, minta. Saya baru pasal LPT tadi, Lebuh Raya Pantai Timur. Kontraktor-kontraktor yang bermasalah, yang telah *determinate*kan itu. Pertama sekali, saya hendak mendapat penjelasan apakah ada denda yang dikenakan, tindakan yang dikenakan ke atas mereka. Satu.

Yang keduanya ialah kontraktor baru ini, *retender* ini, adakah ia dalam bentuk *retender*, *open tender* ataupun *direct nego* juga, sedangkan yang saya tahu bahawa projek-projek kontraktor dahulu itu semuanya kontraktor yang berasaskan kepada merit politik. Sebab itu mereka memang tidak berkemampuan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kontraktor-kontraktor itu tidak berkemampuan tetapi oleh kerana pelantikan mereka itu bukan atas merit keupayaan, pengalaman, kewangan, kepakaran tetapi sebaliknya adalah merit politik. Jadi, saya hendak tahu juga bahawa proses untuk pelantikan kontraktor baru ini, apakah ia dibuat melalui *direct nego* ataupun di tender secara yang terbuka.

**Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Berkenaan dengan pakej-pakej yang sudah siap, adakah kerajaan bercadang untuk membuka laluan itu kepada pengguna tempatan dahulu?

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat Pokok Sena, kita memang melalui sistem yang terbuka supaya ianya telus dan *detail* saya akan bagi secara bertulis.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tak, boleh diberikan *detail* secara bertulis pun tidak apa. Kalau dibuat secara terbuka, berapa syarikat yang menyertai ataupun adakah nama-nama itu diberikan oleh wahyu daripada Kementerian Kewangan kepada JKR untuk memanggil mereka ini. Itu saya hendak dapat, maknanya nama-nama itu turun daripada wahyu daripada langit, daripada Kementerian Kewangan. Maknanya, JKR hanya memanggil syarikat-syarikat ini sahaja. Jadi, saya minta penjelasan.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Saya akan berikan secara bertulis. Saya mahu kasi fakta, betulkan? Untuk menjawab Yang Berhormat tadi, katanya pakej-pakej yang telah siap dibina, kita sedang berbincang bagaimana ianya boleh dipakai, boleh diguna dahulu kerana ada juga kalau ia tidak mengganggu pembinaan jalan yang masih dalam pembinaan kerana kita perlu juga menguruskan trafik dengan baik. Hasrat kita memang akan bagi para pengguna untuk menggunakan pakej-pakej yang telah disiapkan.

Saya teruskan dengan menjawab soalan dari Yang Berhormat Kinabatangan mengenai bangunan-bangunan tinggi di mana adakah kita adakan dengan sistem kalis gempa. Malaysia merupakan tiada dalam zon Lingkaran Api Pasifik atau *Pacific Ring of Fire*. Ini tidak ada di kawasan gempa bumi iaitu kawasan yang terdedah kepada kejadian gempa bumi, letupan gunung berapi atau ribut taufan.

Walau bagaimanapun, bagi negara kita masih menerima kesan dalam bentuk skala yang kecil berikutan daripada kejadian gempa bumi dan tsunami yang berlaku di kawasan berhampiran. Susulan dari beberapa kejadian gempa bumi yang telah berlaku di negara jiran seperti Indonesia, kerajaan telah mula mengambil langkah-langkah persediaan bagi menghadapi kesan bencana alam tersebut termasuk aspek keselamatan di bangunan-bangunan tinggi.

Sebagaimana yang telah dimaklumkan tadi, bangunan-bangunan tinggi khususnya di bandar-bandar besar di negara ini terletak di kawasan berisiko rendah untuk berlaku kejadian gempa bumi.

Oleh itu, hampir tidak ada bangunan-bangunan tinggi di Malaysia telah direka bentuk dengan sistem kalis gempa bumi. Namun demikian, reka bentuk bangunan tinggi di negara ini sebenarnya masih tertakluk kepada faktor keselamatan atau, dengan izin, *safety factor* melalui penetapan kod amalan teknikal untuk reka bentuk bangunan iaitu dengan kod BS8110:1997. *Structural use of concrete* atau BS5950 dan 12000 *structural use of steel work in building*.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya prihatin dan tidak memandang rendah mengenai risiko kejadian gempa bumi di negara ini. Sehubungan itu, kerajaan telah mewujudkan jawatankuasa inter agensi mengenai pengurusan risiko gempa bumi dan tsunami yang diurusetikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Jawatankuasa tersebut turut dianggotai oleh agensi-agensi teknikal yang berkaitan seperti dari Jabatan Kerja Raya, Jabatan Meteorologi, Jabatan Mineral dan Geosains dan Jabatan Standard Malaysia, bertujuan antara lain untuk menilai tahap keselamatan struktur bangunan-bangunan tinggi di negara ini.

#### ■2010

Di samping itu, pada masa kini JKR juga kerjasama dari *Institution of Engineering Malaysia* (IEM) telah selesai menggubal kod amalan teknikal mengenai reka bentuk bangunan bagi menghadapi kesan gegaran dari bencana gempa bumi di Malaysia. Garis panduan tersebut disesuaikan dengan beberapa piawaian antarabangsa mengenai ancaman gegaran kepada struktur bangunan iaitu *Eurocode 8: Design Of Structures For Earthquake Resistance* dari Eropah dan *IBC 2000 International Building Code Structural Seismic* dari Amerika Syarikat. Setakat ini, garis panduan berkenaan digunakan untuk reka bentuk bangunan-bangunan baru kerajaan yang dilaksanakan oleh JKR sahaja. Namun demikian, cadangan untuk menguatkuasakan garis panduan ini kepada semua reka bentuk bangunan baru khususnya milik swasta memerlukan kepada pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 atau dikenali sebagai *Uniform Buildings by Laws* iaitu akta di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Dato' Yong Khoon Seng:** Saya tahu. Ahli Yang Berhormat dari...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Yang Berhormat Balik Pulau?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sedikit sahaja mengenai dengan garis panduan tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak mohon pandangan sedikit mengenai dengan garis panduan ini sebab ada kes kejadian di Balik Pulau secara spesifik, Institut Kemahiran Tinggi Mara Balik Pulau yang sekarang ini telah bahaya dan pelajar telah diarahkan berpindah ke USM. Saya mohon garis panduan daripada Menteri kerana perkara tersebut tidak diuar-uarkan, sebaliknya ada mesyuarat tertutup di dalam institut tetapi pimpinan setempat tidak diberitahu. Mendengar penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, garis panduan tadi itu bunyinya cantik, tetapi dari segi pelaksanaannya itu kadang-kadang melibatkan perkara yang tidak telus. Bagi saya, melibatkan keselamatan pelajar dan juga rakyat setempat saya rasa kita perlu teluslah. Jadi saya cadang kena tambah satulah iaitu kena teluslah.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Ini adalah perkara baru dan saya perlu melihat sama ada bangunan sudah uzur atau bangunan kena...

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri ya, kerana ada soalan. Sekolah itu sudah terbengkalai, sudah masuk NTV7, tetapi apabila sudah dibuat, kosnya bertambah. Belum sampai berapa tahun sudah rosak lagi. Sudahlah dibina di atas bukit. Jadi saya rasa panduan-panduan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu saya rasa perlu, dan apabila berlakunya taklimat baru ini, diberi pula panduan yang baru, jangan beritahu ahli politik pembangkang. Panduan itu salah itu. Tidak ada dalam apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tadi itu. Jadi saya rasa di peringkat Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi itu cantik, tetapi dari segi pelaksanaan itu tidak cantik. Jadi mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri pantaulah.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Okey, kita akan pantau. Saya akan ambil tindakan susulan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pokok Sena dia tengok saya macam saya tidak jawab... *[Ketawa]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya cukup menghormati...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak suruh Yang Berhormat bangun.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat ini seorang yang disiplin. Dia mesti jawab saya punya... *[Ketawa]*

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih. Dia mesti ada di sini setiap malam, macam saya setiap hari, dan setiap malam. Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat Pokok Sena telah membangkitkan dakwaan kononnya berlaku perubahan konsep hiasan dalaman di Istana Negara baru yang sedang dibina di Jalan Duta, Kuala Lumpur iaitu dari konsep Kesultanan Melayu kepada konsep Raja-Raja Eropah. Beliau juga ingin tahu tentang kos tambahan yang ditanggung oleh kerajaan dan mengapa JKR bersetuju dengan cadangan perubahan konsep tersebut.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini telah dimaklumkan, kos pembinaan Kompleks Istana Negara baru di Jalan Duta, Kuala Lumpur ditetapkan sebanyak RM797 juta di mana RM650 juta merupakan kontrak asal dan RM147 juta lagi merupakan peruntukan tambahan yang diluluskan kerajaan. Jumlah tersebut tidak termasuk kos pembinaan jalan keluar masuk ke atau dari istana yang dilaksanakan menerusi dua kontrak yang berasingan di bawah butiran Kementerian Kerja Raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak RM797 juta untuk pembinaan komponen kompleks istana terletak di bawah butiran dan bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, keseluruhan projek ini dilaksanakan di bawah pengawasan JKR yang berperanan sebagai agensi pelaksana dan penguasa projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penentuan mengenai dengan ciri-ciri atau konsep dekorasi khusus yang bakal digunakan untuk skop hiasan dalaman di Istana Negara yang baru ini diputuskan oleh agensi pelanggan. Sebagai agensi pelaksana, JKR sentiasa mematuhi keperluan dan kehendak oleh agensi-agensi pelanggan iaitu *end-user*...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dato' Yong Khoon Seng:** Belumlah, nanti saya habis dahulu. Atau pengguna akhir kepada bangunan berkenaan. Walau bagaimanapun, sebagai agensi teknikal utama kerajaan, JKR sentiasa menawarkan rundingan cara dan khidmat nasihat kepada agensi-agensi pelanggan berkenaan khususnya jika ia melibatkan aspek teknikal dan keselamatan kepada pengguna.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dato' Yong Khoon Seng:** Belum habis lagi.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekejap, sikit, sikit. Saya hendak jelaskan secara spesifik mengenai agensi pelanggan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat habiskan dahulu.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Agensi pelanggan itu saya pun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Agensi pelanggan itu saya hendak tahu dahulu. Siapa dia agensi pelanggan itu?

**Dato' Yong Khoon Seng:** Raja-rajalah. Itu Istana Negara. Betul tidak?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya rasa itu satu benda yang agak... Minta maaf Yang Berhormat. Apabila disebut agensi pelanggan ini ialah Raja-raja, betullah itu Istana Negara, tetapi agensi pelanggan antara kontraktor dengan ini ialah kerajaanlah. Maknanya kerajaanlah, dari segi bertanggungjawab dengan kontraktor. Oleh sebab itu saya membangkitkan ialah bagaimana, sebab apabila disebut atas keputusan, kehendak agensi pelanggan, itu sangat-sangat berbahaya seolah-olahnya kerajaan cuba untuk letakkan segala masalah dalam pembinaan istana ini, liabiliti ini kepada Raja-Raja Melayu. Saya rasa tidak mungkin Raja-Raja Melayu berkehendakkan seperti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita bincang di luarlah Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini bukan soal berbincang di luar, ini satu perbelanjaan wang negara. Saya hendak tahu juga spesifik bahawa RM147 juta, saya difahamkan dalam jawapan kepada saya pada minggu yang lalu, RM147 juta itu adalah hiasan dalaman. Apa benda hiasan dalaman? Jadi tidak boleh kita katakan ini kerana pelanggan akhir iaitu raja-raja hendak. Jadi kita letakkan seolah-olah bagi saya bahawa ini seolah-olah kerajaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, isu melibatkan Raja-Raja kita berbincang di luar, *please*.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya rasa tidak melibatkan Raja sebab Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa pelanggan akhir. Oleh sebab itu saya katakan bahawa jangan membabitkan Raja-raja. Ini kerana, ini adalah atas kerajaan sebab saya difahamkan dalam soal pengubahsuaian, JKR sudah pun mengesahkan konsep asalnya. Sudah audit dan sudah sah – mengesahkan dengan kontraktor. Tiba-tiba, bagaimana boleh berubah daripada konsep asalnya yang saya difahamkan yang saya katakan dalam soalan saya ialah konsep yang berasaskan kepada Raja-Raja Melayu kepada konsep Raja Eropah?

Ini bagi saya satu benda yang tidak sewajarnya. Ini isu besar. Ini tidak boleh. Saya tidak setuju. Kalau kerajaan hendak mengatakan bahawa ini adalah kerana kehendak pelanggan akhir iaitu Raja-raja, ini bagi saya tidak boleh salahkan Raja-raja. Ini bukan soal Raja-raja. Ini soal kerajaan yang bertanggungjawab yang menyediakan peruntukan kewangan dan sebagainya. Jadi saya minta penjelasan secara telus.

## ■2020

**Dato' Yong Khoon Seng:** Yang Berhormat, saya belum habis jawab tadi *you* sudah *interject*. Tuan Yang di-Pertua, dakwaan kononnya berlaku perubahan konsep hiasan dalaman di Istana Negara dari konsep Kesultanan Melayu kepada konsep Raja-Raja Eropah sebenarnya adalah tidak benar. Ini kerana konsep hiasan dalaman di Istana Negara tersebut secara keseluruhannya masih lagi mengekalkan konsepnya yang asal iaitu ciri-ciri Kesultanan Melayu Tradisional. Walau bagaimanapun, sememangnya terdapat beberapa perubahan kecil mengenai nilai kemasan dan hiasan dalaman di ruang-ruang tetamu yang tertentu di Kompleks Istana Negara. Khususnya di ruang utama yang ditambah baik, dibuat setelah mengambil kira pandangan dan kehendak oleh pihak yang berkepentingan.

Perubahan kecil terhadap skop kemasan dan hiasan dalaman ini tidak melibatkan sebarang pertambahan kos kepada kerajaan. Oleh itu kos bagi skop hiasan dalaman Istana Negara masih kekal mengikut kos asal yang ditetapkan dalam kontrak.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Akan tetapi isunya ialah konsep asal itu tetap berubah. Yang Berhormat sudah mengaku bahawa konsep asal itu telah berubah. Saya percaya bahawa mungkin kerajaan tidak bersedia untuk memperakui bahawa konsep asal itu telah diubah kepada satu konsep yang lari daripada konsep Kesultanan Melayu. Akan tetapi apa pun Yang Berhormat mengaku bahawa konsep asal itu berubah dan Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya bahawa konsep asal itu berubah tanpa merujuk kepada JKR yang telah mengesahkan daripada awal konsep asal tersebut. Itu *point* saya.

Jadi, sebab itu bagi saya bahawa boleh Yang Berhormat memberikan secara *detail* kepada saya tentang konsep yang berubah, tidak cukup dengan sekadar segala itu yang diberikan tadi. Keduanya ialah RM147 juta itu, konsep reka bentuk hiasan dalaman, perbelanjaan hiasan dalaman itu, apa yang sebenarnya berlaku?

Ketiganya, ialah memang Yang Berhormat mengatakan bahawa tidak memerlukan penambahan kos. Inilah selalunya, dahulu pun begitu juga. Tidak perlu tambah kos, tidak adalah, cukuplah RM650 juta. Akhirnya, berlaku juga kenaikan penambahan kos seperti mana Yang Berhormat sebut tadi RM147 juta yang diluluskan oleh kerajaan. Saya tidak tahu sama ada selepas ini akan berlaku satu lagi bentuk VO yang akan dibuat oleh kontraktor dan akhirnya akan berlaku penambahan-penambahan yang kemudian daripada itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudahlah Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi saya minta penjelasan tadi bahawa perincian RM147 juta perbelanjaan hiasan dalaman tersebut.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Yang Berhormat saya akan berikan *detail* tetapi skop itu tidak berubah. Kita kekal dengan konsep yang telah pun diluluskan kecuali kita tambah baik di beberapa tempat sahaja.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akhir, akhir, tidak apalah Yang Berhormat kata tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akan tetapi hakikatnya...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pokok Sena, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, saya meneliti keputusan ini Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Saya difahamkan di peringkat awal, di peringkat tender pun, kerajaan serba salah dalam hal ini. Bukan saya niat hendak campur tangan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Daripada awal saya tahu yang terlibat, ia melibatkan yang tidak boleh disebutkan di sini Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, saya pun tidak hendak sebut...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Akan tetapi kalau Yang Berhormat Pokok Sena hendak minta kerajaan perelaskan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan. Saya kata sudah cukuplah. Selepas itu Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, berhenti, berhenti dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Itu sesuatu yang susah untuk dipertikaikan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Berubah daripada konsep asal, hakikatnya berubah. Memang saya tidak ada bukti bahawa berlaku perubahan konsep asal, cuma...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri akan beri secara bertulis. Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Ya, terima kasihlah Yang Berhormat Pokok Sena. Kita akan bagi secara bertulis okey. Jangan gaduh di sini. Tuan Yang di-Pertua, sekadar ini sahajalah penjelasan yang saya dapat berikan.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan Bakri... *[Dewan riuh]*

**Dato' Yong Khoon Seng:** Saya sedang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, mana-mana yang tidak dijawab, Yang Berhormat Timbalan Menteri akan buat jawapan secara bertulis.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Saya akan jawab secara bertulis. Awal-awal saya sudah cakap, saya pun tahu dia. Yang Berhormat Batu Gajah pun begitu juga. Saya selalu tunaikan. Kalau saya kata kita akan jawab secara bertulis, kita akan buat okey. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Kementerian Kesihatan.

#### 8.25 m.m.

**Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mengucapkan ribuan terima kasih kepada 14 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah kementerian ini semasa Perbahasan Titah Diraja pada 8 hingga 17 Mac 2011. Sebanyak lima isu utama mengenai kementerian ini telah disentuh. Ia merangkumi:

- (i) keberkesanan penyampaian kesihatan dan cadangan bagi meningkatkan penyampaian kesihatan;
- (ii) pembangunan fasiliti-fasiliti kesihatan;
- (iii) aktiviti kawalan penyakit;
- (iv) pemantauan keselamatan makanan, peralatan perubatan serta radiasi; dan
- (v) polisi kerajaan berkaitan peruntukan Perjanjian Perdagangan Bebas *European Union* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah mencadangkan agar perkhidmatan pergigian percuma yang telah diberikan kepada para pelajar untuk diperkembangkan serta turut diberikan kepada ibu bapa pelajar.



Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj rawatan yang dikenakan kepada pesakit yang mendapatkan rawatan pergigian adalah berdasarkan kepada Perintah Fi (Perubatan) 1982. Beberapa golongan dikecualikan caj rawatan seperti kakitangan kerajaan dan keluarga, orang kurang upaya, ibu mengandung, individu yang diberikan hak keistimewaan dan juga kanak-kanak sekolah dan prasekolah.

Walau bagaimanapun, caj yang dikenakan adalah terlalu rendah dan tidak membebankan rakyat. Sebagai contoh, mencabut sebatang gigi cuma dikenakan bayaran sebanyak RM1. RM2 untuk menampal sebatang gigi dan RM4.00 *for root canal. That is a minimum cost* yang dikenakan. Pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kerana mencadangkan supaya rawatan sebegini juga diberikan kepada ibu bapa pelajar jika mereka memerlukan dan ini menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Walau bagaimanapun, buat masa ini cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan lagi atas beberapa faktor:-1

- (i) terutamanya sekali kita sedang menyemak kadar fi kita, Perintah Fi (Perubatan) 1982. Kalau kita hendak buat pun, kita kena buat keseluruhannya. Bukan sahaja untuk klinik pergigian malah juga untuk hospital dan sebarang pindaan ke atas perintah ini, contohnya memberikan pengecualian kepada ibu bapa perlu kita semak dan luluskan oleh Kabinet dan kemudiannya digazet;
- (ii) pada tahun 2010 sahaja, perkhidmatan kesihatan pergigian telah memberi rawatan kepada seramai 4.6 juta murid sekolah dan 668,000 murid prasekolah. Jika rawatan percuma diberikan kepada ibu bapa dengan bilangan yang melebihi lima juta orang, memang ia di luar kemampuan Kementerian Kesihatan untuk memberi rawatan yang menyeluruh;
- (iii) caj rawatan yang nominal sebenarnya tidak membebankan ibu bapa; dan
- (iv) walaupun rawatan percuma akan diberikan kepada ibu bapa yang benar-benar tidak mampu dengan syarat mereka menunjukkan bukti ketidakmampuan seperti surat dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kementerian Kesihatan akan memastikan perkhidmatan pergigian dalam negara akan dapat terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Kita akan terus memberi keutamaan kepada murid-murid sekolah dengan memastikan semua murid sekolah diperiksa dan diberikan rawatan percuma.

#### ■2030

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada persoalan berkaitan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sipitang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya telah pun mengambil pelbagai langkah untuk mempertingkatkan sistem penyampaian kesihatan di negeri Sabah dan Sarawak. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan telah memperuntukkan sebanyak RM867 juta kepada negeri Sabah dan RM445 juta kepada negeri Sarawak untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan kesihatan. Manakala dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, di bawah *First Rolling Plan* sebanyak RM453 juta telah diperuntukkan di negeri Sabah dan RM243 juta telah diperuntukkan di negeri Sarawak. Selain daripada kemudahan kesihatan statik, Sabah dan Sarawak juga disediakan dengan perkhidmatan klinik bergerak bagi meningkatkan akses kepada penduduk pendalaman termasuk perkhidmatan doktor udara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)  
**mempengerusikan Mesyuarat]**

Pada tahun 2010, terdapat sebanyak 13 pasukan klinik bergerak di Sabah termasuk tiga pasukan perkhidmatan doktor udara di Sandakan, Kota Kinabalu dan Tawau manakala Sarawak mempunyai 98 pasukan klinik bergerak termasuk 10 pasukan perkhidmatan doktor udara. Pada tahun 2010 juga, sebanyak RM1.45 juta telah diperuntukkan bagi menaik taraf klinik bergerak di negeri Sabah dan RM2.35 juta diperuntukkan bagi menaik taraf klinik bergerak di Sarawak. Berhubung dengan penambahan bilangan doktor di Sabah dan Sarawak, juga kita memberi keutamaan untuk meningkatkan bilangan doktor dan jururawat di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Setiawangsa berkaitan kempen derma darah di Pusat Darah Negara, suka dimaklumkan bahawa Pusat Darah Negara tidak mengambil kira perbezaan politik dalam melaksanakan tugas. Semua pesakit dan penderma di Pusat Darah Negara adalah terdiri daripada semua golongan masyarakat tidak mengira bangsa, agama dan perbezaan politik. Untuk mengadakan program pendermaan darah yang akan dihadiri oleh seorang wakil rakyat dan wartawan media massa, pihak Pusat Darah Negara perlu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengelakkan daripada kempen pendermaan darah disalahgunakan untuk *public stunt*.

Kementerian Kesihatan Malaysia sebenarnya amat mengalu-alukan sebarang hasrat murni mana-mana pihak untuk menjalankan kempen derma darah mahupun promosi kesihatan. Walau bagaimanapun, kita memohon kerjasama semua pihak bagi memastikan bahawa saluran dan prosedur yang betul dipatuhi bagi mengelakkan sebarang salah faham atau insiden yang tidak diinginkan.

**Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Menteri.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa bukan Yang Berhormat Setiawangsa tadi, Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ha, Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Ha. Sebab saya pernah mengalami peristiwa pahit begini. Kami nak mengadakan satu kempen derma darah di kompleks di Batu 9. Kami memohon dari Hospital Alor Setar, *team* daripada hospital untuk datang tetapi mereka mengatakan arahan daripada pihak atasan tidak boleh datang dan kami *channel* kan permohonan itu kepada Hospital Perlis Kangar dan Hospital Kangar datang. Maknanya kita nak pergi kepada Hospital Alor Setar tapi Hospital Alor Setar tak terima jadi kita terpaksa beri kepada Hospital Kangarlah. Jadi saya nak tahu pihak atasan itu dari negeri ataupun daripada pusat atau kementerian sendiri. Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Bagi menjalankan aktiviti derma darah, kalau menjemput klinik ataupun hospital memang kita alu-alukan. Tak kira ke mana kita pergi dan yang saya katakan perlukan kelulusan Kementerian Kesihatan adalah untuk apabila kita mengadakan program di Kementerian Kesihatan, program di Pusat Darah Negara, program di klinik atau hospital, itu perlukan kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Pusat. Yang lain, aktiviti di luar yang dianjurkan NGO memang kita galakkan doktor kita untuk menghadiri untuk memudahkan pelaksanaan kempen derma darah di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput berkaitan kes Puan Chow Chu Mei yang telah memfailkan saman terhadap Kerajaan Malaysia, Kementerian Kesihatan mengambil maklum kes ini di mana sebutan kes ini telah ditetapkan di Mahkamah Tinggi Ipoh pada tarikh 31 Mac 2011 di mana pihak perayu akan memfailkan hujah-hujahan pada tarikh tersebut. Memandangkan kes ini telah dibawa ke mahkamah, maka sebarang kenyataan yang dikeluarkan boleh menyebabkan sub judice dan oleh yang demikian, adalah lebih wajar kes ini ditentukan di Mahkamah Tinggi ataupun kita cari jalan untuk *settle off court* atau di luar mahkamah nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibuti memohon untuk menambah bilangan klinik ibu dan anak serta memohon diperbaharui dan ditambah alat-alat yang lebih canggih di klinik berkaitan kerana alat-alat tersebut merupakan alat lama dan tidak berfungsi. Adalah dimaklumkan bahawa Klinik Kesihatan Batu Niah akan dimohon di bawah *Second Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Kesepuluh dan pihak kementerian telah pun membuat permohonan daripada kerajaan negeri untuk perolehan tapak bagi membina klinik tersebut. Oleh yang demikian, adalah dipohon kerjasama daripada Yang Berhormat Sibuti untuk membantu mempercepatkan kelulusan perolehan tapak supaya projek ini dapat dimasukkan ke dalam *Second Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lanang juga memberi perhatian yang sama dan memohon kerajaan untuk membina poliklinik dengan segera di kawasan Lanang. Pada masa kini telah ada klinik sedia ada yang menyediakan khidmat setempat iaitu Klinik Kesihatan (jenis tiga) Lanang yang boleh menampung sebanyak 300 hingga 500 pesakit sehari dan dilengkapi kemudahan-kemudahan asas. Klinik Kesihatan (jenis tiga) mempunyai kemudahan seperti *ultrasound*, bilik prosedur dan bilik rawatan serta lain-lain kemudahan mengikut spesifikasi teknikal di kementerian. Klinik kesihatan tersebut juga dianggotai dengan pengisian jawatan pakar perubatan keluarga untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang komprehensif.

Dalam masa terdekat ini, kementerian belum bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan sedia ada memandangkan fasiliti sedia ada masih dapat menampung keperluan semasa. Selain daripada itu, fasiliti kesihatan lain yang terdekat terdapat juga di Hospital Sibu serta Poliklinik Oya. Manakala Klinik 1Malaysia yang terdekat terdapat di Teku dan Sungai Bidut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lawas ada membangkitkan berkenaan pembangunan hospital daerah Lawas dan beliau telah menyatakan beberapa soalan. Saya nak memberi jawapannya satu persatu. Pertama, projek Hospital Lawas telah diluluskan dalam fasa pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011 dan 2012. Projek ini akan dijalankan secara berfasa di mana fasa pertama adalah untuk kerja-kerja perancangan seperti kerja-kerja penyelarasan tapak dan reka bentuk. Kos projek yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi adalah sebanyak RM80 juta dan akan dilaksanakan oleh kontraktor UEM, SEDC secara *joint venture*. Projek ini dijangka siap pada tahun 2014. Walaupun demikian, tapak cadangan untuk pembinaan Hospital Lawas yang baru didapati tidak sesuai kerana memerlukan kos rawatan tanah yang terlalu tinggi. Oleh itu, Hospital Lawas yang baru akan dibangunkan di tapak hospital sedia ada. Untuk membolehkan kerja-kerja pembinaan hospital baru dijalankan, perkhidmatan sedia ada perlu dipindahkan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja meroboh bangunan lama dan membina bangunan hospital yang baru.

Pada masa ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak sedang menguruskan penyewaan beberapa rumah kedai bagi tujuan pemindahan perkhidmatan yang terlibat dengan kerja-kerja di kantin. Pengubahsuaian akan dijalankan setelah proses di kantin selesai. Konsultan yang dilantik sedang dalam proses menyediakan reka bentuk untuk projek hospital baru dan projek ini adalah projek keutamaan tinggi bagi program perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.

#### ■2040

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Maran memohon pembinaan hospital di Maran dan pembinaan Klinik Desa di Kampung Sentosa. Cadangan Projek Hospital Maran telah pun disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sebagai skop perolehan tanah.

Cadangan pembinaan kelak akan dipohon sebaik sahaja permohonan tanah telah selesai. Pada masa ini sebanyak enam cadangan tapak telah pun dikemukakan kepada kementerian untuk memutuskan tapak yang sesuai. Untuk makluman Yang Berhormat, tapak Kementerian Kesihatan telah pun membuat keputusan dan kita sudah pilih tapak itu iaitu di Pekan, Maran yang dekat dengan pekan. Kita telah pun membuat pilihan dan proses pengambilan tanah sekarang dalam tindakan Kementerian Kesihatan.

Manakala keperluan pembinaan Klinik Desa Kampung Sentosa yang mempunyai jumlah populasi seramai 1,400 orang telah pun disemak dan didapati keperluan masa kini pembinaan sebuah klinik desa tidak menjadi keutamaan. Ini adalah kerana jumlah populasi tersebut tidak memenuhi norma pembinaan sebuah klinik desa iaitu seorang jururawat masyarakat mewakili jumlah 2,000 penduduk.

Selain daripada itu, jarak perkampungan ini dengan *facilities* kesihatan sedia ada adalah terlalu hampir. Sebagai contohnya Klinik Kesihatan Jenis Tiga Pekan Tajau, jarak enam kilometer. Klinik Kesihatan Bandar Maran, jarak enam kilometer dan Klinik Bukit Tajau, jarak empat kilometer. Manakala jarak antara Kampung Sentosa dengan cadangan tapak Hospital Maran di bandar Maran dianggarkan enam kilometer hingga tujuh kilometer. Perkampungan ini juga berada di tepi jalan raya utama iaitu dari Maran-Temerloh dan mempunyai infrastruktur asas yang baik serta sistem pengangkutan untuk mendapatkan rawatan ke *facilities* kesihatan yang berhampiran.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan Yang Berhormat daripada Titiwangsa mengenai status dan keadaan terkini masalah jangkitan *adenovirus*...

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih banyak di atas komitmen kerajaan dalam pembinaan hospital baru Maran. Saya harap akan jadi kenyataan dalam RMKe-10. Tidak silap, saya ada juga menimbulkan masalah doktor, pegawai perubatan.

Baru-baru ini ada satu kes Yang Berhormat. Kalau tidak silap saya dalam awal bulan ini. Saya sendiri berhadapan dengan jenazah itu iaitu satu insiden berlaku kepada seorang penoreh getah. Dia penat sangat dan terus tumbang dalam kebun getah. Oleh kerana Chenor ini tidak ada doktor, maka kita hantar ke klinik. Oleh kerana doktor agak lewat, kerana hari itu ada program lain, maka, mangsa ini meninggal dunia. Jadi, saya mohon benarlah kerana Chenor ini adalah kawasan yang besar penduduknya termasuklah di sekelilingnya FELDA dan sebagainya. Saya harap mohon Yang Berhormat Menteri dapat menyediakan seorang pegawai perubatan khas di Klinik Chenor. Terima kasih banyak.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Maran. Memang kita sekarang dalam usaha untuk menambahkan bilangan doktor di dalam klinik-klinik. Cadangan ini kita akan mengambil berat dan akan kita ambil tindakan di Klinik Chenor.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan Yang Berhormat Titiwangsa mengenai status keadaan PULAPOL. Adalah sukacita dimaklumkan siasatan yang dilakukan oleh pakar-pakar kesihatan awam dari Kementerian Kesihatan telah mengesahkan bahawa wabak di PULAPOL merupakan wabak berjangkit *adenovirus* jenis tujuh dan leptospirosis.

Berdasarkan siasatan, wabak bermula dengan jangkitan *adenovirus* yang dibawa masuk oleh seorang pelatih ke PULAPOL. Suasana yang padat di asrama amat sesuai bagi perebakan jangkitan saluran pernafasan. Kira-kira seminggu kemudian, peningkatan mendadak populasi roden akibat banjir kilat telah mencemarkan kawasan PULAPOL dengan kencing roden menyebabkan leptospirosis.

Sampel rawak yang diambil dari kes klinikal yang di isolasi menunjukkan 61 daripada 69 sampel tekak pelatih adalah positif bagi *adenovirus* jenis tujuh manakala 32 dari 139 sampel darah adalah positif bagi leptospirosis. Sehingga 22 Mac 2011, jumlah terkumpul pelatih yang menunjukkan gejala jangkitan ialah seramai 779. Mereka menunjukkan gejala jangkitan saluran pernafasan iaitu demam, batuk dan sakit tekak. Sebahagian kecil juga mengalami muntah dan cirit birit. Majoriti menunjukkan gejala yang ringan dan di isolasi di blok berasingan di PULAPOL.

Jangkitan adenovirus 7 biasanya menyebabkan jangkitan saluran pernafasan atas yang ringan. Namun, sebahagian kecil boleh menyebabkan yang lebih berat. Kedua-dua kematian yang dilaporkan dalam wabak ini adalah akibat komplikasi pneumonia yang teruk dan kegagalan pelbagai organ. Virus adenovirus jenis tujuh di isolasi dari kedua-dua kes tersebut. Wabak adenovirus 7 biasanya dilaporkan institusi latihan tentera dan polis dan pertama kali dilaporkan melibatkan rekrut tentera Amerika Syarikat dalam tahun 1990-an.

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** [Bangun]

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Ya, Yang Berhormat Pendang.

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada menjawab. Saya agak keliru yang mana satu punca kepada kematian itu? *Leptospirosis* atau *adenovirus* sebab *adenovirus* ini *is a very common* URTI *cause* sebab kemungkinan pesakit yang mati atau pun pelatih yang mati itu mempunyai gejala-gejala lain di samping hanya setakat *adenovirus* yang *attack* untuk membawa penyakit kepada beliau tersebut.

Ini kerana dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menyebut leptospirosis, kemudian *adenovirus*. Jadi, pengesahan kepada kematian tersebut mana satu yang kita hendak *pinpoint* kepada *the causes of the death*? Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kecepatan membuat diagnosis itu wajarlah dalam keadaan ini dan keupayaan mengesan itu harus dipuji. Akan tetapi, apakah keupayaan hospital kita dalam menangani kes-kes sama ada daripada leptospirosis atau pun *adenovirus* ini sampai boleh dalam suasana yang canggih itu, ya lah kematian itu tidak dapat dielakkan. Akan tetapi kes-kes sebegini seharusnya tidak menjadi suatu perkara yang menyebabkan kehilangan nyawa. Bukan satu, dua dan tidak tahu lagi berapa. Dalam ICU ada lagi dengarnya. Terima kasih.

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang dan juga Kuala Krai. Saya hendak jelaskan di sini bahawa *source of death* yang menyebabkan kematian adalah *adenovirus*. Kedua-dua yang mati itu adalah akibat *adenovirus*. Yang leptospirosis *is secondary* yang telah pun dapat kita ubati. *Leptospirosis bacteria, we give the right antibiotic* dan dapat disembuhkan. Oleh itu, yang pentingnya, kita telah pun dengan cepat dan tepat dapat kita kenal pasti virus yang menyebabkan kematian. Itu yang paling penting dan kita telah pun membuat *screening* di seluruh PULAPOL dan telah pun kita *isolated* semua *trainee* yang berkaitan.

Memandangkan apabila Kementerian Kesihatan dimaklumkan kepada kita. Kita masuk pada 8 Mac, *the peek* yang paling ramai kena *fever*. So, apabila kita masuk dan kita *isolated* yang ada *fever but the separate may happen that the incubation period, take some times. It takes seven to 14 days for the incubate. That's why* selepas itu kita masih dapat lihat walaupun kita sudah *isolate* yang ada *fever* punya, yang ada simptom tetapi yang kemudian, wujud pula yang telah pun dalam *incubation* keluar menjadi *other* simptom dan kita juga *isolate*. Sampai hari ini kita dapat lihat bilangan isolasi kes-kes yang di *isolate* telah pun berkurangan. Ini bermakna pengesanan kita tepat dan juga *isolation* kita adalah dalam keadaan yang baik di mana bilangan telah pun menurun.

Sehingga hari ini tidak ada lagi kes baru dimasukkan ke Hospital di HKL dan hanya tinggal sembilan orang sahaja dalam HKL. Yang masih dalam ICU masih ada lagi *but recovering. Isolation*. Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa situasi wabak di PULAPOL kini dalam keadaan terkawal. Kejadian kes wabak telah semakin berkurangan.

#### ■2050

Kes-kes baru yang dikesan setiap hari telah berkurangan dari 195 orang semasa kemuncak, *within a day we trace 195* wabak pada 9 Mac 2011 kepada dua orang sahaja sehingga semalam yang *we trace and we isolate them* telah pun berkurangan. Manakala pelatih-pelatih yang sakit dan ditempatkan di Pusat Isolasi PULAPOL juga telah berkurangan daripada 677 orang semasa kemuncak wabak kepada 170 orang sahaja semalam. Kebanyakan daripada pelatih-pelatih ini telah sembuh dan menunggu masa untuk *discharge* dari isolasi. Bilangan kes yang masih dirawat di hospital hanya tinggal tujuh orang. Dua orang daripadanya di ICU sejak dua hari yang lepas. Tiada kes baru yang dirujuk ke hospital. Saya harap saya dapat memberi keyakinan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa situasi di PULAPOL itu adalah terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan mengenai pemantauan produk makanan daripada negara Jepun, Kementerian saya telah mengenakan tindakan Pemeriksaan Tahan Uji Lepas Tahap Lima terhadap produk makanan yang diimport dari Jepun susulan bencana gempa bumi pada 11 Mac 2011. Sampel makanan yang diambil di pintu masuk untuk ujian pencemaran bahan radioaktif di Agensi Nuklear Malaysia. Kita bekerjasama dengan AELB Bahagian Keselamatan Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga MOSTI. AELB bekerjasama rapat. Produk makanan hanya akan dilepaskan sekiranya sampel tersebut mematuhi tahap radioaktif yang dibenarkan berdasarkan *Standard Codex* iaitu 100 *becquerel* (Bq) per kg untuk bahan radioaktif lodin 131 dan 1000 Bq/kg untuk bahan radioaktif cesium 134 dan cesium 137 bagi produk susu dan bayi. Manakala tahap yang dibenarkan bagi makanan lain adalah 1000 Bq/kg untuk ketiga-tiga bahan radioaktif tersebut.

Berkuat kuasa 15 April 2011, Kementerian Kesihatan akan mengenakan keperluan sijil radioaktif yang dikeluarkan oleh *Competent Authority* negara Jepun ke atas semua makanan yang diimport dari Jepun sebagai jaminan keselamatan makanan. Tempoh masa tersebut diberikan kepada pihak berkuasa Jepun di Jepun dan juga adalah untuk membolehkan pengeksport di Jepun dan juga pihak pengimport di Malaysia untuk bersiap sedia bagi mematuhi keperluan ini. Buat masa ini kita buat pemeriksaan yang rapi di peringkat kita. *After 15 April Japan got to give us certificate just to ensure that the food is safe.*

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama Ahli Yang Berhormat Hulu Langat juga bertanya berhubung dengan keselamatan peralatan X-ray. Sukacita dimaklumkan bahawa penggunaan peralatan yang mengeluarkan sinaran ion bagi tujuan perubatan dikawal di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom, akta 304. Ketua Pengarah Kesihatan selaku pihak berkuasa di bawah akta tersebut sentiasa memantau penggunaan sinaran ion termasuk radas X-ray pergigian dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan keperluan *regulatory* dari aspek keselamatan sinaran dan penjaminan mutu.

Aktiviti pemantauan yang dijalankan tersebut termasuklah aspek keselamatan dan kesihatan pekerja sinaran yang mengendalikan peralatan sinaran mengion. Kementerian Kesihatan Malaysia amat prihatin dan memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan kesihatan penjawat awam di Kementerian Kesihatan termasuk pegawai pergigian. Kementerian Kesihatan sentiasa memastikan semua peralatan yang digunakan termasuk alat peralatan yang mengandungi raksa, amalgam pergigian dan radas X-ray diselenggarakan dengan baik. Garis panduan keselamatan juga disediakan untuk dipatuhi oleh pegawai pergigian bagi mengendalikan peralatan tersebut untuk memastikan perlindungan yang optimum kepada pegawai-pegawai KKM dan pesakit bagi mengelakkan kesan sampingan seperti barah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Klang telah menyentuh mengenai isu Perjanjian Perdagangan Bebas *European Union* Malaysia dan *Trans-Pacific Partnership* serta kesannya ke atas akses kepada perubatan generik yang murah yang dikhuatiri boleh menjejaskan nyawa rakyat Malaysia yang bergantung kepada perubatan yang murah. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri MITI telah pun menjawab soalan ini iaitu Kementerian Kesihatan akan memastikan kualiti ubat kita dan memastikan rakyat mendapat ubat generik yang bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin merakamkan ucapan..

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Maaf Tuan Yang di-Pertua, saya pohon Yang Berhormat Menteri boleh memberi sedikit penjelasan berkenaan isu botol susu yang mengandungi BPA. Saya sedang menunggu hendak mendengar kalau ada Ahli yang bangun. Jadi memandangkan tiada saya mohon kebenaran.

Saya terima panggilan daripada orang ramai yang prihatin berkenaan botol susu yang mengandungi BPA ini sama ada kementerian boleh memaklumkan berapakah jumlah botol susu yang mengandungi bahan kimia ini berada di pasaran?

Mengapakah ia tidak boleh dikuatkuasakan serta-merta atau tempoh yang dibenarkan ia berada di pasaran dikurangkan sebab kementerian mengumumkan memberi satu tahun baru boleh menguatkuasakannya.

Saya tahu Yang Berhormat ada membuat kenyataan berkata risau berkenaan impak ke atas industri ini tetapi persoalan yang timbul ialah bagaimana dengan peruncit-peruncit? Mereka berkata selepas pengumuman diumumkan botol ini masih ada di rak sebab pengilang enggan mengambil balik. Peruncit tidak boleh berbuat apa-apa kecuali masih meletakkan di rak dan orang ramai enggan membeli.

Persoalan yang timbul mengapakah kerajaan tidak boleh menguatkuasakannya dalam tempoh yang terdekat ini? Setahu saya EU – saya buat *certificate research*, EU sebelum mereka menguatkuasakan mereka telah membuat pengumuman empat bulan yang lalu melarang pengilangan atau pembuatan botol yang mengandungi BPA ini. Apakah ini telah dijalankan oleh pihak kementerian? EU memberi tempoh -penguatkuasaan adalah pada 1 Jun tetapi mereka telah membuat pengumuman pada bulan November tahun yang lalu bahawa pasaran import dilarang *effective 1 June*. Akan tetapi pihak kerajaan..., bagaimana pula dengan pengilangannya? Apakah telah ada satu pengumuman bila pengilangannya akan dihentikan.

Keduanya, kerisauan orang ramai. Bagaimana dengan lambakan sebab kalau EU *effective 1 June*, kita *effective next year*? Apa akan timbul masalah lambakan produk ini kalau tiada larangan import botol susu yang mengandungi BPA? Peruncit ada kerisauan dan orang ramai yang tidak peka dengan bahayanya botol susu ini ada kerisauan. Saya ucapkan terima kasih dan pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, hendak cakap bersekali.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi pihak Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang ubat-ubat generik mungkin memberi efek kepada kesihatan am masyarakat kita. Saya ingin mendapat kepastian daripada pihak kementerian dan saya sering membawa persoalan ini di dalam perbahasan yang telah lepas iaitu berhubung dengan Akta Peralatan Perubatan. Tadi disebut ubat-ubat generik tetapi sekarang ini masalahnya ramai di antara anggota masyarakat kita yang lebih mempercayai peralatan-peralatan perubatan yang dikatakan boleh menyembuhkan penyakit-penyakit kronik misalnya.

Apakah pihak kementerian tidak memandang ini merupakan satu fenomena yang mungkin akan menjejaskan kesihatan anggota masyarakat kita? Kita bagi contoh misalnya alat elektrostatik. Apabila kita duduk di atas alat itu pengaliran elektrik yang masuk ke dalam badan boleh menyebabkan hilangnya lemak-lemak di dalam, osteoporosis boleh hilang dan berbagai-bagai dakwaan yang disebut agen-agen yang mengedarkan peralatan perubatan tersebut. Saya rasa pihak kementerian juga perlu memberi perhatian yang agak serius dalam perkara-perkara sebegini. Terima kasih.

■2100

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Pendang. Saya jawab Yang Berhormat Pendang dahulu kerana singkat. Memang kita mengambil berat tentang peralatan perubatan yang ada dalam negara kita dan kita sudah pun siap *Medical Devices Act*. Kita ada satu rang undang-undang yang baru untuk membolehkan kita mengawal semua peralatan dalam negara kita dengan lebih efisien lagi dan kita akan bentang di Parlimen. Harap-harapnya dapat kita bentang, kalau tidak sempat sesi ini, sesi depan iaitu pada bulan Jun. Kita harap kita dapat bentang rang undang-undang *Medical Devices Act* dengan secepat mungkin.

Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah kerana menimbulkan isu ini dan membolehkan saya memberi penjelasan yang lebih teratur. Barangkali dalam masa sidang akhbar saya, media massa tidak memberi penjelasan yang begitu jelas dan saya berharap dengan penjelasan saya di Parlimen ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dapat tolong saya beri penjelasan yang lebih jelas di peringkat akar umbi.

Kita tidak mengharamkan serta-merta dan kita memberinya satu tahun. Memang ada banyak asas-asasnya. Merujuk kepada gesaan pihak tertentu supaya Kementerian Kesihatan Malaysia mengharamkan serta-merta penjualan botol susu bayi *polycarbonate* yang mengandungi bisphenol 'A', kita ada beberapa penjelasan yang perlu rakyat memahami rasional tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk makluman semua pihak.

Pertama, tindakan pengharaman yang diambil adalah sebagai langkah berjaga-jaga memandangkan sehingga kini tiada bukti saintifik yang kukuh untuk menunjukkan bahawa botol susu bayi *polycarbonate* yang mengandungi BPA adalah berbahaya kepada kesihatan bayi dan kanak-kanak kerana botol PC atau *polycarbonate* ini boleh dipakai tetapi kita bimbang ibu bapa salah guna pakai botol susu ini. Contohnya, apabila botol susu ini direndam dalam air panas lebih daripada 10 minit, *so the migration of bisphenol A to the milk is much higher*. Apabila ada migrasi bisphenol A ini, ia akan menyebabkan kesannya kepada neuro bayi kita. Kita hendak menjaga anak bayi kita. Kalau itu kita rasa penggunaannya – bukan botol itu, botol itu tidak salah. Botol itu *is not poison*. Ia bukan racun. Ia boleh dipakai tetapi apabila disalahgunakan oleh ibu bapa seperti ada botol yang telah pun lama dipakai, *so we worried the bisphenol A migration will be faster*.

Oleh sebab itu kita rasa lebih baik kita jangan pakai sebagai satu langkah berjaga-jaga. Oleh sebab itu kita tidak dapat dengan serta-merta kita berhenti terus. Kalau Kementerian Kesihatan dapat pastikan ianya racun, *not only* kementerian, WHO, *the other and even EU – nobody will be able to sell the bottle* tetapi ini tidak kerana buat masa ini masih terdapat kekangan dan ketidakpastian dalam kajian saintifik berkaitan keselamatan BPA yang dijalankan oleh badan antarabangsa dan pelbagai agensi di seluruh dunia termasuk Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan *European Foods Safety Authority* (EFSA).

Kedua, pendekatan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan juga selaras dengan tindakan beberapa buah negara maju seperti Jerman, Perancis, Denmark, Kanada, Australia, New Zealand dan New York, USA dan juga yang terkini iaitu EU, walaupun masih terdapat banyak negara di dunia yang tidak mengambil apa-apa tindakan berhubung perkara ini lagi. *We are quite far ahead compared to other country*.

Ketiga, selaras dengan tindakan negara lain seperti Kesatuan Eropah, tempoh masa peralihan selama satu tahun diberi kepada semua pihak yang terlibat termasuk pengguna dan industri adalah kita rasa berpatutan. *EU also gives six month. So we think dalam negara kita, kita sudah bincang dengan semua stakeholder including the manufacturer. So, don't produce anymore because the cycle. Don't produce anymore polycarbonate bottle, so go for the other type of bottle*.

Keempat, dalam tempoh peralihan ini, kerajaan yang prihatin dengan kesihatan dan kesejahteraan rakyat melalui KKM telah berkongsi maklumat dengan orang awam melalui kenyataan akhbar, poster dan risalah di mana bimbingan diberi mengenai cara mengenal pasti botol susu bayi *polycarbonate* dan cara penggunaan yang betul mengikut saranan KKM untuk mencegah risiko perpindahan *bisphenol 'A'* daripada botol susu bayi *polycarbonate*. *So, this one year* kita juga memberi bimbingan kepada ibu bapa untuk menggunakan botol PC secara betul.

Akhir sekali, dalam nasihat yang diberikan, orang awam juga terutama ibu bapa turut diberi pilihan untuk menukar terus penggunaan botol susu bayi *polycarbonate* kepada botol susu bayi yang bebas *bisphenol 'A'* jika mereka dapat berbuat demikian. *So* dalam masa peralihan ini juga, pihak industri boleh menarik balik produk terbabit di pasaran serta perlu membuat persediaan bagi mematuhi keperluan pengharaman penjualan botol susu bayi *polycarbonate* yang mengandungi BPA berkuat kuasa pada 1 Mac 2012.

*So* Yang Berhormat Batu Gajah timbulkan *the retailer* tidak boleh pulang balik kepada *manufacturer* itu kita akan lihat balik. Dengan *stakeholder* yang kita bincang, mereka sepatutnya ambil balik semua botol yang tidak dijual di pasaran. Kita juga akan pastikan tidak ada lambakan berlaku dalam negara kita.



**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya tahu setakat ini, berapa botol yang mengandungi BPA ini berada di pasaran sehingga pihak Kementerian memberi selama satu tahun untuk menguatkuasakan pengharaman botol ini? Itu reaksi normal apabila Kementerian membuat pengumuman haram kerana ia mengandungi elemen ini. Berkenaan teknikal ini, orang ramai tidak akan faham. Ini perkara pertama.

Perkara kedua, di pasaran juga ada barangan import atau botol susu import BPA ini. Jika ya, apakah kerajaan telah mengehendkan atau mengumumkan pengharaman import ini dan tidak menunggu sehingga tahun akan datang ini?

**Dato' Seri Liow Tiong Lai:** Ya, kesemua tindakan yang dicadangkan itu kita akan ambil perhatian dan kita memang ambil tindakan tidak boleh import lagi botol susu *polycarbonate* di mana ia juga kita hendak pastikan bahawa penjualan dalam negara kita juga sekarang telah pun beransur kurang dan kerana adanya pengumuman ini, maka rakyat telah pun berwaspada dan mempunyai kesedaran yang tinggi yang tidak akan membeli *polycarbonate bottle*. So, saya rasa ini semua adalah langkah berjaga-jaga. *As I said, it is a preventive measures*. Bukan satu langkah di mana kalau kita dapati ianya satu produk yang beracun, memang kita akan haramkan terus-menerus. Oleh itu, saya harap botol susu *polycarbonate* yang mengandungi BPA ini dapat kita kurangkan penggunaannya dan kalau hendak guna, perlu mematuhi cara-cara penggunaan yang sesuai. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Menteri...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Ada Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan yang ini, yang lain. Peraturan Mesyuarat 41, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 41(f), "*Ahli-ahli lelaki hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan atau lounge suit.*"

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Apa Yang Berhormat?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Perkara 41(f) mengenai pakaian semasa mesyuarat bersidang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ahli-ahli lelaki hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan ataupun *lounge suit*. Jadi saya nampak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Siapa yang Yang Berhormat hendak tegur ini?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Jelebu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya Yang Berhormat?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Jelebu yang baru masuk... [*Disampuk*] Bukan, kalau boleh, bolehlah pada semua. Kalau tidak, kita ada peraturan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat, tetapi saya ingat Yang Berhormat Jelebu tahu lagi daripada sayalah. Perkara ini memang kita kena pakai baju Melayu ataupun *lounge suit*.

## ■2110

**Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim]:** Saya telah menulis kepada *Speaker* di atas soal ini kira-kira empat tahun yang lalu dan kerajaan kita sudah pun meluluskan pakaian sebegini untuk dipakai di majlis-majlis rasmi dan di bawah Peraturan Mesyuarat 41(f) itu, *Speaker* telah pun membenarkan saya pada ketika itu untuk memakainya lantaran ia telah dipakai oleh pegawai-pegawai dan juga oleh pihak-pihak anggota pentadbiran. Bukan itu sahaja, malah dengan *attire* atau pakaian yang diluluskan oleh *Speaker*, Peraturan 41 membolehkannya. Jadi, peruntukan itu kalau dibaca lebih halus, boleh diluluskan oleh *Speaker*. Pada masa itu, *Speaker* telah memberi kebenaran kepada saya. Tinggal lagi kalau malam ini tidak dipersetujui, saya pohon *Speaker* membuat ketetapan itu kembali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat. Saya duduk dekat sana, Yang Berhormat apabila *Speaker* duduk dekat sini buat keputusan. Yang Berhormat duduk dekat sini. Saya masih ingat. Kedudukan Yang Berhormat Menteri duduk dekat sini, *Speaker* buat *ruling* dekat sini, saya duduk dekat sana. Apa yang *Speaker* sebut pada hari itu ialah untuk hari itu Yang Berhormat telah diluluskan. Itu yang pertama. Yang kedua, kita kena ubah definisi *lounge suit* ataupun kita kena ubah peruntukan ini, baru dia dibolehkan. Akan tetapi untuk hari ini, saya juga beri kelonggaran dengan Yang Berhormat untuk terus duduklah. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai dan terima kasih Yang Berhormat Jelebu.

Ya, sila. Sudah habis Yang Berhormat Menteri tadi, ya. Terima kasih. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri, Kementerian Belia dan Sukan.

## 9.12 mlm.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]:** *A'uzu billahi minasyaitonir rajim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang dikemukakan terhadap Kementerian Belia dan Sukan sepanjang perbahasan Titah Diraja pada kali ini.

Saya percaya ia bertujuan untuk meningkatkan lagi kekuatan, kemampuan, potensi dan keupayaan generasi belia dan para atlet kita agar setanding dengan mana-mana negara di dunia ini. Terdapat tujuh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan kali ini yang akan saya cuba memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pengerang, kementerian menyedari kehendak dan keperluan belia yang sentiasa berubah mengikut generasi dan bersetuju dengan saranan agar pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif perlu dilaksanakan agar program pembangunan belia sentiasa relevan. Justeru, kementerian telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan makmal transformasi pembangunan belia yang telah menghasilkan enam inisiatif sebagai langkah ke arah perubahan dalam pembangunan belia. Program-program yang dirancang dan dilaksanakan juga merangkumi belia-belia yang berpersatuan dan tidak berpersatuan.

Sehubungan dengan itu, pada masa ini kementerian tiada perancangan untuk meletakkan Jabatan Belia di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi memadai sekadar penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang melibatkan 12 kementerian dan agensi yang berkaitan. Berhubung soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bakri. Dimaklumkan bahawa kemudahan Kompleks Kolam Renang Muar adalah di bawah kawalan Majlis Perbandaran Muar...

**Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]:** *[Bangun]*

**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Namun begitu pihak kementerian akan membuat permohonan untuk membaiki dan menaiktaraf kemudahan sukan tersebut dalam *Second Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Kesepuluh, dengan izin, bagi tahun 2013-1014.

**Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya sentuh tentang belia tadi sebab banyak sangat permintaan daripada persatuan-persatuan belia, yang minta kita bangkitkan tentang isu keseimbangan dalam kementerian kita di antara pembangunan sukan dengan pembangunan belia. Ini meliputi juga tentang agihan peruntukan. Dikatakan oleh persatuan-persatuan belia kita, aktivis belia kita bahawa kementerian hanya mengutamakan peruntukan untuk pembangunan sukan tetapi amat kurang diberikan perhatian tentang pembangunan belia termasuk juga kelulusan peruntukan-peruntukan dalam pembangunan belia.

**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Saya habiskan sikit ayat tadi, Tuan Yang di-Pertua. Taraf kemudahan kolam renang di Muar akan dimasukkan bersama-sama dengan stadium Sri Aman seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Aman.

Berkaitan soalan Ahli Yang Berhormat Jempol. Sebenarnya memang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Parit, Ahli Yang Berhormat daripada Tangga Batu dan Ahli Yang Berhormat daripada Lenggong. Kementerian sentiasa memberi perhatian dan penekanan terhadap program-program pembangunan belia dan sukan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, 59 peratus daripada jumlah peruntukan dalam tahun 2011 kementerian telah diagihkan untuk pembangunan belia manakala 41 peratus adalah bagi melaksanakan program-program pembangunan sukan MAKSAK.

Dari segi pengagihan peruntukan ini jelas di mana kementerian sedaya upaya untuk memberikan peruntukan yang lebih kepada persatuan-persatuan belia agar ia seimbang dengan persatuan-persatuan sukan. Malah bagi tahun 2011, jumlah yang diterima oleh persatuan belia adalah lebih tinggi. Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat Jempol. Mungkin jumlah yang kita diperuntukkan tidak memadai untuk memberikan kepada semua persatuan yang berdaftar di bawah ROY sebagai memenuhi kehendak mereka.

Saya suka berkongsi. Mulai tahun 2010 ini, bantuan pentadbiran juga telah dinaikkan kepada Majlis Belia Malaysia termasuk dengan majlis belia negeri daripada jumlah RM500,000 kepada RM1 juta Majlis Belia Malaysia, daripada jumlah RM25,000 kepada RM50,000 kepada setiap majlis belia negeri. Jadi, saya rasa dari segi peruntukan adalah sebaik mungkin untuk kita seimbangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut Sri Aman tadi. Macam mana Sri Aman, Yang Berhormat?

**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Sri Aman?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya.

**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat Sri Aman, dia bangkitkan tentang pembinaan mini stadium dan pembinaan ini akan kita masukkan di bawah *Second Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Kesepuluh sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bakri mengenai kolam renang di Muar.

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** [Bangun]

**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Jadi dia akan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Sri Aman bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sebenarnya saya semasa bahas tempoh hari saya hanya menyebut hendak naiktarafkan stadium mini yang sedia ada sebab keadaan *facility* dan sebagainya amat kurang. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Kita ada peruntukan menyelenggara. Kebanyakan stadium-stadium adalah di bawah kelolaan negeri. Stadium Sri Aman termasuk sama macam kolam renang di Muar, di mana dimiliki oleh Majlis Perbandaran. Akan tetapi daripada jumlah peruntukan penyelenggaraan kelengkapan sukan, biasanya kita akan berurusan dengan kerajaan-kerajaan negeri dan stadium Sri Aman ini akan kita masukkan dalam *rolling plan* kedua. Kita harap bila kita dapat jumlah itu nanti, akan kita salurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan dapat digunakan untuk menaiktaraf ataupun membaik pulih kerana kolam renang di Muar pun pada saya, Majlis Perbandaran bila kita tanya, kolam renang itu langsung tidak boleh digunakan tetapi masih ada dan mereka memohon sejumlah RM2 juta.

Saya tidak boleh beri jaminan berapa banyak yang kita akan dapat tetapi kita akan mohon kepada kerajaan dalam *Second Rolling Plan*. Begitu juga dengan Sri Aman. Disebabkan tidak disebut berapa jumlah, mungkin kita akan melihat keperluan dan kita akan cadangkan kepada kerajaan untuk diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebutkan peruntukan yang diperuntukkan kepada Majlis Belia Malaysia dan majlis belia negeri sebanyak RM1 juta dan RM50,000. Bagaimana peruntukan kepada majlis-majlis daerah sebab saya kira masalah belia ini lebih banyak berada di luar-luar bandar, di Kerachut dengan izin. Jadi, sudah tentulah bagi majlis belia daerah, mereka juga perlukan peruntukan bagi mereka melaksanakan program-program dalam usaha menarik penglibatan belia-belia terutama mereka yang telah tercicir dan sebagainya.

Pada saya Majlis Belia Malaysia dan negeri ini, mereka ini di kalangan orang pihak atasan, jadi sebab itulah fokus perlu kita beri kepada peranan Majlis Belia Daerah yang berada di kampung-kampung terutama di kampung tradisional, di FELDA dan sebagainya. Terima kasih.

#### ■2120

**Dato' Razali bin Haji Ibrahim:** Saya akan jawab pertanyaan Yang Berhormat Maran selepas saya baca perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Lenggong kerana ia berkaitan. Mengenai bantuan pengupayaan pertumbuhan belia yang dikatakan telah dihentikan pada tahun 2008 dan 2009, sukacita kita maklumkan bahawa matlamat bantuan tersebut adalah sebagai galakan dan insentif kepada persatuan-persatuan belia yang baru mendaftar dan bagi menampung sebahagian kos pelaksanaan aktiviti-aktiviti persatuan.

Namun begitu peruntukan tersebut adalah berbentuk *one-off* di bawah pakej rangsangan ekonomi. Walau bagaimanapun, kementerian masih lagi meneruskan pemberian bantuan aktiviti dan pentadbiran kepada persatuan-persatuan belia di bawah peruntukan mengurus berjumlah RM15 juta yang diperuntukkan pada tahun 2011. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah tersebut sebanyak RM5.3 juta adalah khusus untuk bantuan pentadbiran manakala selebihnya RM9.7 juta adalah untuk bantuan aktiviti yang boleh dimohon oleh semua persatuan belia yang mendaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia (ROI).

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Maran, bersama saya disediakan senarai di mana bantuan kepada Majlis Belia Daerah. Kalau tadi saya sebut, Majlis Belia Malaysia dan Majlis Belia Negeri. Untuk Majlis Belia Daerah, tidak ada pertambahan daripada sebelumnya tetapi setiap satu Majlis Belia Negara akan menerima sebanyak RM20,000 dan untuk Majlis Belia Daerah dalam negara kita bagi tahun lepas.

Kementerian membelanjakan sebanyak RM1.98 juta di mana setiap satu Majlis Belia Daerah akan menerima sebanyak RM20,000 dan begitu juga untuk tahun ini. Cuma perbezaan yang saya katakan tadi adalah kenaikan bagi Majlis Belia Malaysia dan Majlis Belia Negeri sahaja.

Untuk peruntukan yang kita berikan kepada semua persatuan-persatuan belia, gabungan di peringkat kebangsaan, pentadbiran yang diterima adalah sebanyak RM2.54 juta dan bagi setiap negeri yang menerima RM50,000, jumlah yang dibelanjakan pada tahun lepas adalah RM700,000. Bagi Majlis Belia Daerah, mereka menerima sebanyak RM1.98 juta. Boleh ya Yang Berhormat Maran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga kementerian tidak menyediakan geran bantuan tahunan kepada semua persatuan-persatuan sukan yang berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan sebaliknya geran bantuan akan diberikan kepada 44 buah persatuan sukan kebangsaan yang terlibat dalam sukan prestasi tinggi. Walau bagaimanapun, persatuan-persatuan sukan yang berdaftar dengan pejabat Pesuruhjaya Sukan boleh memohon bantuan kewangan daripada pihak kementerian untuk melaksanakan aktiviti dan ia bergantung pada kemampuan kewangan semasa kementerian.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan Makmal Transformasi Pembangunan Belia daripada 1 November sehingga 10 November 2010 dengan keanggotaan seramai 39 orang peserta. Penemuan makmal telah mencadangkan enam inisiatif transformasi yang akan dilaksanakan secara berperingkat iaitu *My Corps Volunteer, Youth Icon, The Leaders, Mentorship Program, Virtual Youth Resource Centre*, Dewan Belia Malaysia, dan *Malaysia Youth Park*. Inisiatif tersebut merupakan program baru kementerian dan menjadi harapan dengan pelaksanaannya akan membentuk pemikiran belia yang dinamik seterusnya menyediakan belia ke arah mengisi keperluan negara maju.

Aspirasi cadangan penubuhan makmal belia ini adalah yang pertama selepas mendapat maklum balas daripada makmal yang dikendalikan oleh *BN Youth* kemudian dikembangkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Kedua adalah untuk mendapat maklum balas terus daripada para belia tentang program-program yang mereka minati dan perkara-perkara yang akan memberikan manfaat kepada golongan belia.

Seterusnya Yang Berhormat Lenggong ada membangkitkan mengenai program *Road to London 2012*. Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan *Road to London 2012* sehingga kini berjalan dengan lancar dan meyakinkan ekoran daripada beberapa kejayaan yang diperolehi oleh atlet-atlet negara antaranya dalam sukan badminton kejayaan Datuk Lee Chong Wei mengalahkan Lin Dan di kejohanan *All England* baru-baru ini. Kemudian pasangan Koo Kean Kiat dan Tan Boon Heong memasuki perlawanan akhir dalam pertandingan yang sama pada Mac 2011 yang lalu.

Untuk berbasikal pula, kejayaan Azizul Hasni Awang mengekalkan rangking pertama beliau dalam acara *keirin* walaupun mengalami kemalangan semasa *World Cup* siri yang ketiga di Machester. Manakala dalam acara terjun, kejayaan Pandelega Rinong mendapat pingat perak dalam *World Cup GP* di Moscow baru-baru ini di mana beliau mengulangi kehebatan apabila mendapat pingat perak semasa temasya *Youth Olympic Games 2010* yang lalu. Program ini juga dipantau oleh jawatankuasa khas iaitu jawatankuasa pemandu *Road to London 2012* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri dan dianggotai oleh wakil-wakil oleh Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara, Panel Penasihat Sukan dan juga presiden daripada ketujuh-tujuh persatuan sukan kebangsaan yang terlibat.

Jawatankuasa ini turut dibantu oleh tiga jawatankuasa kecil lain iaitu Jawatankuasa Kecil Kewangan, Jawatankuasa Kecil Teknikal, dan Jawatankuasa Kecil Khidmat Sains dan Perubatan Sukan.

Menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu, sukalah dijelaskan bahawa penglibatan secara langsung Kementerian Belia dan Sukan dalam pembangunan sukan negeri Kelantan khusus yang melibatkan sukan berprestasi tinggi atas kesedaran bahawa sukan adalah bidang yang menjadi tanggungjawab bersama, *concurrent list* di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

Di samping itu inisiatif kementerian tersebut adalah bagi memastikan atlet-atlet dari negeri Kelantan khususnya dapat diketengahkan sehingga ke peringkat yang tertinggi sekali. Langkah yang sama juga telah dilaksanakan dengan perwujudan unit-unit sukan berprestasi tinggi bagi melaksanakan program-program pelapis di negeri ke arah kita memastikan kesinambungan sumber atlet negara tidak terjejas. Usaha ke arah pembangunan sukan di negeri-negeri turut dipelopori oleh agensi yang lain seperti di sekolah, di institusi pengajian tinggi dan sebagainya. Justeru itu sebarang usaha dalam memajukan sukan khususnya sukan berprestasi tinggi di negara ini amatlah dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di atas perhatian dan keprihatinan yang diberikan dalam isu-isu yang berkaitan pembangunan belia dan sukan selama ini dan khususnya kepada sepanjang sesi Perbahasan Titah Diraja pada kali ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri, Kementerian Sumber Manusia.

#### 9.27 min.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan titah Diraja yang menyentuh lebih daripada 20 isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia.

Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Kuala Langat telah membangkitkan isu berkenaan dengan gaji minima.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menghadapi isu gaji minima dengan tujuan untuk meningkatkan gaji pekerja-pekerja di Malaysia khususnya yang menerima gaji yang rendah. Kita telah mengambil beberapa langkah termasuk mengadakan lab gaji minima bersama Bank Dunia pada 7 sehingga 14 Februari tahun ini. pada masa sekarang beberapa proses sedang diteruskan untuk mewujudkan Rang Undang-undang Majlis Konsultasi Gaji Negara dan proses untuk menubuhkan Majlis Konsultasi Gaji Negara Kebangsaan yang pada akhirnya akan mempunyai kuasa untuk menghadapkan cara pelaksanaan gaji minima termasuk kadar dan isu-isu yang lain berkenaan dengan ini.

Adalah harapan kerajaan untuk membawa rang undang-undang ini di Parlimen pada sesi yang akan datang dan selepas rang undang-undang diluluskan, keputusan-keputusan yang lain berkenaan dengan gaji minima akan ditetapkan dan dilaksanakan mengikut apa yang telah dicadangkan oleh Majlis Konsultasi Kebangsaan Negara.

Yang Berhormat Limbang telah membangkitkan isu berkaitan dengan gaji minimum pengawal keselamatan. Selepas menghadapi isu dan masalah, kerajaan telah memutuskan pada 15 Februari yang lalu danewartakan untuk Semenanjung Malaysia, gaji minima untuk pengawal keselamatan yang dibahagikan kepada tiga zon iaitu kawasan 'A', kawasan 'B' dan kawasan 'C'.

#### ■2130

Di kawasan A pengawal keselamatan akan menerima RM700 yang terdiri daripada gaji pokok dan elaun insentif keselamatan dan kawasan 'B' - RM600 yang terdiri daripada gaji pokok dan elaun insentif keselamatan dan untuk kawasan 'C' - RM500 yang terdiri daripada gaji pokok dan elaun insentif keselamatan.

Di Sabah dan Sarawak kita masih dalam proses untuk menentukan dan selepas itu pengumuman akan dibuat tentang gaji minimum pengawal keselamatan untuk kawasan Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Sungai Siput telah membangkitkan isu berkenaan dengan skim perumahan pekerja ladang. Di dalam perundangan yang tersedia ada dan pengamalan yang ada pada masa sekarang, apabila sesuatu ladang dibangunkan adalah kewajipan melalui prosedur-prosedur yang telah ditetapkan di kerajaan negeri supaya mereka yang bekerja di ladang itu diberi penetapan yang tetap melalui rumah kos rendah dengan gaji yang munasabah. Baru-baru ini ada satu langkah baru yang telah diumumkan oleh kerajaan iaitu untuk membolehkan bekas pekerja peladang untuk memiliki rumah mereka melalui satu skim pinjaman yang telah diumumkan oleh kerajaan di dalam bajet yang lalu di mana RM50 juta telah diperuntukkan kepada Bank Simpanan Nasional supaya program ini dijalankan dan kita berharap untuk memulakan program ini di mana bekas pekerja ladang akan diberi peluang untuk pinjam sampai RM60 ribu dengan kadar faedah 4 peratus untuk beli rumah kos rendah di dalam kawasan-kawasan yang dipilih oleh mereka.

Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam telah membangkitkan tentang isu pusat asuhan anak-anak, adalah dasar kerajaan untuk menggalakkan pembinaan dan penubuhan pusat kanak-kanak di merata-rata tempat termasuk di tempat kerja dan di komuniti. Sebagai penggalakan kepada proses itu, kerajaan sedang memberi elaun kepada mereka yang menghantar anak-anak mereka ke taska komuniti yang mendapat gaji kurang daripada RM2,500 ke bawah sebanyak RM180 untuk setiap anak. Macam itu juga di sektor awam geran sebanyak RM200,000 telah ditetapkan untuk memberi subsidi yuran sebanyak RM180 sebulan bagi pegawai yang berpendapatan yang tidak melebihi RM2,000 yang menghantar anak-anak ke taska mereka. Segala usaha untuk meningkatkan lagi pusat-pusat asuhan di tempat kerja dan komuniti akan diteruskan oleh kerajaan untuk membolehkan lebih rakyat khususnya kaum wanita untuk menyertai di dalam bidang kerja.

Yang Berhormat Bukit Mertajam telah membangkitkan isu gangguan seksual. Untuk menghadapi isu ini satu pindaan kepada Akta Kerja telah dicadangkan dan akan dibentangkan kemungkinan di dalam sesi yang ada pada masa sekarang ataupun pada sesi yang akan datang di mana prosedur-prosedur akan ditetapkan untuk menghadapi segala aduan berkenaan dengan gangguan seksual. Di dalam pindaan yang telah dicadangkan itu, kalau ada aduan gangguan seksual, majikan diwajibkan untuk mengambil tindakan dan siasatan tentang hal tersebut dan di dalam keadaan-keadaan tertentu untuk melaporkan keadaan ini kepada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Yang Berhormat Jempol telah membangkitkan isu berkenaan latihan untuk ibu tunggal. Walaupun Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai rancangan yang tetap di dalam Program Latihan Ibu Tunggal, lebih dibuat oleh jabatan kebajikan dan Kementerian Wanita, di dalam program pakej rangsangan ekonomi kita telah memperuntukkan peruntukan yang telah digunakan untuk memberi latihan kepada golongan ini dan seramai 2,350 orang mengambil bahagian di dalam latihan ini di dalam beberapa bidang.

Yang Berhormat Bukit Mertajam telah membangkitkan isu tentang bilangan wanita yang menduduki jawatan-jawatan berperingkat tinggi seperti Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah. Daripada butiran yang telah kita perolehi daripada jabatan Perangkaan Malaysia, pada masa sekarang ada lebih kurang RM6,186 orang yang menjadi Ketua Pegawai Eksekutif atau Ahli-ahli Lembaga Pengarah di dalam sektor swasta dan mengikut Jabatan Perangkaan ini adalah lebih kurang 47 peratus daripada keseluruhannya Pegawai-pegawai Eksekutif Tertinggi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah di dalam negara kita.

Yang Berhormat Ampang telah membangkitkan tentang isu diskriminasi terhadap wanita MAS di mana pramugari iaitu *flight stewardess* diwajibkan bersara pada 43 tahun. Akan tetapi ini adalah satu perkara yang telah diputuskan bersama oleh Syarikat Peragaan Malaysia iaitu MAS dengan Kesatuan Pekerja-pekerja Syarikat Penerbangan Malaysia iaitu MASCU.

Ini telah dimaterai di dalam CA iaitu *Collective Agreement* mereka dan telah diiktiraf oleh Mahkamah Perusahaan melalui satu keputusan melalui tahun 2009. Walaupun dari segi keseluruhannya ini nampak sebagai satu diskriminasi, tetapi ini adalah satu perkara di dalam bidang kerja yang dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak yang telah dibincang di peringkat Mahkamah Persekutuan dan diterima sebagai satu daripada syarat-syarat pekerjaan dalam MAS.

Yang Berhormat Kuala Langat telah minta penjelasan tentang masa iaitu satu tahun diperlukan sebelum seseorang pencazum layak untuk menerima bantuan. Sebenarnya keperluan ini adalah cuma untuk mereka yang membuat permohonan untuk bantuan Skim Pencen Ilat. Manakala untuk mereka yang memohon untuk mendapat bantuan di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan, keperluan ini tidak ada dan kalau mereka menghadapi kemalangan di sekitar tempat kerja atau di dalam perjalanan mereka dari atau ke kerja mereka layak untuk diberi bantuan dari pihak PERKESO.

Ahli Yang Berhormat Kuala Langat telah membangkitkan tentang isu rundingan bersama AIROD walaupun isu ini sudah lama dibincangkan di mahkamah, tetapi sebabnya keputusan tidak dibuat walaupun ia bermula pada tahun 2008 sampai sekarang ialah kes ini telah ditangguhkan lebih kurang 35 kali di dalam Mahkamah Perusahaan akibat daripada permohonan-permohonan yang dibuat oleh peguam-peguam dari kedua-dua pihak. Ini adalah satu isu yang dihadapi oleh Mahkamah Perusahaan walaupun kita mempunyai niat supaya kes-kes diselesaikan di dalam satu jangka masa pendek, tetapi kerana tindakan yang dibuat oleh peguam-peguam, kadang-kadang kes ini ditangguhkan.

Ada cadangan daripada Yang Berhormat Sungai Siput supaya setiap warga emas di dalam negara kita yang lebih daripada 70 tahun diberi bantuan lebih kurang RM200. Walaupun ini adalah satu cadangan yang baik, cadangan yang murni, tetapi kalau kita mengambil kira bilangan warga emas yang ada di negara kita pada masa sekarang iaitu 685,000 kalau kita bagi RM200 kepada setiap orang setiap bulan ini akan meningkatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM1.64 bilion.

Oleh kerana ini adalah satu jumlah yang begitu besar dan akan meningkat pada setiap tahun, pada masa sekarang ini di luar keupayaan kerajaan. Walaupun demikian, di bawah Jabatan Kebajikan, ada peruntukkan khas supaya di dalam kes-kes tertentu, di dalam keluarga-keluarga miskin, bantuan diberi sebanyak RM300 sebulan untuk mereka yang miskin dan pada masa sekarang lebih daripada 117,500 orang warga emas sedang menerima bantuan melalui hal ini.

Yang Berhormat Sungai Siput telah membangkitkan isu berkenaan pengangguran dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memberi peluang kepada pekerja-pekerja tempatan. Pada masa sekarang kadar pengangguran dalam negara kita adalah 3.2 peratus. Kalau kita mengambil ini daripada segi butiran antarabangsa boleh dikatakan apa yang dipanggil 100 peratus *employment*.

#### ■2140

Peluang-peluang pekerjaan yang ada di dalam negara kita lebih daripada mereka yang menganggur. Cuma kerana pilihan kerja dan kadang-kadang kerja yang ada itu tidak sesuai dari segi lokasinya dan daripada segi keperluan seseorang, ada satu golongan yang masih menganggur. Kerajaan telah mengambil pelbagai jenis langkah untuk menghadapi masalah ini dan kita melalui *Jobs Malaysia, Jobs Points Centers, Jobs Malaysia Centers*, program-program penempatan pekerjaan dan sebagainya secara berterusan telah mengambil pelbagai jenis langkah supaya pekerja-pekerja tempatan diberi peluang untuk mendapat peluang-peluang pekerjaan. Kalau ada keadaan di mana ada buktinya di mana seseorang majikan telah memberi keutamaan kepada pekerja asing dan tidak memberi peluang kepada pekerja tempatan dan kalau perkara itu diadu kepada pihak kita, kementerian mempunyai kuasa di mana sistem perundangan kita untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang telah menafikan peluang kepada pekerja tempatan dan memberi peluang ini kepada pekerja asing.



Yang Berhormat Tebrau telah membangkitkan isu berkenaan peluang-peluang latihan di PSMB untuk SME. Sebagai dasar, kerajaan telah memperuntukkan lebih daripada RM6 juta pada tahun yang lalu untuk supaya diberi bantuan kepada SME. Ini adalah secara geran, *one-to-one* iaitu untuk setiap itu dibelanjakan oleh pihak SME, kerajaan akan memberi bantuan RM1 untuk memberi sebagai satu galakan untuk SME supaya mereka boleh teruskan untuk menjalankan bidang latihan.

Yang Berhormat Kota Kinabalu telah membangkitkan tentang isu kebergantungan kepada pekerja asing di sektor perladangan. Ini adalah satu perkara yang kerajaan mahu menyelesaikan tetapi walaupun apa-apa langkah yang diambil pun sampai masa sekarang di seluruh Malaysia, bukan sahaja di Sabah tetapi di Semenanjung Malaysia pun kita tidak berjaya dalam usaha kita untuk menarik bilangan pekerja tempatan yang secukupnya untuk mengisi segala keperluan yang ada dalam sistem perladangan kita.

Pada masa sekarang 90 peratus daripada mereka merupakan pemotong buah di ladang-ladang kelapa sawit dan 30 peratus daripada mereka adalah pekerja-pekerja am iaitu *general workers* terdiri daripada pekerja-pekerja asing. Gaji kadang-kadang untuk mereka yang memotong buah di ladang kelapa sawit, mereka mendapat RM1,500 hingga RM1,800 juga. Walaupun gaji itu lumayan tetapi ini tidak menarik pekerja-pekerja tempatan. Sehingga sekarang tetapi ini adalah satu isu yang telah ditangani oleh kerajaan dan kita telah mencadangkan beberapa langkah macam mana kita boleh menyesuaikan keadaan di kawasan perladangan dengan ganjaran yang diberi untuk pekerja-pekerja perladangan supaya lebih berjaya untuk menarik lebih pekerja-pekerja tempatan untuk melibatkan diri di dalam bidang perladangan.

Ada soalan-soalan tentang bilangan pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk ke dalam negara kita. Ini adalah satu isu yang berterusan iaitu hasrat kerajaan dan dasar kerajaan adalah untuk mengurangkan pekerja-pekerja asing tetapi dalam pihak industri pada masa ke masa ada keperluan pekerja-pekerja asing yang dibangkitkan, dibawa kepada pandangan kerajaan. Lebih kurang satu tahun dahulu, bidang-bidang tekstil, bidang-bidang sarung tangan, bidang-bidang perabot dan bidang elektronik, telah menghadapi satu krisis di dalam keperluan tenaga kerja sampai kerajaan perlu mewujudkan sistem yang lebih cepat untuk memberi kelulusan untuk pekerja-pekerja asing supaya memenuhi keperluan di dalam industri-industri tersebut untuk mengatasi keperluan yang mendesak kepada mereka pada masa itu.

Seperti itu juga, pada tahun yang lalu, di dalam sektor perladangan ada keperluan yang amat memerlukan sampai kita telah meluluskan di satu jangka masa yang pendek lebih kurang 90,000 pekerja-pekerja supaya mereka boleh mengisi keperluan-keperluan di dalam sistem perladangan.

Seperti itu juga dalam sektor perkhidmatan, yang terdiri daripada kedai-kedai makanan dan kedai-kedai runcit dan sebagainya, ada keperluan yang ada pada masa ke masa, walaupun permohonan yang kita mendapat untuk mengisi keperluan-keperluan ini adalah banyak tetapi kerajaan terpaksa di dalam keadaan-keadaan tertentu untuk memberi kelulusan untuk satu peratusan yang munasabah untuk memastikan bahawa industri-industri atau perniagaan-perniagaan itu tidak akan menghadapi masalah dan tidak akan tutup oleh kerana kekurangan pekerja.

Dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri, satu makmal telah diadakan beberapa bulan yang lalu di mana beberapa langkah telah dikenal pasti lebih daripada 50 langkah yang kita sekarang di dalam perbincangan untuk dilaksanakan untuk memperbaiki lagi sistem pengurusan pekerja-pekerja asing di dalam negara kita dengan tujuan bahawa dengan meningkatkan sistem pengurusan dan mengawal bilangan mereka yang tersedia ada dalam negara kita dan mewujudkan langkah-langkah baru supaya kita boleh mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja-pekerja asing, maka kita boleh mencapai hasrat kerajaan supaya pengurusan, pembawaan dan penggunaan pekerja asing di dalam negara kita boleh dibuat secara lebih teratur. Kita berharap melalui langkah-langkah ini kita boleh menjaga keperluan dan kepentingan rakyat tempatan dan pada masa yang sama menjaga kepentingan industri yang ada dalam negara kita.

Yang Berhormat Hulu Langat telah membangkitkan beberapa isu berkenaan keselamatan pekerja di dalam beberapa bidang. Salah satu daripada bidang itu adalah sektor pergigian, lagi satu adalah daripada bidang kesihatan seperti doktor, juru x-ray. Di dalam sektor-sektor ini khasnya dalam bidang kesihatan, langkah-langkah kesihatan ada di ambil oleh beberapa pihak termasuk pihak kesihatan juga di dalam hospital dan klinik-klinik yang ada. Memang ada ciri-ciri keselamatan dimasukkan di dalam prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh mereka supaya pekerja-pekerja yang menggunakan bahan-bahan yang berbahaya, yang akan menguruskan mesin-mesin yang berbahaya, mereka tidak akan menghadapi apa-apa risiko daripada menggunakan jentera itu atau menggunakan bahan itu.

Melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di bawah Kementerian Sumber Manusia, kita mempunyai undang-undang yang mencukupi seperti peraturan pemberitahuan kemalangan kejadian berbahaya, keracunan pekerja dan penyakit pekerjaan 2004 dan peraturan penggunaan dan standard bahan kimia yang berbahaya kepada kesihatan 2000 yang memberi kuasa kepada pihak-pihak yang menggunakannya dan memerlukan mereka untuk membuat laporan di dalam keadaan-keadaan di mana kalau ada apa-apa kejadian berlaku akibat daripada kegunaan bahan-bahan ini. Oleh itu daripada segi pengetahuan, daripada segi pengamalan, bukan sahaja daripada pihak Kementerian Sumber Manusia iaitu Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan tetapi daripada Kementerian Kesihatan juga, langkah-langkah telah diambil dan telah diaturkan supaya pekerja-pekerja dilindungi daripada apa-apa risiko akibat daripada menggunakan bahan-bahan yang berbahaya atau jentera-jentera yang berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah isu-isu yang telah dibangkitkan kepada Kementerian Sumber Manusia dan...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Penjelasan.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Ya.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu hanya satu isu yang saya telah bangkitkan dahulu kepada Yang Berhormat Menteri, mengenai seksyen 20 Akta Perhubungan Perindustrian. Pada masa kini, pekerja harus pergi ke jabatan kementerian untuk merujuk kes mereka ke Mahkamah Perusahaan. Saya telah mencadangkan jika undang-undang ini boleh dipinda untuk terus memberi mereka jalan pergi ke mahkamah secara terus dan mengelak penglibatan Menteri, seolah-olah menentang pekerja pergi ke Mahkamah Perusahaan. Dengan izin, *I think this is something you can do without. I am sure you do not want to sign affidavit against workers.* So, apakah langkah-langkah yang diambil dan adakah apa-apa perkembangan, Yang Berhormat? Terima kasih.

■2150

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Walaupun kuasa ini diberi kepada Menteri di bawah Akta Perhubungan Perusahaan seperti apa yang diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat tetapi perkara ini adalah satu perkara yang kalau saya mendapat peluang tidak buat, saya tidak akan buat. Akan tetapi isu ini kita sudah bincang.

Hari ini pun saya sudah bincang perkara ini di Mahkamah Perusahaan semasa saya ada perbincangan dengan pengerusi-pengerusi Mahkamah Perusahaan tentang perkara ini dan apakah langkah yang paling baik yang kita boleh ambil untuk menghadapi perkara ini.

Akan tetapi ada satu prinsip iaitu kalau tiap-tiap orang yang ditamatkan pekerjaan mereka membuat permohonan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan dan selepas itu tiap-tiap kes ini dirujuk kepada mahkamah perusahaan, dua perkara yang akan berlaku; satunya bilangan kes yang dibawa kepada mahkamah itu akan terlampau banyak dan di luar daripada keupayaan mahkamah yang ada pada masa sekarang untuk menanganinya; kedua, banyak kes yang sepatutnya tidak perlu dirujuk akan dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan.

Ahli Yang Berhormat saya ingat mesti bersetuju dengan saya. Kalau di dalam satu-satu majikan, memang ada kes-kes tertentu di mana penamatan pekerjaan dibuat kerana sebab-sebab yang sebenarnya memerlukan penamatan pekerjaan itu. Kalau di dalam keadaan itu, contohnya seorang sudah curi barang daripada tempat kerja dan ada bukti, ada saksi yang memberitahu bahawa kecurian ini sudah berlaku, dan kalau dia ditamatkan pekerjaan, seseorang majikan mesti mempunyai kuasa di dalam keadaan-keadaan tertentu. Kalau Ahli Yang Berhormat jadi seorang majikan pun mesti Yang Berhormat akan menghadapi situasi macam itu. Di dalam situasi itu, macam mana menangani keadaan itu? Kalau kita tamatkan pekerjaan dia kerana sebenarnya kecurian sudah berlaku, ada saksi yang sudah nampak kecurian itu dan ada bukti-bukti bahawa kecurian itu sudah berlaku, tetapi apabila kes itu dia buat aduan dan kes itu dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan, dan majikan itu akan pergi ke mahkamah untuk satu tahun, satu tahun setengah untuk menyelesaikan kes ini.

So untuk mengelakkan keadaan-keadaan tertentu semacam itu, kita berpandangan bahawa mesti ada satu sistem penapisan. Ada sistem penapisan itu sama ada di bawah kuasa Menteri atau Ketua Pengarah atau Mahkamah Perusahaan. Itu kita sedang bincangkan pada masa sekarang. Kalau boleh, di tempat yang paling sesuai satu sistem penapisan di mana kes-kes tertentu di mana penamatan pekerjaan dibuat ke atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, mesti boleh diberi peluang kepada majikan. Kalau tidak, tiap-tiap majikan akan takut untuk mengambil tindakan ke atas pekerja mereka. Ini akan menyebabkan produktiviti hilang dan kita akan hilang persaingan kita di dalam dunia. Terima kasih.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, jika Yang Berhormat Menteri memberi alasan penapisan kes-kes, jadi bukankah Yang Berhormat Menteri mengambil alih kerja dan tugas Hakim Mahkamah Perusahaan? Ini kerana, merit sesebuah kes itu hanya dan semestinya terletak kepada hakim di Mahkamah Perusahaan. Di sini apa yang Yang Berhormat Menteri buat adalah apabila melarang seseorang pekerja daripada pergi terus ke mahkamah, Menteri memainkan peranan *arbiter of fact and law*. Dengan izin, *that means you are usurping the function of the Industrial Court*. Alasan bahawa banyak kes akan pergi ke Mahkamah Perusahaan *doesn't arise*, dengan izin. Ini kerana, itu sebab kita telah mengadakan satu mahkamah khas untuk pekerja.

Saya ingin cadangkan iaitu sila Yang Berhormat Menteri mengambil kira sekali lagi ataupun menganalisis keadaan ini sebab dari satu lagi aspek, mengapa seksyen ini membenarkan Yang Berhormat Menteri memainkan peranan *arbiter of fact and law* di mana semua lapisan masyarakat lain, macam seseorang ada satu kes sivil terhadap sesiapa pun, mereka terus boleh pergi ke mahkamah. Dengan izin, *you file a civil suit*. Akan tetapi mengapa golongan pekerja dilarang oleh Menteri di mana Menteri adalah di bawah eksekutif iaitu Kabinet, melarang seorang pekerja menuntut keadilan di mahkamah? *That is my problem, I have a problem there*. Jadi kalau kita tengok *big picture*, kita tidak boleh larang sesiapa pun pergi ke mahkamah. Walaupun banyak kes di mahkamah, itu tidak mengapa. Tugas Mahkamah Perusahaan itu tugas khususnya. Ia boleh buat penapisannya sendiri. Majikan boleh pohon untuk batalkan kes jika kes pekerja itu difailkan dengan sewenang-wenangnya – tidak berasas, remeh ataupun menyusahkan orang.

Jadi saya pohon sekali lagi untuk kementerian mengambil kira Artikel 8, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan *all persons are equal before the law and equal protection of the law*. Jadi mengapa golongan pekerja dilarang, Yang Berhormat? Saya harap dan saya pohon ini diambil kira sekali lagi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kita sudah bincang dan bahas isu ini pada sesi yang lalu. Saya tertarik dengan cadangan yang penghabisan yang dibuat oleh Yang Berhormat bahawa mungkin mahkamah boleh ada kuasa untuk tolak kes-kes yang remeh-temeh daripada diteruskan.

So ini adalah salah satu segi daripada mana kita pun sedang kaji berkemungkinan bolehkah kita beri kuasa supaya sebelum kes itu diteruskan, mahkamah boleh kaji. Kalau itu boleh diselesaikan dan kalau kita boleh alih kuasa itu kepada Mahkamah Perusahaan.

Itu adalah satu langkah yang kita sedang semak sebagai satu perkara. Saya faham segala isu yang lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bahawa hak seseorang untuk mendapat keadilan dan hak mereka di bawah Perlembagaan Negara, itu semua saya tidak nafikan. Akan tetapi kes ini tidak boleh dibandingkan dengan *criminal case* ataupun *civil case* kerana ini ada *economic entity* di dalamnya. Ia akan mempunyai kesan ke atas suasana perniagaan dan suasana ekonomi yang ada di dalam negara kita. Oleh itu, kita mesti ada langkah-langkah yang sedikit berbeza di dalam hal ini supaya isu-isu ini boleh diselesaikan.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan kalau ada soalan-soalan yang saya tidak dapat jawab tadi, ini akan dijawab secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Menteri daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sila Yang Berhormat.

**9.58 mlm.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkait rapat dengan kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberikan maklum balas kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Machang, Hulu Selangor, Bagan Serai, Pasir Mas, Ledang, Klang, Selangor dan Setiu mengenai isu kenaikan harga barang makanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa tidak semua harga barangan pengguna dikawal oleh kerajaan. Kementerian hanya mengawal harga gula di bawah Akta Kawalan Harga 1946, manakala barang kawalan lain seperti minyak masak, tepung gandum, petrol, diesel dan LPG dikawal secara pentadbiran di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Selain daripada produk-produk yang disebutkan tadi, barang-barang lain tidak dikawal oleh kerajaan dan tertakluk kepada harga pasaran. Walaupun tiada undang-undang yang boleh mengawal semua barangan tetapi bagi membantu rakyat menangani isu kenaikan harga barang keperluan, kerajaan telah mengambil beberapa langkah dan strategi iaitu:

■2200

- (i) mengawal harga barang kawalan yang merupakan barangan keperluan asas pengguna seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras dan juga bahan api iaitu petrol, diesel dan gas memasak;
- (ii) mengawal harga barang-barang perlu semasa musim perayaan supaya bekalan barang keperluan seperti daging, ayam, bawang, telur dan sayur-sayuran adalah mencukupi dan tidak dinaikkan sesuka hati;
- (iii) mengadakan sesi dialog dan perbincangan dengan persatuan industri-industri berkaitan serta persatuan-persatuan peniaga bagi menerangkan isu kenaikan harga barangan dan meminta supaya industri tidak menaikkan harga produk akhir mereka secara drastik dan memastikan bekalan mencukupi;

- (iv) meningkatkan kapasiti pengeluaran barang kawalan seperti minyak masak, gula dan tepung gandum daripada semasa ke semasa;
- (v) menjadikan koperasi sebagai pemborong barang kawalan supaya bekalan sampai kepada pengguna pada harga yang berpatutan;
- (vi) melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara berterusan dilakukan oleh pegawai pemantau harga dan pegawai penguat kuasa bagi memastikan harga dan bekalan stabil. Selain itu, pemantauan berterusan juga dilakukan oleh ahli-ahli kelab pengguna kementerian dan juga badan bukan kerajaan atau NGO yang akan bertindak sebagai mata dan telinga kementerian di peringkat akar umbi;
- (vii) kementerian juga mengadakan jualan dari gudang, kempen penurunan harga serta anugerah kedai harga patut sebagai salah satu usaha untuk menawarkan pengguna pilihan harga barangan yang lebih kompetitif; dan
- (viii) selain daripada itu, dalam usaha kementerian untuk melindungi pengguna, kementerian telah mewujudkan portal *Facebook* pengguna, SMS Blast serta talian *hotline* bagi memudahkan pengguna membuat aduan dan menyampaikan maklumat kepenggunaan di samping mendidik pengguna untuk menjadi pengguna bijak dalam memilih dan membuat penilaian sebelum membuat sebarang pembelian.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berwaspada dan peka terhadap perubahan kapasiti bekalan bahan makanan oleh pengeluar-pengeluar utama makanan dunia yang diketahui akan memberikan kesan terhadap bekalan bahan terbahut di dalam pasaran domestik. Untuk itu, kerajaan telah pun mengambil langkah jangka panjang dengan memastikan bekalan bahan makanan terutamanya gula, terjamin melalui perjanjian jangka panjang atau dengan izin, *long term contract* atau LTC bersama dengan pembekal utama dunia.

Melalui perjanjian jangka panjang, rakyat dapat menikmati harga gula yang lebih murah berbanding negara-negara lain. Selain daripada itu, kementerian juga telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Bekalan dan Harga bagi memantau dan memastikan isu-isu berkaitan harga dan bekalan barangan keperluan diatasi sewajarnya. Jawatankuasa Bekalan dan Harga ini turut sama melibatkan penyertaan lain-lain kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komuniti serta agensi berkaitan di bawahnya.

Untuk makluman juga, jawatankuasa ini turut bertanggungjawab untuk menyediakan laporan kepada kerajaan berhubung status semasa harga serta bekalan barangan-barangan keperluan pengguna. Namun demikian, berikutan perkembangan semasa senario pengeluaran bahan makanan utama dunia, ditambah dengan masalah pemanasan global yang menjurus kepada bencana alam seperti banjir dan kemarau melampau serta perubahan suasana ekonomi dan politik negara-negara pengeluaran utama makanan dunia. Maka adalah wajar isu-isu berkaitan harga dan bekalan dalam negara dibincangkan di peringkat tertinggi iaitu Jawatankuasa Peringkat Kabinet.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai kawalan harga barangan, saya ingin membawa kepada perhatian kementerian. Baru-baru ini harga barangan keperluan asas telah naik sehingga kita nak beli pakai RM100, sekarang dia sudah lebih kurang, *double* kepada RM200 tetapi untuk jumlah barangan yang sama. Macam kita pergi ke Giant Supermarket, dia ada dia punya promosi.

Satu, dua barang harga amat rendah, dia kata harga runtuh tetapi adakah kementerian buat pemantauan, dia naik harga barang-barang lain. Jadi, dia boleh *cover* dia punya keuntungan, misalnya dia jual harga *butter* atau marjerin kurang atau rendah tetapi harga barang-barang lain, dia lebih daripada kedai-kedai lain, seperti kedai runcit.

Saya rasa ini adalah satu taktik boleh dikatakan tipu helah oleh *hypermarket* seperti Giant, khususnya Giant lah. Saya sudah memperhatikan beberapa ketika, dia buat tipu helah seperti ini untuk menarik pengguna-pengguna atau pelanggan untuk terus pergi ke sana. Dia beli beberapa barangan dengan harga yang rendah tetapi apabila membeli untuk satu bulan kesemua barang dan akhirnya dia bayar lebih untuk barang yang sama yang boleh dibeli di tempat lain macam kedai ubat Cina. Kenapa di kedai ubat Cina, harga barang boleh jauh lebih rendah dibandingkan dengan tempat-tempat lain? Jadi, bolehkah pihak kementerian membuat pemantauan terhadap tempat-tempat seperti Giant? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat dari Teluk Intan. Yang Berhormat, terima kasih di atas pemerhatian Yang Berhormat itu dan *insya-Allah* ini adalah maklum balas yang sangat kami perlukan. Namun demikian Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, sebelum *hypermarket* ini mengadakan jualan-jualan murah atau *sales* dan sebagainya, mereka mesti meminta kebenaran daripada kementerian kita dan kita akan teliti barangan-barangan yang dipohon. Jadi, seperti Yang Berhormat katakan, ada yang murah dan ada yang mahal tetapi Yang Berhormat, kami teliti satu senarai yang diberikan kepada kami terlebih dahulu dan kita akan pantau bahawa barang yang dia sebut itu tadi yang dijual murah, mestilah dijual murah.

Jadi mesti ada kelulusan tetapi dalam pada itu Yang Berhormat – sebab kita tahu kan, kadang-kadang nak mendapatkan keuntungan itu macam-macam cara yang dibuat, tetapi terima kasihlah Yang Berhormat atas pemerhatian Yang Berhormat. Mungkin ini ada terjadi, jadi ini yang kami perlukan Yang Berhormat, maklum balas ini. Kalau kita dapat uar-uarkan lagi kepada pengguna-pengguna yang bijaksana untuk memaklumkan sebab apa senarai barang-barang yang dipohon untuk dijual murah itu memang telah diberikan kepada kami. Sepatutnya barang-barang ini sahajalah yang dijual murah dan ini dipantau tetapi di dalam itu pun ada yang lari daripada apa kelulusan yang diberikan. Inilah yang kami perlukan, maklum balas. Sebab itu tadi saya katakan kami ada portal, ada SMS, kami ada *hotline*. Jadi maklumkan.

Mestilah pegawai-pegawai penguat kuasa kita akan turun dan inilah yang kami sarankan Yang Berhormat. Pengguna sendiri yang buat pemantauan, itu yang terbaik. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Selayang dan Yang Berhormat Bayan Baru mengenai isu peruntukan subsidi ke atas barangan asas serta bahan api.

Kerajaan begitu prihatin terutama untuk memastikan kebajikan dan keperluan rakyat sentiasa terjamin. Untuk itu, kerajaan masih menyediakan peruntukan dalam bentuk subsidi kepada perkara-perkara asas seperti pendidikan, perubatan, pertanian termasuk subsidi bagi tepung gandum, minyak masak, gula dan bahan api. Ini bermakna saban tahun kerajaan perlu menyediakan sejumlah wang yang banyak demi memastikan rakyat dapat menjalani kehidupan yang selesa.

#### ■2210

Pada masa ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan berjumlah RM10.3 bilion dalam bentuk subsidi bagi membolehkan rakyat memperoleh barang keperluan asas harian pada harga yang berpatutan. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, harga minyak petroleum hari ini didagangkan pada harga yang tinggi iaitu sekitar USD121 setong.

Sehubungan itu, kerajaan telah menambah peruntukan subsidi untuk barang perlu daripada RM10.3 bilion kepada RM14 bilion. Pertambahan peruntukan ini disediakan demi untuk memastikan rakyat tidak terbeban kepada kenaikan harga barang atau perkhidmatan yang disebabkan oleh kenaikan harga bahan api tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 21 Mac tahun ini bermakna semalam, kadar subsidi bagi Ron95 adalah sebanyak 75 sen bagi seliter. Manakala bagi diesel kadar subsidi adalah sebanyak 97 sen seliter.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun subsidi adalah begitu penting terutama dalam membantu rakyat menjalani kehidupan yang selesa, namun rakyat harus mula menyedari bahawa kerajaan tidak mampu untuk menanggung beban subsidi ini untuk selamanya. Selain daripada itu, pemberian subsidi yang berpanjangan akan menyebabkan rakyat terlalu bergantung harap dengan bentuk bantuan seperti ini dan tidak mahu berganjak untuk mengubah taraf kehidupan sedia ada.

Selain itu, subsidi juga tidak menggambarkan harga sebenar pasaran di mana harga barangan dalam negara jauh lebih murah berbanding harga di negara-negara jiran. Justeru itu, pengurangan pemberian subsidi ke atas sesetengah barangan bukan bermaksud kerajaan tidak lagi mahu membantu rakyat tetapi subsidi berkenaan akan disalurkan kepada perkara asas yang lain yang akan memberikan lebih manfaat kepada rakyat secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai berkenaan cadangan, peranan yang boleh dimainkan oleh koperasi dalam menangani masalah bekalan dan harga barangan makanan serta keperluan. Semenjak tahun 2010, kementerian telah melantik koperasi-koperasi sebagai pemborong barang kawalan di seluruh negara. Sehingga Mac tahun ini terdapat 40 buah koperasi telah dilantik sebagai pemborong barang kawalan dan sasaran kementerian sehingga akhir tahun ini adalah 100 buah koperasi akan dilantik bagi tujuan pengedaran barang kawalan bagi kestabilan bekalan.

Kementerian juga melalui Program Penyeragaman Harga Barang-barang Perlu yang dijalankan di Sabah dan Sarawak telah pun menggunakan saluran koperasi sebagai alternatif baru memulihkan masalah kenaikan harga barang keperluan dengan melantik Koperasi Majlis Daerah Keningau Berhad di Sabah dan Koperasi Kampung Bunan Serian Berhad di Sarawak. Hasilnya, jurang perbezaan harga di bandar dan di kawasan pedalaman dapat dirapatkan dan ianya memberikan banyak manfaat kepada penduduk terutama di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberi maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Bandar Tun Razak mengenai isu berkaitan kadar inflasi negara. Dakwaan berhubung kenyataan kadar inflasi negara adalah tinggi berbanding negara-negara lain adalah kurang tepat. Ini kerana, kadar inflasi 2.2 peratus adalah bagi bulan Disember tahun 2010 sahaja sedangkan purata kadar inflasi bagi tahun 2010 iaitu dari bulan Januari hingga Disember adalah pada kadar 1.7 peratus.

Justeru itu, ini menggambarkan bahawa sebenarnya kadar inflasi di negara ini masih lagi terkawal berbanding negara-negara jiran. Kenaikan kadar inflasi juga bukan pendorong kepada peningkatan harga barang tetapi sebenarnya kenaikan harga barang adalah penyumbang kepada kenaikan inflasi. Sehubungan itu, kadar inflasi Malaysia masih kekal pada kadar sederhana. Ini disebabkan langkah kawalan harga barangan perlu oleh kerajaan merupakan faktor penyumbang kepada pengekalan kadar inflasi yang sederhana. Ianya telah dapat memastikan harga barangan perlu adalah lebih rendah berbanding dengan negara-negara jiran di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah banyak menyumbangkan pandangan dan saranan mereka terhadap tugas dan peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan secara khusus di dalam membantu pembangunan ekonomi negara amnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Pengangkutan.

**10.16 mlm.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbincangan menyentuh Kementerian Pengangkutan dalam Perbincangan Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kementerian akan meneliti isu-isu yang dibangkitkan dan akan mengambil kira pandangan-pandangan yang bernas bagi menambah baik perkhidmatan dan prestasi kementerian dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat. Ahli Yang Berhormat Limbang ada membangkitkan berkaitan dengan penghantaran kargo ke Limbang melalui Brunei. Adalah dimaklumkan bahawa tiada sebarang dasar atau peraturan yang melarang atau menyekat pengeksporan atau pengimportan kargo termasuk melalui Brunei Darussalam. Ini adalah tertakluk kepada keperluan dan pertimbangan pihak pengimport dan pengeksporn atau pun *business arrangement*.

Ahli Yang Berhormat Kota Bharu ada membangkitkan berkaitan dengan keperluan untuk mengadakan pelabuhan di Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kerajaan belum bercadang untuk membina pelabuhan komersial di Kelantan kerana terdapat dua pelabuhan yang mampu menyediakan perkhidmatan di Wilayah Pantai Timur iaitu Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kuantan dan ia didapati adalah mempunyai kapasiti yang mencukupi.

Selain daripada itu, tahap aktiviti ekonomi *hinterland* di Kelantan belum begitu rancak dan belum *viable* untuk membolehkan pembinaan pelabuhan berskala besar di samping terdapat kawasan yang memiliki tahap kedalaman air. Pelabuhan kecil di Kuala Besar dan Tok Bali setakat ini didapati memenuhi keperluan tersebut. Ahli Yang Berhormat Labuan ada membangkitkan berkenaan dengan menyediakan...

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Penjelasan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Pelabuhan Bersepadu di Pulau Labuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan untuk Projek...

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Penjelasan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Pembinaan Pelabuhan Bersepadu di Labuan dijalankan secara *public private partnership* dan setakat ini perkara ini telah pun diuruskan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta Jabatan Perdana Menteri.

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Mohon penjelasan.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Penjelasan.

**Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah pun meluluskan satu lesen untuk membina suatu pelabuhan baru di Tok Bali. Minta pengesahan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Setakat ini Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, saya tidak ada maklumat berkaitan dengan perkara itu.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Labuan ya.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai Pelabuhan Bersepadu di Labuan yang mana telah pun dirancang seperti beberapa tahun yang lalu. Seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan tadi ianya akan diusahakan melalui PFI.



Apakah ini akan diteruskan atau pun pelabuhan tersebut akan diambil idea untuk menjadikan Pelabuhan Bersepadu di Labuan itu akan diteruskan sehinggakan menunggu keputusan daripada Program PFI tersebut. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Berdasarkan keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan, untuk makluman Yang Berhormat bahawa pihak EPU telah pun membuat kajian dan keputusan untuk mengadakan *private partnership* ini adalah merupakan satu keputusan yang akan dilakukan bagi Pelabuhan Labuan.

Yang Berhormat Silam ada membangkitkan berkaitan dengan Lapangan Terbang Lahad Datu. Untuk makluman Yang Berhormat, memang kementerian mengambil maklum permohonan Yang Berhormat dan setakat ini peruntukan kajian telah pun diluluskan dan pelaksanaan adalah tertakluk kepada hasil kajian dan keutamaan peruntukan.

■2220

Yang Berhormat Kota Bharu ada membangkitkan berkaitan dengan Lapangan Terbang Pengkalan Chepa. Projek mengenai taraf Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kelantan telah pun berjalan bermula pada 14 Jun 2010 dan peratusan kemajuan kerja setakat 16 Mac 2011 adalah 57.68 peratus iaitu mendahului jadual sebanyak 6.62 peratus atau 30 hari dan dijangka siap pada September 2011.

Yang Berhormat Lawas ada membangkitkan mengenai pelaksanaan sebuah lapangan terbang baru di Lawas. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan bagi melaksanakan kajian pembangunan termasuk padang terbang Lawas dan pelaksanaannya adalah tertakluk kepada hasil kajian dan keutamaan peruntukan.

Yang Berhormat Kinabatangan ada membangkitkan berkaitan dengan beberapa isu berkaitan dengan AirAsia. Kementerian Pengangkutan sentiasa memantau operasi syarikat-syarikat penerbangan termasuk AirAsia supaya mereka mematuhi protokol dan peraturan yang ditetapkan mengikut kod amalan antarabangsa. Bagaimana pun dalam soal penentuan harga semenjak tahun 2006, kerajaan berpendapat *market forces* adalah pendekatan terbaik kerana dengan wujudnya pelbagai syarikat penerbangan dan *open sky policy* ASEAN, soal penentuan harga adalah tertakluk kepada kebijaksanaan pemasaran syarikat masing-masing atau berpandukan mekanisme *supply and demand*.

Oleh sebab itu pengguna harus bijak memilih yang terbaik. Ada syarikat penerbangan mengenakan tambang tempat duduk termurah tetapi mempunyai banyak *conditions* serta menggunakan caj terhadap bagasi. Ini adalah *business* model yang hampir kesemua *low-cost airlines* di seluruh dunia iaitu berdasarkan *segmentation cost*.

Di Malaysia selain AirAsia kita juga memiliki syarikat penerbangan Firefly yang telah berkembang sebaik *community airlines* sebagai pilihan. Selain itu MAS juga menjual tiket melalui kaedah *online* dan menetapkan harga berdasarkan kaedah *tier*. Berkaitan dengan *passenger service charge* kita sedang merangka satu dasar dan sistem untuk memastikan PSC yang tidak dituntut oleh pelanggan bagi beberapa tempoh tertentu perlu diremit kepada Malaysia Airport Berhad dan MAB perlu meletakkannya sebagai *unclaimed monies* yang akan disimpan oleh Unit-unit Wang Yang Dituntut dan Tidak Dituntut di bawah seliaan Kementerian Kewangan di bawah Akta Wang Tidak Dituntut.

Yang Berhormat Tangga Batu juga ada menyebut...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh minta penjelasan? AirAsia. Kota Belud.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan isu AirAsia di Kota Kinabalu iaitu tentang penggunaan Terminal KKIA. Saya minta penerangan apa status perbincangan di antara Malaysia Airport Berhad dan AirAsia sama ada AirAsia telah membuat keputusan untuk berpindah ke terminal baru Kota Kinabalu ataupun masih lagi mahu menjalankan perniagaan mereka di Terminal LCCT.

Saya melihat pandangan kedua-dua belah pihak iaitu kementerian dan juga AirAsia dan saya dapati hujah yang diberikan oleh AirAsia itu nampak ada logiknya kerana ianya akan melibatkan kos mereka yang meningkat dan kita tahu dalam industri penerbangan ini *price elasticity* itu agak sensitif. RM1, RM2 atau RM5 kenaikan harga akan mengakibatkan *demand* yang akan menurun. Jadi saya minta pandangan status perbincangan tersebut.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Untuk makluman Yang Berhormat sememangnya pada peringkat awal AirAsia telah bersetuju untuk berpindah ke Terminal Satu pada pertengahan tahun ini dan komitmen bertulis telah pun dibuat oleh AirAsia.

Akan tetapi baru-baru ini mereka telah membuat satu pendirian yang berbeza atas beberapa alasan yang tertentu. Dalam soal ini kita berpandangan bahawa pemindahan mereka ke Terminal Satu itu adalah merupakan sesuatu yang menepati kehendak Malaysia Airport Berhad dan juga kerajaan kerana seperti mana yang kita tahu bahawa masalah *connectivity* akan menjadi satu masalah dan juga beberapa kos-kos lain yang terlibat kepada penumpang akibat daripada kalau sekiranya keadaan sedia ada mereka beroperasi di Terminal 2.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pengangkutan akan membentangkan kes ini kepada Kabinet dalam masa terdekat ini untuk mendapatkan *direction* ataupun keputusan daripada Kabinet. Untuk makluman Yang Berhormat, kita tidak mahu mewujudkan satu *precedent* kerana kita juga ada mewujudkan satu KLIA 2 di KLIA. Sekiranya mereka tidak mahu berpindah ke Terminal Satu di Kota Kinabalu mungkin juga di masa akan datang mereka akan menggunakan *precedent* sedia ada untuk tidak mahu berpindah ke KLIA 2...

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** [Bangun]

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, minta penjelasan.

Saya cuma ingin memahami kehendak kerajaan. Apa dia sebenarnya kehendak kerajaan? Kalau saya melihat pendirian Kerajaan Negeri Sabah ialah tujuan utamanya untuk mendapat sejumlah banyak mana pelancong datang ke negeri Sabah. Itu *priority* Kerajaan Negeri Sabah. Prioriti Kerajaan Persekutuan pula ialah untuk memastikan Kota Kinabalu International Airport itu mendapat aktiviti ataupun mendapat *occupancy* yang tinggi. Akan tetapi kita juga tahu bahawa AirAsia inilah *business model*nya iaitu mengekalkan kos mereka pada tahap yang paling minimum.

Oleh sebab itu kalau kita melihat perpindahan mereka daripada terminal lama kepada KKIA ini akan melibatkan kos yang *double*. Contoh yang saya diberitahu ialah di LCCT Kota Kinabalu itu MAB hanya meletakkan RM21 atau RM25 *parking fees* kalau saya tidak silap ataupun *passenger charge*, *airport tax* tetapi kalau mereka berpindah ke KKIA ianya akan *double* kepada RM50, RM51 atau RM52. Ini akan melibatkan kos kepada tiket tersebut. Jadi kadang-kadang saya tidak tahu apa kehendak kerajaan. Apakah kita mahukan pelancongan sebagai satu aspek yang paling penting dalam model ekonomi Malaysia yang baru ini iaitu mencari pelancong, membawa mereka ke negara kita ataupun menggalakkan pelancongan domestik? Itu ada sedikit perbezaan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Itu adalah pandangan yang berbeza tetapi ingin saya menyatakan di sini sebenarnya kalau kita melihat kos-kos yang terlibat itu tidaklah begitu banyak. Kalau kita melihat misalnya bagi *passenger service charge* (PSC) ataupun *airport tax* yang dikenakan bagi *domestic passengers* hanyalah RM6 berbanding dengan RM9 kalau kita menggunakan Terminal Satu. Manakala bagi penerbangan ke luar negara ianya RM26 bagi LCCT, *low-cost* dan RM52 bagi Terminal Satu.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa keputusan untuk seseorang ataupun pelancong-pelancong itu datang ke sesuatu destinasi itu bukanlah semata-mata kerana perbezaan-perbezaan yang saya lihat sekecil itu kerana yang penting di sini apabila kita menyediakan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu adalah untuk menampung kedatangan pelancong atau penumpang lebih kurang 14 juta orang.

Jadi dengan kemudahan-kemudahan yang begitu baik sepatutnya digunakan oleh syarikat-syarikat penerbangan dan kita mahu supaya Syarikat AirAsia juga dapat menyumbang terhadap pembangunan *airport* bukanlah semata-mata – walaupun kita sedar bahawa ianya adalah merupakan *business* model AirAsia.

Banyak daripada kehendak-kehendak AirAsia yang telah pun kita turut misalnya mereka hendakkan supaya tidak menggunakan *aerobridge* walaupun sebenarnya penggunaan *aerobridge* itu hanyalah melibatkan penambahan kos lebih kurang 50 sen bagi seorang sahaja iaitu RM85 bagi sekali kegunaan berbanding dengan menggunakan tangga yang boleh menyebabkan juga masalah khususnya kepada penumpang-penumpang dan semasa cuaca yang tidak baik atau hujan. Juga bagi penumpang-penumpang yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Tua.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tua. Ini adalah merupakan satu alasan tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa kementerian akan meminta pandangan daripada Kabinet berkaitan dengan perkara ini tetapi sebagaimana saya katakan tadi...

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, ada yang hendak bangun, duduk dahulu. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri dahulu. Yang Berhormat panjang lagi?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tidak banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Berapa minit boleh habis?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ada 20 minitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Berapa minit Yang Berhormat?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** 20 minit.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Esok Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** 20 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Kalau 20 minit tidak boleh habis Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Besok, besok.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Okey saya sambung sedikit lagi ya. Untuk..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Labuan bangun tadi.

■2230

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah kerajaan sekiranya AirAsia tidak akan mahu berpindah ke Terminal International yang mana terminal tersebut telah dibangun dan dibina dengan harga ratusan juta kalau tidak salah. Jadi kekosongan-kekosongan *bay* atau tempat *parking bay* di situ, apakah langkah-langkah seterusnya kerana kita juga mengharapkan AirAsia, saya rasa lebih kita *compromise* dengan AirAsia daripada lapangan tersebut atau kawasan *parking bay* tersebut kosong memandangkan sekurang-kurangnya MAB juga Malaysia Airports Berhad dapat memperoleh pendapatan walaupun kurang tetapi sekurang-kurangnya *airport* tersebut tidak *under utilize*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri, kalau tidak boleh habis dalam masa yang singkat Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat jawab esok.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Sedikit lagi Yang Berhormat, untuk AirAsia ini. Saya ingat ada juga Ahli Parlimen Tangga Batu yang telah membangkitkan perkara berkaitan AirAsia ini yang dikatakan kakitangan AirAsia yang bersikap sombong. Yang Berhormat Tangga Batu adalah diminta supaya mengemukakan maklumat lanjut dan terperinci akan insiden yang berlaku supaya pihak AirAsia dapat menyasat perkara ini dan tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Seperti mana amalan syarikat penerbangan yang lain, kelewatan *check in* adalah mengundang risiko tidak dibenarkan masuk sebab itulah seorang penumpang diminta datang dua jam lebih awal bagi memastikan syarikat penerbangan mempunyai cukup masa untuk membuat persediaan penerbangan dan memastikan mereka mematuhi *on time performance* dan mengelak *consequential delay*.

Yang Berhormat Tangga Batu juga ada membangkitkan berkaitan dengan keengganan AirAsia untuk berpindah ke KLIA 2. Yang Berhormat Tangga Batu, untuk makluman Yang Berhormat, kita berharap supaya AirAsia tidak akan mengadakan apa-apa alasan untuk tidak berpindah ke KLIA 2 apabila projek tersebut siap sepenuhnya kelak. Saya akan sambung.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, sebenarnya disambung dua minit itu tadi Yang Berhormat atas ihsan ataupun budi bicara Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan 12(3).

Yang Berhormat, sebab belum habis lagi, jadi kita sambung esok hari *prime time* untuk Menteri Pengangkutan menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 23 Mac 2011.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 10.33 malam.***